



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2024





LAPORAN TAHUNAN 2024



KANDUNGAN

SIDANG PENGARANG		IV
CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA		V
VISI & MISI		VI
BAB 1	STATUS KESIHATAN	1
BAB 2	PENGURUSAN	11
BAB 3	KEWANGAN	47
BAB 4	KESIHATAN AWAM	63
BAB 5	PERUBATAN	127
BAB 6	PENYELIDIKAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL	187
BAB 7	KESIHATAN PERGIGIAN	259
BAB 8	FARMASI	277
BAB 9	KESELAMATAN & KUALITI MAKANAN	289
BAB 10	PEMBANGUNAN	307
BAB 11	AUDIT DALAM	313
BAB 12	UNIT KOMUNIKASI KORPORAT	317
BAB 13	DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA	325
BAB 14	PENASIHAT UNDANG-UNDANG	333
BAB 15	INTEGRITI	337
BAB 16	PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)	341
BAB 17	MAJLIS PELANCONGAN KESIHATAN MALAYSIA (MHTC)	347
BAB 18	PROTECTHEALTH	353
BAB 19	MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM)	361
BAB 20	CLINICAL RESEARCH MALAYSIA (CRM)	367
BAB 21	PUSAT KECEMERLANGAN KESIHATAN MENTAL KEBANGSAAN (NCEMH)	375
GLOSARI		383
JAWATANKUASA EDITORIAL		394

SIDANG PENGARANG

DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB (PENGERUSI)

Ketua Pengarah Kesihatan

DATO' SRI ZHRUL HAKIM BIN ABDULLAH

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

DATUK AZAH HANIM BINTI AHMAD

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

DATO' INDERA DR. NOR AZIMI BINTI YUNUS

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

DR. ISMUNI BIN BOHARI

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

DATUK DR. NOR FARIZA BINTI NGAH

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

DR. FAUZIAH BINTI AHMAD

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)

DR. AZUANA BINTI RAMLI

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

TS. ZAILINA BINTI ABDUL MAJID

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)


DR. ENNA BINTI MOHD HANAFIAH

Pengarah Bahagian Perancangan

DR. NURAIDAH BINTI MOHD MARZUKI (SEKRETARIAT)

Timbalan Pengarah, Pusat Informatik Kesihatan (PIK)

CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Tarikh kemas kini: 3 Jun 2025
Silalah rujuk laman web rasmi KKM untuk carta organisasi terkini

VISI

Negara menggembleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik

MISI

Misi Kementerian Kesihatan Malaysia adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

Untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:

- o mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
- o menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
- o mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka

Untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi, iaitu:

- o mengutamakan pelanggan
- o saksama
- o tidak membebankan
- o cekap
- o wajar mengikut teknologi
- o boleh disesuaikan mengikut persekitaran
- o inovatif

Dengan menekankan:

- o sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
- o sifat menghormati maruah insan
- o penglibatan masyarakat

BAB

1

**STATUS
KESIHATAN**

PENGENALAN

Rakyat Malaysia hari ini secara umumnya adalah lebih sihat dan berkemampuan untuk lebih produktif. Tahap kesihatan menyeluruh yang dicapai merupakan salah satu petunjuk kejayaan negara. Kesihatan yang baik membolehkan rakyat Malaysia mengecapi kehidupan yang sejahtera dan bermakna. Tambahan pula, kesihatan yang baik menyumbang kepada kemakmuran dan kestabilan sosial secara keseluruhan.

STRUKTUR PENDUDUK

Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2024 dianggarkan seramai 34.1 juta orang dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan sebanyak 1.93%. Jumlah penduduk pada 2024 menunjukkan peningkatan seramai 0.7 juta berbanding 33.4 juta pada 2023. Taburan penduduk mengikut negeri menunjukkan bahawa Selangor mencatatkan jumlah penduduk paling ramai iaitu seramai 7.4 juta, manakala Wilayah Persekutuan (WP) Labuan merekodkan jumlah penduduk paling rendah seramai 0.1 juta, yang ditunjukkan dalam **Jadual 1.1**. Sabah mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk tahunan tertinggi sebanyak 3.96%, sementara Sarawak mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk tahunan terendah iaitu 0.61% seperti dalam **Rajah 1.1**.


Jadual 1.1 Bilangan Penduduk mengikut Negeri di Malaysia Tahun 2023-2024

Negeri	Bilangan Penduduk ('000)	
	2023	2024
Johor	4,107.2	4,184.4
Kedah	2,189.3	2,217.1
Kelantan	1,859.8	1,887.9
Melaka	1,028.3	1,046.7
Negeri Sembilan	1,224.9	1,239.5
Pahang	1,643.2	1,667.7
Pulau Pinang	1,772.6	1,800.5
Perak	2,541.2	2,569.4
Perlis	293.1	296.8
Selangor	7,209.7	7,362.7
Terengganu	1,210.0	1,231.5
Sabah	3,596.7	3,742.0
Sarawak	2,502.3	2,517.5
WP Kuala Lumpur	2,005.7	2,067.5
WP Labuan	99.0	100.8
WP Putrajaya	118.8	120.3
MALAYSIA	33,401.8	34,052.1

Nota:

- Anggaran penduduk pertengahan tahun 2023 dan 2024 adalah berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020).
- Jumlah mungkin berbeza disebabkan pembundaran angka.

Sumber: Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 1.1 Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan mengikut Negeri di Malaysia Tahun 2023-2024


Nota:

1. Anggaran penduduk pertengahan tahun 2023 dan 2024 adalah berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020).
2. Jumlah mungkin berbeza disebabkan pembundaran angka.

Sumber: Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada tahun 2024, penduduk lelaki di Malaysia melebihi perempuan iaitu masing-masing 17.9 juta dan 16.2 juta dengan nisbah jantina sebanyak 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Penduduk yang berada dalam umur bekerja, iaitu penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun ialah seramai 23.9 juta atau 70.16% daripada jumlah keseluruhan penduduk, manakala penduduk umur muda dan tua masing-masing ialah 7.6 juta (22.17%) dan 2.6 juta (7.66%).

Nisbah tanggungan ialah bilangan penduduk dalam kumpulan umur muda dan umur tua yang perlu ditanggung bagi setiap 100 orang dalam kumpulan umur bekerja. Nisbah tersebut terbahagi kepada nisbah tanggungan jumlah, nisbah tanggungan umur muda dan nisbah tanggungan umur tua. Pada tahun 2024, nisbah tanggungan jumlah ialah 42.52, nisbah tanggungan umur muda ialah 31.60 manakala nisbah tanggungan umur tua ialah 10.92.



Rajah 1.2 Statistik Utama Penduduk Malaysia Tahun 2024

Nota:

1. Anggaran penduduk pertengahan tahun adalah berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020).
2. Jumlah mungkin berbeza disebabkan pembundaran angka.

Sumber: Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia


STATUS KESIHATAN

Status kesihatan diukur melalui keadaan kesihatan individu dan penduduk secara keseluruhannya. Ianya boleh diukur melalui beberapa petunjuk kesihatan seperti status jangkaan hayat ketika lahir, kematian dan morbiditi.

JANGKAAN HAYAT KETIKA LAHIR

Jangkaan hayat merupakan umur (tahun) seseorang dijangka akan dapat hidup pada permulaan umur tertentu. Jangkaan hayat ketika lahir merupakan bilangan tahun seorang bayi yang baru lahir akan hidup, jika corak kematian pada masa kelahirannya tetap sama sepanjang hayat.

Pada tahun 2024, jangkaan hayat bayi ialah 75.2 tahun, meningkat daripada 74.0 tahun berbanding tahun sebelumnya. Situasi yang sama juga dilihat bagi jangkaan hayat lelaki dan perempuan ketika lahir iaitu masing-masing 73.0 tahun dan 77.8 tahun. Peningkatan jangkaan hayat ini disebabkan oleh jumlah kematian menurun pada tahun 2023 dan berbanding 2021 dan 2022 semasa pandemik COVID-19 seperti dalam **Rajah 1.3**.



Rajah 1.3 Jangkaan Hayat Ketika Lahir Malaysia Tahun 2012-2024

Nota:

- ^p Data permulaan
- ^e Data anggaran


Sumber: Jadual Hayat Ringkas 2022-2024, Jabatan Perangkaan Malaysia

KEMATIAN

Data kematian merupakan sumber yang berguna dalam pengukuran tahap kesihatan. Data ini menunjukkan tahap kesihatan komuniti secara komprehensif kerana ia melibatkan setiap individu.

Trend kadar kematian kasar (CDR), kadar kematian neonatal (NMR), kadar kematian bayi (IMR) dan nisbah kematian ibu bersalin (MMR) di Malaysia bagi tempoh 1990 hingga 2023 adalah seperti dalam **Rajah 1.4**. CDR telah merekodkan penurunan daripada 6.3 pada tahun 2022 kepada 5.9 bagi setiap 1,000 penduduk pada 2023. IMR dan MMR juga menunjukkan trend menurun berbanding tahun sebelumnya iaitu IMR merekodkan penurunan daripada 6.8 kepada 6.7 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup manakala MMR menurun daripada 26.2 kepada 25.7 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup.

Walau bagaimanapun, NMR menunjukkan trend yang berbeza dengan peningkatan kepada 4.3 bagi tahun 2023 berbanding 4.2 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada 2022. Trend bagi kadar kematian lain ditunjukkan dalam **Jadual 1.2**.



Rajah 1.4 Kadar Kematian di Malaysia Tahun 1990-2023

Sumber: Perangkaan Penting Malaysia 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.2 Kadar Kematian di Malaysia Tahun 2015-2023


Petunjuk	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Kadar kematian kasar (setiap 1,000 penduduk)	5.0	5.1	5.3	5.3	5.4	5.2	6.9	6.3	5.9
Kadar kelahiran mati (setiap 1,000 kelahiran)	4.4	5.2	5.4	5.5	5.3	5.1	5.0	5.0	4.8
Kadar mortaliti perinatal (setiap 1,000 kelahiran)	7.7	8.3	8.7	8.9	8.4	8.0	8.2	8.2	7.9
Kadar mortaliti neonatal (setiap 1,000 kelahiran hidup)	4.3	4.2	4.4	4.6	4.1	3.9	4.1	4.2	4.3
Kadar mortaliti bayi (setiap 1,000 kelahiran hidup)	6.9	6.7	6.9	7.2	6.6	5.9	6.1	6.8	6.7
Kadar mortaliti kanak-kanak (setiap 1,000 penduduk berumur 1-4 tahun)	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.3	0.3	0.4	0.4
Kadar mortaliti kurang daripada 5 tahun (setiap 1,000 kelahiran hidup)	8.4	8.1	8.4	8.8	8.1	7.3	7.4	8.6	8.3
Nisbah mortaliti ibu bersalin (setiap 100,000 kelahiran hidup)	23.8	29.1	25.0	23.5	21.1	24.8	68.2	26.0	25.7

Sumber: Perangkaan Penting, Malaysia 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia

MORBIDITI

Status kesihatan sesebuah komuniti diukur berdasarkan kepada morbiditi yang memfokuskan kepada insiden atau penularan penyakit.

Kemasukan ke hospital menunjukkan tahap keseriusan penyakit yang memerlukan rawatan lanjut, penstabilan pesakit atau keperluan pengasingan pesakit untuk mencegah penularan penyakit. Jumlah kemasukan pesakit ke hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencatatkan 2,712,957 pada 2024. Daripada jumlah tersebut, kategori *pregnancy, childbirth and the puerperium* merupakan sebab utama kemasukan ke hospital KKM iaitu 17.22%, diikuti dengan *diseases of the respiratory system* (14.18%) dan *certain infectious or parasitic diseases* (9.80%) seperti dalam **Rajah 1.5**.




Rajah 1.5 10 Sebab Utama Kemasukan ke Hospital KKM Tahun 2024

Nota:

Senarai penyakit adalah berdasarkan chapter grouping, International Classification of Diseases 11th Revision (ICD-11), Version 2022.

Jumlah kematian yang direkodkan di hospital KKM pada 2024 ialah 72,365 kematian yang mana *diseases of the respiratory system* merupakan sebab kematian yang tertinggi iaitu sebanyak 20.08%. Ini diikuti dengan *diseases of the circulatory system* (16.99%) dan *certain infectious and parasitic diseases* (12.81%) seperti dalam **Rajah 1.6**.



Rajah 1.6 10 Sebab Utama Kematian* di Hospital KKM Tahun 2024

Nota:

1. Senarai penyakit adalah berdasarkan chapter grouping, International Classification of Diseases 11th Revision (ICD-11), Version 2022.
2. * Mulai tahun 2014, penentuan penyebab kematian di hospital KKM adalah berdasarkan kepada underlying cause of death seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

FASILITI KESIHATAN DAN PENGGUNAAN FASILITI

Bilangan hospital KKM yang menyediakan perkhidmatan pesakit dalam pada tahun 2024 ialah 150 dengan jumlah 46,855 katil. Jumlah ini terdiri daripada 139 hospital pelbagai jenis dan 11 institusi perubatan khas dengan bilangan katil masing-masing sebanyak 41,209 dan 5,646 katil. *Bed Occupancy Rate* (BOR) untuk hospital dan institusi perubatan khas KKM pada tahun 2024 ialah 72.61% seperti dalam **Jadual 1.3**.

Sehingga 31 Disember 2024, terdapat 1,131 klinik kesihatan (KK), 1,656 klinik desa (KD), 77 klinik kesihatan ibu dan anak (KKIA) dan 205 klinik komuniti (KKom) beroperasi di seluruh negara yang menyediakan perkhidmatan perubatan asas bagi masalah kesihatan dan kecederaan ringan kepada komuniti.

Jadual 1.3 Fasiliti Kesihatan mengikut Jenis, Bilangan Katil Rasmi dan Kadar Penggunaan Katil (BOR) di KKM, 2019-2024

Indikator	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Bilangan Hospital	144	146	146	148	149	150
i. Hospital	135	135	135	137	138	139
ii. Institusi Perubatan Khas	9	11	11	11	11	11
Bilangan Katil Rasmi ¹	42,936	44,117	44,849	45,167	45,964	46,885
i. Hospital	38,131	38,543	39,263	39,581	40,348	41,209
ii. Institusi Perubatan Khas	4,805	5,574	5,586	5,586	5,616	5,646
BOR (%) ¹	70.01	64.72	77.52	69.01	73.25	72.61
Bilangan KK	1,027	1,051	1,057	1,077	1,095	1,131
Bilangan KD	1,771	1,752	1,749	1,722	1,716	1,656
Bilangan KKIA	87	87	86	83	80	77
Bilangan K1M/KKom	286	257	255	239	228	205

Nota:

¹Merujuk kepada bilangan katil rasmi dan BOR di hospital dan Institusi Perubatan Khas KKM

BAB

2

PENGURUSAN

PROGRAM PENGURUSAN

Sektor pengurusan di bawah KKM (KKM) bertanggungjawab dalam merancang dan membangunkan sumber manusia yang kompeten serta memastikan tadbir urus organisasi yang cekap, teratur dan berkesan. Sektor ini terdiri daripada lima bahagian utama di bawah pemantauan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) seperti berikut:

- i. Bahagian Sumber Manusia (BSM)
- ii. Bahagian Pengurusan Latihan (BPL)
- iii. Bahagian Pembangunan Kompetensi (BPK)
- iv. Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
- v. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA (BSM)

BSM melaksanakan skop fungsi pelantikan, pengurusan perkhidmatan, pembangunan organisasi, urusan perjawatan, elaun dan kemudahan di KKM. Peranan tersebut dilaksanakan oleh BSM menerusi tiga (3) cawangan seperti **Rajah 2.1**.



Cawangan Dasar, Saraan dan Perjawatan

- i. Dasar organisasi dan sumber manusia KKM
- ii. Penstrukturan organisasi dan program dibawah KKM
- iii. Urusan perjawatan di ibu pejabat, fasiliti sedia ada, baharu dan dinaik taraf
- iv. Rasionalisasi elaun, insentif dan kemudahan anggota KKM
- v. Pengurusan persatuan/kesatuan dan hubungan majikan-pekerja
- vi. Tadbir urus pangkalan data dan sistem berkaitan sumber manusia KKM



Cawangan Pengurusan Perkhidmatan dan Sokongan

- i. Pengambilan anggota lantikan tetap dan kontrak interim menerusi kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)
- ii. Pengambilan anggota lantikan kontrak (*Contract of Service* dan *Contract for Service*) menerusi kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- iii. Urusan pertukaran dan penempatan anggota di Ibu Pejabat KKM (IPKKM), institusi dan antara negeri
- iv. Urusan perkhidmatan anggota KKM meliputi semakan emolumen, kemudahan, pengurusan cuti dan persaraan anggota



Cawangan Naik Pangkat, Penilaian dan Prestasi

- Dasar kenaikan pangkat dan prestasi anggota KKM
- Urusan penanggungungan kerja, pemangkuan dan kenaikan pangkat anggota KKM
- Pengurusan laluan kerjaya anggota KKM
- Urus setia Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat bagi anggota dalam Kumpulan Pelaksana KKM
- Pemantauan prestasi pengurusan tertinggi di jawatan strategik KKM

Rajah 2.1 Skop Fungsi dan Peranan BSM

KAPASITI SUMBER MANUSIA

KKM merupakan kementerian yang memiliki sumber manusia kedua tertinggi selepas Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehingga 31 Disember 2024, jumlah keseluruhan sumber manusia yang berkhidmat di KKM adalah sebanyak 301,289 pegawai. Jumlah ini merangkumi 270,356 (89.73%) pegawai lantikan tetap dan 30,933 (10.27%) pegawai lantikan kontrak. **Rajah 2.2** menerangkan perincian kapasiti keseluruhan sumber manusia di KKM mengikut kumpulan perkhidmatan.



Rajah 2.2 Kapasiti Sumber Manusia KKM Mengikut Kumpulan Perkhidmatan Tahun 2024

Nota:

- Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah pegawai di gred 9 dan ke atas, termasuk pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan pegawai dalam skim perkhidmatan bersepadu
- Kumpulan Paramedik dan Aukiliari adalah pegawai di gred 1 hingga 8 meliputi skim perkhidmatan dalam bidang separa perubatan
- Kumpulan Pelaksana adalah pegawai dalam lain-lain skim perkhidmatan di gred 1 hingga 8

PENGISIAN PERJAWATAN TETAP

Pada tahun 2024, KKM mempunyai sebanyak 308,472 perjawatan tetap dengan pengisian perjawatan sebanyak 270,356 pegawai. Pengisian kekosongan jawatan di gred lantikan diteruskan menerusi kerjasama dengan SPA. Manakala bagi jawatan di gred kenaikan pangkat, pengisian dibuat menerusi perakuan pemangkuan dan kenaikan pangkat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat. **Jadual 2.1** menerangkan perincian pengisian jawatan tetap di KKM pada tahun 2024.

Jadual 2.1 Pengisian Perjawatan Tetap KKM Tahun 2024

Skim Perkhidmatan	Pengisian Jawatan
Pakar Perubatan	8,341
Pakar Pergigian	512
Pegawai Perubatan	30,190
Pegawai Pergigian	4,429
Pegawai Farmasi	9,743
Jururawat	70,234
Penolong Pegawai Perubatan	16,664
Skim Perkhidmatan di bawah Profesion Kesihatan Bersekutu	26,304
Lain-lain skim perkhidmatan	103,939
Jumlah	270,356

PELANTIKAN PETUGAS KONTRAK UNTUK KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

Pada tahun 2024, sebanyak 30,933 pegawai daripada pelbagai skim perkhidmatan telah dilantik secara kontrak. Pelantikan secara kontrak ini dibuat kerana obligasi KKM mengikut akta profesion bagi latihan siswazah atau khidmat wajib bagi keperluan perkhidmatan kepakaran dan kesinambungan perkhidmatan di fasiliti KKM. **Jadual 2.2** menerangkan perincian lantikan kontrak di KKM pada tahun 2024.

Jadual 2.2 Pelantikan Pegawai KKM Secara Kontrak Tahun 2024

Skim Perkhidmatan	Jumlah Lantikan
Pelantikan kerana Keperluan Perkhidmatan Kepakaran	
Pakar Perubatan	18
Pakar Pergigian	1
Pelantikan atas Keperluan Akta untuk Latihan Siswazah dan Khidmat Wajib	
Pegawai Perubatan	13,519
Pegawai Pergigian	2,514
Pegawai Farmasi	2,958
Pelantikan kerana Membantu Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan	
Pegawai Psikologi (Kaunseling)	197
Pegawai Sains	112
Pegawai Kesihatan Persekitaran	60
Pegawai Optometri	14
Pegawai Penyelidik	1
Penolong Pegawai Perubatan	4,099
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	945

Skim Perkhidmatan	Jumlah Lantikan
Juruteknologi Makmal Perubatan	918
Pembantu Pembedahan Pergigian	489
Juru X-ray Perubatan (Diagnostik)	200
Jurupulih Perubatan (Carakerja)	185
Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)	166
Juruteknologi Pergigian	103
Penolong Jurutera	50
Pembantu Awam	11
Pegawai <i>Contract of Service</i> di IPKKM	2
Personel MySTEP	4,371
Jumlah	30,933

SKIM PERKHIDMATAN DI KKM

Menerusi Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuatkuasa pada 1 Disember 2024, jumlah skim perkhidmatan di KKM adalah sebanyak 86 skim perkhidmatan berbanding 100 skim perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM). Penambahbaikan skim perkhidmatan di bawah SSPA dibuat menerusi penggabungan skim perkhidmatan sedia ada dan juga tukar lantik skim perkhidmatan yang dijumlahkan kepada skim perkhidmatan berkuat kuasa di bawah SSPA. Skim perkhidmatan di KKM mengikut kategori perkhidmatan seperti dalam **Rajah 2.3**.




Rajah 2.3 Skim Perkhidmatan Mengikut Kategori Perkhidmatan

Nota:

Skim Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan melaksanakan skop tugas perubatan, kesihatan, klinikal dan penyampaian perkhidmatan kepada pesakit

PERTAMBAHAN PERJAWATAN TETAP

Pada tahun 2024, KKM telah menerima sebanyak 16,332 jawatan tambahan baharu, peningkatan sebanyak 22.92% berbanding dengan tahun 2023. Dalam tempoh 2020-2024, sebanyak 51,093 jawatan tambahan baharu meliputi pelbagai skim perkhidmatan telah diwujudkan di KKM. Pertambahan ini diterima berikutan terdapat keperluan tambahan perjawatan di fasiliti kesihatan sedia ada, fasiliti kesihatan yang dinaik taraf dan juga fasiliti baharu yang siap dibina. **Rajah 2.4** menerangkan perincian pertambahan jawatan KKM dalam tempoh lima (5) tahun.



Rajah 2.4 Pertambahan Jawatan Tetap KKM 2020-2024

PENEMPATAN PEGAWAI KKM DI KEMENTERIAN LAIN

KKM juga mempunyai komitmen untuk membantu kementerian lain menerusi perkhidmatan sokongan kesihatan yang dilaksanakan oleh agensi atau institusi di bawah kementerian tersebut. Sehingga 31 Disember 2024, KKM telah menempatkan sebanyak 2,542 pegawai jawatan kader di kementerian lain meliputi 161 pegawai dalam kumpulan pengurusan dan profesional, 1,305 pegawai dalam kumpulan paramedik dan auksiliari serta 1,076 pegawai dalam kumpulan pelaksana.

Jadual 2.3 Penempatan Pegawai Kader KKM di Kementerian Lain Tahun 2024

Kementerian	Pegawai Perubatan	Jururawat	Jururawat Masyarakat	Penolong Pegawai Perubatan	Pembantu Perawatan Kesihatan	Lain-Lain	Jumlah
MINDEF	-	462	146	121	189	82	1,000
KPWKM	-	25	67	8	788	58	946
KDN	56	12	1	216	52	58	395
KESUMA	21	28	-	-	-	2	51
JPM	1	-	-	2	-	46	49
KPM	-	5	-	5	7	24	41
KPKT	-	-	-	-	-	27	27
KPT	-	-	-	17	-	-	17
KBS	-	-	-	4	3	1	8
NRECC	-	-	-	-	-	5	5
KKDW	-	-	-	-	-	3	3
Jumlah	78	532	214	373	1,039	306	2,542

LIBAT URUS KESATUAN DAN PERSATUAN SEKERJA

Platform hubungan majikan-pekerja seperti Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan juga sesi libat urus dengan wakil kesatuan atau persatuan merupakan medium dua hala, di mana pihak pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi KKM.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan, KKM perlu memastikan komunikasi dua hala dilaksanakan secara berkala bagi menyantuni isu berbangkit yang dihadapi oleh pegawai. Antara sesi libat urus utama melibatkan persatuan dan kesatuan sekerja pada tahun 2024 adalah:

- i. Sesi perbincangan hala tuju skim perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan bersama Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia dan Kesatuan Kebangsaan Pembantu Perawatan Kesihatan Semenanjung Malaysia pada 14 Mac 2024 di IPKKM.
- ii. Sesi libat urus Kesatuan Pembantu Pembedahan Pergigian Semenanjung Malaysia dan BSM pada 2 Mei 2024 di IPKKM.
- iii. Konvensyen Kesatuan Sekerja KKM Tahun 2024 pada 12-13 Ogos 2024 di Kuching, Sarawak.
- iv. Sesi libat urus bersama Kesatuan Penolong Pegawai Rekod Perubatan Semenanjung Malaysia pada 27-29 Ogos 2024 di Langkawi.
- v. Sesi libat urus SSPA bersama Kesatuan Sekerja dalam KKM pada 29 Oktober 2024 di IPKKM.
- vi. MBJ di IPKKM, JKN, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan hospital pada setiap suku tahun 2024.



Imej 2.1 Konvensyen Kesatuan Sekerja KKM Tahun 2024



Imej 2.2 Sesi Libat Urus Kesatuan Sekerja KKM Tahun 2024

KENAIKAN PANGKAT DAN PENGURUSAN PRESTASI

KKM menghargai komitmen dan sumbangan pegawai dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan di setiap peringkat. Semua pegawai KKM akan dinilai menerusi Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) untuk disaring bagi pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). APC merupakan penghargaan kerajaan kepada pegawai KKM yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang berdasarkan prestasi tahunan pegawai. Bagi tahun 2024, sebanyak 8% daripada keseluruhan pegawai KKM telah diberikan Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan insentif bernilai RM1,000.

Selain APC, pegawai KKM yang sedang berkhidmat juga diberikan peluang kemajuan kerjaya menerusi pemangkuan dan kenaikan pangkat. Pada tahun 2024, sebanyak 17,953 pegawai terlibat dalam urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat. **Rajah 2.5** menerangkan perincian urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat pegawai KKM mengikut kumpulan perkhidmatan pada tahun 2024.



Rajah 2.5 Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat KKM Tahun 2024

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (HRMIS)

HRMIS menyediakan platform terkini, terbuka dan fleksibel bagi memenuhi keperluan pengurusan sumber manusia di KKM. KKM sentiasa komited memastikan HRMIS digunakan di semua peringkat KKM, dari IPKKM ke fasiliti terkecil di kawasan luar bandar dan pedalaman. Bagi tahun 2024, KKM telah menerima penarafan lima (5) bintang daripada JPA bagi KPI HRMIS dengan pencapaian 98.39%.

BENGKEL PENGUKUHAN PROSES KERJA DAN PEMANTAPAN SUMBER MANUSIA KKM

Pada 23-25 Mei 2024, BSM telah menganjurkan Bengkel Pengukuhan Proses Kerja dan Pemantapan Sumber Manusia KKM di Putrajaya. Bengkel ini melibatkan penyertaan daripada ketua program, ketua profesion, wakil JKN dan pengarah hospital. Bengkel ini dilaksanakan bagi membincangkan penambahbaikan urusan perkhidmatan pegawai perubatan siswazah, pengukuhan proses kerja perkhidmatan kesihatan dan adaptasi teknologi dalam pengurusan data sumber manusia KKM.



Imej 2.3 Bengkel Pengukuhan Proses Kerja dan Pemantapan Sumber Manusia KKM

PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) DI KKM

SSPA dilaksanakan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 yang berkuatkuasa pada 1 Disember 2024. Pengenalan SSPA adalah sebahagian daripada Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam yang dilaksanakan berdasarkan falsafah ganjaran menyeluruh merangkumi skim perkhidmatan, urusan perkhidmatan, gaji, elaun, kemudahan, persaraan dan faedah persaraan ke arah peningkatan motivasi, prestasi dan produktiviti perkhidmatan awam.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan SSPA bagi 270,356 pegawai lantikan tetap di KKM, antara inisiatif yang telah dilaksanakan BSM adalah seperti berikut:

- i. Menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan SSPA bagi menyelaraskan, mengatur strategi dan memantau pelaksanaan SSPA khususnya dalam tempoh opsyen selama 40 hari mulai 21 Oktober sehingga 30 November 2024.
- ii. Mengaktifkan Bilik Gerakan SSPA bagi memudahkan pegawai lantikan tetap KKM mendapatkan penjelasan yang jelas, cepat dan tepat secara masa nyata mengenai SSPA.
- iii. Membangunkan portal SSPA menerusi laman web rasmi KKM bagi meningkatkan lagi akses kepada maklumat yang tepat serta memberikan penjelasan menyeluruh mengenai SSPA kepada pegawai lantikan tetap KKM.



Imej 2.4 Sesi Libat Urus Pekeliling Perkhidmatan SSPA bersama JPA Tahun 2024

BSM juga melaksanakan sesi libat urus secara bersemuka bagi membantu pegawai lantikan tetap KKM mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam berkaitan sebarang persoalan atau kekeliruan mengenai SSPA. Antara SLU yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- i. Sesi libat urus Pekeliling Perkhidmatan SSPA bersama JPA pada 26 September 2024
- ii. Hari Bertemu Pelanggan KKM - *Pocket Talk* SSPA pada 3 Oktober 2024
- iii. Sesi libat urus SSPA di tujuh (7) zon seluruh negara pada 7-22 Oktober 2024
- iv. Sesi libat urus SSPA bersama Kesatuan Sekerja dalam KKM pada 29 Oktober 2024



Imej 2.5 Sesi Libat Urus SSPA Tahun 2024


BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN (BPL)

BPL memainkan peranan strategik dalam memperkukuh modal insan bagi KKM melalui rangka kerja latihan yang tersusun. Bahagian ini menguruskan pelbagai program latihan dalam perkhidmatan dan pra perkhidmatan untuk meningkatkan kecekapan serta keupayaan profesional penjagaan kesihatan. Selain itu, bahagian ini juga mengendalikan peruntukan latihan dalam perkhidmatan di bawah bajet pembangunan (DE). Peranan utama BPL seperti yang berikut:


- i. Program Pengajian Kepakaran
 - Mengurus Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi pegawai perubatan dan pergigian untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana, PhD, atau kepakaran dalam bidang tertentu.
 - Melaksanakan Program *Parallel Pathway* sebagai laluan alternatif kepada pegawai perubatan untuk memperoleh kelayakan kepakaran.
- ii. Program Latihan Pra Perkhidmatan
 - Menyelaraskan pengambilan pelatih bagi program latihan asas di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) sebelum diserap ke dalam sektor kesihatan.
- iii. Peningkatan Kompetensi dan Latihan Lanjutan
 - Menawarkan Program Diploma Lanjutan dan Sijil Pascasiswazah dalam bidang kritikal dan klinikal untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja kesihatan di ILKKM.

PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN DAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR

BPL bertanggungjawab mengurus dan melaksanakan program melanjutkan pengajian dalam bidang kepakaran, PhD dan Sarjana untuk semua profesional serta anggota kesihatan dan sains kesihatan bersekutu di bawah KKM. Inisiatif ini bertujuan memastikan pengurusan program pendidikan lanjutan dilaksanakan secara berkesan selaras dengan objektif strategik untuk memperkukuh kepakaran dan pembangunan modal insan dalam sektor kesihatan. Kemudahan cuti belajar yang disediakan kepada pegawai Skim Bukan Gunasama lantikan KKM adalah menerusi program seperti yang berikut:



Rajah 2.6 Program Penajaan, Peringkat Pengajian dan Kumpulan Sasar



Rajah 2.7 Kemudahan CBBP dan HLP untuk Pegawai Perubatan dan Pergigian

Bagi sesi 2024/2025, sebanyak 1,396 pegawai perubatan telah ditawarkan untuk mengikuti Program Sarjana Perubatan manakala 372 pegawai lagi ditawarkan untuk mengikuti Program *Parallel Pathway*. Seterusnya 77 pegawai pergigian ditawarkan mengikuti program Sarjana Pergigian manakala 116 pegawai KKM daripada pelbagai skim ditawarkan mengikuti program bukan kepakaran di peringkat Sarjana atau Ph.D. Bagi Kumpulan Pelaksana Skim Bukan Gunasama pula, sebanyak 55 pelaksana telah diluluskan kemudahan Cuti Belajar Separuh Gaji untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama.

Iklan penawaran kemudahan cuti belajar dengan penajaan biasiswa bagi Program Sarjana Perubatan, Parallel Pathway dan Subkepakaran sesi 2025/2026 telah diiklankan melalui Sistem eHLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>) pada 23 September hingga 20 Oktober 2024. Sejumlah 4,774 permohonan telah diterima mengikut jenis program kepakaran iaitu Sarjana Perubatan (3,737), *Parallel Pathway* (419) dan Subkepakaran (618).



Imej 2.6 Sesi Taklimat Program Kemudahan Cuti Belajar dengan Tajaan Biasiswa Tahun 2024/2025

PROGRAM LATIHAN PRA PERKHIDMATAN

Pengambilan pelatih Program Latihan Pra Perkhidmatan dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setiap tahun pada sesi Januari dan Julai di ILKKM. Sebanyak 4,942 pelatih telah melapor diri berbanding 3,530 pelatih pada tahun 2023 dengan peningkatan sebanyak 40%. Inisiatif ini bertujuan untuk melengkapkan bakal profesional kesihatan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi memenuhi permintaan sektor kesihatan yang semakin meningkat. Maklumat pengambilan pelatih Program Pra Perkhidmatan bagi tahun 2024 adalah seperti pada **Rajah 2.8**.

 TAHUN 2024 4,942 Pelatih Lapor Diri	MAKLUMAT LATIHAN	JANUARI (11 Program)	JULAI (14 Program)	JUMLAH
	Tawaran	2,497	2,851	5,348
	Lapor Diri	2,334	2,608	4,942

Rajah 2.8 Pengambilan Pelatih Program Latihan Pra Perkhidmatan Tahun 2024

PROGRAM LANJUTAN


Program Lanjutan merupakan latihan dalam perkhidmatan yang ditawarkan kepada anggota paramedik dan auksiliari kesihatan dari agensi kerajaan, badan berkanun dan juga institusi kesihatan swasta di peringkat Sijil Pos Basik dan Diploma Lanjutan bagi meningkatkan kompetensi pegawai dalam bidang pengkhususan atau kepakaran tertentu. Permohonan dan pengambilan pelatih Program Lanjutan pada tahun 2024 seperti dalam **Rajah 2.9**.



Rajah 2.9 Pengambilan Pelatih Program Lanjutan Tahun 2024

ISTIADAT KONVOKESYEN ILKKM TAHUN 2024

Istiadat Konvokesyen ILKKM Tahun 2024 bertemakan *Graduan ILKKM Pemangkin Kelestarian Kesihatan MADANI* telah diadakan di tiga (3) zon melibatkan 5,253 graduan.



Rajah 2.10 Istiadat Konvokesyen ILKKM Tahun 2024



Sesi Penyerahan Skrol oleh Menteri Kesihatan kepada Graduan




Sesi Penyerahan Anugerah Graduan Cemerlang Zon Sabah oleh Timbalan Menteri Kesihatan kepada Graduan

Imej 2.6 Majlis Istiadat Konvokesyen ILKKM Tahun 2024

PELAN STRATEGIK TRANSFORMASI ILKKM KEPADA KOLEJ UNIVERSITI


Pelan Strategik Tranformasi ILKKM kepada kolej universiti bertujuan meningkatkan kualiti dan pengiktirafan pendidikan kesihatan di Malaysia. Inisiatif ini dirancang bagi menaik taraf status ILKKM agar sejajar dengan piawaian pendidikan tinggi sambil mengekalkan peranannya sebagai institusi utama dalam melahirkan profesional kesihatan yang berkemahiran tinggi. Dengan menaik taraf ke kolej universiti, ILKKM akan dapat menawarkan program akademik bertaraf lebih tinggi, termasuk diploma lanjutan, ijazah sarjana muda dan pengajian pascasiswazah dalam bidang khusus.

Fasa Penarafan Star Rating Centre of Excellence (CoE) ILKKM



Rajah 2.11 Pelan Strategik Transformasi ILKKM

BPL mempergiatkan sesi libat urus dengan pemegang taruh bagi pelaksanaan sepenuhnya transformasi ILKKM sebagai kolej universiti secara berperingkat mulai tahun 2025. Sesi libat urus ini bertujuan menyebarkan hasrat BPL serta memperkukuh perancangan dengan penglibatan atau sumbangan idea daripada pihak luar. Sebanyak lapan (8) sesi libat urus telah dilaksanakan melibatkan beberapa pihak seperti berikut:



Rajah 2.12 Siri Libat Urus bersama Pemegang Taruh



Imej 2.7 Sesi Libat Urus bersama dengan Pemegang Taruh NCEMH

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI (BPK)

Pelaksanaan kursus yang dianjurkan oleh BPK adalah bertujuan untuk memastikan anggota KKM dilengkapi dengan kompetensi yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan baik. Bagi tahun 2024, BPK telah melaksanakan sebanyak 130 kursus dengan penyertaan sebanyak 8,201 orang peserta. Pecahan penganjuran kursus berdasarkan unit-unit di BPK adalah seperti berikut:

Jadual 2.4 Penganjuran Kursus oleh BPK pada Tahun 2024

Unit	Bilangan Kursus		Bilangan Peserta
	Secara Fizikal	Secara Maya	
Dasar dan Pembangunan	3	5	90
Pembangunan Eksekutif	8	9	306
Profesional dan Etika	6	11	2,380
Kepimpinan dan Pengurusan	9	6	1,315
Governan dan Integriti	3	11	2,600
Inovasi dan Kualiti	11	8	453
Digital dan Teknologi	9	12	582
Peperiksaan Subjek Jabatan	-	11	209
Pentadbiran dan Kewangan	-	8	266
Jumlah	49	81	8,201

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMPETENSI PENGARAH HOSPITAL KKM

Program Pembangunan Kompetensi Pengarah Hospital KKM telah diadakan pada 22 Oktober 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Program ini adalah anjuran bersama BPK, Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP), Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam (BPKA), Bahagian Sumber Manusia (BSM), Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) dan Institut Pengurusan Kesihatan (IHM).

Program ini telah melibatkan seramai 200 peserta terdiri daripada Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah Hospital, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri dan Timbalan Pengarah Hospital seluruh Malaysia.

Antara pengisian program adalah sesi ceramah dan Bicara Eksekutif. Sesi ceramah dimulai oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang bertajuk Integriti dan Rasuah (Jenayah Kolar Putih). Seterusnya, ceramah daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkenaan Inventori Kesejahteraan Holistik (IKH). Dalam masa yang sama, peserta telah menjalani ujian psikometrik yang dikendalikan oleh JPA sebelum menghadiri program.

Acara kemuncak adalah sesi Bicara Eksekutif oleh Ketua Setiausaha KKM bertajuk Transformasi Kepimpinan. Program ini juga telah disempurnakan dengan kata aluan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan).



Imej 2.8 Program Pembangunan Kompetensi Pengarah Hospital KKM Tahun 2024

PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT (TDP)

TDP telah dianjurkan sejak tahun 2018 yang dikhususkan untuk semua pegawai KKM gred 41-52. Pelaksanaan TDP ini bertujuan meningkatkan ketahanan diri warga KKM dalam menghadapi cabaran dan kekangan dalam menyampaikan perkhidmatan awam yang berkualiti.

Tema TDP Kohort 6 pada tahun 2024 adalah *ESG Leadership: Accelerating Sustainability Transformation for Emerging Leaders*. Tema ini dipilih kerana ia selaras dengan kepentingan rangka kerja *Environmental, Social and Governance* (ESG) dalam perkhidmatan awam. Program ini telah dilaksanakan mengikut modul secara hibrid pada 3 Mac hingga 25 Oktober 2024 dengan penglibatan sebanyak 30 peserta yang terdiri daripada pegawai gred 48-52 daripada 13 skim perkhidmatan.

Sehingga kini, program tahunan ini telah dilaksanakan sebanyak enam (6) kohort yang melibatkan sebanyak 166 peserta gred 41-52. Daripada jumlah tersebut, 80 peserta terdiri daripada gred 41-44 (Kohort 1, 3 dan 5) manakala 86 peserta merupakan pegawai gred 48-52 (Kohort 2, 4 dan 6). Sejumlah lebih daripada 20 skim perkhidmatan di KKM telah terlibat sepanjang program ini dilaksanakan.



Imej 2.9 Talent Development Programme Kohort 6

HEALTHCARE EXCELLENCE AND LEADERSHIP PROGRAMME (HEAL)

BPK berperanan untuk merancang dan menyelaras pelaksanaan kursus kepimpinan, penyeliaan dan pengesahan gred jawatan dalam kalangan pegawai kanan KKM. Antara kursus yang dilaksanakan adalah kursus HEAL dengan kerjasama University of Melbourne-Melbourne Business School (MBS) yang telah dihadiri oleh 25 pegawai.



Imej 2.10 *Healthcare Excellence and Leadership Programme Tahun 2024*

PROGRAM MICRO-CREDENTIAL (MCP)

MCP merupakan salah satu pendekatan pembelajaran sepanjang hayat yang menawarkan sijil profesional yang telah diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) kepada universiti awam (UA) dan universiti swasta (IPTS) terpilih. Pada tahun 2024, BPK telah melaksanakan MCP dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Antarabangsa UNITAR (UNITAR) dan Universiti MONASH Malaysia (MONASH) berdasarkan topik Pengurusan dan Kesihatan Digital sebagai fokus utama. Sejumlah 115 pegawai kumpulan pengurusan dan profesional gred 44-56 telah berjaya diakreditasi dengan Sijil *Micro-Credential*.



Imej 2.11 *Program Micro-Credential Tahun 2024*

TAKLIMAT KONSEP MALAYSIA MADANI PERKHIDMATAN AWAM (MMPA)

Pada tahun 2024, seramai 274 warga KKM telah menyertai Taklimat Konsep MMPA pada 15 Oktober 2024 dan 12 November 2024 secara dalam talian dengan perincian berikut:



Rajah 2.13 Bilangan Peserta Taklimat Konsep MMPA

CERTIFIED PROFESSIONAL COACH (CPC)

Kursus CPC memasuki tahun kedua pelaksanaannya oleh BPK pada 2024. Kursus ini bertujuan melahirkan *Professional Coach* dalam kalangan penjawat awam untuk memupuk budaya coaching di tempat kerja, meningkatkan potensi diri, keyakinan dan kompetensi pegawai melalui komunikasi berkesan.

Bagi kohort 2024, 19 peserta daripada 23 pegawai KKM menyertai kursus ini akan ditauliahkan sebagai *Professional Coach* pada 16 Januari 2025 di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara. Mereka akan bertindak sebagai Duta *Coaching* dan disenaraikan sebagai *Professional Coach* perkhidmatan awam di bawah INTAN, yang mana perkhidmatan mereka ini boleh ditawarkan kepada semua pegawai, di semua kementerian.



Imej 2.12 Kursus CPC Kohort 2024 di INTAN Bukit Kiara

KURSUS PEMANDUAN AMBULANS

BPK telah melaksanakan dua (2) Siri Kursus Pemanduan Ambulans KKM bagi tahun 2024 iaitu Kursus Siri 1 dengan kerjasama JKN Sarawak pada 1-5 Julai 2024 di Sibu, Sarawak, manakala Siri 2 dengan kerjasama JKN Kelantan pada 5-9 Ogos 2024 di Pasukan Gerakan Am (PGA) Pengkalan Chepa, Kelantan. Sebanyak 60 peserta telah menghadiri kedua-dua siri kursus ini yang menyasarkan pemandu ambulans lantikan baharu dan yang belum menghadiri kursus pemanduan ambulans berhemah.

Kursus ini dilaksanakan secara amali dan praktikal yang mana latihan amali di dalam kelas dan latihan praktikal di lapang litar. Dalam kursus ini, peserta didedahkan kepada 12 modul meliputi pemahaman, pengetahuan dan kemahiran kompetensi pemanduan ambulans yang berhemah, ini termasuk kesihatan psikososial pemandu ambulans. Tenaga pengajar yang terlibat dalam kursus ini adalah daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), doktor pakar perunding kecemasan dan pegawai psikologi klinikal.



Imej 2.13 Kursus Pemanduan Ambulans MOH Tahun 2024

BUSINESS PROCESS REENGINEERING (BPR)

BPR di KKM merujuk kepada pendekatan sistematik untuk menganalisis, merancang semula, dan meningkatkan proses kerja sedia ada dalam perkhidmatan kesihatan. Berikut adalah proses kerja baharu yang telah direka bentuk semula melalui proses BPR bagi tahun 2024:

- i. Pengeluaran Sijil Kelulusan Iklan Ubat dan Iklan Perkhidmatan (Program Perkhidmatan Farmasi)
- ii. Permohonan Pra-Penubuhan Kemudahan atau Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) selain klinik swasta (Bahagian Amalan Perubatan)
- iii. Pengiktirafan Hospital Rakan Bayi di Hospital Kerajaan dan Swasta (Bahagian Pemakanan)
- iv. Peningkatan Kecekapan dalam Pembangunan Baharu Aplikasi Dalaman KKM (Bahagian Pengurusan Maklumat)
- v. Pendaftaran Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari (Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari)



Imej 2.14 Bengkel *Business Process Reengineering* Tahun 2024

TRAIN THE TRAINER (TTT)

BPK berperanan untuk merancang dan menyelaraskan pelaksanaan kursus kepimpinan, penyeliaan dan pengesahan gred jawatan dalam kalangan pegawai kanan KKM. Antara kursus yang dilaksanakan adalah bengkel TTT hasil kerjasama dengan INTAN. Objektif pelaksanaan adalah untuk memperkasa kompetensi penceramah dalaman KKM.



Imej 2.15 Bengkel *Train the Trainer* Tahun 2024

COLOURED BRAIN COMMUNICATION (CBC)

Kursus CBC merupakan kursus generik berbentuk *blended learning* yang baharu dianjurkan oleh BPK. Kursus ini telah dianjurkan bermula pada tahun 2024 dengan penglibatan sebanyak 60 peserta daripada gred 41-52 yang terdiri daripada 24 skim perkhidmatan di KKM.

CBC adalah sebuah model untuk memahami cara individu berfikir dan bertindak berdasarkan warna tertentu yang mewakili gaya pemikiran individu. Teori warna dalam konteks CBC mengklasifikasikan cara berfikir individu ke dalam empat (4) warna utama iaitu merah (berorientasikan tindakan dan hasil), biru (berfokus pada hubungan dan interaksi sosial), ungu (analitikal dan terperinci) dan hijau (kreatif dan berfikir secara holistik). Setiap warna melambangkan corak komunikasi yang berbeza dan unik, membentuk struktur, kesimpulan, halangan dan penyelesaian. Secara tidak langsung, CBC membolehkan individu memahami gaya pemikiran yang pelbagai, mengurangkan konflik dan memperbaiki komunikasi harian.



Imej 2.16 Kursus CBC Tahun 2024

PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN

BPK telah melaksanakan sebanyak dua (2) siri Peperiksaan Subjek Jabatan bagi tahun 2024. Peperiksaan Subjek Jabatan Siri 1/2024 telah diadakan pada 21 Mac 2024 manakala pada Siri 2/2024, peperiksaan telah diadakan pada 12 September 2024 bertempat di tiga (3) pusat peperiksaan iaitu WP Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak.



Imej 2.17 Peperiksaan Subjek Jabatan Tahun 2024



Rajah 2.14 Prestasi Keseluruhan Peperiksaan Subjek Jabatan Tahun 2024

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)

PENGURUSAN KEWANGAN

BKP bertanggungjawab ke atas peruntukan Program Pengurusan IPKKM dengan peruntukan sebanyak RM2.047 bilion. Prestasi perbelanjaan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024 adalah 100%. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan mengikut aktiviti adalah seperti berikut:


Jadual 2.5 Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Mengikut Aktiviti bawah Program Pengurusan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024

Aktiviti	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
Pengurusan IPKKM	817,913,113.65	817,913,113.65
Sumber Manusia	16,646,653.73	16,646,653.73
Kewangan	636,761,706.37	636,761,706.37
Latihan	518,014,512.03	518,014,512.03
Teknologi Maklumat	52,055,237.80	52,055,237.80
Pembangunan Kompetensi	5,884,631.39	5,884,631.39
Jumlah	2,047,275,854.97	2,047,275,854.97

PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET

Unit Perolehan dan Pengurusan Aset bertanggungjawab dalam urusan berkaitan pengurusan aset kerajaan, perolehan bagi Pejabat Anggota Pentadbiran, Pengurusan Tertinggi dan BKP (termasuk Pejabat Penasihat Undang-Undang, Unit Integriti dan Unit Komunikasi Korporat). Selain itu, unit ini turut menguruskan perihal penyelenggaraan bagi bangunan IPKKM, Kompleks E, Putrajaya dan di Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur. Pencapaian mengikut setiap aktiviti bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:

Perolehan



	Jumlah Perolehan	Amaun (RM)
Pembelian Terus	87	11,326,443.38
Sebut Harga	19	1,727,643.31
Tender	7	3,557,590.20

Pengurusan Aset



Pendaftaran Aset

7,514 Unit

Pemeriksaan Aset

100%

Penyelenggaraan Bangunan



Penyelenggaraan Bangunan IPKKM Kompleks E, Putrajaya

- Pengurusan Fasiliti
- Sistem Kehadiran Berkomputer (eTAMS)



Penyelenggaraan Bangunan IPKKM Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur

- Penyelenggaraan dan Operasi Sistem Penyaman Udara serta Sistem Pencegah Kebakaran
- Penyelenggaraan dan Pembaikan Sistem Pemasangan Elektrikal Secara Berkala
- Perkhidmatan Landskap
- Perkhidmatan Kawalan Serangga Perosak dan Cucian Pejabat



Perkhidmatan Cucian Pejabat dan Kawalan Serangga Perosak

- IPKKM, Presint Diplomatik, Putrajaya
- IPKKM, Menara Prisma, Putrajaya
- IPKKM, PERKIM, Kuala Lumpur



Bilangan aduan yang diselesaikan di Kompleks E dan Jalan Cenderasari

1,385 aduan

Rajah 2.15 Aktiviti Unit Perolehan dan Pengurusan Aset Tahun 2024

KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Unit Keselamatan bertanggungjawab merancang, merumus, mengurus, menyelaraskan dan melaksanakan keselamatan perlindungan di KKM secara holistik, disamping memberi khidmat nasihat, memantau dan menguatkuasakan undang-undang, peraturan serta arahan kepada jabatan dan fasiliti-fasiliti bawah KKM. Selain itu, unit ini turut menguruskan aspek keselamatan di bangunan IPKKM, Kompleks E, Putrajaya dan Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur. Pencapaian mengikut setiap aktiviti bagi tahun 2024 adalah seperti di bawah:

KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Sistem Kawalan Keselamatan



- Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV)
- Sistem Pegurusan Kad Akses (CAMS)
- Sistem Pengurusan Pelawat (VMS)



- Perakuan Akta Rahsia Rasmi (Semakan dan Pindaan 2017) setiap tahun



- Penggunaan Laporan Sistem Pegawai Bertugas secara digital


Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

- IPKKM Kompleks E (MYJ Security Sdn. Bhd.)
- IPKKM Jalan Cenderasari (MUAZ Force Sdn. Bhd.)

PENGELUARAN PELEKAT KENDERAAN 2024-2026



PENGELUARAN PAS KESELAMATAN 2024



Rajah 2.16 Pencapaian Unit Keselamatan Tahun 2024

CAWANGAN PENGURUSAN AM

Cawangan Pengurusan Am menguruskan hal ehwal pengurusan sumber manusia di IPKKM, urusan pentadbiran logistik dan menyediakan khidmat nasihat dari aspek protokol, psikologi dan hal ehwal Islam berdasarkan kepada keperluan semasa di KKM. Ringkasan program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh unit bawah Cawangan Pengurusan Am sepanjang tahun 2024 adalah seperti berikut:




Rajah 2.17 Program dan Aktiviti Unit Pengurusan Sumber Manusia Tahun 2024

Program Penghayatan Nilai-nilai Islam (PNI)	Pengurusan	Kursus	Sinergi
• Penghayatan Nilai-nilai Islam & Sambutan Hari Kebesaran Islam • Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (MTAQ) peringkat KKM kali ke-33 • Majlis Khatam al-Quran Perdana • Bacaan Yasin, al-Kahfi & tazkirah setiap Jumaat • Bacaan doa & Pesanan Pagi IPKKM • Program Solat Sunat Tasbih IPKKM	• Majlis Perjumpaan Pengurusan Tertinggi KKM bersama Petugas Haji Perubatan KKM • Poster Kalam UHEI • Penyelarasan kuliah zohor harian & aktiviti-aktiviti surau • Lawatan kerja UHEI ke hospital-hospital KKM • Bacaan doa majlis rasmi KKM	• Kursus Kompetensi Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) • Kursus Pengurusan Jenazah • Kursus Taranum Tilawah al-Quran peringkat IPKKM dan KKM	• Program Pensijilan Hospital Mesra Ibadah (HMI) • Pembangunan garis panduan pengurusan jenazah • Pelaksanaan <i>on the job training</i> eksekutif PHEI • Program sukarelawan rakan masjid hospital • Kursus psikospiritual Islam • Pengumpulan tudung terpakai peringkat IPKKM • Calon pengamal pengubatan Islam dibentang dalam mesyuarat Lajnah Pengawalseliaan Pengubatan Islam (LAJPII)

Rajah 2.18 Program dan Aktiviti Unit Hal Ehwal Islam Tahun 2024

Sub Unit Pentadbiran Am	Sub Unit Penyelarasan	Sub Unit Kenderaan	Sub Unit Protokol
• Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 oleh Menteri Kesihatan • Majlis Perhimpunan Bulanan Bulan Mac, Jun & November Tahun 2024 • Majlis Sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2024 Peringkat KKM • Penganugerahan Penarafan Lima Bintang & Anugerah Khas bagi Pertandingan Jiwa Merdeka Antara Kementerian Tahun 2024	• Sijil Penghargaan Pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan Tahun 2023 mengikut ketetapan bilangan dan tempoh daripada KPPA • 2,024 Ahli Lembaga Pelawat Hospital yang telah dilantik sehingga 31 Disember 2024 • Keurusetiaan Kontinjen Perkhidmatan Awam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2024 • 100% isu maklum balas SISPAA BKP dapat diselesaikan pada tahun 2024	• Penyertaan Program “Susunan Terpanjang Kenderaan @ 50 WP” sempena 50 tahun Wilayah Persekutuan • Saiz fleet kenderaan SPANCO KKM tahun 2024: CA1: 354 unit; CA2: 788 unit	• Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina pada 20 Februari 2024 • Majlis Ihya’ Ramadan pada 22 Mac 2024 • Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 29 April 2024 • Kursus Protokol & Etiket Sosial pada 29 September 2024 • Majlis Sambutan Deepavali pada 20 November 2024 • Majlis Malam Mesra Kenangan pada 5 Disember 2024

Rajah 2.19 Program dan Aktiviti Unit Pentadbiran Tahun 2024




Rajah 2.20 Program dan Aktiviti Unit Psikologi Kaunseling Tahun 2024



Imej 2.18 Pengiktirafan Penilaian Penarafan Bintang dan Anugerah Khas bagi Pertandingan Jiwa Merdeka antara Kementerian 2024

PENGURUSAN SUMBER MAKLUMAT


Unit Sumber Maklumat menyediakan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat untuk kemudahan anggota KKM. Program dan aktiviti unit adalah seperti di bawah:




Rajah 2.21 Program dan Aktiviti Unit Sumber Maklumat Tahun 2024

PENGURUSAN REKOD

Unit Pengurusan Rekod bertanggungjawab dalam pengurusan rekod di KKM termasuk memantau pelaksanaan *Digital Document Management System* (DDMS) serta fail peribadi anggota KKM. Ringkasan program dan aktiviti unit ini seperti yang berikut:



Rajah 2.22 Program dan Aktiviti Unit Pengurusan Rekod Tahun 2024



Rajah 2.23 Pencapaian Program Pengurusan Rekod Tahun 2024

KUALITI & PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

INOVASI DAN KUALITI

Anugerah Government Tech Prize 12 Januari 2024 Mesyuarat Penyelarasan Kursus MS ISO 9001:2015 PPIPCKM 24 Januari 2024	Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pemandu Inovasi Bil. 1/2024 2 Mei 2024 Bengkel Pemurnian Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 PPIPCKM 28-30 Mei 2024 Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Bil. 1/2024 10 Jun 2024	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi Bil. 1/2024 31 Julai 2024 Innovathon Musim 2 31 Julai 2024 Inisiatif Pembudayaan Inovasi 21-23 Ogos 2024 Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pemandu Inovasi Bil. 2/2024 12 September 2024 Lawatan Industri ke Aerodyne Group 13 September 2024	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Bil. 2/2024 21 Oktober 2024 Quality and Safety in Healthcare, Australia 6-8 November 2024 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi Bil. 2/2024 18 November 2024
--	---	---	---

Rajah 2.24 Program Inovasi dan Kualiti Tahun 2024

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Inisiatif bawah Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM) KKM Tahun 2024

Unit KPI menyelaraskan pelaporan enam (6) inisiatif bawah KSMM Tahun 2024 bagi KKM secara berkala kepada Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).



Rajah 2.25 Inisiatif KSMM Tahun 2024

Mesyuarat Semakan Pertengahan Tahun KPI Tahun 2024 Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 1, Tier 2 dan Tier 3, KKM

BKP merupakan urus setia Mesyuarat Semakan Pertengahan Tahun PPTPA Tier 1, Tier 2 dan Tier 3 (Sektor Pengurusan) KKM bagi Tahun 2024 yang telah dipengerusikan oleh KSU pada 23 September 2024.

TUGAS KHAS & EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Program MADANI Rakyat (PMR) di Enam (6) Zon Seluruh Malaysia dan Program Dua (2) Tahun bersama Kerajaan MADANI

BKP bertanggungjawab sebagai sekretariat induk peringkat KKM bagi penyertaan dalam PMR di enam (6) Zon seluruh Malaysia sepanjang tahun 2024 dan Program Dua (2) Tahun bersama Kerajaan MADANI yang telah diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 22-24 November 2024. Program ini dihadiri dan dirasmikan oleh Perdana Menteri.

Pelancaran Buku Garis Panduan EKSA KKM Edisi 2024

Garis Panduan EKSA KKM Edisi 2024 telah dibangunkan selaras dengan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2022 dan telah dilancarkan oleh Menteri Kesihatan pada 20 November 2024.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM)


PELUASAN SISTEM MAKLUMAT HOSPITAL

Sejajar dengan usaha pendigitalan Rekod Perubatan Elektronik (EMR), Sistem Maklumat Hospital (HIS) dan sub sistem *Central Sterile Supply Services Information System* (CenSSIS), *Radiology Information System* (RIS@KKM) dan *Picture Archiving and Communication System* (PACS) telah diperluaskan secara berperingkat di fasiliti KKM. Peluasan HIS@KKM di Hospital Sultan Ismail dilaksanakan bagi menggantikan sistem maklumat hospital legasi yang merangkumi seluruh wad, jabatan, klinik dan makmal mulai 30 Oktober 2024. Manakala, sistem *Enterprise Management* (EM HIS) di Hospital Sungai Buloh telah dinaik taraf daripada versi 5.x kepada 12.x pada 12 Mac 2024.



Imej 2.19 Pelaksanaan HIS@KKM di Hospital Sultan Ismail

Di samping itu, PACS telah diperluaskan ke empat (4) buah hospital di bawah Hospital Kluster Ipoh yang melibatkan Hospital Raja Permaisuri Bainun, Hospital Sungai Siput, Hospital Kampar dan Hospital Batu Gajah. PACS telah dilaksanakan mulai 15 Julai 2024 yang membolehkan perkongsian maklumat radiologi secara digital antara hospital tersebut.




Imej 2.20 Pelaksanaan PACS di Hospital Kluster Ipoh

Pelaksanaan RIS@KKM versi *standalone* mula beroperasi di Jabatan Radiologi, Hospital Tengku Ampuan Afzan pada 1 Januari 2024 bagi menyokong pelaksanaan perkhidmatan kesihatan yang lebih efektif dan cekap.

BPM telah mengambil langkah proaktif menggunakan kepakaran dan bakat teknikal dalam sepenuhnya untuk melaksanakan CenSSIS secara *coaching* bagi Hospital Sultan Idris Shah (HSIS) dan Hospital Sungai Buloh. Sistem ini telah digunakan di Unit Bekalan Bahan Steril (CSSU), Pusat Jantung HSIS pada 2 Disember 2024. Pelaksanaan CenSSIS di Hospital Sungai Buloh dan mesyuarat *kick-off* telah diadakan pada 14 Mei 2024.

BPM juga telah memberi khidmat nasihat rundingan pengurusan projek berkaitan penyediaan Dokumen Permulaan Projek bagi projek pembangunan Sistem Maklumat Forensik (FrIS) di Institut Perubatan Forensik Negara mulai 2 April 2024 hingga 29 Mei 2024.

Secara keseluruhannya, peluasan ini dilaksanakan seiring dengan hala tuju pendigitalan kesihatan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan perawatan dan penjagaan kesihatan (*continuity of care*) yang lebih efisien dan *end-to-end*. Ringkasan bagi peluasan HIS pada tahun 2024 seperti dalam **Rajah 2.26**.



Rajah 2.26 Peluasan Sistem Maklumat Hospital Tahun 2024

DEVOPS UNTUK EPLACEMENT

Inisiatif DevOps di KKM bermula pada Tahun 2023 dengan sokongan latihan daripada Jabatan Digital Negara (JDN). DevOps menekankan kolaborasi yang efektif di antara pasukan pembangun perisian dan pasukan operasi Teknologi Maklumat (IT) bagi menghasilkan sistem yang berkualiti menggunakan alatan (*tools*) yang terkini dan menyokong pembangunan aplikasi secara *cloud native*. Bagi menjayakan inisiatif ini, Sistem Pemilihan Penempatan Pegawai Perubatan, Pergigian dan Farmasi (ePlacement) telah dipilih sebagai sistem rintis yang dibangunkan sepenuhnya menggunakan kepakaran dalaman. Ahli pasukan bagi projek ini terdiri daripada pegawai BPM dan Bahagian Sumber Manusia (BSM).

Sebanyak 26 siri bimbingan dan latihan oleh JDN telah dilaksanakan melibatkan 25 pegawai bermula 8 November 2023 hingga 7 Mei 2024. Pembangunan ePlacement juga dilaksanakan serentak semasa sesi tersebut. Sebagai menghargai kerjasama JDN, satu majlis penghargaan telah diadakan pada 26 Ogos 2024. Pada majlis yang berprestij ini, telah berlangsung sesi penyampaian sijil penghargaan kepada pihak JDN serta barisan ahli pasukan DevOps ePlacement sebagai tanda penghargaan atas sumbangan dan dedikasi mereka.

Selain itu, pasukan projek ePlacement juga telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan mempamerkan hasil pembangunan ePlacement dalam Seminar DevOps anjuran JDN di Hotel Tenera Bangi pada 3 September 2024. Hasil kerjasama semua pihak, ePlacement telah berjaya dilancarkan pada 19 September 2024 bermula dengan pemilihan penempatan Pegawai Farmasi (Kontrak) diikuti pemilihan pegawai lantikan tetap pada 5-11 November 2024.

Susulan kejayaan pelaksanaan DevOps bagi sistem ePlacement, BPM merancang untuk mengembangkan inisiatif ini kepada sistem dalaman lain yang akan dibangunkan pada tahun 2025. Selain itu, BPM juga merancang untuk menempatkan ePlacement di persekitaran KKMCloud@CFA menjelang akhir tahun 2025 bagi memanfaatkan sepenuhnya teknologi pengkomputeran awan dan proses pemilihan yang lebih dinamik dan memenuhi jangkaan semua pihak pemegang taruh.



Imej 2.21 Ahli Pasukan DevOps ePlacement



Imej 2.22 Majlis Penghargaan DevOps bersama dengan JDN

NAZIRAN PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT

Naziran Pengurusan Keselamatan Maklumat di KKM bertujuan untuk menilai dan memantau pematuhan ke atas akta, dasar, pekeliling dan arahan yang sedang berkuat kuasa. Aktiviti ini amat penting dalam memastikan pengurusan keselamatan maklumat dijalankan dengan berkesan berdasarkan Standard Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013. Selain daripada penilaian pematuhan, ia juga berfungsi sebagai medium untuk meningkatkan kesedaran dan memberikan pendedahan tentang amalan terbaik dalam pengurusan keselamatan *Information & Communications Technology* (ICT).

Naziran Pengurusan Keselamatan Maklumat memainkan peranan penting dalam mengekalkan dan meningkatkan rangka kerja keselamatan maklumat dalam KKM. Usaha yang berterusan dalam menilai dan mempromosikan amalan terbaik memastikan fasiliti KKM mematuhi ISMS ISO/IEC 27001:2013 dan menyediakan persekitaran yang selamat untuk pengurusan maklumat. Pada tahun 2024, sebanyak lima (5) naziran telah dilaksanakan melibatkan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P), JKN Sarawak, JKN Johor, JKN Perlis dan JKN Pahang.



Imej 2.23 Naziran Pengurusan Keselamatan Maklumat di JKWPKL&P



Imej 2.24 Naziran Pengurusan Keselamatan Maklumat di JKN Sarawak



Imej 2.25 Naziran Pengurusan Keselamatan Maklumat di JKN Pahang

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN SPESIFIKASI PERALATAN RANGKAIAN ICT KKM

Garis Panduan Penyediaan Spesifikasi Peralatan Rangkaian ICT KKM diwujudkan untuk memberi panduan asas kepada agensi dan fasiliti KKM dalam menyediakan spesifikasi peralatan secara umum bagi mewujudkan keseragaman infrastruktur rangkaian ICT di KKM. Pewujudan garis panduan ini penting sebagai dokumen sumber rujukan bagi penentuan spesifikasi peralatan rangkaian ICT dalam menjamin kebolehcapaian rangkaian serta penjimatan sumber KKM.

Garis panduan ini juga mampu membantu pegawai ICT di fasiliti yang memerlukan khidmat nasihat berkaitan penyediaan spesifikasi peralatan rangkaian ICT secara asas dalam proses penyediaan dokumen perolehan. BPM telah mengadakan bengkel yang turut dihadiri oleh wakil JDN, JKN, fasiliti kesihatan dan institusi terpilih bagi mendapatkan idea dan pandangan untuk memperhalusi garis panduan.

Pada Mei 2024, garis panduan ini telah disemak dan disahkan oleh JDN. Seterusnya, pada 2 September 2024, garis panduan ini telah mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC) KKM Bil. 6 Tahun 2024.

Pada 5 September 2024, garis panduan ini secara rasminya telah diedarkan kepada semua fasiliti kesihatan untuk rujukan dan panduan dalam penyediaan spesifikasi peralatan rangkaian bagi tujuan perolehan.



Imej 2.26 Garis Panduan Penyediaan Spesifikasi Peralatan Rangkaian ICT KKM

BAB

3

KEWANGAN

BAHAGIAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan KKM ditadbir urus oleh Bahagian Kewangan yang bertanggungjawab mengurus belanjawan dan hasil serta kepatuhan kepada polisi dan dasar kewangan kementerian. Bahagian ini terdiri daripada tiga (3) cawangan iaitu Cawangan Dasar Kewangan, Cawangan Pengurusan Hasil dan Cawangan Pengurusan Belanjawan.

PENGURUSAN BELANJAWAN

KKM telah diperuntukkan sebanyak RM41.22 bilion pada tahun 2024 merangkumi RM35.15 bilion untuk Peruntukan Belanja Mengurus (B42) dan RM6.07 bilion untuk Peruntukan Belanja Pembangunan (P42).

PRESTASI BAJET MENGURUS 2024

Pada tahun 2024, KKM telah membelanjakan RM33.96 bilion (96.61%) daripada jumlah keseluruhan peruntukan belanja mengurus. Peruntukan bagi Program Perubatan merupakan agihan peruntukan tertinggi sebanyak RM14.15 bilion (40.25%). Peruntukan dan perbelanjaan mengikut program pada tahun 2024 ialah seperti dalam **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1 Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus mengikut Program Tahun 2024

Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
Perubatan	14,153,378,308	14,019,785,759
Program Khusus	8,044,523,300	7,357,139,915
Kesihatan Awam	6,415,729,100	6,381,635,570
Pengurusan	2,569,856,800	2,270,639,330
Dasar Baru	123,000,000	122,256,605
Komitmen Kewangan	1,800,000,000	1,785,825,493
Kesihatan Pergigian	1,256,323,711	1,250,913,138
Penyelidikan & Sokongan Teknikal	424,009,289	410,233,084
Perkhidmatan Farmasi	246,354,400	244,140,605
Keselamatan & Kualiti Makanan	117,006,892	114,646,776
Jumlah	35,150,181,800	33,957,216,274

KEMUDAHAN PERUBATAN PESARA AWAM PERSEKUTUAN DAN VETERAN BERPENECEN

Bermula 1 Jun 2017, KKM telah mengambil alih fungsi dan peranan pengurusan berkaitan kemudahan perubatan pesara awam persekutuan dan veteran berpenecen serta ahli keluarga yang berkelayakan. Pengambilalihan fungsi ini turut melibatkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) yang melibatkan fungsi serta peranan yang berikut:

- i. Penyelarasan peruntukan rawatan perubatan pesara awam persekutuan
- ii. Pemprosesan tuntutan bayaran balik ubat, alat perubatan dan rawatan kecemasan
- iii. Pelantikan panel dialisis untuk pesara
- iv. Lain-lain urusan berkaitan kemudahan rawatan perubatan pesara awam persekutuan dan veteran berpenecen

Bagi 2024, peruntukan berjumlah RM590.53 juta telah diagihkan bagi menampung perbelanjaan rawatan perubatan pesara di fasiliti kesihatan KKM, hospital universiti, Hospital Angkatan Tentera dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP). Sebanyak 419 panel dialisis telah dilantik pada 2024 dan ini menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 662 panel dialisis yang telah dilantik oleh KKM untuk rawatan dialisis pesara.

PENGURUSAN HASIL

Pada 2024, KKM telah merekodkan kutipan hasil keseluruhan sebanyak RM1.12 bilion. Kutipan fi perubatan adalah penyumbang terbesar kutipan hasil dengan RM571.34 juta atau 50.86% daripada jumlah keseluruhan hasil kutipan. **Jadual 3.2** menunjukkan kutipan hasil mengikut klasifikasi.


Jadual 3.2 Kutipan Hasil mengikut Klasifikasi Tahun 2024

Kod	Kod Klasifikasi	Amaun (RM)	(%)
71000	Lesen Bayaran Pendaftaran & Permit	33,398,064.19	2.97
72000	(i) Kutipan Fi Perubatan	571,342,203.27	50.86
	(ii) Lain-lain (fi bukan perubatan)	67,499,628.08	6.01
73000	Perolehan dari Jualan Barang-barang	6,151,801.62	0.55
74000	Sewaan	46,001,337.33	4.09
75000	Faedah & Perolehan dari Pelaburan	405,353.31	0.04
76000	Denda & Hukuman	163,518,364.04	14.55
77000	Sumbangan dan Bayaran Ganti daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan	10,879,342.36	0.97
80000	Pelbagai Terimaan	224,193,561.75	19.96
Jumlah		1,123,389,655.95	100.00

Pada 2024, jumlah keseluruhan tunggakan fi perubatan ialah RM40.89 juta atau 7.16% daripada kutipan hasil fi perubatan berjumlah RM571.34 juta. 82.51% daripada jumlah keseluruhan tunggakan fi perubatan adalah tunggakan fi bagi pesakit bukan warganegara Malaysia. Rekod kutipan hasil dan tunggakan fi perubatan mengikut status kewarganegaraan adalah seperti dalam **Jadual 3.3**, manakala **Rajah 3.1** menunjukkan jumlah kutipan hasil dan tunggakan fi perubatan bagi tempoh 2020-2024.

Jadual 3.3 Kutipan dan Tunggakan Fi Perubatan di bawah Perintah Fi (Perubatan) mengikut Status Kewarganegaraan Tahun 2024

Kewarganegaraan	Tunggakan Fi		Kutipan Fi	
	(RM)	(%)	(RM)	(%)
Warganegara Malaysia	7,149,700.83	17.49	286,257,400.09	50.10
Bukan Warganegara Malaysia	33,743,883.54	82.51	285,084,803.18	49.90
Jumlah	40,893,584.37	100.00	571,342,203.27	100.00




Rajah 3.1 Kutipan Hasil dan Tunggakan Fi Perubatan Tahun 2019-2023

KEMPEN GO CASHLESS KKM

Inisiatif kempen pembayaran tanpa tunai KKM telah bermula pada Oktober 2022 dan diluaskan pada tahun 2024. Kempen *Go Cashless KKM* yang dilancarkan pada Jun 2023 yang melibatkan pelbagai aktiviti promosi dan sesi libat urus bersama orang awam di fasiliti KKM di seluruh negara, telah diteruskan pada tahun 2024 dengan pelaksanaan kempen *Go Cashless 2.0*. Hasilnya, KKM telah mencatatkan peningkatan yang signifikan dalam transaksi pembayaran tanpa tunai di semua fasiliti KKM pada tahun 2024.

Jumlah transaksi *ePayment* telah meningkat daripada 1.32 juta transaksi pada Januari 2024 kepada 1.92 juta transaksi pada Disember 2024 iaitu meningkat daripada 62.97% kepada 75.50%. Peningkatan jumlah transaksi *ePayment* berbanding transaksi konvensional (tunai dan cek) sepanjang tahun 2024 ialah seperti dalam **Rajah 3.2**.



Rajah 3.2 Transaksi *ePayment* Berbanding Konvensional Tahun 2024


BANTUAN KEWANGAN DAN GERAN

TABUNG BANTUAN PERUBATAN (TBP)

TBP telah bermula sejak 2005 dan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta ditadbir urus berdasarkan Surat Ikatan Amanah, Garis Panduan TBP dan peraturan semasa yang berkuat kuasa. Objektif TBP adalah untuk membantu pesakit kurang berkemampuan untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan dan peralatan perubatan termasuklah ubat-ubatan di hospital KKM dan hospital universiti awam. **Rajah 3.3** menunjukkan jumlah peruntukan TBP, bilangan pesakit dan jumlah kelulusan TBP dari tahun 2005-2024. Pada 2024, jumlah penerima manfaat TBP ialah 4,667 melibatkan 24 disiplin berbeza seperti **Rajah 3.4**.



Rajah 3.3 Peruntukan TBP Tahun 2005-2024



Rajah 3.4 Kelulusan TBP mengikut Disiplin Tahun 2024

PROGRAM SUBSIDI KOS RAWATAN HEMODIALISIS DAN SUNTIKAN ERYTHROPOIETIN (EPO)

Sejak diperkenalkan pada 1 April 2001, subsidi kos rawatan hemodialisis dan suntikan EPO telah diberikan kepada pesakit buah pinggang yang miskin dan kurang berkemampuan bagi mendapatkan rawatan di pusat hemodialisis milik NGO. Bantuan subsidi kos rawatan hemodialisis diberikan sebanyak RM100 bagi setiap rawatan hemodialisis manakala subsidi bagi setiap suntikan EPO adalah bernilai RM18.50.


Jumlah subsidi rawatan keseluruhan bagi seorang pesakit yang merangkumi rawatan hemodialisis dan suntikan EPO ialah berjumlah RM1,640.50 sebulan. Jumlah kumulatif pesakit yang telah menerima bantuan subsidi rawatan pada tahun 2024 ialah sebanyak 1,661 pesakit. Jumlah peruntukan pada 2024 ialah sebanyak RM27.08 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM23.56 juta. Jumlah bilangan NGO yang telah berdaftar di bawah subsidi ini ialah sebanyak 63 NGO melibatkan 138 pusat dialisis seperti dalam **Rajah 3.5**.



Rajah 3.5 Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Program Subsidi Kos Rawatan Hemodialisis dan Suntikan EPO Tahun 2023

BANTUAN KEWANGAN KEPADA NGO

Peruntukan bantuan kewangan kepada NGO ialah sebanyak RM2.50 juta dengan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM2.40 juta. Ini melibatkan pemberian bantuan kepada 19 NGO untuk penjagaan paliatif (RM1.73 juta), 13 NGO untuk rawatan tuberkulosis (RM0.42 juta) dan 22 NGO untuk promosi kesihatan (RM0.25 juta). Jumlah peruntukan dan perbelanjaan bantuan kewangan kepada NGO bagi tahun 2024 seperti dalam **Rajah 3.6**.



Rajah 3.6 Peruntukan dan Perbelanjaan Bantuan Kewangan kepada NGO Tahun 2024

Secara keseluruhannya, jumlah perbelanjaan bagi TBP, Subsidi Kos Rawatan Hemodialisis dan bantuan kewangan kepada NGO bagi 2019-2024 seperti dalam **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4 Perbelanjaan dan Bilangan Penerima Manfaat di bawah Bantuan Perubatan KKM Tahun 2019-2024

Jenis Bantuan	Perbelanjaan dan Bilangan Pesakit/NGO					
	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Tabung Bantuan Perubatan (TBP)	RM46.5 juta (4,615 pesakit)	RM40.5 juta (3,330 pesakit)	RM44.2 juta (3,459 pesakit)	RM48.9 juta (3,812 pesakit)	RM63.5 juta (4,588 pesakit)	RM68.9 juta (4,667 pesakit)
Subsidi Kos Rawatan Hemodialisis	RM35.45 juta (2,015 pesakit)	RM33.38 juta (2,339 pesakit)	RM36.44 juta (2,615 pesakit)	RM26.97 juta (2,881 pesakit)	RM24.63 juta (1,894 pesakit)	RM23.56 juta (1,661 pesakit)
Bantuan Kewangan Kepada NGO	RM4.76 juta (66 NGO)	RM3.43 juta (40 NGO)	RM3.13 juta (44 NGO)	RM4.83 juta (81 NGO)	RM2.31 juta (58 NGO)	RM2.4 juta (54 NGO)

BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN (BPPs)

BPPs merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan melaksanakan perolehan, program penswastaan serta pengurusan aset dan stor untuk KKM.

BPPs berperanan sebagai urus setia bagi:

- Lembaga Perolehan Kementerian Kesihatan Malaysia (LPKKM) yang terdiri daripada pegawai kanan kerajaan dan wakil daripada agensi pusat serta agensi teknikal.
- Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) yang mengawal selia pengurusan aset alih dan stor KKM.
- Penerimaan Hadiah Bukan Tunai bagi Kegunaan Jabatan di mana Kuasa Melulus adalah di bawah KSU.

BPPs bertanggungjawab mengurus program penswastaan yang melibatkan perkhidmatan logistik bekalan perubatan, perolehan dan penyelenggaraan peralatan perubatan di klinik KKM, Perkhidmatan Sokongan Hospital dan juga Perkhidmatan Penyeliaan dan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing (FOMEMA). Program penswastaan ini adalah selaras dengan Dasar Penswastaan Negara. Justeru, program ini dipantau rapi dan sentiasa ditambah baik supaya ia mencapai objektif dan output yang dikehendaki. Bahagian ini juga mengawal selia pengurusan stor, inventori dan aset KKM bagi memastikan semua peraturan terpakai sentiasa dipatuhi.

PRESTASI PEROLEHAN KKM

KKM telah melaksanakan perolehan tender berjumlah RM2,834,736,056.00 dan memperoleh penjimatan sebanyak RM130,721,719.80 atau 4.61% pada tahun 2024 yang meliputi perolehan farmaseutikal, peralatan perubatan, perkhidmatan, pakaian seragam (kain), gas perubatan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kenderaan dan bekalan toner. **Jadual 3.5** menunjukkan pencapaian perolehan KKM pada tahun 2024 mengikut kategori.

Selaras dengan dasar pengoptimuman sumber kerajaan, KKM telah memperoleh penjimatan dalam urusan perbelanjaan perolehan bagi memastikan peruntukan yang diterima mencukupi untuk menampung perkhidmatan utama dan keperluan penjagaan pesakit. Ini juga untuk memastikan perkhidmatan kesihatan tidak terjejas. Nilai penjimatan adalah berdasarkan kepada perbandingan antara anggaran harga jabatan dan nilai kontrak yang ditawarkan serta harga rundingan dengan syarikat.

Jadual 3.5 Pencapaian Perolehan KKM Tahun 2024

Kategori	Nilai Perolehan (RM)	Penjimatan (RM)
Farmaseutikal	1,041,787,453.00	1,7953,632.80
Peralatan Perubatan & Kenderaan	452,970,294.00	37,521,172.00
Perkhidmatan	650,557,721.19	18,886,657.86
ICT	99,064,046.80	4,438,755.40
Toner	42,844,710.38	4,688,103.65
Penghantaran Barangan Import (MTO)	9,758,309.13	421,795.87
Gas Perubatan	439,404,144.95	55,740.00
Pakaian Seragam (kain)	98,349,394.56	46,755,862.26
Jumlah	2,834,736,056.00	130,721,719.80

PENGURUSAN PENSWASTAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

BPPs bertanggungjawab untuk mengurus tiga (3) projek penswastaan dan satu (1) projek penyumberluaran perkhidmatan seperti berikut:

Projek penswastaan perkhidmatan:

- Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH)
- Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET)
- Konsesi Perkhidmatan Logistik Bekalan Perubatan - Konsesi Logistik yang menggantikan Konsesi Makmal Ubat dan Stor (bermula 1 Julai 2023)

Projek penyumberluaran:

- Konsesi Perkhidmatan Pengawasan dan Penyeliaan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (FWMES) di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan

Perjanjian Konsesi FWMES telah ditandatangani oleh KKM, Kementerian Dalam Negeri dan syarikat FOMEMA Sdn. Bhd. pada 16 Disember 2023. Perjanjian konsesi ini melibatkan Semenanjung Malaysia dan WP Labuan sahaja. Tujuan pemeriksaan kesihatan pekerja asing secara tahunan antaranya adalah untuk mencegah penularan penyakit berjangkit kepada rakyat Malaysia dan memastikan hanya pekerja asing yang sihat sahaja bekerja di Malaysia. Bagi tahun 2024, sebanyak 2.2 juta pekerja asing telah disahkan menjalani pemeriksaan kesihatan yang diselenggarakan oleh syarikat FOMEMA Sdn. Bhd.

Projek penswastaan perkhidmatan dan penyumberluaran telah memberikan pelbagai manfaat kepada kerajaan. Pelaksanaan projek PSH dan MEET telah membolehkan pengurusan fasiliti dan peralatan biomedikal dapat dilaksanakan secara komprehensif dan menyeluruh. Konsesi Perkhidmatan Logistik Bekalan Perubatan KKM pula telah memudahkan pengurusan logistik bagi pembekalan produk ubat dan bukan ubat ke fasiliti KKM. Pelaksanaan projek FWMES telah membantu KKM memastikan pekerja asing yang sihat sahaja bekerja di Malaysia.

SISTEM ePEROLEHAN (eP)

Penggunaan Sistem eP tahun 2024 mencatatkan nilai transaksi paling tinggi dalam tempoh lima (5) tahun ini dengan nilai keseluruhan berjumlah RM8,302,665,831.00. Pencapaian ini menunjukkan prestasi memberangsangkan di peringkat PTJ yang melaksanakan perolehan sepenuhnya melalui sistem eP daripada proses pengiklanan hingga proses bayaran. Pencapaian prestasi penggunaan sistem eP tahun 2020-2024 ialah seperti dalam **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6 Pencapaian KKM dalam Penggunaan Sistem eP Tahun 2020-2023

Tahun	Jumlah Transaksi	Nilai Transaksi (RM)	Anggaran Peruntukan (RM)	Pencapaian (%)
2020	715,345	5,731,877,322.29	7,000,000,000.00	81.89
2021	695,556	6,601,673,230.00	7,000,000,000.00	94.31
2022	776,779	7,465,679,863.00	6,000,000,000.00	124.43
2023	818,881	7,534,635,105.00	6,000,000,000.00	125.58
2024	841,773	8,302,665,831.00	7,000,000,000.00	118.61

Nota:
Nilai Anggaran Peruntukan (RM) adalah seperti mana yang diisytiharkan kepada pihak MOF pada tahun tersebut.

Sumber: Sistem eP, MOF

Bagi memberi pemahaman yang lebih jelas, KKM telah melaksanakan sesi libat urus dan pemakluman berterusan mengenai penggunaan sistem eP melalui sesi taklimat secara dalam talian dan juga surat edaran kepada semua PTJ. Maklumat mengenai pindaan terkini sistem eP juga dibuat melalui sebaran dalam aplikasi WhatsApp sebagai salah satu medium komunikasi yang pantas dan berkesan.

PENGURUSAN ASET ALIH DAN STOR


Sehingga 31 Disember 2024, jumlah kedudukan semasa aset alih KKM ialah sebanyak 3,057,504 unit dengan nilai perolehan asal berjumlah RM16,878,285,289.62. Nilai keseluruhan baki stok yang disimpan pada 31 Disember 2024 ialah RM877,790,529.43 dengan prestasi pengurusan stor tahun 2024 mencapai 7.25 Kadar Pusingan Stok (KPS). Pembentangan Pelaporan Pengurusan Aset Alih dan Stor KKM dilakukan pada setiap suku tahun untuk disahkan semasa Mesyuarat JKPAK bagi memastikan pematuhan kepada tatacara yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

BAHAGIAN AKAUN (BA)

BA bertanggungjawab memberi khidmat perakaunan yang cekap dan berkualiti dalam memastikan semua urus niaga PTJ diambil kira dengan tepat dan lengkap dalam tempoh masa yang ditetapkan.



PENGURUSAN KEWANGAN

BA bertanggungjawab menyediakan Penyata Kewangan Kementerian (PKK) Pra Peralihan (Lejar Akruan) pada setiap bulan dan PKK tahunan untuk dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). PKK ini disediakan bertujuan bagi melaporkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Nilai Bersih dan Nota kepada Penyata Kewangan. PPK juga mengandungi maklumat prestasi perbelanjaan dan kutipan hasil kementerian. Ringkasan Kedudukan dan Prestasi Kewangan KKM 2024 (Interim) ialah seperti dalam **Rajah 3.7**.



Rajah 3.7 Kedudukan dan Prestasi Kewangan KKM Tahun 2024

Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan Kementerian, aset merekodkan jumlah tertinggi sebanyak RM61.02 bilion, di mana komponen aset Hartanah, Loji & Peralatan merekodkan urus niaga tertinggi iaitu RM59.46 bilion (97.43%). Perbelanjaan pula merekodkan jumlah tertinggi dalam Penyata Prestasi Kewangan Kementerian iaitu RM38.64 bilion. Komponen perbelanjaan tertinggi adalah Gaji, Upahan & Manfaat sebanyak RM22.57 bilion (58.40%). Kedudukan Aset dan Prestasi Perbelanjaan KKM bagi 2024 adalah seperti dalam **Rajah 3.8**.




Rajah 3.8 Kedudukan Aset dan Prestasi Perbelanjaan KKM 2024

Secara keseluruhan, sehingga 31 Disember 2024, Kedudukan Kewangan Kementerian dengan keseluruhan aset terkumpul ialah berjumlah RM61.02 bilion merangkumi liabiliti berjumlah RM1.63 bilion dan ekuiti bernilai RM59.39 bilion. Prestasi Kewangan Kementerian menunjukkan perbelanjaan melebihi hasil iaitu sebanyak RM37.57 bilion. Perbelanjaan terkumpul sehingga 31 Disember 2024 ialah sebanyak RM38.64 bilion, manakala hasil terkumpul berjumlah RM1.07 bilion.

PENGURUSAN PRESTASI BIL

Prestasi keseluruhan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari bagi tahun 2024 mencatatkan kadar 99.99%, melibatkan 2,230,188 bil dengan jumlah pembayaran sebanyak RM15.98 bilion. Sebanyak 95.30% bil dibayar dalam tempoh 0-7 hari, meningkat berbanding 94.26% pada 2022 dan 94.75% pada 2023. Bil lewat melebihi tempoh 14 hari terus mencatat penurunan sebanyak 55.14% sejak 2022, dengan hanya 0.01% (131 bil) bagi tahun 2024, bernilai RM2.17 juta. Secara keseluruhan, prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari kekal konsisten pada kadar 99.99% dari tahun 2022-2024, seperti ditunjukkan dalam **Rajah 3.9**.



Tahun	0-7 Hari	8-14 Hari	>14 Hari	Jumlah Bil
2022	2,091,584	127,114	292	2,218,990
2023	1,981,387	109,635	136	2,091,158
2024	2,125,403	104,654	131	2,230,188

Rajah 3.9 Prestasi Pembayaran Bil dalam Tempoh 14 Hari Tahun 2022-2024

PERSIDANGAN AKAUNTAN KKM

Persidangan Akauntan KKM 2024 telah diadakan pada 22-24 Jun 2024 bertempat di Langkawi. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) dan telah dihadiri seramai 73 akauntan daripada PTJ seluruh Malaysia. Objektif persidangan ini diadakan adalah untuk menyemarakkan nilai positif dalam kalangan akauntan KKM, melengkapkan pegawai dengan kemahiran kepimpinan, keterampilan dan komunikasi yang cemerlang serta menambah pengetahuan dalam meningkatkan tahap profesionalisme semasa menjalankan tugas harian.



Imej 3.1 Persidangan Akauntan KKM Tahun 2024

SESI LIBAT URUS PENGURUSAN PERAKAUNAN DAN KEWANGAN

BA telah melaksanakan 14 Sesi Libat Urus Pengurusan Perakaunan dan Kewangan dengan PTJ KKM di seluruh negeri sepanjang tahun 2024 melibatkan penyertaan Ketua PTJ, Pegawai Perakaunan dan Pegawai Kewangan daripada semua PTJ KKM. Sesi ini adalah platform untuk membincangkan prestasi perakaunan dan isu yang dihadapi semasa melaksanakan tugas perakaunan dan kewangan. Antara perkara yang dibincangkan dalam sesi ini termasuk pengurusan akaun amanah dan deposit; pengurusan dokumen audit terimaan; perakaunan aset; prestasi pembayaran bil dan pelaksanaan pengekoskan serta pengurusan bayaran, terimaan dan hasil penemuan naziran oleh JANM bagi setiap negeri yang terlibat. Sesi ini telah berjaya mencapai objektif dalam meningkatkan kefahaman serta keberkesanan pengurusan perakaunan dan kewangan di peringkat PTJ.



Imej 3.2 Sesi Libat Urus Pengurusan Perakaunan dan Kewangan PTJ Kedah



Imej 3.3 Sesi Libat Urus Pengurusan Perakaunan dan Kewangan PTJ Negeri Sembilan

LATIHAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN BERSAMA PTJ KKM

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 29 sesi latihan kewangan dan perakaunan telah dilaksanakan dengan penyertaan sebanyak 2,087 pegawai. Latihan ini merangkumi kursus dan bengkel yang berkaitan dengan pengurusan akaun amanah dan deposit serta perakaunan pengurusan, perakaunan aset dan pengurusan emolumen.

Taklimat Proses Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2024 telah diadakan secara dalam talian pada 22 November 2024 kepada semua PTJ di IPKKM. Taklimat ini bertujuan untuk memaklumkan tarikh akhir penghantaran dokumen kewangan bagi memastikan kelancaran proses penutupan akaun tahun 2024.



Imej 3.4 Kursus Pengurusan Akaun Deposit PTJ Zon Utara



Imej 3.5 *Kursus Refresher PTJ Based Costing*



Imej 3.6 *Training of Trainers (ToT) Perakaunan Aset dalam iGFMS*

NAZIRAN KHAS ASET TAK ALIH TANAH (ATAT) DAN BANGUNAN (ATAB) TAHUN 2024

Naziran Khas ATAT dan ATAB di PTJ telah dilaksanakan pada Februari hingga Oktober 2024 yang melibatkan 14 negeri. Naziran ini dilaksanakan oleh BA dan Jabatan Akauntan Negeri atau Cawangan (JANC) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan dan JKN.

Pelaksanaan naziran adalah berdasarkan 100% semakan dokumen dan lawatan fizikal ATAT dan ATAB yang dimiliki oleh KKM pada 31 Disember 2023 bertujuan untuk memastikan pemilikan aset dan keberadaan fizikal aset serta nilai aset tanah dan bangunan telah diperakaunkan dalam PKK dengan amaun yang tepat dan disokong oleh dokumen yang lengkap. Jumlah keseluruhan data aset tanah dan bangunan yang disemak adalah berjumlah 7,712 ID Aset.



Imej 3.7 *Mesyuarat Naziran Khas JKN Johor*



Imej 3.8 *Mesyuarat Naziran Khas JKN Pahang*

BAB

4

**KESIHATAN
AWAM**

PROGRAM KESIHATAN AWAM

Program Kesihatan Awam bertanggungjawab membantu individu dan komuniti untuk mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan yang optimum melalui perkhidmatan pencegahan, saringan dan kawalan penyakit, kuratif dan penjagaan rehabilitasi secara integrasi di semua peringkat perkhidmatan kesihatan. Ia juga mempromosikan cara hidup yang sihat supaya menjadi amalan dalam kalangan setiap individu dan masyarakat. Bahagian-bahagian di bawah Program Kesihatan Awam adalah seperti yang berikut:

- i. Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam (BPKA)
- ii. Bahagian Kawalan Penyakit (BKP)
- iii. Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK)
- iv. Bahagian Pemakanan
- v. Bahagian Pendidikan Kesihatan (BPK)

BAHAGIAN PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM (BPKA)

Antara peranan BPKA adalah seperti yang berikut:

- i. Merancang, menyelaras serta memantau penyampaian perkhidmatan kesihatan masyarakat Orang Asli pedalaman melalui Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA) dan Pasukan Doktor Udara (PDU).
- ii. Memastikan pemantauan prestasi pelaksanaan, Sistem Pengurusan Kualiti bagi Program Kesihatan Awam.
- iii. Memastikan perancangan latihan dalam dan luar negara bagi Program Kesihatan Awam.
- iv. Memastikan pematuhan dan kesepaduan polisi yang efektif dan mampan antara dasar kesihatan kebangsaan dengan ketetapan penanda aras dasar kesihatan antarabangsa di arena *World Health Organisation* (WHO), *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN), *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC) dan lain-lain.
- v. Meneliti cadangan keperluan peruntukan dan perolehan bagi vaksin yang bukan di bawah Program Imunisasi Kebangsaan, bukan ubat dan reagen di Kesihatan Awam.
- vi. Memastikan aktiviti penguatkuasaan di lapangan dilaksanakan.

AGENDA ORANG ASLI SIHAT SEJAHTERA (OASS)

Setelah lebih sedekad mengambil tanggungjawab perkhidmatan kesihatan dan perubatan Orang Asli daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), KKM kekal komited dalam memastikan status kesihatan Orang Asli setara dengan populasi umum Malaysia. KKM dengan kerjasama erat dari JAKOA telah melaksanakan pelbagai program kesihatan secara bersasar, meningkatkan akses kepada kemudahan kesihatan serta memupuk penglibatan komuniti dalam menangani keperluan kesihatan dengan mengambil kira sensitiviti budaya dan adat resam Orang Asli bagi tujuan memberdayakan Orang Asli dalam pengurusan kesihatan dan kesejahteraan mereka secara efektif.

Berdasarkan dapatan Tinjauan Kesihatan Orang Asli (OAHS) yang dilaksanakan pada tahun 2022, terdapat jurang status kesihatan di antara Orang Asli berbanding populasi umum khususnya di kawasan pedalaman. Elemen Penentu Sosial Kesihatan (SDH) seperti faktor

sosio-ekonomi dan pendidikan merupakan punca jurang status kesihatan dalam komuniti Orang Asli. Sebahagian besar faktor ini adalah di luar kawalan KKM dan memerlukan komitmen dan sokongan dari pelbagai pihak. Dengan melaksanakan strategi yang komprehensif dan berfokus ke arah meningkatkan SDH, adalah tidak mustahil untuk meningkatkan tahap kesejahteraan komuniti Orang Asli dan seterusnya mengurangkan jurang status kesihatan yang sedia ada.

Bagi menangani isu ini, dua (2) Jawatankuasa kerja peringkat kementerian telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pemandu SDH Orang Asli dan Jawatankuasa Teknikal SDH Orang Asli. Jawatankuasa ini dianggotai oleh 18 wakil kementerian dan agensi yang berkaitan, termasuk wakil masyarakat Orang Asli. Melalui kerjasama pelbagai pihak berkepentingan, jawatankuasa ini bertujuan untuk mencipta satu pendekatan yang komprehensif bagi menangani cabaran unik yang dihadapi oleh Orang Asli, seterusnya mempromosikan kesaksamaan kesihatan dan pembangunan mampan.

Pelan Strategik Kebangsaan Orang Asli yang berasaskan kepada SDH dikenali sebagai Agenda Orang Asli Sihat Sejahtera (OASS) sedang dibangunkan dengan penglibatan dan kerjasama dari pelbagai kementerian dan agensi melalui pendekatan keseluruhan kerajaan. Kerjasama ini bertujuan untuk memastikan keperluan unik komuniti Orang Asli dapat dipenuhi secara efektif dan mampan. Dengan mengintegrasikan pelbagai perspektif dan kepakaran, OASS dibangunkan untuk menghasilkan satu inisiatif kesihatan yang berimpak dan mempromosikan kesejahteraan secara keseluruhan bagi menangani penentu sosial yang mempengaruhi komuniti ini. **Imej 4.1** menunjukkan sesi Mesyuarat Pembangunan Pelan Strategik SDH Orang Asli yang diadakan di Subang Jaya, Selangor pada 16-18 Julai 2024.



Imej 4.1 Sesi Mesyuarat Pembangunan Pelan Strategik SDH Orang Asli

PEMBANGUNAN PROFESION KESIHATAN AWAM

BPKA melalui Cawangan Pembangunan Profesion Kesihatan Awam berperanan dalam pembangunan dan perkembangan profesion untuk Program Kesihatan Awam. Cawangan ini perlu memastikan setiap penjawat awam di Program Kesihatan Awam mencapai taraf kompetensi yang telah ditetapkan di dalam penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Antara aktiviti utama yang dilaksanakan oleh cawangan ini adalah:

- i. Pembangunan Perkhidmatan Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam
- ii. Perkembangan Profesion dalam Program Kesihatan Awam
- iii. Modal Insan dan *Continuing Professional Development* (CPD)
- iv. Pemantauan Penggunaan Fasiliti Kesihatan Awam bagi Tujuan Latihan

Cawangan ini memantau perancangan dan pelaksanaan latihan kepada anggota dalam Program Kesihatan Awam. Pada tahun 2024, sebanyak 6,712 kursus telah dijalankan atau disertai di seluruh negara dengan perbelanjaan RM10,127,518.04 berbanding 6,331 kursus dengan perbelanjaan RM6,823,030.20 pada tahun 2023. Sejumlah 19 anggota telah mengikuti latihan jangka pendek luar negara pada tahun 2024 dengan jumlah perbelanjaan RM329,116.43. Prestasi keseluruhan bagi Program Latihan Dalam Perkhidmatan yang dilaksanakan pada tahun 2023 dan 2024 adalah seperti dalam **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1 Prestasi Latihan dalam Perkhidmatan Program Kesihatan Awam bagi Tahun 2023-2024

Latihan	Prestasi			
	2023		2024	
	Bil. Kursus yang Dihadiri	Perbelanjaan (% daripada Peruntukan Tahunan)	Bil. Kursus yang Dihadiri	Perbelanjaan (% daripada Peruntukan Tahunan)
Dalam Negara	6,331	RM6,823,030.20 (99.47%)	6,712	RM10,127,518.04 (98.61%)
Luar Negara	7	RM123,586.64 (91.89%)	19	RM329,116.43 (80.52%)

Cawangan ini turut bertanggungjawab bagi memantau permohonan dan penggunaan fasiliti kesihatan di Program Kesihatan Awam yang melibatkan penggunaan Pejabat Kesihatan Daerah, Klinik Kesihatan dan Makmal Kesihatan Awam bagi tujuan latihan lapangan. Pada tahun 2024, sebanyak 33 permohonan penggunaan fasiliti telah diluluskan samada permohonan pembaharuan Memorandum Persetujuan (MoA) atau permohonan penambahan fasiliti yang melibatkan 14 Program Kejururawatan, lapan (8) Program Sains Kesihatan Bersekutu, dua (2) Program Farmasi dan sembilan (9) Program Perubatan.

MESYUARAT LEMBAGA EKSEKUTIF WHO KE-154

Malaysia diwakili oleh Ketua Pengarah Kesihatan, selaku ketua delegasi dalam Mesyuarat Lembaga Eksekutif WHO Sesi Ke-154 bersama pegawai kanan KKM, mulai 22 hingga 27 Januari 2024. Sesi ini menandakan penggal terakhir Malaysia sebagai Ahli Lembaga Eksekutif, maka delegasi tersebut memainkan peranan penting dengan menyampaikan 17 intervensi berkaitan agenda teknikal dan tadbir urus utama. Ini termasuk *Universal Health Coverage (UHC)*, *Infection Prevention and Control*, *the Immunization Agenda 2030* dan *Polio Eradication*. Delegasi juga menyaksikan pengesahan bersejarah Dr. Saia Ma'u Piukala dari Tonga sebagai Pengarah Wilayah Pasifik Barat.

INTERGOVERNMENTAL NEGOTIATING BODY KE-8 (INB8)

Cawangan Kesihatan Global, dengan kerjasama Bahagian Kawalan Penyakit serta Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, telah menyelaraskan penyertaan Malaysia dalam sesi INB8 dari 19 Februari hingga 2 Mac 2024 secara maya dari Kuala Lumpur. Sekretariat telah memudahcara penglibatan pihak berkepentingan utama dari pelbagai kementerian kerajaan

dan menyokong delegasi Malaysia yang menghadiri sesi secara fizikal di Ibu Pejabat WHO di Geneva. Sumbangan meliputi pemberian input teknikal, penyediaan nota intervensi, serta sokongan logistik dan operasi sepanjang rundingan.

LATIHAN SANGKUTAN JANGKA PENDEK PEGAWAI KKM KE IBU PEJABAT WHO DI GENEVA

Cawangan Kesihatan Global telah menganjurkan program penempatan jangka pendek di Ibu Pejabat WHO di Geneva sebagai sebahagian daripada inisiatif latihan KKM. Pada tahun 2024, seorang wakil dari Bahagian Kejururawatan telah menyertai program ini dari 23 hingga 25 Mei 2024. Program penempatan selama tiga hari ini memberi tumpuan kepada UHC, *Nursing Unit* WHO, diikuti dengan kehadiran dalam Persidangan Kesihatan Sedunia Ke-77 (WHA77).

PERSIDANGAN KESIHATAN SEDUNIA KE-77 (WHA77)

Delegasi Malaysia ke WHA77 telah diketuai oleh Menteri Kesihatan bersama Ketua Pengarah Kesihatan dan wakil dari Bahagian Kawalan Penyakit dari 27 Mei hingga 1 Jun 2024. Dengan tema *Health for All, All for Health* WHA77 membincangkan isu kesihatan global yang kritikal. Malaysia menyampaikan nota intervensi berkaitan *Antimicrobial Resistance*, *End TB Strategy*, *Roadmap for Neglected Tropical Diseases*, *Maternal, Infant & Young Child Nutrition*, SDH dan *Economics for Health*. Perhimpunan ini menjadi detik bersejarah apabila kesemua 194 negara anggota meluluskan pindaan terhadap Peraturan Kesihatan Antarabangsa (IHR). Pindaan ini merupakan hasil rundingan sejak tahun 2022, bertujuan untuk memperkukuh kesiapsiagaan global dan tindak balas terhadap kecemasan kesihatan awam, termasuk pandemik.

ASEAN 2025 WORKSHOP ON LANGUAGE OF MEETINGS AND NEGOTIATION

Cawangan Kesihatan Global, BPKA dengan kerjasama Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) telah berjaya menganjurkan Bengkel *ASEAN 2025 Workshop on Language of Meetings and Negotiation* pada 4-5 Mac 2024. Jurulatih pakar mengendalikan sesi berkaitan kemahiran perundingan, pandangan praktikal dan aktiviti simulasi yang melibatkan peserta dalam pengalaman pembelajaran yang dinamik.

MESYUARAT PEGAWAI KANAN KE-18 ASEAN MENGENAI PEMBANGUNAN KESIHATAN (SOMHD) DAN MESYUARAT BERKAITAN

Mesyuarat Pegawai Kanan ke-18 ASEAN Mengenai Pembangunan Kesihatan (SOMHD) dan mesyuarat berkaitan telah diadakan di Vientiane, Lao PDR, dari 1-5 Julai 2024, menekankan kepada tema *A Healthy, Caring, and Sustainable ASEAN Community*. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) bersama wakil daripada Bahagian Kawalan Penyakit, Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, serta Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa. Antara sorotan utama ialah pembentangan kemas kini daripada Kluster Kesihatan ASEAN (AHC), termasuk inisiatif baharu oleh Malaysia seperti Keselamatan dan Kebergantungan Kendiri Ubat-ubatan ASEAN (ADSSR) dan Kemakmuran ASEAN Melalui Ujian Klinikal Tajaan Industri. Perbincangan utama meliputi daya tahan kesihatan serantau, pengukuhan sistem kesihatan dan kesiapsiagaan pandemik dengan sokongan rakan antarabangsa seperti *ASEAN Plus Three*, WHO, USAID, UNICEF, dan GAVI. Mesyuarat ini mengukuhkan peranan kepimpinan Malaysia sebagai persediaan menguruskan Mesyuarat Menteri Kesihatan ASEAN 2024-2026.

MESYUARAT MENTERI KESIHATAN ASEAN (AHMM) KE-16 DAN ACARA BERKAITAN

AHMM ke-16 dan acara berkaitan yang diadakan di Vientiane, Lao PDR pada 5-9 Ogos 2024 membincangkan cabaran dan strategi kesihatan serantau di bawah tema *Transforming ASEAN Health Development Resilience in a New Context*. Delegasi Malaysia diketuai oleh Menteri Kesihatan bersama Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) secara aktif menyertai perbincangan mengenai ketahanan sistem kesihatan pasca pandemik, inovasi kesihatan digital dan strategi kolaboratif untuk kecemasan kesihatan awam. Pencapaian utama termasuk penerimaan inisiatif yang dipimpin Malaysia mengenai penjagaan kesihatan berkualiti dan keselamatan ubat-ubatan, serta perbincangan tentang perlindungan kesihatan sejagat dan transformasi digital dalam penjagaan kesihatan. Sesi kolaborasi bersama *ASEAN Plus Three*, China dan Amerika Syarikat (USA) menekankan pengukuhan perkongsian dan peningkatan keselamatan kesihatan. Malaysia menunjukkan kepimpinan dan kesediaan untuk mempengerusikan mesyuarat kesihatan ASEAN akan datang, sekaligus mengukuhkan peranannya dalam meningkatkan pembangunan kesihatan serantau.

SESI PEMBELAJARAN BERTERUSAN BAGI ANGGOTA FARMASI KESIHATAN AWAM

Pada tahun 2024, sebanyak tujuh (7) sesi latihan termasuk lima (5) sesi latihan secara maya bagi memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran anggota farmasi di kesihatan awam, Sesi-sesi ini telah dihadiri oleh 2,731 anggota farmasi bersama 232 anggota kesihatan pelbagai profesion yang lain. Seminar Farmasi Kesihatan Awam telah dianjurkan buat pertama kali pada 2-3 Julai 2024 di Hotel The Pearl Kuala Lumpur. Seminar ini berjaya mencapai objektif sebagaimana yang disasarkan seperti berikut:

- i. Memberi pendedahan kepada anggota farmasi berkenaan pelaksanaan program berkaitan penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit di Kesihatan Awam.
- ii. Meningkatkan pengetahuan dalam farmakoterapi penyakit berjangkit dan tidak berjangkit terkini.
- iii. Memperkasakan penyampaian perkhidmatan farmasi dalam penjagaan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit.



Imej 4.2 Seminar Farmasi Kesihatan Awam di Kuala Lumpur

PELANTIKAN PEGAWAI DIBERI KUASA (PDK) DAN PENURUNAN KUASA

Pelantikan PDK di bawah perundangan kesihatan awam bertujuan untuk memastikan aktiviti penguatkuasaan dijalankan mengikut peruntukan perundangan dan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Pada Oktober 2024, Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan 2024 [Akta 852] telah mula dikuat kuasa. Secara keseluruhan, bilangan pelantikan PDK di bawah perundangan kesihatan awam adalah seperti dalam **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2 Pelantikan PDK dan Penurunan Kuasa Tahun 2020-2024

Pelantikan PDK dan Penurunan Kuasa	2020	2021	2022	2023	2024
Pelantikan PDK di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988	793	940	1,523	964	350
Kuasa Mengkompaun Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988	247	34	26	36	25
Pelantikan PDK Akta Makanan 1983	651	926	1,535	1,028	368
Kuasa Mengkompaun Akta Makanan 1983	380	800	1,387	949	324
Kuasa Penutupan Premis Makanan Akta Makanan 1983	80	91	70	102	43
Kad Pengenalan Penguatkuasa	291	322	311	201	46
PDK Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024					6,312
Kuasa Mengkompaun Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024					6,265

PERUNDANGAN KESIHATAN AWAM

Pada tahun 2024 sebanyak 25 SOP telah disemak manakala sembilan (9) SOP baharu telah digubal. Penggubalan SOP baharu ini merangkumi proses kerja penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] dan risikan perundangan kesihatan awam. Selain itu, Sektor Inspektorat & Perundangan (SIP) memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan Pindaan Rang Undang-Undang Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 2024 [Akta 342] semasa proses pembentangan dan perbahasan di Parlimen. Bagi pemantauan pematuan SOP di lapangan, sebanyak 15 audit teknikal penguatkuasaan dan perundangan kesihatan awam telah dijalankan di seluruh negara.

AKTIVITI RISIKAN PERUNDANGAN KESIHATAN AWAM

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 8,522 aktiviti risikan perundangan kesihatan awam telah dijalankan di seluruh negara. Perincian bilangan risikan adalah seperti dalam **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3 Bilangan Aktiviti Risikan Perundangan Kesihatan Awam Tahun 2023-2024

Tahun	Risikan Aktif	Risikan Pasif
2023	1,762	109
2024	4,811	3,711

PENGUATKUASAAN AKTA PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT 1975 [AKTA 154]

Bagi menangani perebakan kejadian kes demam denggi, sebanyak 12 siri Ops Gempur Aedes (OGA) peringkat kebangsaan telah dijalankan sepanjang tahun 2024. Selain itu, sebanyak 11,021 operasi secara harian dan bulanan telah dijalankan sepanjang tahun. Pencapaian aktiviti penguatkuasaan Akta 154 secara keseluruhan adalah seperti dalam **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4 Aktiviti Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 [Akta 154] Tahun 2020-2024

Tahun	Bil. Premis yang Diperiksa	Bil. Premis yang Positif Pembiakan	Bil. Kompaun Dikeluarkan	Bil. Premis Ditutup	Jumlah Amaun Kompaun yang Dibayar (RM)	Denda Mahkamah (RM)
2020	4,685,063	175,642	21,748	71	3,448,147	836,460
2021	3,953,480	140,415	21,976	52	2,507,818	536,450
2022	5,054,076	165,505	28,889	59	3,737,290	923,350
2023	6,404,983	206,558	36,426	79	5,498,477	2,349,950
2024	5,863,660	229,227	37,603	106	6,775,311	1,819,190

PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004 (PPKHT 2004)

Sehingga September 2024, sebanyak 13,561 operasi dijalankan di seluruh negara manakala sepuluh (10) operasi peringkat kebangsaan telah dilaksanakan bagi pemeriksaan 226,176 premis. Hasil penguatkuasaan 42,518 hasil tembakau telah disita dengan nilai sitaan RM259,267.35. Pencapaian aktiviti penguatkuasaan PPKHT 2004 secara keseluruhan adalah seperti dalam **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5 Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 Tahun 2020-2024

Tahun	Bil. Notis Seksyen 32B Dikeluarkan	Bil. Kompaun Ditawarkan	Jumlah Amaun Kompaun yang Dibayar (RM)	Denda Mahkamah (RM)
2020	34,338	19,433	2,615,814	170,135
2021	15,163	12,012	1,493,617	51,280
2022	81,703	50,138	5,813,556	126,770
2023	112,455	63,039	8,378,472	281,819
2024	112,511	60,509	8,127,992	215,402

PENGUATKUASAAN AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024 [AKTA 852]

Akta ini telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2024 bagi menggantikan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Akta ini merangkumi skop yang lebih luas termasuk pendaftaran, pengiklanan, kawalan penjualan dan pembelian produk tembakau, bahan merokok dan produk pengganti tembakau. Dalam tempoh tiga (3) bulan pertama penguatkuasaan, sebanyak 4,595 operasi telah dijalankan yang melibatkan pemeriksaan 115,980 premis. Hasil penguatkuasaan yang dijalankan, sebanyak 9,453 produk merokok telah disita dengan nilai sitaan RM237,852.00. Pencapaian keseluruhan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta 852 sehingga Disember 2024 seperti di **Jadual 4.6**. dan **Imej 4.3** menunjukkan operasi penguatkuasaan di lapangan.

Jadual 4.6 Penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] bagi Tempoh Oktober - Disember 2024

Tahun	Bil. Notis Seksyen 47 Dikeluarkan	Bil. Kompaun Ditawarkan	Jumlah Amaun Kompaun yang Ditawarkan (RM)
Okt - Dis 2024	8,292	1,460	352,400



Imej 4.3 Aktiviti Penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852]

PENGUATKUASAAN AKTA MAKANAN 1983 [AKTA 281] DAN PERATURAN-PERATURANNYA


Akta ini dikuatkuasakan untuk melindungi orang awam daripada risiko kesihatan berkaitan makanan bermula dari penyediaan, penjualan dan pengambilan makanan. Akta 281 mempunyai dua (2) peraturan subsidiari iaitu Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Bagi tahun 2024, sebanyak 107,951 premis makanan telah diperiksa dan 2,472 premis makanan telah diarahkan penutupan di bawah Subseksyen 10 dan 11 Akta 281. Pencapaian aktiviti penguatkuasaan adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7 Penguatkuasaan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturannya Tahun 2020-2024

Tahun	Bil. Notis Seksyen 32B Dikeluarkan	Bil. Kompaun Ditawarkan	Jumlah Amaun Kompaun yang Dibayar (RM)	Denda Mahkamah (RM)
2020	19,571	14,842	4,149,146	739,970
2021	10,735	7,340	2,176,986	937,145
2022	31,297	30,098	7,400,840	1,035,895
2023	40,937	32,975	10,466,999	1,355,830
2024	48,637	39,884	12,554,271	1,511,240

PENDAKWAAN DI BAWAH PERUNDANGAN KESIHATAN AWAM

Pada tahun 2024, sejumlah 22,135 kes telah didaftarkan dan dikendalikan di mahkamah majistret. Hasilnya, sebanyak 22,265 kes telah diputuskan hukuman denda dengan jumlah nilai denda RM3,108,542.00. Komposisi prestasi pengendalian kes pendakwaan mengikut akta/peraturan seperti dalam **Rajah 4.1**.



Rajah 4.1 Bilangan Kes Pendakwaan Mengikut Akta/Peraturan Tahun 2024

PEWASAPAN

Pada 2024, sebanyak 292 lesen operator pewasapan telah diluluskan. Bagi pengendalian peperiksaan pewasapan KKM, seramai 74 calon telah menduduki peperiksaan operator racun perosak. SIP juga telah melatih 111 Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran sebagai Juruaudit Kompeten Pewasapan.

BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT (BKP)

BKP bertanggungjawab untuk kesiapsiagaan, surveilan, pengesanan awal dan respon terhadap kejadian krisis kesihatan awam; termasuk penyakit tidak berjangkit dan penyakit berjangkit (endemik, baru muncul atau muncul semula) dan kejadian kesihatan awam yang boleh mengancam kesihatan awam. Semua aktiviti ini melibatkan kolaborasi dengan pelbagai agensi sehingga peringkat antarabangsa.

BKP terdiri dari tiga (3) cawangan dan 14 sektor seperti tersenarai di bawah:

- i. Cawangan Kesiapsiagaan, Survelan dan Respons
 - a. Sektor Sektor Survelan Penyakit
 - b. Sektor Pengurusan Bencana, Wabak, Krisis dan Kecemasan
 - c. Sektor Peraturan Kesihatan Antarabangsa dan Kesihatan Pengembaraan
 - d. Sektor Informasi dan Dokumentasi
- ii. Cawangan Penyakit Berjangkit
 - a. Sektor Kawalan TB dan Kusta
 - b. Sektor Kawalan HIV, STI dan Hep C
 - c. Sektor Kawalan VPD dan FWBD
 - d. Sektor Kawalan Zoonosis
 - e. Sektor Kawalan Penyakit Bawaan
 - f. Sektor Entomologi dan Pest
- iii. Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit
 - a. Sektor Kawalan dan Pencegahan Penyakit CVD/Diabetes/Kanser
 - b. Sektor Intervensi NCD
 - c. Sektor Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
 - d. Sektor Kesihatan Persekitaran dan Perubahan Iklim
 - e. Sektor Kawalan Tembakau dan FCTC

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (PINDAAN) 2024

Tahun 2024 menyaksikan pencapaian penting dengan kelulusan pindaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] di Dewan Rakyat pada 14 Oktober 2024 dan Dewan Negara pada 2 Disember 2024. Pindaan ini adalah hasil usaha komprehensif pelbagai pihak bagi memperkukuh kerangka perundangan dalam mengurus cabaran penyakit berjangkit yang semakin kompleks, mengambil kira pengalaman pandemik COVID-19.

Proses pewartaan pindaan ini sedang dalam peringkat akhir, dengan perancangan untuk melaksanakan pewartaan dan penguatkuasaan pada suku tahun pertama 2025. Ini akan memastikan negara lebih bersedia dalam menghadapi ancaman penyakit berjangkit melalui langkah penguatkuasaan yang lebih tegas dan kerjasama yang diperkukuh antara pelbagai agensi.



Imej 4.4 Pindaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] di Dewan Negara

PERLUASAN PROGRAM IMUNISASI INFLUENZA KEBANGSAAN UNTUK ANGGOTA KESIHATAN

Program Imunisasi Influenza Kebangsaan dimulakan pada tahun 2006, pada awalnya memfokuskan kepada anggota kesihatan barisan hadapan KKM sahaja. Program ini menyediakan vaksinasi secara sukarela kepada individu yang layak, dengan keutamaan diberikan kepada mereka yang berisiko tinggi kepada jangkitan influenza. Skop pemberian imunisasi ini telah diperluaskan untuk merangkumi semua anggota kesihatan KKM pada pertengahan Oktober 2024. Perluasan ini bertujuan untuk memperkukuhkan keselamatan kesihatan anggota serta memberi perlindungan menyeluruh kepada semua anggota KKM. Pada tahun 2024, seramai 93.1% anggota kesihatan telah menerima suntikan vaksin influenza, membuktikan kejayaan program ini dan komitmen semua anggota. Program ini akan diperluaskan lagi pada tahun 2025 untuk merangkumi kumpulan berisiko tinggi yang lain, sekaligus memperkukuhkan komitmen KKM dalam mempertingkatkan ketahanan negara terhadap jangkitan influenza serta melindungi kepentingan kesihatan awam.

PELAN TINDAKAN SEKURITI KESIHATAN KEBANGSAAN (MyNAPHS) 2025-2030

MyNAPHS 2025-2030 diwujudkan untuk meningkatkan kapasiti negara dalam mencegah, mengesan, dan memberi respons cepat terhadap ancaman kesihatan awam, selaras dengan Peraturan Kesihatan Antarabangsa (IHR 2005). MyNAPHS dibangunkan berasaskan *Malaysia Strategy for Emerging Diseases and Public Health Emergencies* (MySED) dengan mengamalkan pendekatan multisektoral dan mengambil kira keseluruhan masyarakat. Ianya akan menangani jurang yang telah dikenal pasti dalam penilaian terkini, iaitu Penilaian Luar Bersama (JEE) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pelan ini telah mendapat penglibatan dan kerjasama yang meluas daripada pihak pemegang taruh dengan sumbangan daripada agensi dalam dan luar KKM. Pencapaian utama termasuk penubuhan Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) dan Jawatankuasa Pemandu untuk memacu pelaksanaan, pengukuhan sistem pemantauan penyakit, peningkatan kapasiti makmal untuk diagnostik pantas dan kemajuan dalam inisiatif *One Health* bagi menangani ancaman kesihatan di antara manusia, haiwan dan alam sekitar.

Petunjuk prestasi utama MyNAPHS adalah untuk mencapai 100% kesiapsiagaan merentasi semua domain keselamatan kesihatan, memastikan kesediaan menyeluruh untuk menghadapi kecemasan kesihatan awam pada masa hadapan. Inisiatif akan datang termasuk memperluaskan usaha kesiapsiagaan, memperkukuhkan Pusat Operasi Kecemasan Kesihatan Kebangsaan dan menggalakkan perkongsian serantau dan global. MyNAPHS berhasrat untuk meletakkan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam keselamatan kesihatan, meningkatkan daya tahan dan membina keyakinan awam dalam pengurusan kecemasan kesihatan.



Imej 4.5 Bengkel MyNAPHS 2025-2030

PINDAAN IHR 2005 DAN PENUBUHAN AUTORITI IHR KEBANGSAAN MALAYSIA

Susulan pengesahan pindaan bersasar kepada IHR 2005 semasa Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) yang berlangsung pada Mei 2024, Malaysia telah memulakan penubuhan Autoriti IHR Kebangsaan supaya selaras dengan keperluan terkini. Terma Rujukan (TOR) untuk autoriti tersebut telah dimuktamadkan dan pembangunan serta penguatkuasaannya kini menunggu kelulusan. Pelan ini telah memperoleh sokongan dan kerjasama meluas daripada pihak pemegang taruh dengan penglibatan daripada agensi dalam dan luar KKM. Pencapaian utama termasuk penubuhan TWG dan Jawatankuasa Pemandu untuk memacu pelaksanaan, pengukuhan sistem surveilans penyakit, peningkatan kapasiti makmal untuk diagnostik pantas dan kemajuan dalam inisiatif *One Health* untuk menangani ancaman kesihatan di antara manusia, haiwan dan alam sekitar.

Inisiatif ini selaras dengan MyNAPHS 2025-2030, yang menggambarkan komitmen negara untuk mencapai 100% kesiapsiagaan dalam semua kapasiti teras IHR. Melalui pindaan bersasar ini dan penubuhan Autoriti IHR Kebangsaan, Malaysia sedang meningkatkan rangka kerja keselamatan kesihatan negara untuk melindungi kepentingan kesihatan awam serta memenuhi piawaian antarabangsa dengan efektif.

LATIHAN SIMULASI SEPANGGAR 2024 (KEJADIAN KIMIA, BIOLOGI, RADIOLOGI, NUKLEAR DAN BAHAN LETUPAN (CBRNe) PERINGKAT KEBANGSAAN) DAN NATIONAL EMERGENCY OPERATION CENTRE SIMULATION EXERCISE (NEOCX) PERINGKAT KEBANGSAAN

Latihan ini telah dijalankan di *Sepanggar Bay Container*, Kota Kinabalu, Sabah pada 20-22 Ogos 2024 melibatkan seramai 151 anggota KKM dan agensi yang berkaitan. Latihan Simulasi NEOCX dan *Sepanggar Simulation Exercise* (SSE 2024) - Kejadian CBRNe Peringkat Kebangsaan telah dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sabah bertujuan untuk menilai dan meningkatkan keupayaan, koordinasi dan keberkesanan Pusat Operasi Kecemasan Kesihatan Awam (PHEOC) semasa situasi kecemasan serta meningkatkan kemahiran dan kesiapsiagaan anggota KKM semasa menghadapi bencana CBRNe. Program ini merupakan aktiviti di bawah *Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) Emergency Operations Centre Network (ASEAN EOC Network)* melibatkan kolaborasi bersama Sekretariat ASEAN, *Global Affairs Canada (GAC)* dan JKN Sabah.



Imej 4.6 Latihan Simulasi Sepanggar 2024 dan NEOCX

PERSIDANGAN PENGURUSAN BENCANA TAHUN 2024

Persidangan ini telah dianjurkan bersempena dengan Bulan Kesiapsiagaan Nasional dan berlangsung di Kuala Lumpur pada 16 Oktober 2024. Persidangan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan bencana dalam kalangan anggota KKM serta agensi yang berkaitan. Majlis ini telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan dan turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha KKM dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam).

Menteri Kesihatan telah melancarkan lima (5) garis panduan iaitu *Garis Panduan Pelan Pengurusan Bencana*, *Guidelines of Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Standard Operating Procedure*, *Guidelines of Human Resource Mobilisation During Public Health Emergencies*, *Guidelines of Rapid Assessment Team (RAT) and Rapid Response Team (RRT)* serta *Guidelines of Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and explosives Management*.



Imej 4.7 Persidangan Pengurusan Bencana Sempena Bulan Kesiapsiagaan Nasional Peringkat KKM Tahun 2024

ASEAN PUBLIC HEALTH EMERGENCY MANAGEMENT EMERGING LEADERS PROGRAMME (ASEAN PHEM ELP)

KKM dengan kerjasama Sekretariat ASEAN dan *United State Centers for Disease Control and Prevention* (U.S. CDC) telah menganjurkan program tersebut dengan penglibatan kohort pertama seramai 22 peserta anggota Negara ASEAN (kecuali Viet Nam dan Indonesia). Program ini telah diadakan pada 22 April - 2 Ogos 2024, bertujuan untuk mengembangkan dan meningkatkan kapasiti tenaga kerja pengurusan kecemasan kesihatan awam di peringkat kebangsaan dan serantau bagi kesiapsiagaan dan respons kepada ancaman kesihatan awam. Program bagi kohort kedua telah bermula pada 21 Oktober 2024 dan akan tamat pada 24 Januari 2025 melibatkan seramai 26 peserta dari setiap negara anggota ASEAN.



Imej 4.8 ASEAN PHEM ELP

LATIHAN PROSEDUR PENYELIAAN AKTIVITI PENGAWETAN MAYAT

Latihan ini telah diadakan pada 13 Jun 2024 bertempat di Dewan Diseksi, Jabatan Anatomi, Bangunan Pra Klinikal, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan melibatkan seramai 40 pegawai KKM dari seluruh Malaysia. Ianya pertama kali diadakan dengan kerjasama Jabatan Anatomi tersebut, bertujuan untuk memberikan panduan dan pendedahan kepada pegawai di lapangan mengenai prosedur pengawetan mayat. Pendedahan ini penting untuk membantu pegawai melaksanakan aktiviti pemantauan dan penyeliaan prosedur pengawetan mayat, iaitu prosedur wajib sebelum pengeluaran permit pengimportan.



Imej 4.9 Kursus Pengawetan Mayat

WHO IHR *CRYSTAL EXERCISE*

Acara tahunan WHO IHR *Crystal Exercise* telah diadakan pada 13 November 2024 yang bertemakan Kejadian Penyakit Bawaan Vektor. Ianya melibatkan penyertaan pegawai KKM dari pelbagai peringkat dan bahagian serta pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, PERHILITAN, dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan. Latihan ini telah berjaya menguji keberkesanan fungsi komunikasi IHR *National Focal Point* (NFP), termasuk aspek perkongsian maklumat, penilaian risiko dan proses pembuatan keputusan.



Imej 4.10 IHR *Crystal Exercise*

BENGKEL PENGURUSAN KESIHATAN DAN PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN PERUBATAN UNTUK ORANG YANG DISYAKI DIPERDAGANGKAN TAHUN 2024

Bengkel Pengemaskinian Garis Panduan Pemeriksaan Perubatan bagi individu yang disyaki menjadi mangsa pemerdagangan orang, telah diadakan pada 18-20 September 2024 bertempat di Noble Resort Hotel, Melaka. Ianya bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pegawai perubatan di peringkat negeri dan daerah mengenai isu pemerdagangan orang. Bengkel ini melibatkan penyertaan seramai 40 pegawai daripada KKM, Rumah Perlindungan serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membincangkan isu berkaitan pemerdagangan orang serta peranan sektor kesihatan dalam menangani masalah ini.



Imej 4.11 Bengkel Pengurusan Kesihatan dan Pengemaskinian Garis Panduan Pemeriksaan Perubatan untuk Orang yang Disyaki Diperdagangkan 2024

PEMBANGUNAN SISTEM ELEKTRONIK PUSAT KAWALAN PENYAKIT NEGARA (eNCDC)

Aktiviti pra-pembangunan eNCDC yang telah dijalankan pada tahun 2024 termasuk bengkel integrasi sistem dalaman dan luaran KKM, analisis jurang, analisis keperluan proses kerja dan penstrukturan semula proses kerja. Pengurusan Perubahan adalah penting dalam mana-mana projek kesihatan digital bagi memastikan kesediaan pengguna akhir untuk penerimaan sistem. Buku digital Pengurusan Perubahan eNCDC telah dibangunkan untuk menyokong aktiviti ini, yang mana ia berfungsi sebagai panduan untuk pengguna di lapangan semasa fasa pelaksanaan. Semakan kandungan buku digital oleh Jawatankuasa Projek Bahagian Kawalan Penyakit menandakan pengakhiran aktiviti untuk tahun 2024.

PENGEMASKINIAN BUKU *CASE DEFINITIONS FOR INFECTIOUS DISEASES IN MALAYSIA*

Buku *Case Definitions for Infectious Diseases in Malaysia* Edisi Ketiga telah diterbitkan pada tahun 2017. Pengemaskinian buku tersebut telah dijalankan melibatkan maklumat terkini tentang definisi terkini kes, ujian makmal, klasifikasi kes, kaedah notifikasi, maklumat khas berkaitan penyakit, makmal rujukan dan garis panduan rujukan. Kaedah notifikasi terbahagi kepada dua (2) iaitu penyakit yang wajib dilaporkan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] serta penyakit yang perlu dilaporkan selaras dengan arahan pentadbiran semasa. Penyakit baharu yang telah dimasukkan di dalam buku ini adalah Covid-19, Mpox dan Marburg.

PEMERKASAAN KOMUNITI DALAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN DENGGI

Kes denggi di Malaysia menunjukkan corak kitaran, memuncak setiap empat (4) hingga lima (5) tahun, dengan peningkatan kes yang ketara dilihat pada tahun 2015, 2019, dan 2023. Pada tahun 2024, kes denggi menunjukkan penurunan sebanyak 0.6%, iaitu 122,423 kes dilaporkan pada tahun 2024 berbanding 123,133 kes pada tahun 2023. Kadar kematian denggi (CFR) secara konsisten kekal di bawah sasaran negara iaitu 0.2% sejak tahun 2018, CFR bagi tahun 2024 adalah 0.10% dengan 117 kematian. KKM telah menganjurkan Gotong Royong Mega Perangi Aedes dua (2) kali setahun. Program peringkat kebangsaan telah dirasmikan oleh

Menteri Kesihatan dan menghimpunkan pelbagai agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan serta sukarelawan masyarakat dalam usaha pembersihan persekitaran secara besar-besaran melalui pendekatan *Whole of Nation*. Aktiviti ini turut dijalankan di peringkat negeri dan daerah, bertujuan untuk menghapuskan tempat berpotensi pembiakan nyamuk Aedes dan berfungsi sebagai platform advokasi utama untuk mempromosikan persekitaran bebas Aedes.

PENGUKUHAN PROGRAM ELIMINASI MALARIA

Malaysia telah berjaya mengekalkan pencapaian sifar malaria manusia jangkitan tempatan sejak tahun 2018. Pada tahun 2024, sejumlah 2,246 kes malaria, 1,821 (81.08%) adalah kes malaria zoonotik. Hanya 425 (18.92%) kes malaria manusia iaitu 367 (86.35%) sebagai kes import, 58 (13.65%) kes *introduced* dan tiada kes jangkitan tempatan. Terdapat pengurangan kes kematian iaitu dari 16 kematian pada tahun 2023 kepada tiga (3) kematian malaria dilaporkan pada tahun 2024 dengan pengurangan sebanyak 81.3%. Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan telah berjaya dilaksanakan pada 12 Mei 2024 bertempat di Universiti Malaysia Sabah yang dirasmikan oleh Menteri Kesihatan. Sektor Penyakit Bawaan Vektor, Bahagian Kawalan Penyakit, KKM telah berjaya menyediakan Garis Panduan Pengurusan Malaria Knowlesi yang menjadi rujukan semua pihak.

KE ARAH ELIMINASI FILARIASIS LIMFATIK

Pada tahun 2024, fokus utama adalah mengurangkan morbiditi dan pencegahan kecacatan pesakit kaki gajah (filariasis limfatik). Sehubungan itu, bagi memperkukuhkan Program Eliminasi Filariasis Limfatik Kebangsaan (PEFLK), satu Bengkel Pengurusan Pesakit Kaki Gajah telah diadakan dari 22-24 Oktober 2024 di Kuala Terengganu. Objektif bengkel ini adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan kesedaran anggota kesihatan mengenai Program Eliminasi Filariasis Limfatik Kebangsaan.
- ii. Melatih anggota kesihatan menggunakan manual WHO *New Hope for People with Lymphoedema*.
- iii. Meningkatkan kemahiran anggota kesihatan dalam pengurusan pesakit kaki gajah.

TUNAIKAN HAK YANG SAKSAMA

Jangkitan baharu HIV/AIDS di Malaysia secara amnya telah mencatatkan penurunan sebanyak sehingga 50% di antara tahun 2000 dan 2009. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2010 sehingga kini, kadar penurunan semakin perlahan iaitu hanya 25.4% di antara tahun 2010 hingga 2024. Pada tahun 2030, sasaran negara adalah untuk menurunkan jangkitan HIV sehingga 90% mulai tahun 2010 di mana ketidaksamaan hak menjadi penghalang kepada sasaran ini.

Bagi memastikan kesaksamaan dicapai, KKM telah melaksanakan beberapa strategi:

- i. Program PROSTAR 2.0 telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran remaja dan belia mengenai HIV/AIDS. Pada tahun 2024, sebanyak 348 aktiviti PROSTAR 2.0 melibatkan seramai 42,710 pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi (IPT) telah dilaksanakan dan telah menunjukkan peningkatan pengetahuan sebanyak 47%.
- ii. Uji dan Rawat (*Test and Treat*) HIV/AIDS: Saringan HIV sendiri melalui laman sesawang TestNow (testnow.com.my) telah diperkenalkan untuk menarik lebih ramai kalangan populasi utama dan pasangan menjalani saringan dan seterusnya rawatan. Sejumlah 90,074 orang melayari TestNow dengan purata 304 pengunjung sehari.

- iii. Perkhidmatan *Differentiated HIV Services for Key Populations* (DHSKP) Model KK 2.0 yang kini dilaksanakan di 33 klinik kesihatan dengan kerjasama pintar GO-NGO (Kerajaan-Bukan Kerajaan) akan diperluaskan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan khususnya kepada populasi utama.
- iv. Konsep U=U (U equal to U) atau *Undetectable = Untransmittable* bermaksud Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA) yang mengambil ubat *antiretroviral* (ARV) mengikut jadual yang ditetapkan, boleh hidup seperti individu tanpa HIV kerana virus tidak lagi dikesan dan secara amnya tidak boleh menjangkiti individu lain. KKM menyasarkan untuk terus meningkatkan rawatan ARV dalam kalangan ODHA. Pasangan kepada ODHA disarankan untuk mendapatkan rawatan pencegahan HIV atau *Pre-Exposure Prophylaxis* (PrEP). PrEPGov telah dilaksanakan di 34 klinik dengan liputan seramai 7,053 orang pada tahun 2024.



Imej 4.12 PROSTAR 2.0 di Kolej Vokasional Slim River dan Laman Sesawang HIV Kendiri TestNow

KE ARAH END TB 2035

KKM komited untuk menamatkan tuberculosis (TB) menjelang 2035, dengan memberi fokus utama dalam mengesan dan merawat awal kes TB serta mengurangkan morbiditi dan mortaliti berkaitan TB. Kadar insiden TB pada tahun 2024 adalah 75.85 bagi setiap 100,000 penduduk dan kadar kematian TB adalah 7.69 bagi setiap 100,000 penduduk. Sejumlah 138 kes kerintangan ubatan *multi-drug resistant* TB (MDR-TB) dan kerintangan ubatan anti-TB rifampicin telah didaftarkan 2024. Bilangan kontak kes TB yang disaring adalah 196,959 dan daripada jumlah tersebut, 1,008 (0.5%) telah disahkan menghidap TB. Bilangan individu yang layak diberi rawatan pencegahan TB (TPT) adalah 13,966 dan 11,764 (84.2%) telah mengambil rawatan TPT. Kadar sukses rawatan TB pada adalah 92.1%.

SASARAN BAHARU ELIMINASI KUSTA MENJELANG 2030

Malaysia telah mencapai sasaran eliminasi kusta sebagai beban kesihatan awam pada tahun 1994 dengan kadar prevalen 0.9 kes bagi setiap 10,000 penduduk. Bilangan kes telah menurun secara konsisten sejak tahun 1994 dan sehingga kini kadar prevalen adalah masih kekal kurang daripada 1 bagi setiap 10,000 penduduk. Namun begitu, bagi memutuskan sepenuhnya transmisi jangkitan kusta, WHO kini menetapkan sasaran baharu iaitu sifar kes kusta baharu tempatan menjelang tahun 2030. Pada tahun 2024, bilangan kes kusta yang dilaporkan adalah sebanyak 292 kes, peningkatan 36 kes (14%) berbanding 256 kes yang dilaporkan pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, 179 kes merupakan kes baharu tempatan dewasa dan 11 kes kanak-kanak. Bilangan kes kusta baharu dengan kecacatan gred 2 (G2D) telah didaftarkan sebanyak 20 kes dengan kadar 0.6 bagi setiap 1 juta penduduk. Kadar sempurna rawatan adalah sebanyak 83% bagi sub diagnosis *Multibacillary* dan 100% bagi sub diagnosis *Paucibacillary*.

KE ARAH ELIMINASI RABIES 2030

Terdapat lapan (8) kes rabies dilaporkan dalam kalangan manusia (*human rabies*) pada tahun 2024 dengan lapan (8) kematian (kadar kematian kes: 100%). Semua kematian berlaku di Sarawak (penularan tempatan). Secara keseluruhan, 86 kes dengan 78 kematian (kadar kematian kes: 91%) telah dilaporkan dalam kalangan manusia sejak wabak rabies diisytiharkan pada tahun 2017.

PENGLIBATAN KOMUNITI RABIES - KUCHING

Program penglibatan komuniti rabies telah dijalankan di Kuching, Sarawak, dari 28-29 Jun 2024, dengan fokus untuk meningkatkan kesedaran, mempromosikan pemilikan haiwan peliharaan yang bertanggungjawab dan meningkatkan kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dan komuniti bagi mencegah penularan rabies.



Imej 4.13 Sesi Penglibatan dan Deklarasi bagi Penyelaras Komuniti Rabies

BENGKEL PELAN STRATEGIK KEBANGSAAN (NSP) BAGI ELIMINASI RABIES

Satu bengkel untuk membangunkan NSP bagi Eliminasi Rabies telah dianjurkan dari 16-18 Oktober di Sepang, Selangor, dengan fokus kepada merangka strategi dan tindakan untuk mencapai sifar kematian akibat rabies dalam kalangan manusia menjelang tahun 2030 melalui kerjasama pelbagai sektor yang diperkukuh dan penglibatan komuniti.

STATUS SEMASA PENYAKIT ZONOTIK LAIN

Pada tahun 2024, kes HFMD menurun sebanyak 40.7% kepada 80,964, dengan coxsackie A16 sebagai agen penyebab utama (57.5%). Leptospirosis mencatatkan 2,445 kes yang disahkan makmal dan 46 kematian (kadar kematian kes: 1.9%). Brucellosis melaporkan lapan (8) kes, termasuk satu (1) kematian yang kebanyakan kes dikaitkan dengan pengambilan susu kambing yang tidak dipasteur. Mpox mencatatkan dua (2) kes yang berkaitan aktiviti berisiko tinggi, dimana kedua-dua kes adalah *clade II*, manakala melioidosis 876 kes dengan 139 kematian. Tiada kes selsema burung, ebola, nipah atau MERS-CoV dilaporkan.

MEMPERKUKUH *ONE HEALTH* UNTUK PENYAKIT ZONOTIK

Bagi meningkatkan kerjasama rentas sektor dalam pencegahan dan kawalan penyakit zoonotik, KKM dengan kerjasama agensi tempatan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), PERHILITAN serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), bersama organisasi antarabangsa termasuk WHO, *World Organisation for Animal Health* (WOAH), *Food and Agriculture Organisation* (FAO) dan *United Nations Environment Programme* (UNEP) telah menganjurkan *National Bridging Workshop Internasional Health Regulation - Performances of Veterinary Services* (IHR-PVS) di Putrajaya pada 13-15 November 2024.



Imej 4.14 *National Bridging Workshop IHR-PVS*

PROGRAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT CEGAHAN VAKSIN

Insiden kes measles meningkat pada tahun 2024 kepada 119.7 kes berbanding 60.0 kes per 1,000,000 penduduk pada tahun 2023, dengan 237 wabak measles telah dilaporkan sepanjang tahun 2024. Berdasarkan risiko penularan wabak measles yang tinggi, kempen imunisasi tambahan telah dijalankan di lokaliti wabak measles sepanjang tahun 2024 dan kempen di seluruh negara dirancang pada tahun 2025.

Insiden hepatitis B juga menunjukkan peningkatan pada tahun 2024 kepada 26.33 kes berbanding 20.73 kes per 100,000 penduduk pada tahun 2023. Bagi mencegah penularan jangkitan hepatitis B kronik, program saringan universal hepatitis B ibu hamil akan dijalankan di seluruh negara pada tahun 2025.

Insiden batuk kokol (pertussis) pada tahun 2024 adalah 1.4 kes per 100,000 penduduk. Pemberian vaksin pertussis dalam bentuk vaksin kombinasi Tetanus-Difteria-Pertussis (Tdap) kepada ibu hamil akan dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2025 setelah bekalan vaksin tersedia di fasiliti kesihatan.

Insiden difteria, tetanus dan rubella adalah masing-masing kurang daripada 1 kes per 100,000 penduduk. Malaysia juga kekal bebas polio sepanjang tahun 2024.

PENYAKIT BAWAAN MAKANAN DAN AIR

Insiden penyakit bawaan makanan dan air di Malaysia secara umumnya adalah rendah disumbangkan oleh liputan perkhidmatan bekalan air terawat dan sanitasi yang tinggi.

Insiden penyakit keracunan makanan meningkat pada tahun 2024, iaitu 70.00 berbanding 51.70 per 100,000 penduduk pada tahun 2023. Bilangan episod kejadian keracunan makanan juga meningkat daripada 496 episod pada tahun 2023 kepada 707 episod pada tahun 2024. Daripada 707 episod yang dilaporkan, 234 (33.10%) melibatkan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 66 (9.34%) sekolah bukan KPM, 63 (8.91%) institusi lain, 182 (25.74%) rumah persendirian manakala 162 (22.91%) daripada lain-lain kategori.

Terdapat sedikit peningkatan insiden penyakit tifoid/paratifoid, kolera dan hepatitis A, namun ianya adalah kurang daripada 1.00 per 100,000 penduduk. Insiden disenteri pula meningkat kepada 2.37 per 100,000 penduduk, tertinggi dalam tempoh sepuluh (10) tahun.

INOVASI KAWALAN DENGGI MELALUI PENGOPERASIAN PELEPASAN NYAMUK AEDES BERWOLBACHIA

Pada tahun 2024, pengoperasian pelepasan nyamuk Aedes BerWolbachia telah diperluaskan dengan tambahan sebanyak enam (6) lokaliti baharu, melibatkan empat 4 negeri iaitu dua (2) di Melaka, dua (2) di Johor, satu (1) di WP Kuala Lumpur & WP Putrajaya dan satu (1) di Pahang. Jumlah lokaliti yang terlibat adalah sebanyak 41 lokaliti di lapan (8) negeri yang melaporkan beban kes denggi tinggi. Sasaran tahun 2025 melibatkan pertambahan sepuluh (10) lokaliti baharu dan inisiatif penyumberluaran pembekalan nyamuk Aedes berWolbachia akan dijalankan bagi menyokong keperluan sumber bagi perluasan pengoperasian tersebut.

AKTIVITI PENYIASATAN ENTOMOLOGI (EI) BAGI PENYAKIT BAWAAN VEKTOR DAN BERKAITAN SERANGGA PEROSAK BERKEPENTINGAN KESIHATAN AWAM

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 3,385 aktiviti EI Aedes telah dilaksanakan melibatkan Wabak Terkawal (2,413 lokaliti), Wabak Tidak Terkawal (369 lokaliti) dan *Hotspot* (603 lokaliti). Hasil EI mendapati sebanyak 2,061 (60.9%) lokaliti wabak denggi masih berisiko untuk berlaku jangkitan berterusan.

El juga telah dijalankan di 13 lokaliti yang melaporkan kes malaria *introduced* bagi memastikan tiada kes malaria manusia jangkitan tempatan berlaku. Enam (6) lokaliti mencatatkan nilai *receptivity* tinggi, tiga (3) lokaliti sederhana dan empat (4) lokaliti rendah. Semua lokaliti yang mencatatkan *receptivity* tinggi akan diberikan keutamaan dalam aspek pemantauan.

Bagi pengawasan nyamuk *Mansonia sp.*, sebanyak 64 (39%) aktiviti El telah dijalankan yang menumpukan kepada kes jangkitan *Brugia malayi*. Spesies utama *Mansonia* yang direkodkan adalah *M. bonneae*, *M. uniformis*, *M. dives* dan *M. annulata*. Sebanyak 31 lokaliti telah dilaksanakan pengesanan parasit di dalam nyamuk dan didapati dua (2) lokaliti di Sarawak adalah positif dengan parasit filariasis.

KONSULTASI BERKAITAN SERANGGA PEROSAK BERKEPENTINGAN KESIHATAN AWAM

Sektor Entomologi dan Pest (SEP) memberikan konsultasi dan tindakan kawalan ke atas aduan mengenai kacau ganggu makhluk perosak berkepentingan kesihatan awam seperti anai-anai, tikus, pinjal (*flea*) dan lain-lain. Sebanyak 552 aduan kacau ganggu telah diterima oleh Unit Entomologi & Pest di negeri dan daerah melibatkan fasiliti kesihatan (70.11%), premis kerajaan (21.20%), rumah kediaman (6.34%) dan lain-lain premis (2.36%).

INISIATIF SARINGAN KESIHATAN KEBANGSAAN (NHSI)

Pada tahun 2024, seramai 1,861,490 individu telah berjaya disaring. Seramai 1,152,274 atau 81.3% individu daripada keseluruhan individu yang menjalani saringan di fasiliti kesihatan tidak mempunyai sejarah penyakit tidak berjangkit (NCD). Walau bagaimanapun, hasil saringan mendapati 199,352 (17.3%) individu mengalami tekanan darah tinggi, 101,758 (8.8%) paras glukosa tinggi dan 147,864 (39.0%) paras kolesterol tinggi. Seramai 405,097 (35.2%) mengalami obesiti dan 405,194 (35.2%) mengalami berat badan berlebihan. Klasifikasi risiko NCD seperti yang berikut:

- i. Sihat: 116,448 (10.1%) individu.
- ii. Sihat dan mempunyai risiko: 126,731 (11.0%) individu.
- iii. Berisiko menghidap NCD: 909,090 (78.9%). Individu ini mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) faktor risiko NCD.

HARI KANSER SEDUNIA 2024

Sambutan Hari Kanser Sedunia telah diadakan pada 17 Februari 2024 di Universiti Cyberjaya anjuran bersama KKM dan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM). *Close the Care Gap* merupakan tema Hari Kanser Sedunia bagi tahun 2022-2024 yang menekankan kesaksamaan dalam penjagaan kanser dengan memastikan semua pesakit kanser mendapatkan serta menerima penjagaan kanser yang sepatutnya. KKM juga telah menjalinkan kerjasama strategik dengan NGO kanser di Malaysia bagi membantu KKM dalam usaha merapatkan jurang pencegahan dan penjagaan kanser. Seramai 23 NGO telah menandatangani ikrar kerjasama bersama KKM dalam merapatkan jurang pencegahan dan penjagaan kanser.



Imej 4.15 Hari Kanser Sedunia di Universiti Cyberjaya

RUMAH BEBAS ASAP ROKOK (RBAR) KOSPEN

Inisiatif RBAR adalah KPI Daya Saing KKM yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran bebas asap rokok bagi melindungi individu bukan perokok daripada pendedahan kepada asap rokok sekunder. Inisiatif ini dilaksanakan dengan persetujuan pemilik rumah, di mana rumah tersebut diisytiharkan secara rasmi sebagai zon larangan merokok dan papan tanda RBAR dipasang di pintu utama rumah.

Pada tahun 2024, semua 837 lokaliti KOSPEN berjaya mencapai sekurang-kurangnya 5% isi rumah di setiap lokaliti yang menyertai inisiatif RBAR. Sebanyak 19,292 jumlah RBAR telah diwujudkan. Inisiatif ini dapat memberikan impak yang positif dengan meningkatkan kesedaran komuniti tentang bahaya merokok serta menggalakkan persekitaran yang lebih sihat dan bebas asap rokok.



Imej 4.16 Papan Tanda RBAR

PROGRAM KOSPEN WOW TAHUN 2024

Pada tahun 2024, sebanyak 350 agensi awam dan swasta telah terlibat dalam Program KOSPEN WOW. Sebanyak 10,547 (90.4%) pekerja telah disaring daripada 11,673 yang layak menjalani saringan kesihatan. Hasil saringan mendapati sebanyak 1,653 anggota (15.7%) mempunyai bacaan tekanan darah $\geq 140/90$ mmHg dan sebanyak 1,655 anggota (15.7%) mempunyai bacaan glukosa kapilari ≥ 5.6 mmol/L (*fasting*) atau ≥ 7.8 mmol/L (*random*). Seramai 447 (27%) individu yang mempunyai bacaan tekanan darah $\geq 140/90$ mmHg dan 616 (37.2%) individu yang mempunyai bacaan glukosa kapilari ≥ 5.6 mmol/L (*fasting*) atau ≥ 7.8 mmol/L (*random*) telah dirujuk ke fasiliti kesihatan untuk pemeriksaan lanjut. Individu yang dikesan mempunyai bacaan abnormal tetapi tidak memenuhi kriteria rujukan, telah diberikan intervensi yang bersesuaian seperti Program Pengurusan Berat Badan, Aktiviti Fizikal dan Amalan Pemakanan yang Sihat.

AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024 [AKTA 852]

Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] dikuatkuasakan di seluruh negara pada 1 Oktober 2024. Pelaksanaan Akta 852 ini dijalankan melalui pendekatan secara berhemah, berhikmah dan berkesan melalui penguatkuasaan secara berterusan daripada Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 khususnya bagi larangan merokok di tempat atau kawasan larangan merokok dan larangan penjualan, pembelian dan penggunaan produk merokok oleh orang belum dewasa (OBD).

Penguatkuasaan secara berfasa dalam tempoh antara tiga (3) hingga 12 bulan bagi peruntukan tertentu:

- i. 1 Januari 2025 - Larangan merokok di bangunan dobi dan tempat kerja
- ii. 1 April 2025 - kehendak pameran tanda larangan penjualan kepada OBD dan kehendak pameran tanda amaran larangan merokok di kawasan atau tempat larangan merokok
- iii. 1 Oktober 2025 - kawalan pembungkusan dan pelabelan

Tindakan penguatkuasaan serta merta dijalankan mulai 1 Oktober 2024 bagi peruntukan berkaitan larangan pengiklanan, promosi dan tajaan serta larangan penjualan di institusi pendidikan, secara dalam talian, mesin layan diri dan di pasar jualan, selain bagi pembungkusan produk yang menyerupai mainan atau makanan.

Penguatkuasaan Akta 852 ini adalah bukti keprihatinan kerajaan dalam memastikan kesihatan dan keselamatan seluruh rakyat Malaysia khususnya kanak-kanak supaya terpelihara daripada bahaya produk merokok seperti rokok elektronik atau vape di samping merealisasikan usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bebas tanpa sebarang bentuk amalan merokok pada tahun 2040.



Imej 4.17 Penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852]

PROGRAM WALKABOUT PREMIS BERSIH BEBAS ASAP (BeBAs)

Program *Walkabout* Premis Bersih Bebas Asap (BeBAs) telah dimulakan sejak 17 Februari 2024 bermula di Jalan Alor, Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Program *Walkabout* BeBAs ini telah selesai dilaksanakan di sepuluh (10) negeri (Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Sabah, Perlis, Johor, Terengganu, Kelantan, Selangor, Pahang dan Pulau Pinang) bagi tahun 2024 dan akan terus dilaksanakan pada tahun 2025. Program ini bertujuan meningkatkan pemahaman, sokongan dan pematuhan masyarakat terutamanya pengusaha premis makanan berkaitan kepentingan kebersihan premis makanan dan kepatuhan terhadap larangan merokok di tempat makan. Menitikberatkan konsep pemeraksanaan masyarakat, program ini memerlukan kerjasama di antara pengusaha premis makanan dengan agensi kerajaan, swasta, rakan sukarelawan, badan profesional dan NGO dalam melaksanakan transformasi tingkah laku dalam kalangan peniaga.

Empat (4) indikator utama akan diukur iaitu penurunan notis penguatkuasaan, pemantauan bilangan aduan, pertambahan bilangan Premis Bersih dan Selamat (BeSS) dan perluasan Rakan Nasihat Komuniti Lapangan (RNKL). Pihak KKM telah menerima maklum balas yang positif terutamanya dalam kalangan peniaga premis makanan serta komuniti setempat. KKM akan meneruskan program ini ke lebih banyak lokaliti bagi memastikan pengusaha premis dan penaja makanan sentiasa patuh terhadap peraturan kebersihan dan larangan merokok di tempat makan demi menjaga kesihatan dan kesejahteraan rakyat.



Imej 4.18 Program *Walkabout* BeBAs

SURVELAN KECEDERAAN DISEBABKAN TUSUKAN ALATAN TAJAM (SIS)

Sebanyak 2,161 kes kecederaan oleh alatan tajam telah dinotifikasi kepada Sektor Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), KKM bagi tahun 2024. Jumlah kes yang dilaporkan meningkat sebanyak 10.7% berbanding dengan 1,930 kes pada tahun 2023. Pada tahun 2024, daripada jumlah kes kecederaan alatan tajam, 1,964 kes adalah daripada tusukan jarum.

SURVELAN KEMALANGAN DAN KECEDERAAN, KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN DALAM KALANGAN ANGGOTA KKM

Jumlah kes kemalangan dan kecederaan (tidak termasuk kecederaan oleh alatan tajam klinikal) yang dilaporkan dalam kalangan anggota KKM pada tahun 2024 ialah sebanyak 2,917 kes iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak 10.0% berbanding tahun 2023. Kes keracunan pekerjaan ialah sebanyak 129 kes iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak 51.9% berbanding tahun 2023. Manakala bagi kes penyakit paru-paru pula, sejumlah 209 kes telah dinotifikasi pada tahun 2024 berbanding 315 kes pada tahun 2023.

KURSUS DOKTOR KESIHATAN PEKERJAAN (OHD)

Kursus OHD bagi anggota KKM diadakan setiap tahun bagi meningkatkan bilangan OHD dalam kalangan pegawai perubatan KKM supaya dapat menjalankan perkhidmatan kesihatan pekerjaan di fasiliti kesihatan KKM. Pada tahun 2024, kursus ini telah dijalankan di *National Institutes of Health* (NIH) melibatkan seramai 36 peserta dari seluruh negara. Kursus ini telah diadakan dalam tiga (3) sesi iaitu Sesi 1 (16-18 Ogos 2024), Sesi 2 (20-22 September 2024) dan Sesi 3 (18-21 Oktober 2024).

BULAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSH)

Sambutan Bulan OSH yang diadakan pada Oktober 2024 telah dilancarkan oleh Menteri Kesihatan pada 25 Oktober 2024. Bulan OSH di Ibu Pejabat KKM (IPKKM) telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) Induk bersama kesemua JKK Blok IPKKM. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti kursus *Occupational Safety and Health* (OSH) *Coordinator*, kursus *Basic Life Support* (BLS), saringan *Obstructive Sleep Apnea* (OSA), pameran dan seminar OSH, aktiviti mendaki Gunung Angsi dan lain-lain.



Imej 4.19 Sambutan Bulan OSH 2024 di IPKKM

PEMANTAUAN PERUBAHAN IKLIM TAHUN 2024

Bilik Gerakan Banjir Kebangsaan telah diaktifkan sebanyak dua (2) kali iaitu semasa banjir Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024 dari 26 Disember 2023 hingga 18 Januari 2024 dan Monsun Timur Laut (MTL) 2024/2025 bermula 27 November 2024. Selain itu, pemantauan penyakit berkaitan cuaca panas merekodkan sebanyak 140 kes dengan tujuh (7) kematian daripada Minggu Epidemiologi (ME) 5-46, tahun 2024. Tiada kejadian jerebu pada tahun 2024.

ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT (EIA)

Penilaian impak kesihatan telah dijalankan bagi 55 projek pembangunan yang tertakluk kepada EIA di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sektor terlibat juga telah menghadiri sebanyak 50 mesyuarat Jawatankuasa Teknikal EIA dan memberikan input teknikal berkaitan impak kesihatan daripada projek pembangunan yang dicadangkan.

PENGLIBATAN SEBAGAI PENILAI BAGI SIMULASI PERINGKAT KEBANGSAAN

Sektor Kesihatan Persekitaran dan Perubahan Iklim (SKPPI) juga turut terlibat sebagai penilai dalam dua (2) simulasi kebangsaan iaitu *Field Training Exercise* (FTX) bagi pelaksanaan Latih Amal Keselamatan Menyeluruh (EX COMSEC) Peringkat Kebangsaan Siri 2 Tahun 2024 di Melaka pada 10-11 Ogos 2024 dan *National Emergency Operations Centre Exercise* (NEOCX) dan *Sepanggar Simulation Exercise* (SSE 2024) - Kejadian CBRNe Peringkat Kebangsaan di Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah pada 20-22 Ogos 2024.

SEMINAR PERUBAHAN IKLIM

Seminar Perubahan Iklim dengan tema *Perubahan Iklim dan Impak Kepada Kesihatan Awam* melibatkan pelbagai kategori kakitangan kesihatan dari seluruh negara telah diadakan pada 5 November 2024 yang dirasmikan oleh Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit), Bahagian Kawalan Penyakit dan dihadiri oleh 88 orang peserta.



Imej 4.20 Seminar Perubahan Iklim

PEMERIKSAAN KESIHATAN PERSEKITARAN RUTIN DI PENJARA, DEPOH TAHANAN SEMENTARA (DTS) DAN PUSAT JAGAAN HARIAN (PJH)

Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran rutin di penjara, DTS dan PJH telah dijalankan sepanjang tahun. Sebanyak 19 DTS (100%), 1,075 PJH (100%) dan 42 penjara (100%) telah diperiksa pada kitaran pertama serta 42 penjara (100%) diperiksa di dalam kitaran kedua pada tahun lepas.

MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN (MKAK)

Sepanjang tahun 2024, MKAK telah terus berusaha untuk meningkatkan keupayaan teknikal sebagai sebahagian daripada kesiapsiagaan dan respons makmal terhadap kecemasan atau krisis kesihatan awam. Antara pencapaian utama untuk tahun 2024 adalah seperti berikut:

BENGKEL PENYATUAN DAN VALIDASI ANALISIS SWOT BAGI PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK MAKMAL KEBANGSAAN (NLSP)

Bengkel ini telah di adakan di Shah Alam, Malaysia pada 29 Julai hingga 1 Ogos 2024 bertujuan untuk menyatukan dan menvalidasi analisis SWOT dari pelbagai kementerian bagi pembentukan Pelan Strategik Makmal Kebangsaan 2025-2029. Bengkel ini melibatkan Kerjasama *Regional Public Health Laboratory* (RPHL) dan WHO, meliputi tiga (3) buah negara iaitu Thailand, Filipina dan Malaysia dan di hadiri oleh pelbagai wakil Kementerian meliputi perkhidmatan makmal klinikal, veterinar dan makanan.



Imej 4.21 Bengkel Penyatuan dan Validasi Analisis SWOT bagi Pembangunan NLSP

PROGRAM JAMINAN KUALITI LUARAN (EQA) WHO BAGI MAKMAL MEASLES DAN RUBELLA

MKAK dan rangkaian Makmal Kesihatan Awam MKA di Malaysia merupakan sebahagian daripada rangkaian makmal measles/rubella serantau Wilayah Pasifik Barat. Dalam hal ini, WHO menyediakan sampel serum EQA sebagai sebahagian daripada proses akreditasi makmal terlibat. Semua MKA menunjukkan prestasi cemerlang bagi tahun 2024, dengan markah melebihi 90% bagi ujian IgM Measles dan Rubella. Perincian adalah seperti dalam **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8 Markah EQA Serologi WHO bagi MKA Tahun 2024

Makmal	Measles IgM		Rubella IgM	
	Keputusan	Peratus (%)	Keputusan	Peratus (%)
MKAK	10/10	100	9/10	92.5
MKA Ipoh	10/10	100	10/10	100
MKA Johor Bahru	10/10	100	10/10	100
MKA Kota Bharu	10/10	100	10/10	97.7
MKA Kota Kinabalu	10/10	100	10/10	100

PROGRAM JAMINAN KUALITI LUARAN (EQA) BAGI SEROLOGI SIFILIS

Malaysia adalah negara pertama di Wilayah Pasifik Barat yang telah menerima sijil validasi *Elimination of Mother-To-Child Transmission* (EMTCT) bagi HIV dan sifilis pada Oktober 2018. Untuk mengekalkan persijilan ini, Seksysen Bakteriologi, MKAK telah melaksanakan Program EQA bagi saringan ujian serologi sifilis di klinik kesihatan, untuk memastikan ujian dan keputusan makmal adalah tepat dan boleh dipercayai untuk ibu mengandung. Liputan perkhidmatan adalah sebanyak 4.1% pada tahun 2018 dan telah diperluas kepada 18.7% (2019), 23.1% (2020), 42.2% (2023) dan 54.8% (2024).

PROGRAM PEMANTAUAN PRESTASI JAMINAN KUALITI LUARAN (EQA) KLINIK KESIHATAN PRIMER

Seksysen Biokimia, MKAK berperanan sebagai salah satu penyelaras Program Pemantauan Prestasi Penilaian EQA bagi 724 makmal klinik kesihatan primer dalam meningkatkan kualiti pengujian makmal di seluruh negara. Penggunaan platform digital Aplikasi Pemantauan EQA (APEQ) bagi program ini di makmal primer telah meningkat daripada 76% pada tahun 2023 kepada 89% pada tahun 2024. Selain itu, lawatan pemantauan oleh MKA ke klinik kesihatan primer juga menggunakan platform APEQ bagi memastikan intervensi awal yang lebih berkesan dan tersasar.

PROGRAM JAMINAN KUALITI (QA) BAGI MALARIA MIKROSKOPI

Seksysen Parasitologi, MKAK adalah bertanggungjawab bagi aktiviti QA ini dalam memastikan keputusan diagnostik yang tepat untuk penyakit jangkitan parasit, khususnya malaria dan filaria. Aktiviti ini merangkumi semakan semula keputusan mikroskopi malaria untuk mengesahkan ketepatan keputusan yang telah dilaporkan. Program latihan mikroskopi malaria dan mikrofilaria dijalankan untuk melatih semula kakitangan makmal bagi mengekalkan kemahiran dan kompetensi dalam mengenalpasti jangkitan parasit malaria dan filaria. *Proficiency Testing* (PT) untuk mikroskopi malaria dijalankan dua (2) kali setahun bagi menilai dan mengekalkan kecekapan ahli mikroskopi di MKA dan Makmal Vektor Negeri. Selain itu, penilaian dan pensijilan dijalankan terhadap ahli mikroskopi malaria bagi memastikan mereka memenuhi piawaian yang diperlukan sebagai jurulatih mikroskopi malaria. Usaha ini secara keseluruhannya menyokong diagnosis yang tepat bagi penyakit bawaan parasit dan menyumbang kepada pengurusan serta kawalan penyakit yang berkesan.

AKREDITASI DAN PENSIJILAN MAKMAL KESIHATAN AWAM

Sebagai sebahagian daripada peningkatan berterusan, MKAK telah berjaya memperolehi akreditasi dan pensijilan di bawah piawaian berikut: ISO/IEC 9001:2015, ISO 15189:2014, ISO 17025:2017, dan ISO 17043:2010.

PENGUKUHAN KAPASITI TEKNIKAL PERKHIDMATAN UJIAN JUJUKAN GENOM PATOGEN BAGI PENYAKIT YANG MUNCUL SEMULA SERTA PENYAKIT BAHARU

Seksysen Bakteriologi, MKAK telah berjaya menganjurkan bengkel *Strengthening Laboratory Capacity on Bio-Genomic Building and Analysis for Emerging and Re-emerging Diseases* dari 14-25 Oktober 2024, di Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI), Kajang, Selangor dan diketuai oleh pasukan pakar dari Universiti Malaya. Bengkel latihan selama 10 hari ini adalah sebahagian daripada Program Fasa 3 Pusat Operasi Kecemasan ASEAN (EOC) untuk Mitigasi Ancaman

Biologi (MBT), yang disokong oleh Dana Kanada. Ianya bertujuan sebagai sesi latihan teknikal yang memfokuskan kepada peningkatan kapasiti makmal untuk penjujukan genom bakteria patogen yang berkepentingan menggunakan *One Health Approach*. Seramai 18 peserta dari KKM (Makmal Kesihatan Awam), Bahagian Makanan, Institut Penyelidikan Perubatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Institut Penyelidikan Sumber Air Nasional Malaysia (NAHRIM) telah menghadiri bengkel ini.

UJIAN KERENTANAN NYAMUK TERHADAP RACUN SERANGGA SERTA PEMANTAUAN PATOGEN DI DALAM NYAMUK

Seksyen Entomologi, MKAK menawarkan perkhidmatan insektarium bagi kolonisasi nyamuk *Aedes* baka makmal dan liar, ujian kerentanan nyamuk serta ujian pengesanan patogen dalam nyamuk. Ujian ini meliputi arbovirus (denggi, chikungunya, zika, japanese encephalitis) serta parasit malaria dan mikrofilaria. Pada tahun 2024, 100 sampel telah dihantar bagi menjalani ujian kerentanan racun serangga. Sejumlah 66 ujian kerentanan racun dijalankan dan sebanyak 615 laporan telah diterima dan disemak. Hasil analisa ujian telah dibentangkan dalam mesyuarat *Technical Working Group* Kerintangan Racun Serangga untuk Kegunaan Kesihatan Awam KKM. Mesyuarat dilaksanakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2024, iaitu Bil. 1/2024 pada 26-27 Mac 2024 (data Julai - Disember 2023) dan Bil. 2/2024 pada 30-31 Julai 2024. (data Januari - Jun 2024).

LATIHAN TEKNIKAL MIKOTOKSIN MAKMAL RUJUKAN KEBANGSAAN

Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (KKT) Mikotoksin di bawah Jawatankuasa Analisis Makanan (JKAM) telah diadakan di Lembaga Koko Malaysia pada 17 Julai 2024. Mesyuarat ini telah dipengerusikan Ketua Bahagian Makanan, MKAK selaku Pengerusi KKT Mikotoksin. Di antara agenda mesyuarat ini ialah latihan pengesanan Afla WBSR+ menggunakan *High Chemical Tolerate IA Column* dan pengenalan kepada kit pengesanan pantas Ochra-V-Max bagi pengesanan *Ochratoxins* dalam serbuk koko. Sesi perkongsian maklumat dari wakil dari syarikat swasta turut dijalankan semasa mesyuarat ini iaitu sesi pembentangan bertajuk *Importance in Regulatory Trends of Using Isotope Calibrant and IAC Columns in Mycotoxin Testing*. Sewaktu sesi lawatan ke makmal Lembaga Koko Malaysia, para peserta didedahkan dengan kaedah pengekstrakan sampel koko (teknik QuEChERS) dan instrumentasi. Mesyuarat yang dihadiri oleh wakil dari pelbagai agensi dan Institut Pengajian Tinggi Awam ini diharap dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai medium perkongsian maklumat untuk meningkatkan keselamatan makanan khususnya di dalam bidang analisis mikotoksin.



Imej 4.22 Latihan Teknikal Mikotoksin

PENGUKUHAN PERKHIDMATAN MAKMAL PERSEKITARAN

MKAK merupakan ahli *National Project Counterpart* di bawah Projek Kerjasama Teknikal: Pengukuhan Kapasiti Nasional dalam Teknik Nuklear dan Molekul untuk Menyokong Penyakit Haiwan Rentas Sempadan dan Zoonotik yang Mempunyai Kepentingan Kesihatan Awam Veterinar di bawah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Projek ini bermula pada Mac 2022 dan dijangka akan tamat pada Mac 2025. Objektif utama projek ini adalah untuk meningkatkan kapasiti makmal bagi pengesanan, kawalan dan respons yang lebih baik terhadap penyakit zoonotik, di samping mengukuhkan perkhidmatan kesihatan awam serta pengeluaran ternakan di Malaysia. Aktiviti yang dijalankan termasuk lawatan saintifik ke Institut Kajian Alam Sekitar Negara (NIES), Jepun pada November 2024.



Imej 4.23 Pembentangan bertajuk *Radiation and Health* oleh Penyelidik Kanan dari *National Institute of Public Health* Jepun

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA (BPKK)

BPKK menyediakan penjagaan kesihatan utama melalui pelbagai klinik dan perkhidmatan luar, memastikan perkhidmatan komprehensif untuk semua, termasuk promosi kesihatan, pencegahan penyakit, pengesanan dan perawatan awal, perawatan penyakit kronik, perkhidmatan rehabilitasi, perawatan domisilari dan perubatan paliatif bermula dari ibu hamil hingga populasi warga emas. Bagi memastikan penjagaan kesihatan berkualiti, bahagian ini merancang dan melaksanakan perkhidmatan sokongan, pembangunan sumber manusia dan pelaksanaan tele-jagaan primer.

PERKEMBANGAN INFRASTRUKTUR KESIHATAN PRIMER

Sehingga Oktober 2024, jumlah keseluruhan fasiliti kesihatan primer adalah 2,839 terdiri daripada 1,098 Klinik Kesihatan (KK), 76 Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) dan 1,665 Klinik Desa (KD) dan 174 Klinik Komuniti (KKom). Bilangan fasiliti kesihatan primer dikemas kini berdasarkan pelaksanaan pembinaan fasiliti yang baharu, naik taraf dan juga penutupan fasiliti sedia ada. Pada tahun 2024, sebanyak 15 projek pembinaan KK (Jenis 2 dan 3) yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (*Rolling Plan 5*) di seluruh negara yang dijangka akan dapat memberi perkhidmatan kesihatan primer yang komprehensif kepada penduduk setempat. Fasiliti Kesihatan primer juga telah dinaik taraf dalam Projek Klinik Daif pada tahun 2024 yang melibatkan 422 fasiliti dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM150 juta. Pada tahun 2025 dijangka 445 fasiliti kesihatan akan dinaik taraf dengan peruntukan sebanyak RM300 juta.

PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIKAL DI FASILITI PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER


Pada tahun 2024, perkhidmatan sokongan klinikal di peringkat penjagaan kesihatan primer menunjukkan peningkatan 2.35% dalam perkhidmatan radiologi daripada 255 KK pada tahun 2023 kepada 261 KK di seluruh Malaysia. Bilangan makmal penjagaan kesihatan primer di fasiliti kesihatan (KK dan KKIA) juga telah meningkat daripada 777 pada tahun 2023 kepada 780 makmal pada tahun 2024. Dari segi perjawatan juruteknologi makmal perubatan, sebanyak 94.9% (n=2,392) telah diisi berbanding 94.7% (n=2,324) pada tahun sebelumnya. Bagi perkhidmatan dietetik pula, jumlah perjawatan meningkat kepada 163 perjawatan dengan liputan perkhidmatan dietetik ke 618 KK.

Terdapat sejumlah 503 perjawatan pelbagai gred melibatkan 441 ahli fisioterapi lantikan tetap dan 62 ahli fisioterapi lantikan kontrak yang menyediakan perkhidmatan fisioterapi di 834 KK, manakala 437 ahli terapi cara kerja memberikan perkhidmatan terapi cara kerja di 258 KK. Hanya empat (4) pengisian pegawai terapi pertuturan bahasa yang telah ditempatkan di empat (4) KK.

Bagi perkhidmatan kerja sosial perubatan pula, terdapat 27 pegawai kerja sosial perubatan yang ditempatkan di 26 KK namun turut memberi perkhidmatan lawatan ke 255 KK lain. Bagi perkhidmatan optometri, terdapat dua (2) pegawai optometri lantikan tetap dan 15 lantikan kontrak telah ditempatkan di 17 KK. Perkhidmatan kaunseling dijalankan oleh 26 pegawai psikologi lantikan tetap dan 199 pegawai psikologi lantikan kontrak. Seramai 340 pegawai sains pemakanan telah menyediakan perkhidmatan penjagaan primer pada tahun 2024.

KEDATANGAN PESAKIT KESIHATAN PRIMER

Pada tahun 2024, sejumlah 91,999,859 pesakit telah menerima rawatan di fasiliti kesihatan primer seluruh Malaysia. Trend kedatangan pesakit di fasiliti kesihatan primer menunjukkan peningkatan yang konsisten setiap tahun kecuali semasa pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 dan 2021. Selangor mencatatkan kedatangan pesakit yang paling ramai dari tahun 2019 hingga 2024, diikuti oleh Johor dan Perak seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 4.2**.



Rajah 4.2 Jumlah Kedatangan Pesakit ke Fasiliti Kesihatan Primer Tahun 2019-2024

PANEL PENASIHAT KLINIK KESIHATAN (PPKK)

Bagi sesi 1 Jun 2023 hingga 31 Disember 2026, seramai 14,582 ahli PPKK dilantik dengan keahlian terdiri daripada 3,440 anggota kesihatan dan 11,142 wakil komuniti. PPKK pada sesi ini melibatkan 1,019 fasiliti merangkumi 974 KK, 33 KKIA dan 12 KD. Sejumlah RM5,095,000.00 telah disalurkan kepada 15 JKN pada tahun 2024. Berdasarkan pemantauan, PPKK di bawah seliaan 14 JKN berjaya membelanjakan 100% peruntukan manakala satu (1) JKN hanya membelanjakan 80% peruntukan.

Pada 28 Jun 2024, pelantikan PPKK untuk sesi 1 Jun 2023 hingga 31 Disember 2026 ditamatkan keahliannya berkuat kuasa 31 Disember 2024 atas arahan Menteri Kesihatan.

PERKHIDMATAN KESIHATAN BERGERAK

Pada 2024, Perkhidmatan Klinik Bergerak dilaksanakan di 2,181 lokasi di sebelas (11) negeri, melibatkan 243 pasukan iaitu 99 di Semenanjung Malaysia, 40 di Sabah dan 104 di Sarawak. Sebanyak 399,075 kedatangan bagi Perkhidmatan Klinik Bergerak pada tahun 2024, dengan 81.0% adalah kedatangan bagi perkhidmatan ke lokasi melalui mod darat, 11.0% melalui mod air dan 8.0% melalui mod udara.

Peruntukan kewangan khusus yang diterima bagi Perkhidmatan Klinik Bergerak adalah sebanyak RM16,183,306.00 pada tahun 2024, yang mana lebih rendah berbanding peruntukan RM20 juta yang diberikan pada tahun 2023.

PELANJUTAN WAKTU OPERASI SELEPAS WAKTU PEJABAT (*EXTENDED HOUR*)

Pelanjutan waktu operasi *Extended Hour* (EH) di KK dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital berdekatan. Pada tahun 2024, sebanyak 49 KK melaksanakan EH berbanding 52 KK pada tahun 2023. Penurunan bilangan KK yang melaksanakan EH adalah susulan daripada penyelarasan pelaksanaan perkhidmatan selepas waktu pejabat oleh JKN.

Sebanyak 880,868 kedatangan dicatatkan semasa pengoperasian EH pada tahun 2024 dan 20,059 (2.27%) daripadanya merupakan kes kecemasan. Sebanyak 72.4% daripada kedatangan dalam kategori kes kecemasan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut.

PENJAGAAN KESIHATAN IBU HAMIL DAN PERANCANG KELUARGA

Penjagaan kesihatan ibu hamil meliputi penjagaan antenatal, intrapartum dan postpartum termasuk perancang keluarga. Penjagaan ini telah diperluas kepada penjagaan prakehamilan yang memberi fokus kepada wanita dalam usia reproduktif yang mempunyai masalah perubatan, bagi memastikan status kesihatan mereka dalam keadaan optimum sebelum hamil.

Pada 2024, 90.1% wanita telah menerima perkhidmatan penjagaan kesihatan ibu sekurang-kurangnya satu lawatan, 99.4% kelahiran selamat dan 100% menerima lawatan ke rumah postanatal. Purata lawatan antenatal bagi setiap orang adalah lebih daripada 12 lawatan. Aktiviti saringan untuk *Gestational Diabetes Mellitus* (GDM) pada tahun 2024 mengesan 22.0% ibu antenatal dengan GDM, manakala 2.4% ibu GDM postnatal telah disahkan menghidap diabetes.

Nisbah Kematian Ibu Bersalin (MMR) menunjukkan sedikit penurunan daripada 26.0 (2022) kepada 25.7 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup pada tahun 2023 (Ruj.: Jabatan Perangkaan Malaysia, Oktober 2024). Antara penyebab utama kematian ibu hamil termasuk *associated medical conditions*, *postpartum hemorrhage (PPH)*, *hypertensive disorders in pregnancy* dan *ectopic pregnancy*.

PENJAGAAN KESIHATAN BAYI DAN KANAK-KANAK

IMUNISASI KANAK-KANAK

Pada tahun 2024, liputan imunisasi kebangsaan telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 95% bagi semua jenis imunisasi di bawah Program Imunisasi Kebangsaan (NIP). **Jadual 4.9** menunjukkan pencapaian liputan imunisasi bagi petunjuk utama di peringkat kebangsaan pada tahun 2024.

Jadual 4.9 Pencapaian Liputan Imunisasi bagi Petunjuk Utama Kebangsaan Tahun 2024


Petunjuk Utama	Jenis Imunisasi	Pencapaian (%)
<i>Sustainable Development Goals (SDGs)</i>	Dos ke-3 DTaP-IPV-HepB-Hib	99.64
	Dos ke-2 PCV	98.35
	Dos ke-2 MMR	101.60

SARINGAN AWAL KETIDAKUPAYAAN

Perkhidmatan kesihatan untuk kanak-kanak kurang upaya memberi fokus kepada saringan awal ketidakupayaan, pengesahan dan rehabilitasi. Pada tahun 2024, saringan awal kanak-kanak kurang upaya berumur 0-1 tahun adalah 0.18% melebihi sasaran KKM iaitu 0.12%. Selain itu, seramai 371,145 kanak-kanak berumur 18-24 bulan telah menjalani saringan M-CHAT. Hasil saringan tersebut, seramai 1,453 kanak-kanak (0.39%) telah gagal saringan di mana 167 kes (11.49%) telah disahkan mengidap *autism spectrum disorder (ASD)*.

SURVELAN KEMATIAN KANAK-KANAK BAWAH 5 TAHUN

Di Malaysia, kadar kematian kanak-kanak bawah umur 5 tahun telah menurun dengan ketara dari tahun 1990 hingga 2000, disebabkan oleh penambahbaikan dalam penjagaan kesihatan perinatal dan kanak-kanak, program NIP, program pemakanan di seluruh negara, serta aktiviti dan kempen promosi kesihatan. Namun sejak tahun 2000, kadar kematian kanak-kanak bawah 5 tahun kekal mendatar sejak tahun 2000 dengan julat 8 hingga 9 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup. Lima (5) sebab utama kematian kanak-kanak bawah 5 tahun adalah keadaan yang berpunca semasa tempoh perinatal, kecacatan kongenital, kecederaan, jangkitan dan penyakit respiratori. Lebih separuh daripada kematian kanak-kanak bawah 5 tahun berlaku dalam kalangan kumpulan umur neonatal di mana majoritinya adalah kematian yang tidak boleh dicegah. Pada tahun 2023, kadar kematian kanak-kanak bawah 5 tahun adalah 8.3 per 1,000 kelahiran hidup manakala kadar kematian neonatal adalah 4.3 per 1,000 kelahiran hidup. **Rajah 4.3** menunjukkan trend kadar kematian bawah 5 tahun, kadar kematian bayi dan kadar kematian neonatal sejak tahun 1990.



Rajah 4.3 Kadar Kematian Bawah 5 Tahun (U5MR), Kadar Kematian Bayi (IMR) dan Kadar Kematian Neonatal (NMR) di Malaysia Tahun 1990-2023

Nota:

1. U5MR = Kadar Kematian Bawah 5 Tahun
2. IMR = Kadar Kematian Bayi
3. NMR = Kadar Kematian Neonatal

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SARINGAN KESIHATAN

KESIHATAN REMAJA

Sebanyak 226,339 remaja telah disaring, mewakili 4.23% daripada 5,345,000 jumlah populasi remaja Malaysia (berumur 10-19 tahun) bagi tempoh Januari hingga September 2024. Lima (5) masalah kesihatan utama yang dikenal pasti melalui saringan kesihatan adalah seperti yang berikut:

- i. Masalah kesihatan pemakanan: 20,212 kes (8.93%)
- ii. Masalah kesihatan fizikal: 5,562 kes (2.46%)
- iii. Masalah kesihatan tingkah laku berisiko: 4,915 kes (2.17%)
- iv. Masalah kesihatan mental: 2,919 kes (1.29%)
- v. Masalah kesihatan seksual dan reproduktif: 2,185 kes (0.97%)

Kedatangan kes antenatal baharu dalam kalangan remaja yang didaftarkan di fasiliti kesihatan primer KKM menunjukkan penurunan daripada 10,349 kes pada tahun 2019 kepada 8,464 kes pada tahun 2023. Dari Januari hingga September 2024, sebanyak 5,953 kes telah dilaporkan, dengan 2,604 kes (43.74%) didapati belum berkahwin dan 4,874 kes (81.87%) tidak bersekolah. Dalam tempoh ini, Sarawak mencatatkan jumlah kes tertinggi (1,479 kes), diikuti oleh Sabah (822 kes) dan Selangor (555 kes).

Pada tahun 2024, sebanyak 43 KK telah dicalonkan di bawah program *Best Practice* Perkhidmatan Kesihatan Mesra Remaja (PKMR). Program ini merangkumi penilaian dan pengiktirafan klinik kesihatan untuk PKMR, berdasarkan kriteria WHO, Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan KKM. Sejak tempoh pelaksanaan *Best Practice* PKMR tahun 2019 hingga 2024, sejumlah 121 KK dari seluruh Malaysia telah dicalonkan dan sebanyak 115 KK telah berjaya mendapat pengiktirafan sebagai *Best Practice* PKMR.

KESIHATAN DEWASA

Program Saringan Kanser Reproduksi Wanita merangkumi saringan kanser serviks dan payudara. Sehingga September 2024, seramai 283,131 wanita yang berumur 30-65 tahun telah menjalani saringan kanser serviks, menyumbang kepada 15.1% liputan saringan. Daripada jumlah tersebut, 89,253 wanita telah menjalani ujian human papillomavirus (HPV) manakala 193,878 disaring menggunakan kaedah sitologi.

Bagi kanser payudara, pemeriksaan klinikal payudara (CBE) ditawarkan kepada wanita berumur 30 tahun ke atas di fasiliti kesihatan, manakala saringan mamogram disediakan untuk wanita berisiko tinggi berumur 40 tahun ke atas dan dijalankan setiap dua (2) tahun untuk wanita berumur 50 tahun ke atas tanpa faktor risiko utama. Sehingga September 2024, seramai 464,518 wanita telah menjalani pemeriksaan klinikal payudara dan 7,506 wanita berisiko tinggi telah menjalani mamogram. Hasil laporan mamogram, mendapati 113 kes kanser payudara, dengan kadar pengesanan 1.50%.

Projek Rintis Perkhidmatan Pengesanan Awal Masalah Kesihatan Seksual dan Reproduksi (SRH) Lelaki telah dimulakan pada April 2024 di WP KL & Putrajaya, Kelantan dan Kedah. Perkhidmatan ini memfokuskan kepada pengesanan awal masalah *erectile dysfunction* (ED), *benign prostatic enlargement* (BPE) dan kanser prostat. Sehingga Disember 2024, sebanyak 32

klinik menawarkan perkhidmatan ini dan sehingga September 2024, seramai 791 pesakit telah disaring. Keputusan menunjukkan 392 pesakit (49.56%) mengalami ED dan 256 (32.36%) BPE. Perkhidmatan ini dirancang untuk diperluas ke Melaka, Johor dan Terengganu pada tahun 2025.

KESIHATAN WARGA EMAS

Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas 2023-2030 (PTPKWE 2023-2030) dan Pelan Tindakan Dementia 2023-2030 telah dilancarkan pada 1 Oktober 2024 bersempena dengan Sambutan Hari Warga Emas 2024 Peringkat KKM. Pelan ini bertujuan untuk memperkukuh perkhidmatan kesihatan warga emas melalui perkhidmatan kesihatan yang komprehensif dan pendekatan *Integrated Elderly Health Care* yang akan melibatkan semua peringkat komuniti, perkhidmatan kesihatan primer dan tertiar serta kerjasama dan penyelarasan antara pelbagai kementerian, agensi dan NGO dalam memantapkan Liputan Kesihatan Sejangat (UHC).

Penjagaan bersepadu untuk warga emas di peringkat kesihatan primer (GeCares) merupakan pendekatan proaktif bagi memastikan penjagaan kesihatan primer yang lebih mampan dan holistik. Matlamat utama adalah untuk menangani kesihatan dan kesejahteraan golongan warga emas dengan penyediaan penjagaan perkhidmatan yang bersepadu (*integrated*) dan penjagaan berpusatkan pesakit (*patient centered care*) serta mengoptimumkan daya intrinsik (*intrinsic capacity*) dan keupayaan berfungsi (*functional ability*) seiring dengan peningkatan usia individu. Warga emas yang disaring akan dirujuk kepada pakar perubatan keluarga untuk penilaian yang terperinci dan penyediaan pelan penjagaan yang spesifik (*personalised care plan*).

Selain itu, program peluasan peranan Jururawat Masyarakat (JM) di KD dalam penjagaan kesihatan warga emas adalah satu inisiatif bagi meluaskan perkhidmatan melalui *Community Based Primary Healthcare*. Ia dilaksanakan secara berfasa sejak tahun 2019 dan pada tahun 2023 semua negeri telah melaksanakannya. Sehingga kini terdapat 434 KD yang melaksanakan inisiatif ini.

Kelab Warga Emas telah ditubuhkan di bawah penyelarasan KK bagi menggalakkan penglibatan komuniti dan NGO dalam penjagaan kesihatan warga emas. Sehingga Disember 2024, seramai 11,819 ahli yang bernaung di bawah 285 kelab warga emas yang aktif. Pelbagai aktiviti dijalankan termasuk aktiviti promosi kesihatan dan saringan kesihatan warga emas setempat.

PERKHIDMATAN JANGKAU LUAR

PERKHIDMATAN KESIHATAN SEKOLAH

Program Kesihatan Sekolah telah ditubuhkan pada tahun 1967 dengan matlamat memastikan kesihatan optimum dalam kalangan murid. Perkhidmatan kesihatan sekolah diberikan kepada murid prasekolah sehingga murid berada Tingkatan 4 mengikut jadual yang ditetapkan. Perkhidmatan ini merangkumi pendidikan kesihatan, saringan, pemeriksaan kesihatan, pemberian imunisasi, rawatan, rujukan awal dan perkhidmatan lain yang dilaksanakan setiap tahun di sekolah. Pada tahun 2024, liputan perkhidmatan kesihatan sekolah bagi murid Tahun 1, Tahun 6 dan Tingkatan 3 untuk adalah melebihi 97%.

Bagi prevalens masalah ketajaman penglihatan dalam kalangan murid Tahun 1, pada tahun 2024, WP Kuala Lumpur menunjukkan peratusan tertinggi sebanyak 7.16% diikuti dengan Terengganu sebanyak 7.11% dan Sarawak sebanyak 6.53%.

Bagi masalah pemakanan murid sekolah pada tahun 2024, Sarawak menunjukkan peratusan tertinggi bagi murid Tahun 1 dengan berlebihan berat badan dan obes sebanyak 19.18%. Perak mencatatkan peratusan tertinggi berlebihan berat badan dan obes dalam kalangan murid Tahun 6 iaitu sebanyak 32.36%, manakala Melaka menunjukkan peratusan tertinggi bagi murid Tingkatan 3 dengan masalah berlebihan berat badan dan obes sebanyak 23.43%.

Perkhidmatan imunisasi kesihatan sekolah disediakan secara berjadual iaitu murid Tahun 1 menerima imunisasi *diphtheria* dan *tetanus* (DT), murid perempuan Tingkatan 1 menerima imunisasi HPV dan murid Tingkatan 3 untuk *imunisasi anti tetanus toxoid* (ATT). Pada tahun 2024, liputan imunisasi DT dan ATT masing-masing adalah 95.1% dan 91.0%. Mulai Mei 2024, Program Imunisasi HPV *Catch-up* telah dijalankan kepada murid perempuan Tingkatan 1 yang belum menerima suntikan vaksin HPV. Liputan imunisasi HPV bagi murid perempuan Tingkatan 1 kohort 2021, 2022, 2023 dan 2024 masing-masing 94.5%, 90.8%, 87.5% dan 89.7%.

PROGRAM SARINGAN THALASSAEMIA MURID TINGKATAN 4

Pada tahun 2024, seramai 312,376 murid Tingkatan 4 telah ditawarkan saringan thalassaemia untuk menentukan status pembawa mereka. Daripada jumlah yang ditawarkan seramai 276,428 murid (88.49%) telah menjalani saringan, menunjukkan peningkatan sebanyak 10.41% berbanding tahun sebelumnya. Keputusan saringan menunjukkan sejumlah 169,781 murid (61.42%) yang menjalani saringan didapati bukan pembawa thalassaemia, manakala, 66,294 murid (23.98%) telah disyaki pembawa. Selain itu, terdapat 36,573 murid (13.23%) yang dikesan mengalami anemia akibat kekurangan zat besi dan 3,780 murid (1.37%) mengalami lain-lain sebab anemia.

LAWATAN PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK)

Sejumlah 567 PDK telah dilawati untuk pemeriksaan kesihatan dan intervensi awal kesihatan bagi orang kurang upaya (OKU), Daripada 18,320 kanak-kanak kurang upaya 18,130 (98.96%) telah mendapat pemeriksaan kesihatan dan diberi intervensi awal mengikut keperluan.


PERKHIDMATAN PERAWATAN DOMISILIARI (PPD) DAN PERKHIDMATAN PERAWATAN DOMISILIARI SKOP PERUBATAN PALIATIF

Perkhidmatan kesihatan bagi golongan dewasa OKU merangkumi PPD dan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari Skop Perubatan Paliatif. Sehingga September 2024, sebanyak 441 KK telah menjalankan PPD, manakala 257 KK telah melaksanakan perubatan paliatif. Sejumlah 3,976 pesakit terlantar telah menerima PPD dan seramai 649 pesakit skop perubatan paliatif telah dirawat. Pada tahun 2024, skop perubatan paliatif telah diperluas ke Terengganu.

PERKHIDMATAN KECEMASAN DAN AMBULANS DI FASILITI KESIHATAN PRIMER

Pada tahun 2024, sektor telah bekerjasama dengan *National Committee on Resuscitation Training* (NCORT) dalam mengadakan kursus *Basic Life Support* (BLS) *Instructor Course*. Kursus ini melibatkan pakar perubatan keluarga, pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan (PPP) dan jururawat dari KK dengan sejumlah 108 individu dilatih. Peratusan PPP memiliki sijil BLS yang sah menurun daripada 92% pada tahun 2023 kepada 80.40% pada tahun 2024. Pahang, Negeri Sembilan, WP Labuan dan Kelantan sahaja berjaya mencapai sasaran 95% pensijilan.

Jumlah keseluruhan ambulans di fasiliti kesihatan primer KKM adalah 827 unit. Daripada jumlah tersebut, 701 unit beroperasi, 65 unit masih rosak dan menunggu pembaikan, 30 unit dalam proses *beyond economic repair* (BER) dan 31 unit telah BER. Selain itu, pada tahun 2024 sebanyak enam (6) unit kenderaan ambulans baharu Jenis B telah diagihkan ke KK di Kedah.



Rajah 4.4 Status Ambulans di Fasiliti Kesihatan Primer

PENJAGAAN PERUBATAN PRIMER

PROGRAM *CARDIOVASCULAR PREVENTION CONTINUING MEDICAL EDUCATION* (CME)

Pada 19 November 2024, KKM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Institut Jantung Negara (IJN) bagi melaksanakan Program *Cardiovascular Prevention* CME. Program ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota kesihatan di fasiliti kesihatan primer kerajaan dan swasta dalam pencegahan penyakit kardiovaskular.



Imej 4.24 Majlis Menandatangani MoU antara KKM dan IJN bagi Program *Cardiovascular Prevention* CME

PROGRAM PENJAGAAN LUKA DI KESIHATAN PRIMER PERINGKAT KEBANGSAAN

Sebanyak 15 modul latihan penjagaan luka untuk kegunaan petugas di lapangan telah diwujudkan, bagi mengukuhkan penyampaian perkhidmatan penjagaan luka di fasiliti kesihatan primer. Bengkel *Training of Trainers* (ToT) Modul Latihan Penjagaan Luka di Kesihatan Primer Peringkat Kebangsaan KKM telah diadakan pada 15-17 Mei 2024.



Imej 4.25 Bengkel ToT Modul Latihan Penjagaan Luka di Kesihatan Primer Peringkat Kebangsaan KKM

INISIATIF *ENHANCED PRIMARY HEALTHCARE* (ENPHC) DI KLINIK KESIHATAN

Inisiatif EnPHC bertujuan menambah baik tahap kesihatan rakyat Malaysia melalui pendekatan sistematik dalam pengendalian NCD dengan memberi fokus kepada aspek pencegahan, pengesanan awal dan rawatan.

Satu bengkel untuk meningkatkan kefahaman serta keberkesanan pelaksanaan inisiatif EnPHC di peringkat lapangan telah diadakan pada 10-12 Jun 2024. Bengkel ini telah dihadiri oleh pakar, pegawai serta anggota kesihatan daripada lima (5) negeri yang terlibat iaitu Johor, Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis serta wakil daripada pelbagai bahagian dalam kementerian.



Imej 4.26 Bengkel Pengukuhan Pelaksanaan EnPHC

Sehingga Disember tahun 2024, inisiatif EnPHC telah dilaksanakan di 86 KK melibatkan lima (5) negeri iaitu Johor, Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Perlis. **Jadual 4.10** menunjukkan pertambahan bilangan KK yang melaksanakan Inisiatif EnPHC dari tahun 2017 hingga 2024.

Jadual 4.10 Bilangan KK yang Melaksanakan Inisiatif EnPHC dari Tahun 2017-2024

Negeri	2017-2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	Jumlah
Perlis	0	0	0	10	0	1	0	11
Selangor	9	6	0	0	2*	0	0	15
Negeri Sembilan	0	3	0	0	0	0	0	3
Johor	11	11	0	0	0	0	0	22
Kelantan	0	0	5	0	0	17	13	35
Jumlah	20	20	5	10	2*	18	13	86

Nota:
*KK Balakong (2017-2018) dan KK Sepang (2019) Selangor ditamatkan program dan diganti dengan KK Bandar Sri Putra dan KK Sg. Pelek.

Bagi memastikan inisiatif EnPHC dilaksanakan dengan lancar dan berkesan, sepuluh (10) indikator telah diwujudkan dan dipantau secara berkala di peringkat kebangsaan. Indikator ini juga merangkumi aspek *clinical outcome* bagi memantau impak inisiatif ke atas kawalan penyakit diabetes mellitus (DM) dan hypertension (HPT) dalam kalangan pesakit.

Pada tahun 2024 sebanyak 1,499,452 *population assigned*, di mana sejumlah 1,291,702 (86.14%) daripadanya telah didaftar dan sejumlah 587,449 penduduk (39.18%) telah disaring bagi risiko NCD. Daripada jumlah yang disaring, 11.8% kes baru dikesan menghadapi HPT, 8.7% DM dan 14.1% dyslipidemia.

Tahap kepatuhan pesakit terhadap ubat-ubatan adalah 78.6%, manakala tahap kepatuhan pesakit terhadap janji temu klinik dan hospital masing-masing adalah 85.6% dan 90.2%.. Pencapaian indikator bagi kawalan penyakit DM menunjukkan 32.9% pesakit dengan HbA1c terkawal ($\leq 6.5\%$) dan 67.6% pesakit dengan tekanan darah terkawal ($< 140/90$ mmHg).

Inisiatif ini akan terus diperluas secara berfasa bagi memperkukuh perkhidmatan penjagaan kesihatan primer. Ianya menjadi platform dalam pengesanan awal penyakit NCD dalam komuniti seterusnya pesakit dapat dirawat secara holistik dan sistematik berfokuskan penjagaan berpusatkan individu.

TRANSFORMASI DIGITAL KESIHATAN PRIMER

Pada tahun 2024, beberapa inisiatif transformasi kesihatan digital telah dilaksanakan dalam penjagaan kesihatan primer. Terdapat peningkatan pendigitalan rekod kesihatan di KK yang merangkumi *Cloud-based Clinic Management System (CCMS) SystmOne* di 50 KK, *Sistem Teleprimary Care-Oral Health Clinical Information System (TPC-OHCIS)* di 107 KK, *Advanced Clinic Management (ACM)* di 45 KK, *RekodPesakit* di 26 KK dan *Fisicien* di satu (1) KK. SystmOne, TPC-OHCIS dan *Rekod Pesakit* adalah menggunakan teknologi awan bagi meningkatkan kebolehcapaian dan kecekapan.

Selain itu, KK terus melaksanakan sistem janji temu dalam talian MySejahtera dan *Picture Archiving and Communication System* (PACS). Sejumlah 168,408 sesi konsultasi maya telah berjaya dilaksanakan dalam tahun ini iaitu peningkatan sebanyak 24% dari tahun sebelumnya.

Pendigitalan perkhidmatan kesihatan primer adalah diperkukuhkan dengan penyempurnaan platform integrasi *Health Information Exchange* (HIE) yang menggabungkan teknologi terkini dilengkapi dengan komponen rekod kesihatan seumur hidup, kesinambungan penjagaan kesihatan dan pemerikasaan pesakit.

BPKK telah menyokong pelbagai inisiatif transformasi kesihatan digital yang melibatkan anggota kesihatan daripada hampir semua peringkat dan jawatan di fasiliti kesihatan primer. Komitmen yang tinggi dan kecekalan mereka mengadaptasi penggunaan teknologi dalam perkhidmatan kesihatan amat penting bagi menyokong agenda tranformasi kesihatan Kertas Putih Kesihatan Malaysia.

KUALITI DAN INOVASI PRIMER

PENCEGAHAN DAN KAWALAN INFEKSI

Sebanyak 723 Audit Kepatuhan Amalan *Standard Precautions* dilaksanakan dalam tahun 2024. Peratusan kepatuhan adalah 96.9%, meningkat sebanyak 0.3% berbanding tahun 2023 dan berjaya mencapai sasaran kebangsaan 95%. Audit Kepatuhan Amalan Kebersihan Tangan (*Hand Hygiene Compliance Survey*) 2024 dijalankan dalam dua (2) fasa. Bagi fasa 1, ia dilaksanakan di 926 KK, di mana 94.18% amalan kebersihan tangan dilaksanakan terhadap 416,700 *moments hand hygiene* yang diaudit. Fasa 2 dilaksanakan di 934 KK, di mana 95.33% amalan kebersihan tangan dilaksanakan terhadap 420,300 *moments hand hygiene* yang diaudit.

ANTIMICROBIAL STEWARDSHIP (AMS)

Audit Klinikal AMS telah dilaksanakan di 995 KK pada tahun 2024. Pencapaian keseluruhan preskripsi antibiotik wajar adalah 93%, menunjukkan peningkatan sebanyak 4% berbanding tahun 2023. Dua (2) elemen yang menunjukkan peratusan pencapaian paling rendah ialah pendidikan kesihatan untuk kepatuhan atau kesan sampingan antibiotik diberikan kepada pesakit serta kenyataan alahan kepada ubat.

KESELAMATAN PESAKIT

Sebanyak 696 insiden daripada keseluruhan 776 pelaporan yang diterima pada 2024 merupakan insiden melibatkan keselamatan pesakit di fasiliti kesihatan primer. Selangor mencatatkan jumlah pelaporan tertinggi diikuti oleh Johor dan Perak. *Medication Error* merupakan insiden tertinggi dilaporkan dengan 240 insiden diikuti oleh insiden pesakit terjatuh semasa hadir ke fasiliti kesihatan primer dengan 171 insiden.

LEAN

Sebanyak 19 KK Jenis 1-4 telah menyertai tiga (3) bengkel yang diadakan di NIH. Skop bengkel merangkumi *Introduction of Lean Healthcare, Waste & Value, Common Tools & Technique, Value Stream Mapping, A4 Quadrant Presentation* dan *A3 Report Presentation*.

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

Kajian Kepuasan Pelanggan telah dilaksanakan di 1,075 KK (97.8%) pada tahun 2024 dengan

sejumlah 121,918 responden. Pencapaian median kebangsaan pada tahun 2024 ialah 94% meningkat sebanyak 3.2% berbanding tahun 2023.

AUDIT KLINIKAL ASMA

Sebanyak 271,767 rekod perubatan pesakit telah diaudit dalam Audit Klinikal Asma tahun 2024 melibatkan 892 KK. Pencapaian audit klinikal asma bagi tahun 2024 meningkat sebanyak 2% mencapai 90% berbanding 88% pada tahun 2023.

PEMANTAUAN MASA MENUNGGU

Pemantauan masa menunggu untuk dilihat oleh Pegawai Perubatan telah dilaksanakan di sembilan (9) negeri, melibatkan KK yang dilengkapi dengan sistem TPC-OHCIS dan CCMS. Sebanyak 90% pelanggan telah menerima rawatan dalam masa 90 minit.

BAHAGIAN PEMAKANAN

Bahagian Pemakanan terdiri daripada tiga (3) cawangan utama iaitu Cawangan Perancangan dan Dasar Pemakanan, Cawangan Pemakanan Keluarga dan Cawangan Pemakanan Komuniti & Inter Agensi. Ketiga-tiga cawangan ini mempunyai fungsi masing-masing bagi melaksanakan fungsi bahagian iaitu merancang, membangun, melaksana, memantau dan menilai program pemakanan dalam empat (4) aspek iaitu pencegahan, intervensi, advokasi dan surveilans pemakanan.

PELAKSANAAN AKTIVITI ADVOKASI WAR ON SUGAR TAHUN 2024

War on Sugar merupakan satu inisiatif yang diambil oleh KKM dalam mengurangkan pengambilan gula dalam kalangan rakyat Malaysia. Inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan prevalen obesiti dan NCD seperti diabetes dan karies gigi di Malaysia.

Bagi memastikan inisiatif ini mencapai objektif, pelbagai aktiviti advokasi telah dilaksanakan bagi mendidik masyarakat untuk mengurangkan pengambilan gula sepanjang tahun 2024. Inisiatif-inisiatif ini merangkumi pelaksanaan strategi-strategi seperti kempen kesedaran, program penglibatan komuniti, dan kerjasama dengan pihak berkepentingan, yang kesemuanya dirancang untuk mempromosikan amalan pemakanan yang lebih sihat, dengan penekanan khusus kepada usaha pengurangan pengambilan gula dalam kalangan rakyat Malaysia.

KEMPEN WAR ON SUGAR SEMPENA SAMBUTAN BULAN MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA (BMSS) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

Kempen *War on Sugar* telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 8 September 2024 bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan di *Zon War on Sugar* bermula 6-8 September 2024 yang menjurus kepada mendidik masyarakat setempat mengenai gula dan kesan pengambilan gula yang tinggi terhadap kesihatan.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah advokasi baca Label *Healthier Choice Logo* (HCL), Ikon Tenaga, Panel Maklumat Pemakanan (NIP), akuan pemakanan dan senarai kandungan modifikasi minuman kurang manis (teh tarik, cendol, *hydraboost*), advokasi Penyajian Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat (PHSSM), demonstrasi masakan, *pocket talk*, permainan interaktif dan pameran berkaitan gula. Aktiviti ini bertujuan untuk menjadikan kempen tersebut

lebih informatif dan menyeronokkan, sekali gus meningkatkan pemahaman peserta tentang kepentingan mengurangkan pengambilan gula dalam kehidupan seharian mereka. Sepanjang acara ini berlangsung, zon tersebut mencatatkan kehadiran sebanyak 617 pengunjung, yang mencerminkan tahap penglibatan dan penyertaan komuniti yang aktif dalam kempen ini.



Imej 4.27 Pelancaran Kempen *War on Sugar* sempena BMSS Peringkat Kebangsaan

ADVOKASI *WAR ON SUGAR* SEMPENA PELANCARAN PUTRAJAYA SIHAT SEJAHTERA (PSS) DAN BMSS PERINGKAT PUTRAJAYA

Advokasi *War on Sugar* sempena Pelancaran PSS telah diadakan pada 27-29 September 2024 di Dataran Wawasan, Putrajaya. Program ini telah dilancarkan oleh Menteri Kesihatan pada 28 September 2024. Pelbagai aktiviti advokasi gula telah dilaksanakan di Zon *War on Sugar* yang melibatkan seramai 710 pengunjung.



Imej 4.28 Advokasi *War on Sugar* di Pelancaran PSS

SHOWCASE *WAR ON SUGAR* SEMPENA PROGRAM KESEJAHTERAAN KESIHATAN BERSAMA AHLI PARLIMEN

Program Kesejahteraan Kesihatan Bersama Ahli Parlimen merupakan usaha KKM dalam mendekatkan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat melalui penganjuran *Showcase* Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan. Antara inisiatif utama yang diketengahkan dalam *showcase* ini adalah *War on Sugar* dan inisiatif 1,000 Hari Pertama Kehidupan, yang menekankan kepentingan pemakanan sihat. *Showcase* ini telah dirasmikan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 6 Oktober 2024.

Objektif program adalah untuk mewara-warakan inisiatif *War on Sugar* kepada semua ahli parlimen agar ia dapat diteruskan di kawasan parlimen masing-masing. Program ini telah diadakan pada 4 -14 Oktober 2024 bertempat di ruang legar bangunan Parlimen.



Imej 4.29 Program Kesejahteraan Kesihatan bersama Ahli Parlimen

PELANCARAN PELAN STRATEGIK MENGURANGKAN GULA DALAM KALANGAN RAKYAT MALAYSIA, 2024-2030 SEMPERA SAMBUTAN BULAN PEMAKANAN MALAYSIA PERINGKAT KKM TAHUN 2024

Pelan Strategik Mengurangkan Gula Dalam Kalangan Rakyat Malaysia, 2024-2030 dibentuk sebagai salah satu usaha bersepadu dalam memerangi pengambilan gula yang tinggi di Malaysia yang melibatkan kerjasama pelbagai sektor termasuk agensi kerajaan, swasta, NGO, ahli akademik dan pemain industri, orang awam serta pertubuhan dalam dan luar negara. Pelan ini telah dilancarkan pada 29 Jun 2024 oleh Menteri Kesihatan sempena Sambutan Bulan Pemakanan Malaysia peringkat KKM tahun 2024 yang disambut setiap tahun.

Pelan ini mengandungi enam (6) strategi utama dengan 38 inisiatif dan 65 aktiviti. Strategi dan inisiatif yang telah digariskan merangkumi polisi, advokasi dan kerjasama awam-swasta melalui pendekatan seluruh negara dan masyarakat. Sehingga Oktober 2024, sebanyak 30.7% aktiviti dan inisiatif yang dirancang dalam pelan ini telah dilaksanakan.



Imej 4.30 Pelancaran Pelan Strategik Mengurangkan Gula dalam Kalangan Rakyat Malaysia 2024-2030

PENGUMPULAN ASPIRASI PEMAKANAN RAKYAT (ASPERA) UNTUK PELAN TINDAKAN PEMAKANAN KEBANGSAAN MALAYSIA KEEMPAT (NPANM IV, 2026-2030)

KKM sedang merangka NPANM IV, 2026-2030 yang selari dengan hala tuju Kertas Putih Kesihatan, Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), SDG 2030 dan pelbagai komitmen pemakanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Menteri Kesihatan telah melancarkan ASPERA pada 2 Ogos 2024 semasa Mesyuarat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK) untuk mengumpul input dan maklum balas pelbagai pihak untuk tempoh lima (5) tahun akan datang. Proses pengumpulan ASPERA telah dijalankan bermula 2 Ogos 2024 hingga 31 Januari 2025 menerusi beberapa platform yang melibatkan pelbagai pihak. Selain itu, ASPERA turut dikumpulkan menerusi sesi *Focus Group Discussion* (FGD) yang telah dijalankan pada 14-16 Ogos 2024, melibatkan 80 peserta yang terdiri daripada pemegang taruh di peringkat pelaksanaan termasuk NGO, pengarah dan organisasi antarabangsa yang berkaitan. Inisiatif ini diambil bertujuan untuk memastikan pelan yang dibangunkan ini lebih holistik, praktikal dan memenuhi keperluan rakyat.

Diharapkan melalui pengumpulan ASPERA ini akan dapat menyokong pembentukan NPANM IV yang lebih komprehensif dan seterusnya dapat mencetus reformasi sistem makanan negara yang lebih menyokong amalan pemakanan sihat dalam kalangan rakyat.



Imej 4.31 Pelancaran Portal ASPERA



Imej 4.32 Sesi FGD berkaitan ASPERA

PELAN STRATEGIK KEBANGSAAN MEMERANGI MASALAH BEBAN BERGANDA MALPEMAKANAN (BBM) DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MALAYSIA 2023-2030

Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah BBM dalam kalangan Kanak-kanak Malaysia, 2023-2030 telah dibangunkan dan dipantau menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah BBM (JKMMBBM) dalam Kalangan Kanak-kanak. Sehingga November 2024, dua (2) inisiatif telah diselesaikan sepenuhnya, dua (2) lagi dalam proses kelulusan jawatankuasa kabinet atau majlis, dua (2) sedang dilaksanakan sebagai projek rintis dan 25 inisiatif berada dalam fasa pelaksanaan serta pengukuhan.

Mesyuarat JKMMBBM yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri ini turut dianggotai oleh Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah Kesihatan serta pegawai kanan kementerian dan agensi yang berkaitan. Advokasi Pelan Strategik BBM ini telah dilaksanakan melalui edaran buku pelan kepada semua ahli Parlimen di Dewan Rakyat pada 15 Oktober 2024 serta aktiviti *showcase* pelan dan Inisiatif 1,000 Hari Pertama Kehidupan Kanak-kanak bersama Yang Dipertua Dewan Rakyat serta semua ahli Parlimen pada 4-14 November 2024.

Pengukuhan 1,000 Hari Pertama Kehidupan Kanak-kanak merupakan antara inisiatif di bawah Pelan Strategik BBM ini yang bertujuan untuk memerangi masalah beban berganda malpemakanan Ke Arah Anak Malaysia Sihat 2030 melalui penglibatan pelbagai pemegang taruh dan rakan strategik.



Imej 4.33 Buku Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah BBM Kanak-Kanak Diedarkan kepada Ahli Parlimen di Dewan Rakyat



Imej 4.34 *Showcase* BBM dan Inisiatif 1,000 Hari Pertama Kehidupan Kanak-Kanak

2024 NUTRITION NEXUS: EMPOWERING POLICYMAKERS WITH RESEARCH INSIGHT

Seminar *Nutrition Nexus: Empowering Policymakers with Research Insights* yang dianjurkan oleh Kumpulan Kerja Teknikal Penyelidikan Pemakanan, *National Coordinating Committee on Food and Nutrition* (NCCFN), berlangsung pada 14 Mei 2024 di Dewan Damar Sari, Putrajaya secara hibrid. Ia bertujuan menyediakan platform penyelidikan pemakanan untuk penggubalan dasar, memperkukuh kerjasama penyelidik dan pembuat dasar, serta meningkatkan kesedaran pendekatan bersepadu dalam pembangunan polisi kesihatan awam.

Seminar ini dirasmikan oleh Pengarah BPKA mewakili Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dihadiri oleh 532 orang peserta yang terdiri daripada profesional kesihatan dan pemegang taruh daripada kementerian, universiti, badan profesional dan agensi berkaitan. Sebanyak enam (6) hasil kajian utama dibentangkan, antaranya mengenai pola pemakanan remaja, persekitaran makanan obesogenik, intervensi pemakanan berasaskan sekolah, keropok lekor rendah garam, pemakanan awal bayi terhadap *outcome* kesihatan dan respons hormon paratiroid terhadap vitamin D3. Sesi interaktif *Policy Insight* turut diadakan bagi membolehkan perbincangan terperinci antara peserta dan panel berkaitan topik-topik yang dibentangkan.

Hasil perbincangan menghasilkan saranan utama untuk menangani isu pemakanan di Malaysia, termasuk pelaksanaan cukai makanan bergula, pengukuhan advokasi pemakanan di sekolah, promosi vitamin D melalui program kesedaran & fortifikasi makanan, reformulasi makanan tradisional dan inisiatif komuniti seperti pertanian bandar dan bengkel masakan bagi meningkatkan akses kepada makanan sihat.



Imej 4.35 Seminar *Nutrition Nexus: Empowering Policymakers with Research Insights*

MAJLIS PELANCARAN DAN SESI DIALOG PENGUKUHAN 1,000 HARI PERTAMA KEHIDUPAN KANAK-KANAK MALAYSIA

Pada 6 Ogos 2024, KKM telah menganjurkan Majlis Pelancaran dan Sesi Dialog Pengukuhan 1,000 Hari Pertama Kehidupan Kanak-Kanak Malaysia bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Majlis ini dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah BBM 2023-2030. Majlis ini bertujuan mengukuhkan usaha menangani BBM dalam kalangan kanak-kanak di bawah usia dua tahun, sejajar dengan pendekatan *whole-of-nation* yang melibatkan pelbagai pemegang taruh. Antaranya ialah wakil sektor kesihatan swasta, persatuan profesional kesihatan dan NGO.

Majlis dimulakan dengan Sesi *Pocket Talk* oleh Profesor Dr. Muhammad Yazid Jalaludin yang menekankan peranan pengamal kesihatan dalam menangani BBM. Ini melibatkan pemantauan status pemakanan, imunisasi dan tumbesaran kanak-kanak. Seterusnya sesi dialog membincangkan keperluan penyelarasan carta tumbesaran kanak-kanak di semua fasiliti kesihatan swasta, serta kepentingan meningkatkan literasi kesihatan ibu bapa bagi memastikan kanak-kanak mendapat penjagaan yang optimum dalam tempoh 1,000 hari pertama kehidupan mereka.

Bagi memastikan keberkesanan usaha ini, tindakan susulan yang dicadangkan termasuk meningkatkan latihan untuk pengamal kesihatan dalam penjagaan kesihatan wanita dan kanak-kanak, melaksanakan advokasi pemakanan dan kesihatan secara menyeluruh serta memperkukuh penggunaan carta tumbesaran standard untuk memantau tumbesaran kanak-kanak. Kolaborasi antara agensi kerajaan, sektor swasta dan NGO akan terus diperkukuh bagi memastikan matlamat inisiatif ini tercapai.

Majlis pelancaran menyaksikan penyerahan sijil komitmen kepada 22 Rakan Strategik sebagai tanda sokongan terhadap inisiatif ini. Selain itu, 40 hospital swasta yang terlibat dalam Inisiatif Hospital Rakan Bayi (BFHI) turut menerima pengiktirafan sebagai simbolik atas komitmen mereka dalam menyokong penyusuan susu ibu.



Imej 4.36 Majlis Pelancaran dan Sesi Dialog Pengukuhan 1,000 Hari Pertama Kehidupan Kanak-Kanak Malaysia

BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN (BPK)

BPK merupakan peneraju utama dalam pelaksanaan aktiviti promosi kesihatan kebangsaan sejak tahun 1991. Selama tiga (3) dekad penubuhannya, BPK telah melalui beberapa evolusi dalam penyampaian perkhidmatan promosi kesihatan yang bertujuan untuk meningkatkan tahap literasi kesihatan rakyat Malaysia menerusi penyebaran maklumat kesihatan di pelbagai platform media, modifikasi tingkah laku kesihatan, advokasi dan pemerkasaan komuniti. Fungsi-fungsi BPK telah dilaksanakan menerusi Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dengan memberi fokus kepada empat (4) teras iaitu *Memantapkan Promosi Pembudayaan Hidup Sihat*, *Memantapkan Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan*, *Memperkasakan Kawalan Kesihatan Kendiri* dan *Memantapkan Kebersihan Persekitaran*. ANMS juga turut diperkukuh melalui pembangunan polisi dan dasar serta pelaksanaan kolaborasi dan libat urus secara berterusan.

PENGUKUHAN TADBIR URUS SERTA PEMBANGUNAN POLISI DAN DASAR YANG MENYOKONG ANMS

MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET ANMS

Tadbir urus ANMS turut diperkukuh melalui pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet ANMS sebanyak dua (2) kali setahun. Pada tahun 2024, mesyuarat telah diadakan pada 4 Mac dan 24 September, dan kedua-dua mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Dalam mesyuarat ini, Jawatankuasa Kabinet ANMS berperanan meluluskan hala tuju, keperluan sumber serta polisi daripada pelbagai kementerian dan agensi dalam menangani isu kesihatan nasional serta mewujudkan ekosistem yang menyokong budaya hidup sihat.



Imej 4.37 Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet ANMS

LIBAT URUS DAN BINA UPAYA RAKAN STRATEGIK ANMS

Pada 2024, BPK menerusi Sekretariat ANMS di peringkat negeri di seluruh negara telah berjaya melaksanakan sesi libat urus ANMS bersama 993 rakan strategik yang terdiri daripada 626 sektor awam termasuk kementerian, 153 sektor swasta dan 214 NGO. Hasil daripada libat urus ini, sebanyak 94% rakan strategik ini telah berjaya melaksanakan sekurang-kurangnya empat (4) inisiatif ANMS dengan pelaksanaan sebanyak 5,213 aktiviti.

PEMBANGUNAN DASAR LITERASI KESIHATAN KEBANGSAAN (DLKK)

DLKK merupakan salah satu (1) inisiatif yang menyokong ANMS dan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMK12) yang terdiri daripada tiga (3) teras dasar, enam (6) strategi dan 16 inisiatif. Pada tahun 2024, satu (1) sesi *Townhall* DLKK telah diadakan pada 22-24 April bertempat di Port Dickson dengan kehadiran 45 orang *focal point* daripada 25 kementerian, 6 jabatan kesihatan negeri dan 14 agensi di bawah KKM. Objektif *townhall* ini adalah untuk membentangkan draf kandungan DLKK bagi mendapatkan maklum balas daripada pemegang taruh, mengemaskini kandungan DLKK serta membangunkan senarai inisiatif dan aktiviti DLKK mengikut fasa. DLKK telah dilancarkan pada 8 September 2024 oleh Perdana Menteri dan keberhasilan utama DLKK akan dinilai daripada aspek peningkatan kompetensi literasi kesihatan rakyat, pewujudan ekosistem kondusif yang menyokong literasi kesihatan serta tadbir urus literasi kesihatan yang sinergi dan bersepadu.



Imej 4.38 Majlis Pelancaran DLKK dan Buku DLKK

PELANCARAN PUTRAJAYA SIHAT SEJAHTERA (PSS)

Inisiatif PSS telah dilancarkan pada 28 September 2024 oleh Menteri Kesihatan, bertempat di Dataran Wawasan Putrajaya. PSS dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan penjawat awam di Putrajaya yang memiliki status kesihatan yang baik, produktif dan berdaya tahan, serta dapat menyumbang kepada pembangunan negara dengan lebih komprehensif. Inisiatif PSS ini akan berterusan sehingga 2030 dengan fasa rintis bermula 2024 hingga 2025. Selain itu, dalam majlis yang sama turut dilancarkan Pelan Strategik PSS sebagai panduan dan rujukan pihak berkaitan dalam menjayakan inisiatif ini.



Imej 4.39 Majlis Pelancaran PSS dan Buku PSS

PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PULAU SIHAT SEJAHTERA

Pulau Sihat Sejahtera merupakan satu inisiatif yang selari dengan ANMS iaitu mewujudkan ekosistem yang menyokong pembudayaan hidup sihat dan kebersihan persekitaran. Justeru, pada 28-30 Oktober 2024, seramai 42 peserta mesyuarat daripada kementerian di peringkat persekutuan, jabatan kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT), NGO dan ketua komuniti di negeri Sabah telah menghadiri Mesyuarat Penyediaan Pelan Tindakan Kesejahteraan Kesihatan bagi merangka Pelan Strategik Pulau Sihat Sejahtera yang akan diterbitkan sebagai panduan dan rujukan pihak berkaitan.



Imej 4.40 Mesyuarat Penyediaan Pelan Strategik Pulau Sihat Sejahtera di Sabah

MEMANTAPKAN PROMOSI PEMBUDAYAAN HIDUP SIHAT MENERUSI MEDIA DAN AKTIVITI

Pembudayaan hidup sihat dan persekitaran yang menyokong adalah penting untuk kesejahteraan kesihatan. Bagi mempromosi pembudayaan hidup sihat dan meningkatkan akses rakyat kepada maklumat kesihatan, pelbagai platform media diguna pakai dan aktiviti promosi kesihatan dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat mesej kesihatan yang tepat dan relevan.

PROMOSI PEMBUDAYAAN HIDUP SIHAT MENERUSI MEDIA LUAR, MEDIA SOSIAL, MEDIA KONVENSIONAL DAN PENERBITAN BAHAN PROMOSI KESIHATAN

Promosi Pembudayaan Hidup Sihat ANMS terus diperkukuh pada tahun 2024 dengan pelaksanaan Kempen Promosi Kesihatan Nasional yang bertujuan meningkatkan kesedaran, pemahaman, dan perubahan tingkah laku rakyat Malaysia ke arah pembudayaan hidup sihat. Di bawah Kempen Promosi Kesihatan Nasional ini, salah satu inisiatif utamanya adalah pemanfaatan platform *e-hailing* iaitu penyertaan 300 kenderaan di seluruh negara sebagai ejen promosi pembudayaan hidup sihat ANMS yang telah berjaya mencatatkan sebanyak 253.2 juta *impression* dalam tempoh enam (6) bulan. Selain itu, pemasangan papan iklan turut dilaksanakan di 84 lokasi strategik, termasuk kawasan berimpak tinggi dan pedalaman bagi memastikan mesej mengenai pembudayaan hidup sihat dapat diakses oleh seluruh rakyat Malaysia.

Platform media sosial juga turut menjadi tulang belakang Kempen Promosi Kesihatan Nasional tahun 2024. Melalui platform digital ini, sebanyak 365 sesi siaran langsung berjaya dilaksanakan manakala 39,038 hantaran telah dibuat dengan penjangkauan capaian keseluruhan sebanyak 38.1 juta. Selain itu, pendekatan interaktif melalui podcast PodcaSTERK telah berjaya meraih 106,000 tontonan menerusi TikTok Live dan Facebook Live. Tahun 2024 juga turut mencatat sejarah apabila saluran YouTube MyHEALTH KKM berjaya menerima *Silver Creator Award* atas pencapaian melebihi 100,000 pelanggan iaitu dengan jumlah pelanggan seramai 123,046 orang dan 37.8 juta tontonan.

Kempen juga turut diperkukuh menerusi media konvensional seperti televisyen dan radio yang telah berjaya menyumbang sebanyak 1,222 slot siaran dan 2,499 paparan iklan media luar. Selain itu juga, sebanyak 21,867 bahan promosi dan pendidikan kesihatan telah diterbitkan dan 808,267 bahan telah diedarkan dalam pelbagai bentuk seperti infografik, video, e-majalah, buku, poster dan risalah.

PENGLIBATAN KEY OPINION LEADERS (KOL) DALAM PELAKSANAAN AKTIVITI JANGKAU LUAR

Dalam usaha memperkukuh dan menyemarakkan mesej pembudayaan hidup sihat di bawah inisiatif ANMS, penglibatan KOL menjadi elemen penting sebagai medium perantara yang berkesan. Sepanjang tahun 2024, lapan (8) KOL yang terdiri daripada Achey, Mek Yun, Bell Ngasri, Atu Zero, Chi Howe, Ravi Zephyr, Arwan dan Aliana Azizan telah terlibat dalam mempromosikan pembudayaan hidup sihat menerusi pelbagai aktiviti jangkau luar ANMS. Kesemua KOL melaksanakan pelbagai aktiviti dan cabaran bersama pengunjung di lokasi aktiviti jangkau luar di seluruh Malaysia. Antara cabaran yang dilaksanakan oleh KOL adalah Cabaran Kayuh Kilat, Lumba Langkah, Ragbi Target, Subsoccer, Wau Bulan ANMS, Origami ANMS, VR Makan Sihat dan VR Hidup Sihat.

Penyebaran mesej pembudayaan hidup sihat oleh para KOL ini di platform media sosial masing-masing juga telah berjaya mencatatkan sebanyak 6,187,168 jumlah *impression* dan 434,772 *engagement*. Sambutan masyarakat terhadap *posting* mesej para KOL ini membuktikan kepelbagaian latar belakang KOL mempunyai impak yang signifikan dalam mempromosikan pembudayaan hidup sihat kepada masyarakat.

SAMBUTAN BULAN MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA (BMSS) DAN BMSS @HePiLI 2024, PELANCARAN DLKK DAN KEMPEN PERANGI GULA

Pembudayaan hidup sihat turut dimantapkan dengan sambutan BMSS 2024 dan BMSS@HePiLI di seluruh negara. BMSS merupakan inisiatif di bawah ANMS yang bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama strategik dalam mempromosikan budaya hidup sihat di pelbagai peringkat. Majlis Perasmian BMSS Peringkat Kebangsaan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri pada 8 September 2024 bertempat di Port Dickson. Semasa majlis ini, Perdana Menteri juga turut melancarkan DLKK dan Kempen Perangi Gula. DLKK bertujuan untuk meningkatkan literasi kesihatan rakyat, manakala Kempen Perangi Gula pula menyeru pengurangan pengambilan gula dalam mencegah penyakit diabetes dan mengurangkan faktor risiko obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia. Sepanjang BMSS 2024, pelbagai aktiviti telah diadakan di seluruh negara, termasuklah Sambutan BMSS di peringkat negeri, pelaksanaan *Wellness Day* di Wellness Hub dan BMSS@HePiLI di 127 sekolah dengan penyertaan 106,032 murid. Secara keseluruhannya, sambutan BMSS tahun 2024 telah berjaya melibatkan kira-kira 1,500,080 penyertaan sekali gus mencerminkan komitmen semua pihak menerusi pendekatan *whole of nation* ke arah pembudayaan hidup sihat.



Imej 4.41 Pelancaran BMSS Peringkat Kebangsaan dan Aktiviti Larian BMSS

SAMBUTAN WORLD PHYSICAL ACTIVITY DAY (WoPAD)

Have a Good Time! Be Active! telah menjadi tema Sambutan *World Physical Activity Day* (WoPAD) tahun 2024 yang diraikan secara global pada 6 April setiap tahun. Sempena WoPAD 2024, antara aktiviti yang dijalankan adalah Cabaran *Road to Syawal* yang berlangsung dari 12 Mac hingga 12 April dengan penyertaan 3,146 peserta, manakala *ANMS Challenge* berlangsung sepanjang April 2024 telah disertai oleh 1,420 peserta. Pelbagai video dengan mesej pembudayaan hidup aktif telah dihasilkan dengan pencapaian keseluruhan Kempen WoPAD 2024 telah berjaya mencapai sebanyak 132,945 *reach*, 16,653 *engagement*, 1,062 *likes* dan 620 *shares*.



Imej 4.42 Infografik Promosi WoPAD 2024

PROGRAM KEMBARA SIHAT SEJAHTERA DAN PROGRAM MEET & GREET HePiLi BERSAMA DIDI & FRIENDS

Program ini merupakan satu program berbentuk kolaborasi antara KKM dengan watak animasi Didi & Friends yang bertujuan untuk menyebarkan mesej pembudayaan hidup sihat dalam kalangan rakyat khususnya golongan kanak-kanak melalui pendekatan *edutainment*. Sepanjang program kembara ini, pelbagai aktiviti menarik yang memfokuskan kepada enam (6) tingkah laku kesihatan iaitu kebersihan diri, kebersihan persekitaran, pemakanan sihat, aktifkan diri, katakan tidak kepada rokok & *vape* serta minda sihat ditawarkan. Pada tahun 2024, kembara telah diadakan di tiga (3) Zon iaitu Zon Utara (Kedah), Zon Malaysia Timur (Sarawak) dan Zon Selatan (Melaka & Johor) dengan jumlah penyertaan keseluruhan adalah 63,801 orang. Selain itu, enam (6) buah sekolah di Perak, Sarawak dan Johor juga telah dipilih sebagai lokasi aktiviti *Meet & Greet HePiLi Bersama Didi & Friends* dengan jumlah penyertaan murid seramai 7,173 orang. Tinjauan dalam kalangan 6,016 pengunjung juga mendapati 99.50% bersetuju bahawa kembara ini mendorong mereka untuk mengamalkan budaya hidup sihat dan membuktikan pelaksanaan program seumpama ini dapat menyumbang kepada peningkatan literasi kesihatan rakyat.



Imej 4.43 Majlis Pelancaran Program Kembara Sihat Sejahtera HePiLI bersama Didi & Friends dan Aktiviti *Meet & Greet* dengan Pelajar

MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN KESEJAHTERAAN KESIHATAN

Perkhidmatan kesejahteraan kesihatan merupakan faktor pemungkin kepada persekitaran yang menyokong pembudayaan hidup sihat dalam kalangan rakyat menerusi pengukuhan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan melalui *Wellness on Wheels* (WoW) dan *Wellness Hub* (WH).

PERKHIDMATAN *WELLNESS ON WHEELS* (WoW)

WoW adalah inisiatif KKM yang menyediakan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan secara bergerak kepada komuniti melalui aktiviti *outreach*. Objektifnya adalah untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan promosi kesihatan, memperkasa komuniti untuk lebih bertanggungjawab terhadap kesihatan, dan menggalakkan pembudayaan hidup aktif. Sehingga Disember 2024 terdapat 19 buah WoW di seluruh negara dan perkhidmatan WoW juga telah diperluas kepada enam (6) kenderaan jenis Hilux yang dikenali sebagai WoW Zoomers yang terdapat di Negeri Terengganu, Kelantan, Melaka, Johor, Kedah dan Pulau Pinang. Sepanjang tahun 2024, aktiviti WoW telah berjaya dilaksanakan di 1,048 lokaliti dengan penyertaan sebanyak 481,394 orang.



Imej 4.44 Aktiviti Jangkau Luar WoW bersama Komuniti Setempat

PERKHIDMATAN WELLNESS HUB (WH)

WH adalah pusat sehati yang menyediakan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan secara komprehensif kepada komuniti setempat. Inisiatif ini selaras dengan matlamat KKM untuk beralih dari *Sick Care* kepada *Health Care*, bagi membolehkan individu menguruskan kesejahteraan kesihatan diri, keluarga dan komuniti. Pada tahun 2024, sebanyak 33 WH telah beroperasi di seluruh negara, dengan jumlah keseluruhan kehadiran pelanggan adalah seramai 380,938 orang. Jumlah kehadiran pelanggan baharu WH seluruh negara pula adalah seramai 21,566 dan 89% daripada pelanggan ini telah berjaya dirujuk sekurang-kurangnya dua (2) pakej kesejahteraan kesihatan dan seterusnya mencapai KPI yang ditetapkan bagi kriteria rujukan pelanggan baharu. Selain itu, sistem tempahan janji temu di WH telah ditambah baik yang mana komuniti boleh menggunakan aplikasi MySejahtera untuk membuat janji temu. Sehingga Disember 2024, sebanyak 16,105 tempahan janji temu ke WH telah diterima dan 212 pesakit telah dirujuk melalui sistem MyVAS. Pengukuhan penawaran pakej perkhidmatan kesejahteraan kesihatan menerusi WH juga turut dimantapkan dengan adanya kerjasama dan kolaborasi dengan rakan strategik daripada pelbagai sektor dan agensi.



Imej 4.45 Pelbagai Aktiviti di WH

MEMPERKASAKAN KAWALAN KESIHATAN KENDIRI

Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasakan individu, keluarga, komuniti dan rakan strategik dalam pembudayaan hidup sihat bagi membolehkan mereka menguruskan kesihatan sendiri untuk kesejahteraan.

PROGRAM PENGURUSAN BERAT BADAN / FIT EAT RIGHT (IFitEr)

Program Pengurusan Berat Badan IFitEr merupakan inisiatif KKM yang bertujuan untuk membantu komuniti yang menghadapi masalah berat badan berlebihan dan obesiti. Selain memberi sokongan dalam pengurusan berat badan dan peningkatan tahap kecergasan, program ini juga berperanan memperkasakan komuniti dalam pembudayaan hidup sihat dan aktif. Pada tahun 2024, pelaksanaan program IFitEr terdiri daripada dua (2) komponen pelaksanaan iaitu secara fizikal (6 bulan) dan program dalam talian yang dikenali sebagai MyVIFitEr 4.0. Pada tahun 2024, sebanyak 132 sesi program IFitEr telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan 4,735 peserta. Daripada jumlah tersebut, 88% peserta telah berjaya kekal hingga akhir program dan 77% peserta pula berjaya meningkatkan tahap kecergasan. Bagi kejayaan menurunkan berat badan, 74% peserta telah berjaya dengan 21% daripada peserta ini berjaya mengurangkan sekurang-kurangnya 10% daripada berat badan asal di akhir intervensi. Pencapaian ini juga telah berjaya mencapai kesemua sasaran KPI yang ditetapkan dalam program ini. Program ini juga turut diperluas dengan adanya program kolaborasi khas bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang melibatkan 1,181 anggota bomba dengan 83% anggota berjaya menurunkan berat badan di akhir intervensi.



Imej 4.46 Infografik Promosi MyVIFitEr dan Program IFitEr bersama JBPM

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN X-BREAK BAGI PEMBUDAYAAN HIDUP AKTIF PENJAWAT AWAM DI MALAYSIA

Pada 30 September 2024, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah mengedarkan *Garis Panduan Gaya Hidup Aktif Penjawat Awam melalui inisiatif X-Break dan Pembudayaan Sukan* yang dibangunkan oleh KKM dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Garis Panduan ini meminda ketetapan yang dibuat sebelum ini melalui *Surat Edaran Senaman Ringan atau X-Break 15 Minit Semasa Waktu Bekerja*. Garis Panduan baharu ini mengandungi inisiatif pelaksanaan amalan senaman dan regangan ringan semasa waktu bekerja serta aktiviti sukan dan fizikal secara berkala untuk dilaksanakan di semua kementerian dan agensi sebagai usaha memastikan penjawat awam kekal sihat, cergas dan produktif.



Imej 4.47 Surat Garis Panduan Pelaksanaan X-Break oleh JPA

PELAKSANAAN PEMBUDAYAAN HIDUP AKTIF BAGI WARGA KKM

Program Pembudayaan Hidup Aktif merupakan inisiatif yang menyokong ANMS dalam menggalakkan pembudayaan hidup aktif dalam kalangan warga KKM. Program ini dijalankan pada setiap hari Rabu, bertujuan untuk melahirkan warga KKM yang aktif, produktif dan efisien, membudayakan hidup sihat, mencegah cara hidup sedentari dengan aktiviti konsisten serta mendapatkan kesihatan minda yang positif dan mengurangkan tekanan. Antara aktiviti utama program ini adalah Cabaran 10,000 Langkah, Tanggathon Putrajaya, Aerofithon (ZumBatic, Tabata, *Circuit Training*) serta Basikalthon atau *Go Fit Games*. Sepanjang tahun 2024, terdapat sebanyak 2,999 penyertaan dalam program ini.



Imej 4.48 Infografik Hebahan Aktiviti Tanggathon Putrajaya dan Cabaran 10,000 Langkah Warga KKM

CABARAN KOSPEN@ACTIV

KOSPEN@Activ merupakan inisiatif KKM bagi menggalakkan budaya hidup aktif dalam kalangan warga KKM dan orang awam dengan menggunakan aplikasi BookDoc. Aplikasi digital ini menggunakan konsep permainan menerusi telefon pintar dan *fitness trackers* bagi mengesan bilangan langkah yang dilakukan oleh individu dan diberi ganjaran apabila individu tersebut dapat mencapai tahap tertentu. Bagi tahun 2024, program ini telah berjaya menawarkan sebanyak 225 cabaran virtual dengan jumlah penyertaan adalah seramai 776,684 orang. Secara keseluruhan, jumlah langkah terkumpul melebihi 154 bilion langkah.

CABARAN LANGKAH SIHAT PUTRAJAYA 2024

Cabaran ini merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan oleh KKM dalam memupuk pembudayaan hidup aktif dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya. Cabaran aktiviti berjalan kaki 10,000 langkah sehari ini dijalankan secara maya dengan menggunakan aplikasi BiiB. Cabaran ini berlangsung selama 15 hari bermula 20 Ogos sehingga 3 September 2024 dengan penglibatan seramai 13,031 peserta dari 26 kementerian di Putrajaya. Penganjuran program ini turut mendapat kerjasama daripada Decathlon, Fave, MissClaire dan Anta Running Shoes. Cabaran Langkah Sihat Putrajaya 2024 telah dijuarai oleh GengHecc10ksteps daripada BPK manakala pemenang bagi setiap kategori terdiri daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Kategori XL), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) (Kategori L), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) (Kategori M), dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) (Kategori S). Kategori ini ditetapkan berdasarkan jumlah penyertaan bagi setiap kumpulan di kementerian terbabit.



Imej 4.49 Infografik Cabaran Langkah Sihat Putrajaya 2024 dan Penyampaian Hadaiah kepada Juara (GengHecc10ksteps)

TRAINING OF TRAINERS (ToT) PENYELARAS PUTRAJAYA SIHAT SEJAHTERA (PSS)

Program ToT kepada penyelarar PSS telah diadakan pada 26-27 Jun 2024 di Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya melibatkan 85 penyelarar PSS daripada 26 kementerian dan agensi. Objektif latihan ini adalah untuk memberi pengetahuan dan kemahiran dalam menggerakkan inisiatif PSS di peringkat kementerian dan agensi masing-masing.



Imej 4.50 Program ToT dengan Penyelarar PSS Kementerian di Putrajaya

JERAYAWARA PUTRAJAYA SIHAT SEJAHTERA (PSS)

Jerayawara PSS merupakan langkah proaktif yang diambil oleh KKM bagi memperkenalkan inisiatif PSS kepada semua penjawat awam di Putrajaya serta melaksanakan tinjauan PSS bagi pengumpulan data asas status kesihatan individu. Sepanjang Jerayawara PSS ini berlangsung, seramai 9,207 orang penjawat awam daripada 23 kementerian termasuk JPM telah menjalani saringan kesihatan. Keputusan saringan kesihatan ini setakat 30 November 2024 mendapati 6,218 orang mempunyai berat badan yang berlebihan dan obes, 1,082 orang mempunyai tekanan darah tinggi, 612 orang dikesan mempunyai kadar gula darah yang tinggi, 2,288 mengalami peningkatan kolesterol dalam darah, 572 orang dikesan merokok dan telah dirujuk ke Klinik Berhenti Merokok, 453 mempunyai status kesihatan pergigian yang baik, 281 orang mempunyai risiko kemurungan dan 132 orang berisiko mengalami kebimbangan.



Imej 4.51 Aktiviti Saringan Kesihatan di Kementerian Sempena Jerayawara PSS

BINA UPAYA *MALAYSIAN COMMUNITY HEALTH AGENT* (MyCHAMPION)

MyCHAMPION merupakan satu kolaborasi khidmat sukarelawan merentasi kementerian dan agensi dalam usaha memperkasa komuniti untuk membudayakan hidup sihat, kawalan kesihatan sendiri dan melestarikan persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan. MyCHAMPION berperanan bukan sahaja untuk menyokong pelaksanaan ANMS malah menjadi jurucakap, pemudah cara, dan ejen perubahan tingkah laku bagi memupuk budaya hidup sihat dalam komuniti. Sehingga Disember 2024, keahlian MyCHAMPION berdaftar adalah seramai 17,375. Jumlah yang telah mendaftar di bawah pasukan KKM adalah 6,817. Bagi MyCHAMPION (KKM) pula, seramai 5,074 telah dilatih dan melaksanakan sekurang-kurangnya empat (4) inisiatif ANMS.

PEMERKASAAN KOMUNITI MELALUI MyCHAMPION COMBI

COMBI adalah singkatan bagi *Communication for Behavioural Impact* atau Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku yang merupakan strategi mobilisasi sosial dan komunikasi untuk mempengaruhi dan memperkasakan individu, keluarga dan komuniti ke arah budaya hidup sihat dan kebersihan persekitaran. Pada tahun 2024, MyCHAMPION COMBI telah melaksanakan pelbagai aktiviti bersama-sama komuniti yang merangkumi promosi pembudayaan hidup sihat melalui media sosial (1,239 aktiviti) dan media konvensional (98,411 aktiviti), aktiviti mobilisasi komuniti pendidikan (1,585 aktiviti) dan aktiviti jangkau luar (197,324 aktiviti). Jumlah ahli MyCHAMPION COMBI seluruh negara adalah seramai 32,949 dan sebanyak 104 lokaliti COMBI baharu berjaya ditubuhkan dengan jumlah lokaliti keseluruhan adalah sebanyak 2,633.



Imej 4.52 Aktiviti Pemerksaan MyCHAMPION COMBI

PEMERKASAAN PROGRAM SISWA SIHAT (PROSIS)

Pada tahun 2024, tiga (3) sesi pemeraksanaan Program Siswa Sihat (PROSIS) yang melibatkan 26 Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dengan jumlah penyertaan pelajar seramai 80 orang telah diadakan bermula bulan Jun hingga Julai 2024 mengikut zon iaitu Zon Tengah & Zon Selatan (10 kampus), Zon Malaysia Timur (7 kampus) dan Zon Utara & Zon Pantai Timur (9 kampus). Objektif utama sesi pemeraksanaan ini adalah untuk memperkasa dan membina upaya para pelajar PROSIS ini agar dapat menjadi ejen pembudayaan hidup sihat kepada rakan-rakan sebaya serta komuniti di IPGM. Terdapat enam (6) skop tingkah laku kesihatan yang telah diperkasa kepada para peserta iaitu Penampilan Diri, Makan Secara Sihat dan Selamat, Aktiviti Fizikal, Pupuk Minda Sihat, Tingkah Laku Berisiko dan Kebersihan Persekitaran.

MEMANTAPKAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

Penjagaan kebersihan persekitaran merupakan tanggungjawab bersama segenap lapisan masyarakat. Keadaan sesuatu persekitaran memberi implikasi kepada kesejahteraan kesihatan rakyat Malaysia. Justeru, langkah untuk memupuk rasa kepunyaan dan tanggungjawab bersama dalam aspek kebersihan serta melestarikan kebersihan persekitaran bagi menyokong kesejahteraan kesihatan perlu diberi perhatian.

AKTIVITI KEBERSIHAN PERSEKITARAN OLEH KOMUNITI

Kebersihan persekitaran merupakan elemen penting dalam pencegahan penyakit bawaan vektor seperti demam denggi, malaria dan chikungunya. Pada tahun 2024, terdapat sebanyak 6,954 komuniti yang telah diperkasa dengan amalan hidup sihat melaksanakan aktiviti pendidikan kesihatan berkaitan kebersihan persekitaran. Bagi liputan rumah berpenghuni dalam lokaliti COMBI terlatih, terdapat 182,062 daripada 477,956 rumah berpenghuni telah berjaya melaksanakan aktiviti Cari dan Musnah tempat berpotensi pembiakan nyamuk khususnya untuk pencegahan demam denggi.



Imej 4.53 Aktiviti Gotong-Royong, Cari dan Musnah Tempat Pembiakan Aedes dan Pemantauan Lokaliti oleh Komuniti

PROGRAM KEBERSIHAN PERSEKITARAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN PUTRAJAYA

Penganjuran aktiviti ini memberi penekanan kepada kepentingan penjagaan kebersihan kepada warga institusi pendidikan khususnya dalam usaha memupuk pembudayaan hidup sihat dalam kalangan generasi muda. Aktiviti ini telah dilaksanakan dalam bulan Mei hingga Jun 2024 empat (4) buah sekolah di WP Putrajaya iaitu SMK Putrajaya Presint 18(1), SK Putrajaya Presint 8(2), SK Putrajaya Presint 5(1) dan SK Putrajaya Presint 9(1) bersempena dengan Program Gotong- Royong Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Jabatan Pendidikan WP Putrajaya. Aktiviti yang dianjurkan turut mendapat sokongan dan kerjasama agensi kerajaan lain seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Alam Flora dan syarikat swasta seperti Unilever dan Kara Marketing. Sepanjang program ini, jumlah penyertaan murid adalah seramai 6,533 orang.



Imej 4.54 Aktiviti Kebersihan Persekitaran di Sekolah-Sekolah Putrajaya

PULAU SIHAT SEJAHTERA

Program Pulau Sihat Sejahtera diperkenalkan bertujuan meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan komuniti Pulau di Malaysia dengan menggunakan konsep Pulau Sihat Sejahtera yang membudayakan amalan kebersihan persekitaran. Konsep ini adalah selari dengan Teras Empat ANMS iaitu *Memantapkan Kebersihan Persekitaran serta menyokong Dasar Kebersihan Negara* di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Bagi merangka Garis Panduan atau Pelan Strategik Pulau Sihat, libat urus bersama rakan strategik iaitu ahli Majlis dan Pejabat Daerah Semporna telah diadakan pada 5 Julai 2024 bagi membincangkan perancangan pelaksanaan Program Pulau Sihat Sejahtera di daerah Semporna, Sabah yang dipilih sebagai projek rintis. Selain itu, sesi tinjauan lapangan bersama rakan strategik di sekitar pekan dan pulau-pulau di Semporna bagi mendapatkan gambaran dan situasi komuniti setempat.



Imej 4.55 Lawatan Tapak & Sesi Libat Urus antara KKM dengan Ahli Majlis Daerah Negeri Sabah dan Pejabat Daerah Semporna

BAB

5

PERUBATAN

PROGRAM PERUBATAN

Program Perubatan bertanggungjawab bagi perkara-perkara berkaitan perkhidmatan perubatan yang disediakan di hospital. Ia diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan). Program ini terdiri daripada lima (5) bahagian iaitu:

- i. Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP)
- ii. Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB)
- iii. Bahagian Kejururawatan
- iv. Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplimentari (BPT&K)
- v. Bahagian Amalan Perubatan (BAP)

BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN (BPP)

BPP menyediakan perkhidmatan perubatan secara menyeluruh dengan penyediaan polisi, perkembangan dan implementasi perkhidmatan perubatan. Fungsi ini merangkumi empat (4) cawangan dan dua (2) unit iaitu:

- i. Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan
- ii. Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan
- iii. Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
- iv. Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan
- v. Unit Penilaian Teknikal Tabung Bantuan Perubatan
- vi. Unit Penilaian Teknikal Saraan Perubatan (Saraubat)

CAWANGAN PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN PERUBATAN (CPPP)

CPPP cawangan terbesar di bawah BPP dengan skop utama menyelaras dan memastikan akses kepada penyampaian perkhidmatan klinikal/kepakaran dengan meliputi aspek pengurusan hospital, 123 perkhidmatan kepakaran/subkepakaran dan pengurusan sumber perubatan. Jadual berikut menunjukkan senarai pencapaian CPPP sepanjang tahun 2024:

Jadual 5.1 Pencapaian CPPP Tahun 2024

Pencapaian dan Aktiviti CPPP Tahun 2024	Jumlah
Penganjuran Konferen/Seminar Peringkat Antarabangsa	4
Penganjuran Konferen/Seminar Peringkat Kebangsaan	16
Pembangunan Polisi /Garis Panduan/Manual dan Protokol	77
Penerbitan	14
Bilangan Bengkel Teknikal/Kursus/Latihan	125
Bilangan Projek <i>Public Private Partnership</i> (PPP) dan Agensi Luar KKM	19
Bilangan Lawatan Pemantauan	106
Bilangan Kolaborasi Antarabangsa	11
Penglibatan Dalam Penyelidikan	22

Pencapaian dan Aktiviti CPPP Tahun 2024	Jumlah
Mesyuarat Teknikal/Kepakaran	729
Sambutan Hari Kesihatan	13
Penyediaan dan Pembentangan untuk Pengurusan Tertinggi	17
Bilangan Integrasi Modaliti, Sistem dan Aplikasi Digital	73

Berikut merupakan antara program dan usahasama yang telah dijalankan pada tahun 2024:

HOSPITAL SERVICES OUTSOURCING PROGRAMME (HSOP)

Program ini melibatkan penyumberluaran pesakit daripada seluruh hospital KKM ke 91 buah kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS) termasuk Pusat Perubatan Swasta di bawah Hospital Pengajar Universiti (PPS-HPU). HSOP pada tahun 2024 melibatkan penyumberluaran empat (4) jenis perkhidmatan, iaitu Radiologi & Pengimejan (CT Scan, MRI, Ultrasound), Nefrologi (Pembedahan AVF), Pembedahan Kardiorasik (Pembedahan Jantung Dewasa & Pediatrik) dan Kardiologi (Penyiasatan dan Intervensi). Seramai 25,162 orang pesakit telah mendapat manfaat daripada program ini meliputi:

Jadual 5.2 Pesakit HSOP Mengikut Jenis Perkhidmatan

Jenis Perkhidmatan	Nefrologi	Kardiologi	Pembedahan Kardiorasik	Radiologi
Bilangan Pesakit	1,027	7,899	344	15,162

KERJASAMA STRATEGIK KKM-IHH HEALTHCARE BAGI RAWATAN PESAKIT KANSER

Kerjasama antara KKM dan IHH Healthcare bagi rawatan radioterapi dan radiosurgeri kepada pesakit hospital kerajaan di rangkaian hospital IHH Healthcare Berhad telah dimulakan sejak tahun 2023. Kerjasama ini diteruskan dengan pembaharuan memorandum persefahaman (MoU) melibatkan 500 pesakit bagi tahun 2024. Pesakit yang telah dikenal pasti oleh pakar KKM akan menerima rawatan di tujuh (7) hospital IHH Malaysia yang dilengkapi dengan mesin *Gamma Knife* dan *Linear Accelerator* (LINAC). MoU ini turut menyokong Pelan Strategik Kawalan Kanser Kebangsaan (2021-2025) untuk meluaskan akses kepada penjagaan dan rawatan bagi pesakit kanser di negara ini.

PROGRAM HEALTHCARE EQUITY FOR AFFORDABLE AND RAPID TREATMENT (H.E.A.R.T.)

Program H.E.A.R.T. merupakan kerjasama strategik KKM bersama Management Science University (MSU) bagi membolehkan pesakit KKM menjalani pembedahan laparoskopik atau *open hernia* dan laparoskopik atau *open cholecystectomy* secara percuma di MSU Medical Centre. Sebanyak 130 pesakit telah mendapat manfaat daripada usahasama ini dan masa menunggu bagi pembedahan yang berkaitan telah berjaya disingkatkan daripada 9 bulan kepada kurang daripada 3 bulan.

KOLABORASI BERSAMA WORLD HEALTH ORGANIZATION-WESTERN PACIFIC REGION OFFICE (WHO-WPRO) UNTUK MENTARI CASE STUDY DAN STAKEHOLDERS WORKSHOP

Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI Malaysia) telah mendapat pengiktirafan WHO dan telah dimasukkan ke dalam *WPRO Regional Framework for the Future of Mental Health in Western Pacific 2023-2030*. Mentari IT Sistem 2.0 dan Portal terpilih sebagai projek inovasi bagi mempermudah proses kerja di MENTARI termasuk komponen *Self Harm Hospital Acquired Reporting Project* (SHHARP) yang melibatkan 69 hospital psikiatri KKM. Sistem ini menyediakan saringan *online* www.mentari.moh.gov.my dan membolehkan pemantauan dijalankan serta menghubungkan perkhidmatan kesihatan mental di komuniti bersama Badan Bukan Kerajaan, majikan dan sukarelawan. Sebanyak 37 Pusat MENTARI di seluruh negara menyediakan pemeriksaan kesihatan mental dengan memfokuskan aspek sokongan pekerjaan. Kolaborasi bersama WHO-WPRO dalam pelaksanaan *MENTARI Case Study* yang melibatkan enam (6) Pusat MENTARI di dalam dan luar bandar telah diadakan bermula Mei hingga September 2024. Hasil kajian telah dibentangkan pada 25 September 2024 di Days Hotel and Suites, Kuala Lumpur.



Imej 5.1 Majlis Menandatangani Memorandum Persetujuan dan Mesyuarat Stakeholder



Imej 5.2 Penerbitan Garis Panduan, Polisi dan Protokol CPPP Tahun 2024



Imej 5.3 Penganjuran Persidangan dan Seminar Kebangsaan



Imej 5.4 Sambutan Hari Kesihatan Peringkat Kebangsaan


CAWANGAN PERKEMBANGAN PROFESION PERUBATAN

PEMILIHAN ROMBONGAN PETUGAS HAJI (PERUBATAN)

KKM telah menyediakan platform bagi melancarkan proses pemilihan agar lebih telus dan pantas melalui *Medical Programme Information System* (MPIS). Permohonan ke seluruh fasiliti KKM telah dibuka mulai 25 Oktober 2024 sehingga 7 November 2024. Calon Petugas Haji (Perubatan) bagi musim haji 1446H/2025 telah disenarai pendek kepada 154 petugas baharu dan 114 petugas berpengalaman.

GARIS PANDUAN KUMPULAN SOKONGAN KESIHATAN MENTAL BAGI PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH - *HOUSE OFFICER ENCOURAGEMENT AND REASSURANCE THROUGH SHARING & SUPPORT* (H.E.A.R.T.S.)

BPP memperkenalkan H.E.A.R.T.S. secara rasmi pada 9 Disember 2024. Garis panduan ini bertujuan untuk menyediakan platform sokongan kesihatan mental dan kesejahteraan emosi kepada Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) sepanjang tempoh latihan siswazah. Selain itu, kumpulan H.E.A.R.T.S. ini juga diharap dapat membantu PPS untuk membina keyakinan sepanjang tempoh latihan.



Imej 5.5 Garis Panduan H.E.A.R.T.S

KURSUS LATIHAN PENGGUNAAN BUKU LOG DIGITAL PPS DALAM MPIS

Pada tahun 2024, BPP berjaya mengadakan beberapa sesi latihan kepada pengguna buku log digital PPS menggunakan MPIS. Inisiatif ini dimulakan di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban pada Februari 2024, diikuti dengan sesi latihan pengguna kepada Hospital Sultan Idris Shah, Serdang pada bulan Julai 2024. Pada bulan September, latihan ini diperluaskan ke Hospital Melaka dan Hospital Sultan Aminah, Johor Bahru. Ini bagi memastikan penilaian yang seragam terhadap PPS lantikan baru pada tahun 2024 dengan penggunaan buku log digital tersebut.

PENJENAMAAN SEMULA LATIHAN SISWAZAH

BPP telah memberi penekanan kepada aktiviti kepada penjenamaan semula latihan siswazah pada tahun 2024 dengan memperkenalkan beberapa strategi dan inisiatif baru bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Sehubungan itu, Bengkel Pemurnian Deskripsi Tugas PPS telah diadakan pada 21 Mei 2024 dan Bengkel Penjenamaan Semula Latihan Siswazah telah diadakan pada 23-24 Oktober 2024. Melalui aktiviti ini, beberapa strategi dan inisiatif telah dirancang untuk memberi wajah dan perspektif baru terhadap latihan siswazah dalam negara agar menjadi lebih relevan, menarik dan memberi impak positif terhadap graduan serta sektor kesihatan secara keseluruhan.

URUSAN KHIDMAT WAJIB

Dari tahun 2022-2024, sejumlah 2,095 permohonan kemudahan kelonggaran perkhidmatan wajib telah diterima. Permohonan tersebut merangkumi 1,810 bagi kategori pengurangan, 38 bagi penangguhan, 96 bagi ambil kira dan 151 bagi pengecualian. Walau bagaimanapun, berkuat kuasa mulai 14 Ogos 2024, kemudahan bagi kategori pengurangan dan kategori pengecualian II akan dihentikan. Tiga (3) kategori yang lain akan diproses seperti biasa, iaitu kategori penangguhan, pengecualian 1 dan ambil kira.

Peningkatan bilangan pengamal perubatan yang meninggalkan perkhidmatan awam lebih awal untuk berkhidmat di sektor lain secara umumnya telah menjejaskan kesinambungan perkhidmatan kesihatan, khususnya dalam sektor awam. Oleh itu, penarikan balik kemudahan kelonggaran perkhidmatan wajib ini merupakan langkah kawalan bagi memastikan objektif dasar perkhidmatan wajib dapat dicapai.

Jadual 5.3 Permohonan Kelonggaran Khidmat Wajib Tahun 2022-2024

Kategori	2022	2023	2024	Jumlah
Pengurangan	690	885	235	1,810
Penangguhan	12	17	9	38
Pengecualian 1	9	30	28	67
Pengecualian 2	20	54	10	84
Ambil kira	31	46	19	96
Jumlah	762	1,032	301	2,095

PINDAAN AKTA PERUBATAN 1971 [AKTA 50]

Pindaan Akta Perubatan 1971 [Akta 50] ini bertujuan untuk menyelesaikan isu ketidakaturan pengiktirafan kelayakan dan latihan kepakaran serta isu berkaitan pendaftaran pakar dari aspek undang-undang. Pelbagai sesi libat urus telah diadakan dengan pemegang taruh dan Rang Undang-Undang (RUU) ini telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat pada 17 Julai 2024 dan diluluskan oleh Dewan Negara pada 29 Julai 2024. Akta Perubatan (Pindaan) 2024 telah mendapat perkenan Yang Di-Pertuan Agong pada 9 Oktober 2024 dan diwartakan pada 17 Oktober 2024.



Imej 5.6 Pindaan Akta Perubatan 1971 [Akta 50]

PELAKSANAAN LATIHAN KEPAKARAN

Program Sarjana Perubatan dan Bidang Pengkhususan

- i. Program Sarjana Perubatan dikendalikan oleh lapan (8) universiti awam dengan kerjasama KKM melibatkan 23 bidang kepakaran asas yang ditawarkan. Pada tahun 2024, sebanyak 1,427 slot Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) telah ditawarkan kepada pegawai perubatan yang layak untuk melanjutkan pengajian dalam Program Sarjana Perubatan. Sehingga 31 Disember 2024, terdapat sebanyak 5,124 pelatih sedang mengikuti pengajian Program Sarjana Perubatan.
- ii. Latihan bidang pengkhususan merujuk kepada latihan yang menjurus kepada penganugerahan kelayakan akademik bagi bidang-bidang tertentu yang diperlukan oleh perkhidmatan selain dari bidang yang diiktiraf sebagai bidang kepakaran asas oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM). Pada tahun 2024, seramai 40 pegawai perubatan telah ditawarkan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan atau Tanpa HLP untuk melanjutkan pengajian di dalam bidang pengkhususan di peringkat Sarjana dan Kedoktoran.

Latihan Kepakaran Laluan Parallel

Latihan Kepakaran Laluan Parallel adalah latihan kepakaran perubatan yang dikendalikan oleh KKM dengan pelatih yang dianugerahkan kelayakan antarabangsa yang diiktiraf oleh MPM. KKM berperanan untuk menyediakan latihan di bawah seliaan dalam bidang kepakaran tersebut berdasarkan standard yang ditetapkan oleh MPM. Latihan Kepakaran Laluan Parallel dilaksanakan bagi 14 bidang kepakaran yang melibatkan 17 kelayakan. Sehingga 31 Disember 2024, terdapat sebanyak 3,576 pelatih yang sedang menjalani Latihan Kepakaran Laluan Parallel dengan 602 pelatih adalah di bawah tajaan BPL.

Jadual 5.4 Jumlah Pelatih dalam Program Sarjana Perubatan dan Latihan Kepakaran Laluan Parallel

Bidang Kepakaran	Sarjana Perubatan	Laluan Parallel
Anestesiologi & Rawatan Kritikal	503	56
Pembedahan Kardiorasik	-	17
Radiologi Klinikal	392	68
Perubatan Kecemasan	380	123
Perubatan Keluarga	404	1,749
Patologi Forensik	39	4
Pediatrik Am	302	284
Pembedahan Am	332	-
Perubatan Dalaman	500	755
Neurosurgeri	77	-
Perubatan Nuklear	21	-
Obstetrik & Ginekologi	331	263
Onkologi	62	10
Oftalmologi	251	45
Ortopedik	349	-
Otorinolaringologi	173	-
Patologi	231	-
Pembedahan Pediatrik	18	-
Pembedahan Plastik	29	12
Psikiatri	211	154
Kesihatan Awam	387	-
Perubatan Rehabilitasi	59	-
Perubatan Sukan	33	-
Perubatan Transfusi	40	-
Urologi	-	36
Jumlah	5,124	3,576

Program Latihan Subkepakaran/*Area of Interest*

Program Latihan Subkepakaran/*Area of Interest* KKM dilaksanakan secara berstruktur sama ada secara sepenuhnya di luar negara atau sepenuhnya di dalam negara atau secara kombinasi dalam dan luar negara. Terdapat 96 subkepakaran dan 105 *Area of Interest* dalam pelbagai bidang. Sejumlah 343 pegawai perubatan pakar yang berjaya melanjutkan pengajian dalam Program Subkepakaran/*Area of Interest* pada tahun 2024. Sehingga 31 Disember 2024, terdapat sebanyak 1,090 pegawai perubatan pakar sedang mengikuti Program Latihan Subkepakaran/*Area of Interest* KKM.

PEWARTAAN BAGI KEPAKARAN DAN SUB-KEPAKARAN

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 1,027 pakar perubatan telah diwartakan iaitu 95% dari 1,080 permohonan pewartaan yang diterima oleh KKM bagi tahun 2024 berdasarkan Perintah Am Bab F, Bahagian (V) pelbagai Klausula 27(a) dan (b).

Jadual 5.5 Perwartaan Pakar Perubatan Tahun 2016-2024

Jumlah Perwartaan Pakar Perubatan								
2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
586	707	777	603	727	749	1,264	921	1,027

PEMBANGUNAN SUB-MODUL E-WARTA DALAM MODUL HUMAN RESOURCE MODULE (HRM) DALAM SISTEM MPIS

Selaras dengan perkembangan database pakar dalam MPIS, sistem e-warta dibangunkan bagi mempermudah proses pewartaan dalam talian. Projek rintis berjaya dilaksanakan melibatkan 19 calon pewartaan, iaitu 16 di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, satu (1) Hospital Sultan Idris Shah dan dua (2) Hospital Pulau Pinang. Projek rintis e-warta bakal dikembangkan ke hospital Zon Tengah melibatkan negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya. Bengkel Training of Trainers (ToT) E-Warta melibatkan 17 wakil hospital telah dijalankan bagi Zon Tengah (Selangor, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya) pada 14 Oktober 2024 .

SISTEM MYCPD

Sistem myCPD telah dibangunkan sejak tahun 2015 dan telah dilancarkan pada tahun 2017. Sistem ini membolehkan anggota kesihatan merekod aktiviti CPD mereka dalam format buku log secara dalam talian. Penggunaan mata CPD disesuaikan dengan keperluan atau tujuan yang berbeza seperti untuk pembaharuan Sijil Amalan Tahunan (APC) untuk anggota kesihatan yang terlibat dan keperluan latihan yang lain. Sistem ini juga telah diintegrasikan dengan sistem seperti *Medical Register Information and Technical System (MeRITS)*, *Academy of Medicine Malaysia (AMM)*, *MMA Mobile App*, *Pharmacist Registration Management System (PRiSMA)*, *Malaysian Healthcare Practitioners System (MHPS)*, *Business Licensing Electronic Support System (BLESS)* dan Sistem Rekod Latihan Hospital Selayang (e-LATS).

Jadual 5.6 Sistem myCPD Tahun 2024

Pengguna	Penyelia	Penganjur	Skim Perkhidmatan Kesihatan
298,416	27,247	2,450	38

LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN (LDP) PROGRAM PERUBATAN

Pencapaian LDP dalam negara pada tahun 2024 adalah sebanyak 100%. Manakala latihan luar negara adalah sebanyak 48 orang dan *Advance Competency Programme* adalah empat (4) orang.

CAWANGAN KUALITI PENJAGAAN PERUBATAN (CKPP)

CKPP berperanan merancang, melaksana, memantau dan menambah baik perkhidmatan perubatan bagi memastikan keselamatan, kualiti dan keberkesanan perkhidmatan kesihatan secara menyeluruh. Pencapaian dan aktiviti CKPP sepanjang tahun 2024 seperti di bawah:

Jadual 5.7 Aktiviti CKPP Tahun 2024

Pencapaian/Aktiviti	Jumlah
Konsultasi Teknikal	88
Persidangan	16
Program Survelan	21
Laporan Teknikal	57
Garis Panduan/Modul/Polisi	20
Bengkel/Kursus/Latihan	66
Kajian	5

WORLD ANTIMICROBIAL RESISTANCE (AMR) AWARENESS WEEK (WAAW) 2024

Program WAAW 2024 Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 19 November 2024 dengan tema *Educate. Advocate. Act Now.* Program ini merupakan kerjasama antara KKM, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), WHO dan rakan strategik lain. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai AMR, yang merupakan ancaman kritikal kesihatan global. Program ini menyokong pelaksanaan *Malaysian Action Plan on Antimicrobial Resistance (MyAP-AMR) 2022-2026* dengan mempromosikan pendidikan, pemantauan, pencegahan jangkitan dan penggunaan antimikrob secara berhemah melalui pendekatan *One Health*.



Imej 5.7 World AMR Awareness Week 2024

HARI KESELAMATAN PESAKIT SEDUNIA 2024

Hari Keselamatan Pesakit Sedunia yang disambut pada 17 September setiap tahun merupakan inisiatif global yang bertujuan untuk menekankan isu keselamatan pesakit serta menggalakkan tindakan pencegahan bagi meningkatkan keselamatan dalam penjagaan kesihatan. Sambutan di Malaysia pada tahun 2024 bertemakan *Memperbaiki Diagnosis untuk Keselamatan Pesakit*, selaras dengan tema WHO. Sambutan peringkat kebangsaan merangkumi dua (2) acara utama iaitu *Light up in Orange* Bangunan Graha Makmur, Melaka pada 17 September 2024 dan Seminar Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2024 pada 24 September 2024.



Imej 5.8 *Light up in Orange* Bangunan Graha Makmur

HARI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSH) SEDUNIA 2024

Pada 11-13 Jun 2024, KKM bekerjasama dengan Jabatan Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan *Malaysian Society of Occupational Health Doctors* (MSOHD) telah menganjurkan Sambutan dan Persidangan Hari OSH Sedunia 2024 Peringkat Kebangsaan. Sambutan dan persidangan ini yang telah dihadiri seramai 455 peserta dari pelbagai sektor sebagai usaha untuk mengukuhkan pengetahuan serta amalan berkaitan keselamatan dan kesihatan di semua fasiliti.



Imej 5.9 Hari OSH Sedunia 2024

NATIONAL CIRCUMCISION SYMPOSIUM (NCS) 2024

National Circumcision Symposium buat julung kali telah diadakan pada 24-26 Oktober 2024 hasil usahasama KKM dengan Pertubuhan Penolong Pegawai Perubatan Terengganu (TAMO) dengan bertemakan *Navigating Male Circumcision Landscape in Malaysia*. Simposium ini telah dihadiri oleh sebanyak 200 orang peserta dari seluruh Malaysia yang terdiri daripada pegawai perubatan dan pembantu pegawai perubatan dari fasiliti kesihatan awam dan swasta. Simposium ini diharap dapat membantu anggota kesihatan memahami kepentingan amalan khatan yang selamat.



Imej 5.10 *National Circumcision Symposium 2024*

CAWANGAN PENILAIAN TEKNOLOGI KESIHATAN (MaHTAS)

MaHTAS bertanggungjawab dalam menyediakan maklumat berasaskan bukti berhubung nilai sesuatu teknologi sama ada yang baharu atau sedia ada termasuklah dari aspek keselamatan, keberkesanan, keberkesanan kos, impak ke atas organisasi, sosial dan etika semasa membuat keputusan di pelbagai peringkat. Maklumat yang disediakan adalah dalam bentuk laporan Penilaian Teknologi Kesihatan (HTA), Kajian Teknologi Kesihatan (mini HTA), Maklumat Ringkas Kesihatan (*Information Brief*), *TechScan* dan *TechBrief*.

MaHTAS juga memastikan pembangunan dan pelaksanaan Panduan Amalan Klinikal (CPG). Bagi tahun 2024, terdapat tujuh (7) CPG yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis HTA-CPG, iaitu:

- i. *Management of Thalassemia (Second Edition)*
- ii. *Management of Bipolar Disorder (Second Edition)*
- iii. *Management of Erectile Dysfunction*
- iv. *Management of Early Childhood Caries (Third Edition)*
- v. *Management of Asthma in Adults (Second Edition)*
- vi. *Management of Psoriasis (Second Edition)*
- vii. *Antibiotic Prophylaxis in Oral and Maxillofacial Surgery for Prevention of Surgical Site Infection (Third Edition)*

Selain itu, terdapat empat (4) laporan HTA yang telah diluluskan iaitu *Biologics in Severe Asthma*, *Computer-aided Detection or Artificial Intelligence for Chest X-ray in Early Detection of Tuberculosis*, *Use of WHO Oral Regime for Drug Resistant Tuberculosis* dan *Chimeric Antigen Receptor (CAR)-T Cell for Treatment of Relapse or Refractory Acute Lymphoblastic Leukemia*. Sebanyak 69 laporan teknologi kesihatan telah dihasilkan bagi tahun 2024 seperti di bawah.

Jadual 5.8 Laporan Penilaian Teknologi Kesihatan Tahun 2024

Jenis Laporan	Jumlah
Panduan Amalan Klinikal	7
Penilaian Teknologi Kesihatan	4
Kajian Teknologi Kesihatan	20
Maklumat Ringkas Kesihatan	13
TechBrief	14
TechScan	2
Ulasan Teknikal	9
Jumlah	69

MaHTAS telah menganjurkan empat (4) *CPG Training of Core Trainers and Training Module*, serta menerbitkan empat (4) *Quick References* dan dua (2) *Patient Information Leaflet*. Selain itu, MaHTAS telah menganjurkan tiga (3) *Training for Primary Care Providers* bagi memberi pengetahuan kepada doktor perubatan di klinik kerajaan dan swasta. Tajuk CPG untuk *Training for Primary Care Providers* ialah *Management of E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury* (EVALI), *Management of Gout* dan *Management of Dementia*.

INISIATIF SINGLE-DOOR KKM

MaHTAS telah dilantik sebagai Pintu Tunggal KKM untuk pembangunan teknologi kesihatan yang telah dilancarkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan pada 4 Disember 2024. Inisiatif ini bertujuan untuk mempercepat pembangunan industri teknologi kesihatan dengan menyediakan platform tunggal bagi industri untuk mendapatkan penilaian, pendaftaran dan implementasi teknologi kesihatan. Perkhidmatan yang disediakan termasuk nasihat saintifik awal, bantuan dalam ujian di fasiliti kesihatan, serta pelbagai penilaian teknologi kesihatan.

Teknologi pertama yang diperkenalkan di bawah inisiatif ini ialah *Diabetic Retinopathy Inference with Multi Artificial Neural Network Technology Automation*, juga dikenali sebagai DR. MATA, adalah merupakan penyelesaian inovatif yang dikuasakan oleh Kecerdasan Buatan (AI). DR. MATA direka bentuk untuk mengesan dan mendiagnos *diabetic retinopathy*, dengan seperti pengesanan awal, peningkatan aksesibiliti dan peningkatan hasil rawatan pesakit.



Imej 5.11 Inisiatif *Single-Door*

KURSUS PENILAIAN TEKNOLOGI KESIHATAN (ZON SELATAN) 2024


MaHTAS telah menganjurkan Kursus Penilaian Teknologi Kesihatan (Zon Selatan) pada 28-30 Mei 2024. Kursus ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan memperkukuh kefahaman berkaitan penilaian teknologi kesihatan; fungsi, tujuan dan peranannya dalam mewujudkan sistem kesihatan yang efisien, saksama dan berkualiti tinggi. Kursus ini telah dihadiri wakil daripada JKN Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Kursus ini juga melibatkan pengarah hospital dan pegawai kesihatan daerah, iaitu pembuat dasar dan pemegang taruh utama di Zon Selatan. Kursus turut disampaikan secara maya kepada pegawai daripada JKN terlibat.



Imej 5.12 Kursus Penilaian Teknologi Kesihatan (Zon Selatan) 2024

UNIT PENILAIAN TEKNIKAL TABUNG BANTUAN PERUBATAN (TBP)

Bermula tahun 2005-2024, TBP telah membantu sebanyak 79,876 pesakit dengan jumlah RM718.28 juta yang merangkumi pelbagai bantuan rawatan. Bagi tahun 2024 permohonan yang diterima adalah sebanyak 5,317 dengan jumlah RM82,369,328.78.




Rajah 5.1 Permohonan TBP Tahun 2024

Jadual 5.9 Kos Rawatan Perubatan TBP Mengikut Negeri

Negeri	Jumlah Kelulusan	Kos Rawatan (RM)	Peratus (%)
Selangor	666	12,111,936.20	14.29
Sarawak	492	8,911,744.25	10.57
Kedah	529	8,029,903.80	11.35
WP Kuala Lumpur	415	7,333,038.90	8.90
Sabah	458	6,594,633.58	14.92
Perak	556	5,944,027.80	11.93
Johor	455	5,649,931.10	9.77
Pulau Pinang	237	5,644,104.40	5.09
Kelantan	367	4,578,604.35	7.88
Pahang	155	1,438,676.75	3.33
Terengganu	180	1,359,558.00	3.87
Negeri Sembilan	74	512,208.80	1.58
Melaka	56	478,026.05	1.20
WP Labuan	8	145,011.30	0.17
WP Putrajaya	10	83,486.40	0.21

UNIT PENILAIAN TEKNIKAL SARAAN PERUBATAN

Unit ini bertanggungjawab untuk membuat penilaian untuk BPP mengenai perbelanjaan kemudahan perubatan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Kemudahan Perubatan (PPSM) yang diperuntukan kepada pegawai dan pesara awam persekutuan serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan. Jumlah permohonan seperti berikut:



Rajah 5.2 Permohonan Saraan Perubatan Tahun 2024

BAHAGIAN SAINS KESIHATAN BERSEKUTU (BSKB)

BSKB bertanggungjawab ke atas 29 Profesion Kesihatan Bersekutu (PKB) di KKM yang merangkumi lebih 31,000 penjawat pada ketika ini. Fungsi utama BSKB adalah mengurus dan menyelaraskan pembangunan dasar kesihatan bersekutu, memantapkan perkembangan profesion dan perkhidmatan, kawalan kualiti, aktiviti penyelidikan, penetapan standard kompetensi dan latihan, serta mengurus keperluan sumber kesihatan.

MAJLIS PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU MALAYSIA (MPKBM)

MPKBM telah ditubuhkan di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774] dengan tujuan untuk mengawal selia 16 PKB (Pindaan Jadual Kedua) 2022. MPKBM mempunyai peranan dan tanggungjawab utama seperti berikut:

- Mendaftar dan mengeluarkan perakuan kepada pengamal kesihatan bersekutu berdaftar
- Menentukan kelayakan PKB
- Menentukan keperluan dan prasyarat bagi PKB
- Mengawal selia etika dan tatakelakuan pengamal kesihatan bersekutu berdaftar
- Mengawal selia amalan pengamal kesihatan bersekutu berdaftar



Imej 5.13 Mesyuarat MPKBM Ke-9 Bil. 1/2024

PENDAFTARAN PENGAMAL KESIHATAN BERSEKUTU

Pendaftaran pengamal kesihatan bersekutu telah bermula pada 1 Julai 2022 mengikut jadual penggiliran yang telah ditetapkan oleh MPKBM, dengan tempoh peralihan tamat pada 30 Jun 2025. Pada tahun 2024 sebanyak 9,417 pendaftaran telah diluluskan oleh majlis. Jumlah pendaftaran keseluruhan bermula 1 Julai 2022 hingga 31 Disember 2024 adalah sebanyak 27,761 dengan kutipan hasil sebanyak RM4,504,350.

Jadual 5.10 Bilangan Pengamal Kesihatan Bersekutu yang Berdaftar Tahun 2022-2024

Profesion	2022	2023	2024
Ahli Audiologi	186	80	371
Ahli Dietetik	372	226	805
Ahli Entomologi (Kesihatan Awam)	6	127	19
Ahli Fisioterapi	1,715	652	1,937
Ahli Fizik Perubatan	59	117	233
Ahli Pemakanan	115	409	226
Ahli Psikologi Klinikal	73	330	177
Ahli Radiografi Diagnostik	1,755	1,084	1,518
Ahli Sains Makmal Perubatan	94	1,385	1,722
Ahli Terapi Cara Kerja	1,216	789	526
Ahli Terapi Pertuturan-Bahasa	160	197	150
Ahli Terapi Radiasi	105	217	150
Juruteknologi Makmal Perubatan	51	4,728	1,072
Juruteknologi Pergigian	899	223	147
Pegawai Kesihatan Persekitaran	17	919	279
Pegawai Pendidikan Kesihatan	18	20	85
Jumlah	6,841	11,503	9,417
Jumlah Kumulatif	27,761		

PENILAIAN AKREDITASI PROGRAM PENGAJIAN

Sekretariat MPKBM bertanggungjawab dalam proses penilaian dan pengiktirafan program-program pengajian bidang kesihatan bersekutu yang diselaraskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 13 penilaian akreditasi penuh dan lapan (8) penilaian akreditasi sementara telah dijalankan.

AKTIVITI SEKRETARIAT MPKBM

Sekretariat MPKBM telah berjaya menjalankan beberapa aktiviti penting seperti mesyuarat, bengkel dan taklimat dalam usaha membangunkan polisi dan garis panduan, kesedaran terhadap pendaftaran, penguatkuasaan akta serta perjalanan hal ehwal majlis. Aktiviti ini juga melibatkan penyampaian hebahan kepada pengamal dan pihak pemegang taruh mengenai kepentingan pendaftaran. Selain itu aktiviti ini turut melibatkan kolaborasi dengan pelbagai agensi dan sektor bagi mendapat maklum balas semua pihak agar perancangan MPKBM berjalan dengan lancar dan efisien.

Jadual 5.11 Aktiviti Sekretariat MPKBM

Aktiviti Sekretariat	Kuantiti
Mesyuarat	
Mesyuarat Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia	3
Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB)	4
Program standard	2
Mesyuarat jawatankuasa	27
Mesyuarat bersama agensi	4
Mesyuarat dan perbincangan lain-lain	52
Taklimat	
Akta/Pendaftaran	18
<i>Continuing Professional Development</i> (CPD)	3
Bengkel	
Bengkel Penilaian <i>Code of Practice for Programme Accreditation</i> Edisi 2.0 (COPPA 2.0) di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774]	2
Bengkel Pembangunan Garis Panduan <i>Open and Distance Learning</i> (ODL) Bidang Kesihatan Bersekutu	2
Bengkel Pentafsiran Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774]	1
Bengkel Penyediaan Peraturan-Peraturan Daftar dan Peraturan-Peraturan Prosiding Tatatertib Pengamal Kesihatan Bersekutu Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774]	3
Bengkel Penilaian Kelayakan Luar Negara Bidang Kesihatan Bersekutu di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774]	1
Jerayawara Perakuan Amalan Sementara Profesion Kesihatan Bersekutu bagi Bukan Warganegara kepada Majikan	1



Imej 5.14 Bengkel Penilaian Kelayakan Luar Negara Bidang Kesihatan Bersekutu di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu Tahun 2016 [Akta 774]



Imej 5.15 Bengkel Pembangunan Garis Panduan ODL Bidang Kesihatan Bersekutu

SEKSYEN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

Seksyen Dasar dan Perancangan Strategik bertanggungjawab melaksanakan, menyemak dan mengemaskini dasar serta strategi BSKB. Ini bertujuan memastikan PKB terus menyampaikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang selamat, efektif, efisien dan berkualiti tinggi, selaras dengan perkembangan semasa dalam sektor kesihatan.

ANALISIS IMPAK PERATURAN (RIA) BAGI KERANGKA KERJA TADBIR URUS PKB YANG TIDAK DIKAWAL SELIA DI MALAYSIA

Pada tahun 2024, RIA bagi Kerangka Kerja Tadbir Urus PKB yang Tidak Dikawal Selia di Malaysia dilengkapi dengan pelaksanaan analisis kos-faedah dan penilaian risiko, proses konsultasi, rumusan dan cadangan penambahbaikan serta strategi pelaksanaan.

Satu sesi konsultasi bersama semua pihak berkepentingan telah diadakan secara hibrid pada 5 Julai 2024. Di dalam sesi ini, KKM telah membentangkan cadangan tatacara kawal selia untuk enam (6) PKB iaitu teknologi kardiovaskular, perfusi, sonografi, terapi muzik, kaunseling genetik serta prostetik dan ortotik. Para peserta telah memberikan maklum balas untuk menambah

baik tatacara kawal selia yang telah dicadangkan. KKM telah meneliti setiap maklum balas tersebut dan mengambil maklum ke atas kesesuaian dan kebolehlaksanaan daripada aspek perundangan.

Beberapa sesi perbincangan juga telah diadakan di peringkat pengurusan tertinggi KKM serta Pejabat Penasihat Undang-undang KKM. Semua hasil perbincangan dan analisis yang dijalankan telah dirangkumkan dalam dokumen penyata impak peraturan (RIS). Dokumen ini telah diserahkan kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk penilaian akhir dan kelulusan. Kerangka kerja yang dicadangkan ini bukan sahaja akan memperkasa PKB, tetapi juga akan memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah selamat, berkualiti dan mudah diakses oleh rakyat.

BENGKEL KAWALAN AMALAN *ULTRASOUND* DALAM PERUBATAN

Perkhidmatan *ultrasound* di Malaysia merupakan salah satu komponen penting dalam sistem penjagaan kesihatan yang digunakan secara meluas dalam bidang perubatan untuk tujuan diagnostik dan pemantauan pelbagai keadaan perubatan. Seiring dengan perkembangan teknologi, penggunaan *ultrasound* semakin meluas sama ada di pihak awam atau swasta, termasuk yang diberikan oleh pengamal kesihatan yang tidak berdaftar dengan mana-mana akta kesihatan. Susulan itu, satu (1) bengkel telah diadakan pada 11-13 September 2024 bertempat di Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) bagi membincangkan tentang amalan *ultrasound* dalam perubatan. Bengkel ini bertujuan untuk memperhalusi draf garis panduan yang belum diterbitkan, agar selari dengan garis panduan sedia ada dan yang masih dalam proses pembangunan, serta mengelakkan sebarang percanggahan.

Seramai 40 orang peserta telah menghadiri bengkel ini yang terdiri daripada wakil BSKB, Bahagian Perkembangan Perubatan, Perkhidmatan Radiologi, Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi, Perkhidmatan Kardiologi, Perkhidmatan Perubatan Kecemasan, Perkhidmatan Pembedahan Am, *Point of Care* Perubatan Am, Perubatan Sukan, Anestesiologi dan Rawatan Rapi, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Bahagian Kawal Selia Radiasi Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan, MDA dan pakar daripada pusat perubatan swasta.

AKTIVITI KUALITI

BSKB mengurus dan memantau pelbagai petunjuk kualiti dengan jumlah keseluruhan sebanyak 36 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) seperti berikut:

- i. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan): 1
- ii. Pengarah BSKB: 4
- iii. Timbalan Pengarah Kanan BSKB: 4
- iv. PKB: 27

Kesemua petunjuk telah berjaya mencapai 100% sasaran yang telah ditetapkan.

BSKB juga memantau 14 objektif kualiti dengan pencapaian yang cemerlang dalam memastikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Di samping itu, sebanyak empat (4) *National Indicator Approach* (NIA) dan satu (1) petunjuk Liputan Kesihatan Sejagat (UHC) yang melibatkan peratusan penggunaan perkhidmatan rehabilitasi kesihatan bersekutu turut dipantau pada tahun 2024. BSKB turut meneruskan pemantauan projek *Quality Assurance* (QA) yang melibatkan sepuluh (10) profesion.

PROJEK YANG BERIMPAK TINGGI

Dua (2) projek yang berimpak tinggi di bawah belanjawan program WHO telah lengkap pada awal tahun 2024:

- i. *Development of Credentialing, Competency and Capability Framework for Allied Health Professions in Ministry of Health Malaysia*
- ii. *Occupational Engagement Activities Among the Elderly to Promote Health and Well-Being in the Community*

Dapatan projek ini telah menyumbang kepada pembangunan dasar-dasar baharu berkaitan perkembangan kerjaya PKB dan penambahbaikan kepada perkhidmatan kesihatan warga emas di Malaysia. Selain itu, Kajian *Quality of Refractive Error Care in Malaysia* yang mendapat geran penyelidikan juga telah lengkap dijalankan bersama Majlis Optik Malaysia. Seajar dengan Kertas Putih Kesihatan, BSKB juga telah lengkap menjalankan Kajian *Desk Review* Perkhidmatan Kesihatan Bersekutu di Kesihatan Primer. Ia mengukuhkan peranan signifikan PKB di dalam promotif, pencegahan penyakit dan kawalan komplikasi penyakit tidak berjangkit dalam kalangan komuniti di kesihatan primer. Selain daripada itu, kertas cadangan kajian bertajuk *Prevalence of Burnout among Allied Health Practitioners in Malaysia* telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Penilaian Penyelidikan Institut Kesihatan Negara (JPP-NIH) untuk kelulusan etika dan geran penyelidikan.

SEKSYEN PERKEMBANGAN

Seksyen Perkembangan memainkan peranan dalam menyelaras, menambah nilai, memantau dan memberi khidmat nasihat berkaitan urusan pembangunan PKB. Ini merangkumi pembangunan sumber, perjawatan dan kemajuan kerjaya.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Seksyen Perkembangan adalah secara konsisten memainkan peranan untuk merancang, menyelaras, mengurus, memudah cara dan menangani keperluan serta isu-isu perjawatan dan penempatan yang melibatkan 29 PKB.

Pada tahun 2024, BSKB telah menyertai empat (4) lawatan dan mesyuarat verifikasi keperluan perjawatan bagi fasiliti baharu dan naik taraf serta naziran perjawatan di fasiliti sedia ada melibatkan Hospital Tawau, Hospital Banting, Hospital Miri dan Hospital Limbang. BSKB juga turut serta dalam lawatan kerja Timbalan Menteri Kesihatan ke fasiliti kesihatan di Sabah pada 3-6 Mei 2024.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 1,807 permohonan perjawatan baharu PKB telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan 3,485 perjawatan kontrak telah diluluskan di fasiliti-fasiliti kesihatan.

BSKB telah menyediakan beberapa laporan berkaitan perjawatan bagi PKB. Pada April 2024, laporan berkenaan *Human Resource for Health (HRH)* tahun 2023 telah disediakan. Laporan tersebut melibatkan semua PKB KKM. Laporan ini turut melibatkan perjawatan kader dan dibahagikan kepada lulusan Diploma/Sarjana Muda/Sarjana. Antara laporan yang dihasilkan ialah laporan jumlah graduan dengan kelulusan Diploma/Sarjana Muda/Sarjana yang mengisi perjawatan PKB dari universiti awam atau universiti swasta dari dalam dan luar negara, laporan

pengisian perjawatan mengikut negeri, laporan jumlah penjawat awam mengikut kategori umur serta laporan jumlah penempatan penjawat awam mengikut kategori fasiliti.

Selain itu, analisis perjawatan bagi 25 PKB yang mempunyai maklumat yang lengkap telah dihasilkan. Analisis ini melibatkan jumlah pengisian dan kekosongan perjawatan mengikut gred secara keseluruhan berdasarkan etnik, jantina dan umur. Jumlah pegawai meninggalkan perkhidmatan meliputi pelbagai kategori turut dianalisis.

Seksyen Perkembangan juga terlibat di dalam menyediakan pelbagai laporan mengikut templat/format tertentu mengikut keperluan dan kesesuaian pihak pemegang taruh. Antara laporan adalah seperti Tempoh Sandangan PKB, Senarai PKB mengikut Fasiliti KKM, Taburan Penjawat Awam mengikut Profesion di Fasiliti KKM, Jumlah Perjawatan/Pengisian/Kekosongan mengikut Profesion, Jumlah PKB mengikut Kelulusan Diploma/Sarjana Muda/Sarjana dan Unjuran Perjawatan PKB sehingga 2030.

LALUAN KERJAYA PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

Seksyen Perkembangan juga bertanggungjawab untuk melaksanakan Pelan Strategik Program Perubatan dan BSKB iaitu *Strategy 3: Enhance Capacity and Capability of Human Resource for Health, Implementation Plan 33: To improve career pathway for medical personnel: (9) To establish career pathway framework for AHP*. Dalam proses membangunkan kerangka laluan kerjaya ini, *Scoping Review of the Career Pathway Framework for Allied Health Professions* telah dilaksanakan dan draf laporan teknikal *scoping review* ini telah disiapkan sebelum diterbitkan pada tahun 2025.

PENERBITAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERKHIDMATAN KESIHATAN BERSEKUTU

Sebanyak 20 Prosedur Operasi Standard (SOP) telah diterbitkan pada April 2024 melibatkan empat (4) perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Sains (Embriologi), Perkhidmatan Dietetik, Perkhidmatan Terapi Cara Kerja dan Perkhidmatan Fisioterapi. Buku SOP ini boleh diakses melalui pautan berikut: <https://hq.moh.gov.my/alliedhealth>



Rajah 5.3 SOP Perkhidmatan Kesihatan Bersekutu yang Diterbitkan pada Tahun 2024

KERTAS KERJA PENAMBAHBAIKAN SKIM PKB


Dalam mengukuhkan tadbir urus PKB, BSKB berperanan dalam penyediaan kertas kerja penambahbaikan skim PKB. Pada tahun 2024, kertas kerja tersebut adalah mengkhususkan kepada Kertas Cadangan Tukar Lantik Skim Penolong Pegawai Sains (PPS) kepada Skim Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) di KKM. Kertas cadangan yang lengkap telah dihantar kepada pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM) KKM pada 17 Januari 2024 bagi mendapatkan kelulusan JPA.

SEKSYEN AMALAN

Seksyen Amalan berperanan dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan PKB melalui pemantauan, penilaian pelaksanaan perkhidmatan selaras dengan Pelan Strategik KKM dan BSKB serta mengurus hal ehwal pengurusan PKB. Seksyen Amalan juga bertanggungjawab dalam mengurus penempatan pelajar Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di fasiliti KKM, menyediakan dan memantau pematuan perjanjian Memorandum Persetujuan (MoA) antara KKM dan PPT. Seksyen juga bertanggungjawab untuk menyelaras program pembangunan modal insan, penempatan kompetensi, permohonan *credentialing* dan penilaian kepakaran profesion bagi memastikan kualiti serta profesionalisme perkhidmatan berterusan.

LATIH AMAL PELAJAR DI FASILITI KKM

Pada tahun 2024 sebanyak 45 PPT yang merangkumi sebelas (11) PPT awam dan 34 PPT swasta telah memeterai MoA dengan Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh KKM bagi tujuan latih amal pelajar di fasiliti KKM. Ini merangkumi 110 Program Kesihatan Bersekutu dan 409 fasiliti KKM yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti KKM.



Rajah 5.4 Jumlah PPT yang Memeterai MoA dalam Program Kesihatan Bersekutu Tahun 2024

PROGRAM WEBINAR PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

Program webinar anjuran BSKB dengan kerjasama PKB ini merupakan inisiatif untuk memperkenalkan perkhidmatan yang diberikan oleh PKB kepada orang awam. Di samping itu, webinar ini juga merupakan salah satu kaedah pembelajaran dan perkongsian ilmu baharu kepada ahli profesion. Setiap siri webinar yang dijalankan akan turut dikongsikan melalui platform media sosial Facebook BSKB. Sebanyak 16 siri webinar telah berjaya diadakan pada tahun 2024 dengan anggaran penyertaan webinar secara langsung dan di Facebook seramai 13,309 orang.



Imej 5.16 Poster Webinar PKB

PEMBANGUNAN MODAL INSAN PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

Pembangunan modal insan penting untuk membina tenaga kerja KKM yang mampan, berkemahiran tinggi dan cekap dalam menyampaikan perkhidmatan. Pada tahun 2024 sebanyak 27 latihan modal insan telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 1,328 orang pegawai meliputi 17 PKB seperti **Jadual 5.12**.

Jadual 5.12 Bilangan Pegawai yang Dilatih Mengikut Profesion

Profesion	Bilangan Pegawai
Juru X-Ray Diagnostik	272
Pegawai Sains (Kimia Hayat)	166
Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja)	131
Pegawai Optometri	100
Pegawai Pemulihan Perubatan (Audiologi)	91
Pegawai Sains (Forensik)	67
Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP)	64
Pegawai dan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan	60
Juruteknologi Pergigian	55
Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi)	55
Pegawai Dietetik	53
Juru X-Ray Terapi	51
Pegawai Psikologi (Klinikal)	45
Pegawai Sains (Biomedikal)	42
Pegawai Kerja Sosial Perubatan	37
Pegawai Sains (Genetik)	26
Pegawai Psikologi (Kaunseling)	13
Jumlah	1,328

LATIHAN ORIENTASI BERSEPADU UNTUK PERKHIDMATAN KESIHATAN BERSEKUTU

Latihan orientasi telah dilaksanakan secara atas talian pada 16-18 Julai 2024 melibatkan penyertaan seramai 595 pegawai baharu daripada 17 PKB. Latihan ini bertujuan memberikan maklumat dan pendedahan awal kepada pegawai lantikan baharu mengenai prosedur serta arahan pentadbiran, selain memupuk etika kerja yang cemerlang dalam perkhidmatan awam. Kursus ini merangkumi modul umum yang merangkumi aspek asas pentadbiran dan diikuti oleh modul khusus mengikut keperluan setiap profesion.

LATIHAN SANGKUT KOMPETENSI

Latihan Sangkut Kompetensi bagi pegawai PKB lantikan baharu untuk memastikan pegawai mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan dalam amalan klinikal/teknikal. Latihan ini menekankan penguasaan kemahiran asas, pemahaman terhadap SOP, serta pembangunan nilai profesionalisme, termasuk etika kerja dan komunikasi yang efektif. Sepanjang tahun 2024, PKB telah menerima permohonan untuk latihan sangkut kompetensi dari 14 profesion dan sebanyak 371 sijil kompetensi telah dikeluarkan bagi pegawai yang berjaya menamatkan latihan sangkut kompetensi.

CREDENTIALING

Credentialing merupakan elemen utama dalam memastikan pengamal kesihatan bersekutu yang kompeten dan berprestasi tinggi dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti serta memenuhi piawaian yang telah ditetapkan supaya sentiasa relevan dan selaras dengan perkembangan terkini dalam bidang kesihatan. Sehingga kini, sebanyak sembilan (9) PKB mempunyai sistem *credentialing* iaitu profesion Juru X-Ray Diagnostik, Juru X-Ray Terapi, Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi), Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja), Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan), Pegawai Pemulihan Perubatan (Audiologi), Pegawai Optometri, Pegawai Dietetik dan Juruteknologi Pergigian. Pada tahun 2024, sebanyak 373 permohonan *credentialing* bagi pelbagai prosedur telah diperakukan oleh *National Credentialing Committee* (NCC).




Imej 5.17 PKB yang Terlibat dalam Permohonan *Credentialing*

SEKSYEN PENGUATKUASAAN

Seksyen Penguatkuasaan bertanggungjawab dalam mentadbir urus, menyelaraskan, menambah nilai, memantau dan memberi khidmat nasihat dalam urusan pembangunan dan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan serta pematuhan Akta 774. Seksyen Penguatkuasaan juga bertanggungjawab untuk memastikan setiap pengamal kesihatan bersekutu mengamalkan secara beretika, berintegriti, selamat dan mematuhi kehendak Akta 774 selaras dengan objektif penguatkuasaan akta iaitu peningkatan kualiti kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

LAWATAN PENGUATKUASAAN BERPENDIDIKAN


Lawatan penguatkuasaan berpendidikan telah dilaksanakan ke atas 105 premis kesihatan bersekutu swasta di sembilan (9) negeri. Lawatan ini bertujuan untuk memberi kesedaran berkaitan pematuhan dan penguatkuasaan Akta 774. Jumlah lawatan yang dilaksanakan pada tahun 2024 menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya, seperti **Rajah 5.5**.



Rajah 5.5 Jumlah Premis bagi Lawatan Penguatkuasaan Berpendidikan

PENGURUSAN ADUAN DAN PERTANYAAN

Sebanyak 31 aduan berkaitan kesalahan di bawah Akta 774 dan 15 pertanyaan berkaitan amalan PKB telah diterima melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) KKM. Jumlah aduan ini adalah sama seperti tahun 2023 tetapi meningkat berbanding dua tahun sebelumnya seperti **Rajah 5.6**.



Rajah 5.6 Jumlah Aduan yang Diterima Berkaitan Pengamal Kesihatan Bersekutu bagi Kesalahan di bawah Akta 774 (2021-2024)

PERMOHONAN SYOR DAN ULASAN BAGI PEMBUKAAN/PEMBAHARUAN LESEN PREMIS KESIHATAN BERSEKUTU SWASTA *STANDALONE*

BSKB menerima sepuluh (10) permohonan syor dan ulasan bagi pembukaan/pembaharuan lesen premis kesihatan bersekutu swasta *standalone*. Syor dan ulasan diberikan berdasarkan Garis Panduan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Bersekutu Swasta *Standalone*. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan menggunakan syor dan ulasan ini sebagai panduan semasa proses memberi kelulusan bagi pembukaan/pembaharuan lesen premis tersebut.

PEMANTAPAN PENGUATKUASAAN

Seksyen Penguatkuasaan bertanggungjawab untuk menyediakan latihan kepada Pegawai Penguat Kuasa Akta 774 bagi melahirkan pegawai penguat kuasa yang kompeten, terlatih dan berintegriti. Selain daripada itu, Seksyen Penguatkuasaan juga bertanggungjawab dalam menyediakan garis panduan berkaitan aktiviti siasatan dan penguatkuasaan. Latihan berikut telah diadakan bagi mencapai objektif tersebut seperti **Jadual 5.13**.

Jadual 5.13 Latihan yang Diadakan Tahun 2024

Aktiviti	Tarikh	Jumlah Peserta
Kursus Teknik Siasatan (Kumpulan III)	29-30 Julai 2024	30
Bengkel Semakan SOP Penguatkuasaan Akta 774	16-18 Oktober 2024	33
Kursus Teknik Siasatan Lanjutan (Kumpulan III)	28-30 Oktober 2024	22

UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Unit Pentadbiran dan Kewangan bertanggungjawab mengurus hal ehwal pentadbiran dan mengurus urusan kewangan BSKB bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan cekap. Unit ini juga bertanggungjawab menguruskan komunikasi, protokol dan penyebaran maklumat secara berkesan.

Unit Pentadbiran dan Kewangan telah menganjurkan beberapa latihan untuk kakitangan BSKB bagi mencapai tujuan tersebut. Latihan tersebut adalah seperti berikut:

- Program Pemantapan Organisasi
- Bengkel Pelaksanaan Kemudahan Latihan Secara Pakej dan Bukan Pakej serta Tatacara Tuntutan
- Bengkel Pemantapan Perancangan Aktiviti BSKB bagi Tahun 2025
- Bengkel Pengukuhan Jati Diri

PROGRAM PEMANTAPAN ORGANISASI

Program ini telah diadakan pada 27-28 April 2024 di Port Dickson, Negeri Sembilan. Program ini diadakan bagi memberi penerangan dan pendedahan bagaimana untuk menjadi seorang penjawat awam yang cemerlang dan proaktif dalam setiap tindakan yang diambil dan dilaksanakan serta sentiasa bermotivasi dalam melakukan tugas di pejabat. Kursus ini telah dihadiri seramai 46 peserta.



Imej 5.18 Program Pemantapan Organisasi

BENGKEL PELAKSANAAN KEMUDAHAN LATIHAN SECARA PAKEJ DAN BUKAN PAKEJ SERTA TATACARA TUNTUTAN

Bengkel ini telah diadakan pada 3 September 2024 di BSKB. Bengkel ini diadakan bagi memberi penerangan dan pendedahan garis panduan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan PK 7.2. Bengkel ini juga bertujuan menyeragamkan pelaksanaan latihan dan menggalakkan perbelanjaan berhemah di BSKB serta cakna mengenai kelayakan permohonan tuntutan bagi seorang penjawat BSKB dan telah dihadiri seramai 43 peserta.

BENGKEL PEMANTAPAN PERANCANGAN AKTIVITI BSKB BAGI TAHUN 2025

Bengkel ini telah diadakan pada 3-4 Oktober 2024 di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) UiTM, Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan. Bengkel ini bertujuan untuk merancang dan memilih keutamaan aktiviti (POA) dan latihan (POL) bagi aktiviti tahun 2025 BSKB termasuk perancangan kewangan, sumber, latihan dan percetakan. Bengkel ini telah dihadiri seramai 33 peserta.



Imej 5.19 Bengkel Pemantapan Perancangan Aktiviti BSKB bagi Tahun 2025

BENGKEL PENGUKUHAN JATI DIRI

Bengkel ini telah diadakan pada 8-10 November 2024 di Eagle Ranch Resort, Port Dickson bertujuan mewujudkan semangat kekitaan dan kesepaduan dalam kalangan ahli pasukan serta mendedahkan potensi kepimpinan dalam diri peserta dan membantu peserta bekerjasama untuk mencapai sesuatu matlamat. Bengkel ini telah dihadiri seramai 26 peserta.



Imej 5.20 Bengkel Pengukuhan Jati Diri

UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT

Unit Pengurusan Maklumat memainkan peranan strategik dalam memastikan teknologi maklumat digunakan secara optimum untuk menyokong inisiatif transformasi digital BSKB dengan memperkenalkan teknologi baharu serta memberikan panduan dalam penggunaan teknologi terkini untuk meningkatkan keberkesanan operasi.

Unit Pengurusan Maklumat telah menganjurkan Kursus AI & Transformasi Digital dalam Pengurusan Pejabat pada 9-10 Oktober 2024 yang disertai oleh 30 orang pegawai BSKB. Kursus ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang mendalam tentang aplikasi kecerdasan buatan (AI) dan teknologi digital dalam pengurusan pejabat. Kursus ini juga bertujuan memperkasakan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran terkini untuk meningkatkan keberkesanan operasi, produktiviti dan inovasi dalam tempat kerja.



Imej 5.21 Kursus AI & Transformasi Digital dalam Pengurusan Pejabat

BAHAGIAN KEJURURAWATAN (BKj)

BKj bertanggungjawab ke atas dasar perancangan pembangunan profesion kejururawatan agar selari dengan aspirasi KKM serta mengurus perihal kejururawatan secara konstruktif dan produktif demi mengekalkan piawaian kualiti perkhidmatan kejururawatan.

CAWANGAN DASAR DAN AMALAN KEJURURAWATAN

SEKTOR KUALITI DAN LATIHAN

Sektor ini mempunyai tiga (3) petunjuk yang dipantau di peringkat BKj iaitu KPI Pengarah Kejururawatan, objektif kualiti dan piagam pelanggan. Bagi peringkat kebangsaan, tiga (3) petunjuk dipantau iaitu *National Nursing Audit* (NNA) bagi program Perubatan dan Kesihatan Awam, *National Operating Room Nursing Audit* (NORNA) dan *National Nursing Indicator Approach* (NNIA).

UNIT PEMBANGUNAN PIAWAIAN KUALITI KEJURURAWATAN

Berikut adalah pencapaian KPI Pengarah Kejururawatan seperti dalam **Jadual 5.14**.

Jadual 5.14 Pencapaian KPI Pengarah Kejururawatan Tahun 2024

Petunjuk	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
Peratus jururawat berdaftar yang mempunyai Sijil Pengkhususan Pos Basik ditempatkan mengikut bidang pengkhususan	≥95	98.29
Peratus insiden phlebitis di kalangan pesakit dalam yang mempunyai kanulasi intravena (IV)	≤35	2.86
Peratus jururawat yang bertugas di penempatan klinikal lebih daripada 6 bulan diperakui lulus dan mendapat <i>privileging</i>	≥80	78.65

Standard kejururawatan dan kompetensi jururawat di hospital diukur menggunakan NNA Program Perubatan yang mempunyai lima (5) elemen seperti dalam **Jadual 5.15**.

Jadual 5.15 Pencapaian NNA Program Perubatan Tahun 2024

Elemen	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
<i>Administration of Intravenous Infusion</i>	90	99.40
<i>Aseptic Wound Dressing</i>	90	98.90
<i>Pain as 5th Vital Sign</i>	90	99.60
<i>Blood or Blood Component Transfusion</i>	100	99.84
<i>Administration of Oral Medication</i>	100	99.66

Sebanyak 12 elemen NNA Kesihatan Awam telah diaudit bagi tahun 2024 seperti dalam **Jadual 5.16**.

Jadual 5.16 Pencapaian NNA Kesihatan Awam Tahun 2024

Elemen	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
Pengendalian ibu hamil berisiko tinggi - anaemia	≥90	92.55
Pengendalian ibu hamil berisiko tinggi - pregnancy induce hypertension	≥90	93.62
Pengendalian ibu hamil berisiko tinggi - gestational diabetes mellitus	≥90	92.63
Pemeriksaan fizikal dan palpasi abdomen ibu hamil di klinik bagi antenatal dan ulangan	≥90	99.19
Pemeriksaan posnatal di rumah - ibu	≥95	99.49
Pemeriksaan posnatal di rumah - anak	≥95	99.62
Pemberian vaksin melalui suntikan imunisasi	100	99.67
Penjagaan Rangkaian Sejuk	100	99.89
Penilaian pertumbuhan dan perkembangan di kalangan bayi dan kanak-kanak	100	99.74
Pengendalian kanak-kanak di kalangan bayi dan kanak-kanak berumur 6 bulan hingga 6 tahun daripada penerima bakul termasuk susu khas	≥80	88.17
Kepimpinan dan pentadbiran perkhidmatan kejururawatan	≥90	98.49
Pengurusan sumber manusia di peringkat penjagaan kesihatan primer	≥90	98.91

Bagi memastikan penjagaan pesakit yang selamat, pencapaian NNIA adalah peratusan insiden yang tidak melebihi sasaran seperti dalam **Jadual 5.17**.

Jadual 5.17 Pencapaian NNIA Tahun 2024

Petunjuk	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
Insiden pesakit jatuh	≤4.0	0.29
Insiden phlebitis	≤35.0	2.86
Insiden <i>pressure injury</i>	≤2.1	1.02

UNIT PEMBANGUNAN PROFESION KEJURURAWATAN

Bagi tahun 2024, sebanyak tiga (3) program latihan telah dianjurkan oleh BKj. Unit ini berfungsi sebagai badan regulatori dalam pemberian mata kredit CPD untuk penganjur yang menjalankan kursus. Unit ini telah menerima permohonan untuk kelulusan bagi 1,665 program daripada sektor kerajaan dan swasta. Sebanyak 1,396 (83.84%) program telah diluluskan manakala bakinya 269 (16.15%) telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat permohonan.

UNIT CREDENTIALING AND PRIVILEGING (C&P)

Terdapat 13 disiplin yang diberi pentauliahahan sijil *credentialing* untuk tiga (3) tahun oleh NCC. Kelulusan permohonan daripada disiplin rawatan rapi adalah tertinggi, *credentialing* (535) dan disiplin peri operatif adalah tertinggi untuk *re-credentialing* (704) manakala, jawatankuasa *credentialing & privileging* peringkat hospital akan mengendalikan *privileging* di hospital masing-masing.

UNIT ADUAN DAN MAKLUM BALAS

BKj telah membuat penambahbaikan melalui kursus, bengkel dan lawatan pemantauan berkaitan skop aduan dan kepuasan pelanggan kepada jururawat KKM. Pada tahun 2024, kemahiran insaniah ialah punca utama aduan iaitu sebanyak 223 (32.0%) diikuti dengan pelbagai aduan 221 (31.0%).

UNIT PENYELIDIKAN KEJURURAWATAN

Pencapaian Unit Penyelidikan Kejururawatan bagi tahun 2024 adalah seperti dalam **Jadual 5.18** dan **Imej 5.22**.

Jadual 5.18 Pencapaian Unit Penyelidikan Kejururawatan Tahun 2024

Aktiviti	Pencapaian
Pelantikan penyelaras penyelidikan peringkat negeri, institusi dan hospital KKM	Lantikan 120 orang jururawat dengan kelayakan dalam Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan
Memberikan khidmat nasihat dan pemudah cara dalam penyelidikan kejururawatan	Enam (6) fasiliti dengan enam (6) permohonan khidmat nasihat dan pemudah cara Enam (6) kajian penyelidikan daripada enam (6) fasiliti (NIH, KKM, universiti awam dan swasta)
Bekerjasama dalam aktiviti penyelidikan, latihan, pembentangan dan penerbitan penyelidikan kejururawatan	Pencapaian penerbitan penyelidikan: i. <i>The Effects of Caring-based Education Program Caring behavior, Caring Efficacy and Healthy Working Environment Among Critical Care Nurses in Penang Public Hospitals Practical Experience Utilising a Rapid Review Process for Nursing Practice Decision-Making on Pressure Injury Outcome Indicators</i> ii. <i>Developing Hospital Nurses' Clinical Reasoning Abilities In Assessing and Managing Clinical Deterioration Using a Virtual Patient Simulation: A Quasi-Experimental Study</i>
Menganjurkan persidangan penyelidikan kejururawatan peringkat kebangsaan	27 th Joint Malaysia Singapore Nursing Conference pada 26-28 Jun 2024 dengan jumlah penyertaan seramai 340 jururawat
Penerbitan laporan BKj	Buku Laporan Tahunan BKj, e-Buletin BKj, Laporan Sambutan Hari Bidan & Jururawat dan Program Bulan Kebangsaan
Penghargaan jururawat	Ucapan penghargaan dari segi akademik dan perkhidmatan kejururawatan



Imej 5.22 Penerbitan Laporan BKj Tahun 2024

SEKTOR AMALAN

UNIT AMALAN KEJURURAWATAN (PERUBATAN DAN KESIHATAN AWAM)

Lawatan penyeliaan dan pemantauan telah dilaksanakan di 24 fasiliti KKM pada tahun 2024. Penilaian semasa lawatan adalah bagi mengenalpasti tahap penyampaian perkhidmatan mematuhi sasaran yang ditetapkan oleh BKj seperti dalam **Imej 5.23**.



Imej 5.23 Lawatan Penyeliaan dan Pemantauan oleh Sektor Amalan Tahun 2024

CAWANGAN REGULATORI

SEKTOR PENDAFTARAN DAN PENGUATKUASAAN

UNIT PENDAFTARAN DAN PERAKUAN PENGAMALAN JURURAWAT TAHUNAN (APC)

Pada tahun 2024, seramai 5,448 jururawat telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) yang terdiri daripada 4,279 Jururawat Berdaftar, 15 Penolong Jururawat, 297 Jururawat Kesihatan Awam, 60 Jururawat Kesihatan Jiwa dan lapan (8) Jururawat *Malaysian Trained Oversea* (MTO) manakala 789 Jururawat Kebidanan Bahagian 1 telah berdaftar dengan Lembaga Bidan Malaysia (LBM).

Seramai 150,104 jururawat telah diberikan APC yang terdiri daripada 130,909 Jururawat Berdaftar, 1,309 Penolong Jururawat dan 17,886 Jururawat Masyarakat. Jumlah permohonan untuk berkhidmat di luar negara adalah 3,021 jururawat. Permohonan untuk berkhidmat di Arab Saudi (1,782) adalah yang tertinggi diikuti oleh Singapura (1,038).

UNIT PENDAFTARAN SIJIL PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA (TPC) & PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

Seramai 62 Jururawat Terlatih Warganegara Asing (JTWA) mendapat kelulusan kuota yang terdiri daripada 58 kategori kuota baharu, tiga (3) kategori kuota pembaharuan dan satu (1) kategori kuota penambahan. Pada tahun 2024, terdapat 293 permohonan TPC bagi JTWA yang terdiri daripada 260 kelulusan TPC baharu, 31 TPC pembaharuan dan dua (2) TPC elektif.

Mesyyarat *Asean Joint Coordinating Committee on Nursing* (AJCCN) telah diadakan secara bersemuka pada 25-27 Februari 2024 di Bandung Indonesia, 21-25 Oktober 2024 di Jakarta Indonesia, *Western Pacific Regional Meeting* telah diadakan pada 14-16 Februari 2024 di Manila Filipina dan WHO: Global Partner Meeting in Nursing and Midwifery di Geneva Switzerland. *Joint Malaysia-Singapore Nursing Conference* (JMSNC) ke-27 telah diadakan pada 26-28 Jun 2024 bertempat di The Everly Hotel Putrajaya dengan jumlah penyertaan dari Malaysia seramai 340 peserta.

SEKTOR STANDARD DAN AKREDITASI

UNIT PENILAIAN KURIKULUM KEJURURAWATAN

Jumlah institusi latihan kejururawatan dan lawatan penilaian akreditasi bagi tahun 2024 adalah seperti dalam **Jadual 5.19**.

Jadual 5.19 Institusi Latihan Kejururawatan dan Lawatan Penilaian Akreditasi Tahun 2024

Institusi	Fasiliti	Lawatan
Institusi Latihan KKM (ILKKM)	16	17
Universiti Awam (UA)	9	4
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)	48	26
Kementerian Pertahanan	1	0
Jumlah	74	47

Pada tahun 2024, 179 permohonan permit mengajar telah diproses dan 161 diluluskan iaitu 41 kelulusan adalah dari kategori pengajar dan 120 dari kategori *clinical instructor*.

UNIT PEPERIKSAAN

Jumlah calon yang mendaftar peperiksaan LJM dan LBM bagi tahun 2024 adalah 5,541 calon dengan 5,535 (99.89%) menduduki peperiksaan. Jumlah calon yang mendaftar peperiksaan kelayakan LJM untuk JTWA adalah 294 calon dan jumlah menduduki peperiksaan adalah 289 (98.30%).

UNIT PENGURUSAN PENGGUNAAN FASILITI KKM BAGI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

Pada tahun 2024, 54 PPT telah memeterai MoA dengan KKM untuk menjalani latihan di fasiliti KKM. Unit ini menjalankan pemantauan kepatuhan penggunaan fasiliti KKM bagi tujuan penempatan latih amal pelajar kejururawatan atau pelatih. Pemantauan pada 12 fasiliti hospital dan tujuh (7) fasiliti kesihatan awam KKM telah dijalankan.

SEKTOR PENGURUSAN KORPORAT

Pada tahun 2024, Unit Perancangan Sumber Manusia Kejururawatan telah melantik seramai 866 jururawat secara tetap. Unit Pentadbiran dan Kewangan pula berjaya mencapai 100% sasaran KPI HRMIS yang ditetapkan mengikut garis panduan dan peraturan. Sementara itu, Unit Teknologi Maklumat telah menganjurkan satu (1) kursus komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) dan satu (1) sesi *Continuous Nursing Education* (CNE), termasuk Kursus myMesyuarat 2.0 pada 1-2 Oktober dengan penyertaan seramai 31 orang serta CNE bertajuk *Pengenalan kepada Digital Scamming dan Cara Mengelak Ditipu* pada 16 Ogos yang dihadiri oleh 15 peserta.

BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (BPTK)

BPTK bertanggungjawab dalam pembangunan polisi dan pengawalseliaan amalan dan pengamal perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) di Malaysia.

Bahagian ini terdiri daripada lima (5) cawangan iaitu:

- i. Cawangan Dasar dan Perkembangan
- ii. Cawangan Amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari
- iii. Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari
- iv. Cawangan Inspektorat dan Penguatkuasaan
- v. Cawangan Pembangunan Profesion

Pada tahun 2024, komitmen bahagian ini adalah bagi meneguhkan jalinan kerjasama antarabangsa di antara negara ASEAN, India dan China serta penyertaan aktif aktiviti WHO dalam bidang PT&K. Pencapaian utama bahagian ini termasuk penganjuran *10th INTRACOM T&CM International Conference* dengan kerjasama negara India, pelancaran Buku Keutamaan Penyelidikan PT&K 2024-2029 dan pengukuhan aktiviti penguatkuasaan mengikut Akta Perubatan Tradisional & Komplementari 2016 [Akta 775].

KERJASAMA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN INDIA DALAM BIDANG PERUBATAN TRADISIONAL

Berikutan berakhirnya Memorandum Persefahaman (MoU) yang pertama, satu (1) MoU baharu antara Malaysia dan India dalam bidang Ayurveda dan Sistem Perubatan Tradisional Lain telah ditandatangani pada 20 Ogos 2024 di India.

Pelan tindakan di bawah MoU ini dibincangkan secara berkala ketika mesyuarat teknikal dua hala (BTM). BTM kali ke-9 telah diadakan pada 26 November 2024 di Putrajaya, Malaysia. Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) telah mengetuai delegasi Malaysia bersama dengan pegawai kanan KKM. Delegasi India yang diketuai oleh Setiausaha Kementerian Ayush diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia dan pakar-pakar perubatan tradisional dari India.

Bidang kerjasama yang dicadangkan dalam mesyuarat ini termasuk pembangunan program pendidikan dan latihan untuk meningkatkan kemahiran anggota kesihatan di Malaysia dalam bidang perubatan tradisional India (PTI) dan penyelidikan bersama dalam perubatan integratif, tumbuhan ubatan dan intervensi bukan farmakologi.

Kerajaan India juga menyokong secara aktif pendidikan di Malaysia melalui inisiatif seperti Skim Biasiswa Ayush, yang membolehkan rakyat Malaysia untuk melanjutkan pengajian dalam bidang PTI di India. Sehingga tahun 2024, sebanyak 26 pelajar Malaysia telah menerima manfaat daripada skim ini. Selain itu, Ayurveda *Chair* yang telah ditubuhkan di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) oleh Kementerian Ayush dengan deputasi Pakar Perubatan Ayurveda, Dr. Binod Bihari Dora, memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan dan penyelidikan dalam bidang PTI di Malaysia.

BPTK juga mengambil bahagian secara aktif dalam acara yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Tinggi India di Malaysia. Antaranya termasuk sambutan Hari Ayurveda dan Siddha, bertemakan *Inovasi Ayurveda untuk Kesihatan Global* bagi menggalakkan inovasi dan perkembangan pengamal PTI dan orang awam dalam bidang ini.



Imej 5.24 Pertukaran MoU - Kerjasama dalam Bidang Ayurveda dan Sistem Perubatan Tradisional, di Hyderabad House, India

KERJASAMA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN CHINA DALAM BIDANG PERUBATAN TRADISIONAL

Lawatan delegasi Malaysia ke China pada Disember 2024 menandakan pencapaian penting dalam meraikan hubungan diplomatik 50 tahun antara kedua-dua negara dan menguatkan kerjasama dalam perubatan tradisional. Lawatan ini mengukuhkan komitmen di bawah MoU antara kedua-dua kerajaan untuk memajukan perubatan tradisional.

Delegasi Malaysia diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) bersama dengan Pengarah BPTK dan dua (2) pegawai teknikal. Pada 2 Disember 2024, delegasi menghadiri Mesyuarat BTM ke-6 dengan *National Administration of Traditional Chinese Medicine* (NATCM) di Beijing. Hasil mesyuarat termasuk program latihan jangka pendek dalam rawatan kesuburan dan penyakit pediatrik tertentu, penubuhan suatu makmal herba bersama dan perancangan pusat perubatan tradisional Cina (PTC) di Malaysia di bawah Inisiatif Belt and Road.

Delegasi turut melawat Hospital Guanganmen untuk membincangkan penjagaan klinikal PTC, program pembangunan kapasiti dan piawaian kejururawatan PTC. Di *Chinese Academy of Chinese Medical Sciences* (CACMS), mereka meneroka pembangunan piawaian PTC dan teknologi canggih seperti diagnosis PTC berasaskan AI dan kajian praklinikal.

Pada 3-4 Disember 2024, delegasi turut menghadiri *World Conference on Traditional Medicine* di *National China Conventional Centre* yang berfokuskan tadbir urus, perubatan tradisional berasaskan bukti dan standard pendidikan perubatan tradisional. Persidangan ini berakhir dengan Deklarasi Beijing yang menekankan peranan perubatan tradisional dalam kesihatan awam dan integrasinya ke dalam sistem kesihatan.

Wakil BPTK turut menyertai mesyuarat Pusat Kolaborasi WHO dan *International Traditional Medicine Clinical Trial Registry* (ITMCTR) yang berfokus kepada Strategi Perubatan Tradisional WHO 2025-2034. Pengarah BPTK dilantik sebagai penasihat bagi ITMCTR *Advisory Group Meeting* Ke-2, yang memberi tumpuan kepada penyelesaian cabaran dalam pendaftaran kajian klinikal untuk perubatan tradisional.



Imej 5.25 Delegasi China-Malaysia yang Menghadiri BTM ke-6



Imej 5.26 Lawatan ke Hospital Guanganmeng dan CACMS, Beijing

Sepanjang tahun 2024, kedua-dua negara mengekalkan hubungan yang erat melalui program perkongsian maklumat yang dianjurkan oleh China, termasuk:

1. China (Guangxi) Traditional Chinese Medicine Import and Export Supplier Conference

Tarikh : 6 Mac 2024
Tempat : Nanning, Guangxi, China
Penganjur : *Nanning Municipal People's Government*

Persidangan ini memperkenalkan Nanning sebagai pusat perdagangan baharu herba perubatan Cina di antara China dan negara ASEAN. Acara ini melibatkan lebih daripada 300 peserta, termasuk pegawai kerajaan dan pemimpin industri perniagaan. Ia menampilkan perasmian kemudahan penting seperti Pusat Dagangan Herba Perubatan Cina Guangxi serta pemeteraian 21 projek yang merangkumi bidang pemprosesan, perdagangan, peredaran dan perkhidmatan ujian herba.



Imej 5.27 Wakil BPTK Menghadiri 2024 China (Guangxi) Traditional Chinese Medicine Import and Export Supplier Conference

2. Seminar Amalan Berasaskan Bukti bagi Perubatan Tradisional Cina

Tarikh : 15-16 Julai 2024
Tempat : Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur
Penganjur : BPTK bersama dengan *National Administration of Traditional Chinese Medicine (NATCM)*

Tujuan utama seminar ini adalah untuk mewujudkan platform pertukaran pengetahuan dan perkongsian pengalaman antara dua (2) negara bagi memajukan perkhidmatan PT&K. Ia juga bertujuan untuk menambah baik usaha dalam penyelidikan berkaitan bidang PT&K dan aplikasinya dalam membuat keputusan dasar untuk bidang PT&K. Lebih daripada 60 peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk badan kawal selia KKM, pengamal, penyelidik dan ahli akademik dalam bidang PT&K di Malaysia telah menghadiri seminar tersebut. Seminar ini merangkumi perkongsian pendapat dan pengalaman daripada enam (6) orang pakar PTC mewakili CACMS.

Hala tuju penyelidikan dan perkhidmatan PT&K di Malaysia dapat diperkukuhkan dengan inisiatif yang proaktif seperti pembangunan Garis Panduan Amalan Klinikal PT&K di Malaysia dan pembangunan program pensijilan dan akreditasi untuk jawatankuasa etika penilaian kajian PT&K di institusi pendidikan di Malaysia. Usaha lain termasuk

menambah data kajian tempatan melalui penyelidikan klinikal PT&K yang berkualiti tinggi dengan jalinan kerjasama antarabangsa serta memperluaskan perkhidmatan PT&K yang disediakan di fasiliti KKM bagi memberikan manfaat kepada lebih ramai pesakit.



Imej 5.28 Seminar Amalan Berasaskan Bukti bagi Perubatan Tradisional Cina

3. *Global TCM Health Industry Knowledge Alliance Summit*

Tarikh : 12 September 2024
Tempat : Beijing, China (secara maya)
Penganjur : *Beijing Administration of Traditional Chinese Medicine*
Wakil BPTK : Pengarah Bahagian

Sidang ini adalah sebahagian daripada Pameran Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa China 2024 yang bertujuan untuk mencapai beberapa objektif utama. Antaranya termasuk mempromosikan kerjasama dalam pengurusan penyakit kronik, membangunkan masyarakat sihat di China serta menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam industri kesihatan bandar, inovasi dan pembangunan bakat serta memajukan PT&K di peringkat global. Pengarah BPTK telah menyampaikan ucapan pembukaan secara maya berkenaan usaha Malaysia dalam mengintegrasikan perubatan tradisional dan moden bagi menangani peningkatan beban penyakit kronik. Antara inisiatif yang dikongsikan termasuk penyelidikan PT&K berasaskan bukti, pembangunan kapasiti untuk pengamal dan jalinan kerjasama dengan China.



Imej 5.29 Ucapan Pembukaan secara Maya Pengarah BPTK di Persidangan

PERSIDANGAN ANTARABANGSA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) KE-10 (10TH INTRACOM) 2024

10th INTRACOM 2024 telah berlangsung dengan jayanya pada 27-28 November 2024 di NIH, Setia Alam. Persidangan ini dianjurkan oleh BPTK dengan kerjasama *Sunway TCM Centre* dan Kementerian Ayush, India, sebagai rakan kongsi.

Dengan tema *Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) dalam Era Digital*, persidangan ini menghimpunkan 400 peserta dan penceramah daripada lebih 20 negara. Ia bertujuan mempromosikan penggunaan teknologi digital dalam penjagaan kesihatan, memajukan inovasi digital untuk penjagaan holistik berasaskan bukti dan memperkukuhkan kerjasama antara pihak berkepentingan untuk penyelesaian digital dalam PT&K.

Ucaptama KPK Malaysia di dalam persidangan ini mengetengahkan inisiatif transformasi digital dalam penjagaan kesihatan dan hala tuju masa hadapan bagi PT&K di Malaysia. Sesi utama membincangkan peranan teknologi digital dalam mengoptimumkan PT&K untuk mencapai perlindungan kesihatan sejagat, meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan menyokong amalan berasaskan bukti. Simposium pula memberi tumpuan kepada sistem pemantauan masa nyata, kecerdasan buatan (AI) dan penggunaan aplikasi digital dalam membuat keputusan klinikal.

Pakar WHO dan cendekiawan antarabangsa berkongsi pandangan mengenai inovasi global dalam PT&K dan menunjukkan bagaimana teknologi digital memacu kemajuan di peringkat antarabangsa. Persidangan ini juga menampilkan lebih daripada 25 reruai pameran yang mempamerkan inovasi dalam PT&K dan kesihatan digital. Ia membantu meningkatkan pemahaman peserta dan memperkukuhkan pertukaran pengetahuan dalam bidang ini.

Salah satu pencapaian penting dalam persidangan ini ialah pelancaran buku *Research Priorities in Traditional and Complementary Medicine for Malaysia 2024-2029* dokumen strategik yang menggariskan agenda penyelidikan PT&K di Malaysia. Dokumen ini memberi tumpuan dalam menangani jurang sedia ada, menyediakan bukti saintifik untuk memajukan PT&K, menyokong integrasi PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan moden serta meningkatkan kualiti, keselamatan dan keberkesanan amalan serta produk PT&K. Persidangan ini membuka peluang untuk mempertingkatkan kolaborasi dan inovasi dalam memajukan PT&K, dengan aspirasi untuk memberi inspirasi kepada usaha berterusan ke arah transformasi yang berkesan dalam bidang ini.



Imej 5.30 Perasmian Persidangan 10th INTRACOM



Imej 5.31 Peserta Persidangan 10th INTRACOM

MAJLIS PELANCARAN BUKU *RESEARCH PRIORITIES IN TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE FOR MALAYSIA 2024-2029*

Menteri Kesihatan telah melancarkan buku *Research Priorities in Traditional and Complementary Medicine for Malaysia 2024-2029* di NIH pada 27 November 2024 yang merupakan salah satu agenda utama dalam persidangan 10th INTRACOM. Buku ini merupakan hasil usaha sama antara BPTK dan Sektor *Evidence-Based Healthcare*, NIH. Ia berfungsi sebagai rujukan dan panduan kepada pemegang taruh dalam industri PT&K di Malaysia, khususnya berkaitan penentuan bidang keutamaan dalam sektor ini.

Penetapan keutamaan penyelidikan PT&K untuk Malaysia merupakan satu pencapaian penting bagi memajukan sektor ini. Langkah ini selaras dengan kerangka utama nasional dan antarabangsa, termasuk *WHO Traditional Medicine Strategy 2014-2023*, *Dasar Nasional PT&K 2007* dan *T&CM Blueprints*.

Proses sistematik telah dijalankan untuk membangunkan keutamaan penyelidikan PT&K yang pertama di Malaysia. Proses ini melibatkan kajian literasi yang menyeluruh, analisis situasi serta penglibatan pemegang taruh bagi mengenal pasti keutamaan mereka dan merumuskan domain penyelidikan utama. Merujuk kepada **Jadual 5.20**, bidang penyelidikan PT&K di Malaysia yang telah dimuktamadkan merangkumi penilaian amalan PT&K, pembangunan produk PT&K serta inovasi dan keperluan pendidikan dalam PT&K.

Jadual 5.20 Keutamaan Penyelidikan PT&K di Malaysia

Domain Penyelidikan	Skop Penyelidikan
Penilaian Amalan PT&K	• Permintaan dan penyampaian amalan PT&K • Kualiti amalan PT&K • Pembiayaan penjagaan kesihatan • Integrasi perkhidmatan PT&K dengan perubatan moden • Peraturan berkaitan amalan dan fasiliti PT&K • Pengetahuan tradisional dalam kalangan komuniti asli dan tempatan di Malaysia
Pembangunan Produk PT&K	• Permintaan dan penawaran produk PT&K yang digunakan di Malaysia • Keberkesanan dan keselamatan produk PT&K • Penyeragaman dan kawalan kualiti produk PT&K • Peraturan yang berkaitan dengan produk PT&K • Produk semula jadi dengan potensi terapeutik
Inovasi dan Keperluan Pendidikan dalam PT&K	• Literasi kesihatan dalam kalangan orang awam dan petugas kesihatan yang berkaitan dengan industri PT&K • Kualiti dan kecekapan industri PT&K • Inovasi dan teknologi



Imej 5.32 Majlis Pelancaran Buku *Research Priorities in Traditional and Complementary Medicine for Malaysia 2024-2029*

JALINAN KERJASAMA DENGAN WHO: PUSAT KOLABORASI WHO BAGI PERUBATAN TRADISIONAL, KOMPLEMENTARI DAN INTEGRATIF (WHOCC TCI)

Pelantikan BPTK sebagai WHOCC TCI telah bermula sejak tahun 2020 dan kini disambung untuk tempoh empat (4) tahun lagi, iaitu dari 29 Jun 2024 hingga 29 Jun 2028.

Pelanjutan pelantikan ini menekankan komitmen BPTK bagi menyokong objektif strategik WHO melalui pengukuhan pengetahuan asas mengenai integrasi PT&K dalam sistem kesihatan negara. Bahagian ini akan membantu WHO dalam pembangunan kapasiti Negara Anggota WHO dan pihak berkepentingan bukan keuntungan dalam PT&K. Pelan tindakan yang akan

dilaksanakan termasuk, kolaborasi dengan WHO dalam pengumpulan dan analisis data PT&K dalam penjagaan kesihatan primer dan peranan PT&K dalam penuaan sihat, serta memudahkan aktiviti teknikal WHO dengan penyebaran maklumat melalui program pembangunan kapasiti.

Pada tahun 2024, penglibatan BPTK dalam aktiviti WHO termasuk:

- i. *Member State Consultation on Progress in Implementing the Regional Framework for Harnessing T&CM for Achieving Health and Well-being in the Western Pacific* dan sesi maklum balas draf WHO *Traditional Medicine Strategy 2025-2034* pada 28-29 Ogos 2024 di Seoul, Republik Korea
- ii. *WHO Technical Meeting on Artificial Intelligence (AI) for Global Health: Advancing Traditional Medicine* pada 11-12 September 2024 di *All India Institute of Ayurveda (AIIA)*, New Delhi, India
- iii. *WHO Technical Meeting on the Finalisation of the ICD-11 Traditional Medicine Chapter Module 2 (TM2) Release Version and the Development of a Minimum Data Set (MDS) and Reporting Form* pada 25-26 November 2024 di NIH, Setia Alam, Malaysia
- iv. *Meeting for the WHO Collaborating Centres for Traditional Medicine* pada 4 Disember 2024 di Beijing, China



Imej 5.33 Mesyuarat Teknikal WHO di AIIA, New Delhi, India

PENGUKUHAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [AKTA 775]

Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775] merupakan akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis PT&K untuk mengawal selia perkhidmatan PT&K di Malaysia dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Penguatkuasaan Akta 775 kini telah memasuki Fasa 3 yang merupakan fasa terakhir dan telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2024. Dalam penguatkuasaan Fasa 3, seksyen yang mula berkuat kuasa adalah seperti yang terdapat dalam Bahagian IX, penguatkuasaan di bawah Akta 775. Dalam fasa ini, aktiviti penguatkuasaan dan tindakan perundangan akan bermula. Pelaksanaan ini akan dibahagikan kepada dua (2) peringkat iaitu:

i. Semasa Tempoh Peralihan (Sehingga 28 Februari 2025)


Sepanjang tempoh ini, aktiviti penguatkuasaan dan tindakan perundangan boleh diambil, walau bagaimanapun, adalah terhad kepada pendekatan pendidikan penguatkuasaan terhadap pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf sahaja.

Pendekatan ini merupakan aktiviti kesedaran dan pemantauan kepada pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf bagi memastikan pengamal PT&K mematuhi keperluan yang ditetapkan di bawah Akta 775 serta kewajipan sebagai seorang pengamal berdaftar dalam menyediakan perkhidmatan PT&K yang berkualiti dan selamat.

Antara pendekatan pendidikan penguatkuasaan adalah seperti pemantauan ke atas pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf, saringan iklan kemahiran dan perkhidmatan PT&K serta penerangan yang berterusan kepada pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf berkenaan pendaftaran dan pematuhan kepada Akta 775.

ii. Selepas Tamat Tempoh Peralihan (Bermula 1 Mac 2025)

Selepas tamat tempoh peralihan, bermula 1 Mac 2025, aktiviti penguatkuasaan akan diperkasakan dan tindakan perundangan akan diambil ke atas pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf yang didapati melanggar dan melakukan kesalahan di bawah Akta 775.



Imej 5.34 Aktiviti Pemantauan ke atas Pengamal PT&K

STATISTIK PENGAMAL YANG BERDAFTAR DENGAN MAJLIS PT&K TAHUN 2024

BPTK melalui Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari bertanggungjawab untuk memproses permohonan pendaftaran pengamal PT&K. Seperti dalam **Jadual 5.21**, pada tahun 2024, 7,031 permohonan pendaftaran pengamal PT&K tempatan baharu telah diluluskan dan 2,208 Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar (PPPB) telah dikeluarkan. Bagi permohonan pendaftaran pengamal PT&K warga asing, 48 permohonan Perakuan Pengamalan Sementara (PPS) baharu telah diluluskan dan 67 pembaharuan telah dikeluarkan.

Jadual 5.21 Jumlah Pengamal PT&K Tempatan dan Warga Asing yang Berdaftar dengan Majlis PT&K Tahun 2024

Bidang Amalan Diiktiraf	Pengamal PT&K Tempatan		Pengamal PT&K Warga Asing	
	Jumlah Permohonan Pendaftaran Baharu yang Diluluskan	Jumlah PPPB yang Dikeluarkan	Jumlah Permohonan PPS Baharu yang Diluluskan	Jumlah Pembaharuan PPS yang Dikeluarkan
Perubatan Tradisional Melayu	3,424	715	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan
Perubatan Tradisional Cina	2,460	1,096	36	39
Perubatan Tradisional India	221	77	5	7
Homeopati	165	66	0	3
Kiropraktik	194	98	5	12
Osteopati	1	0	2	6
Amalan Pengubatan Islam	566	156	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan
Jumlah	7,031	2,208	48	67


BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN (BAP)

CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (CKAPS)

CKAPS berperanan bagi menguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Aktiviti kawalan dan kawal selia bagi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS) di bawah Akta 586 adalah termasuk pendaftaran, kelulusan, pelesenan, pengendalian aduan, penilaian kualiti, aktiviti penguatkuasaan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan KPJKS. Sehingga Disember 2024, sejumlah 16,513 KPJKS telah didaftarkan dan dilesenkan bawah Akta 586.

KUTIPAN HASIL CKAPS

Pada tahun 2024, CKAPS telah mengutip sebanyak RM7,315,494 daripada fi pemprosesan, fi pengeluaran, fi pentadbiran, pengkompaunan serta denda mahkamah. Jumlah ini adalah 42% lebih tinggi berbanding kutipan hasil pada tahun 2023 serta menunjukkan peningkatan berterusan sejak tahun 2020.



Rajah 5.7 Kutipan Hasil CKAPS Tahun 2016-2024

BENGKEL PEMURNIAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DAN GARIS PANDUAN BERKAITAN IMPLEMENTASI AKTA 586

Bengkel ini telah diadakan pada 6-8 Ogos 2024 di Hotel Neo+ Penang, Pulau Pinang. Bengkel yang telah dihadiri oleh 80 pegawai dari Ibu Pejabat CKAPS dan JKN ini telah membincangkan draf arahan, tatacara pengendalian standard dan garis panduan berkaitan Akta 586 yang telah dibangunkan serta mengenalpasti isu-isu berkenaan implementasi Akta 586 dan Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615] dan peraturan-peraturannya.

BENGKEL *TRAINING OF TRAINERS* (TOT) MODUL PELESENAN KPJKS

Berkesinambungan daripada perancangan *Training of Trainers* (ToT) bagi penambahbaikan proses pelesenan KPJKS yang telah dirancang pada tahun 2023, sebanyak empat (4) siri ToT telah berjaya dilaksanakan seperti berikut:

Jadual 5.22 Bengkel ToT Modul Pelesenan KPJKS

Tajuk Bengkel	Tarikh
Pengendalian Dokumen Permohonan bawah Akta 586 (Pembantu Tadbir)	26-27 Februari 2024
Modul Pelesenan Zon Tengah dan Selatan	4-6 Mac 2024
Modul Pelesenan Zon Utara dan Pantai Timur	4-6 Jun 2024
Modul Pelesenan Zon Borneo	29-31 Julai 2024

BENGKEL DAN LATIHAN KEPADA PEGAWAI CKAPS

Bagi memperkukuh prosedur kerja dan jalinan kerjasama antara pegawai CKAPS, dua (2) bengkel telah dianjurkan seperti berikut:

- i. Bengkel Pemurnian Pengurusan Kualiti dan Pelan Tindakan Pendigitalan CKAPS yang telah diadakan pada 3-5 Julai 2024 bertempat di Ibis KLCC bertujuan untuk memurnikan pelan digitalisasi CKAPS, selaras dengan Pelan Strategik Program Perubatan dan bagi memperkasa pegawai CKAPS dalam SPK MS ISO 9001:2015.
- ii. Bengkel Pemantapan Pasukan dan Pengurusan Pelanggan CKAPS pada 25-27 Oktober 2024 bertempat di Institut Pengurusan Peladang Langkawi, bertujuan untuk meningkatkan motivasi, komunikasi dan semangat kerjasama berpasukan antara staf.

KURSUS ANJURAN SEKTOR PENILAIAN PERKHIDMATAN

Bagi meningkatkan pengetahuan dan kualiti pegawai pendakwa di CKAPS pula, Kursus Asas kepada Pegawai Pendakwa CKAPS telah diadakan pada 7-10 Oktober 2024 di Kuala Lumpur serta dihadiri oleh pegawai dari Ibu Pejabat CKAPS dan JKN.

PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA BERKAITAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN KPJKS

Menyedari cabaran yang lebih besar dalam memenuhi ekspektasi pemegang taruh dan perkembangan teknologi yang dinamik, CKAPS akur perubahan tadbir urus perlu dilakukan bagi memperkasakan lagi sistem penyampaian perkhidmatan. Sehubungan itu, penambahbaikan proses kerja telah dilakukan melalui platform *Business Process Re-engineering* (BPR) dan inisiatif digitalisasi yang secara tidak langsung dapat memendekkan tempoh pemprosesan permohonan serta meningkatkan akses penyampaian perkhidmatan kesihatan swasta.

BUSINESS PROCESS RE-ENGINEERING (BPR)

CKAPS telah menyertai beberapa siri bengkel bagi inisiatif BPR KKM yang diselaraskan oleh Bahagian Pembangunan Kompetensi dengan kerjasama Jabatan Digital Negara (JDN). Susulan bengkel yang telah dianjurkan di bawah inisiatif tersebut, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan secara berfasa dari 2 September 2024 seperti berikut:

- i. Pemansuhan proses pra-penubuhan (*zoning*) bagi penubuhan hospital swasta dan pusat hemodialisis swasta.
- ii. Pengemaskinian permohonan kelulusan menubuhkan atau menyelenggarakan (Borang 1) dan permohonan lesen baru.
- iii. Penambahbaikan proses kerja bagi pendaftaran klinik swasta yang telah dilaksanakan.

Pelaksanaan penyerahan permohonan secara dalam talian bagi permohonan untuk menubuhkan atau menyelenggara (Borang 1) dalam permohonan untuk lesen baharu melalui sistem myBRP@CKAPS dijangka akan bermula pada pertengahan tahun 2025.

INISIATIF PENDIGITALAN CKAPS

Bagi merencanakan agenda transformasi digital negara, CKAPS telah melaksanakan beberapa inisiatif ke arah pendigitalan proses kerja seperti berikut:

- i. Membangunkan Sistem myBRP@CKAPS secara *in-house*, di mana modul pembaharuan lesen KPJKS telah digunakan bermula 1 Julai 2024.
- ii. Memperkenalkan aplikasi MyGeoCKAPS yang merupakan peta interaktif bagi memaparkan taburan fasiliti kesihatan swasta bawah Akta 586.

Pelancaran bagi sistem myBRP@CKAPS telah disempurnakan oleh Menteri Kesihatan pada 20 Jun 2024. Pembangunan sistem ini adalah secara berfasa dan dijangkakan akan lengkap menjelang tahun 2027.



Imej 5.35 Majlis Pelancaran Sistem myBRP@CKAPS

LIBAT URUS CKAPS

Bagi meningkatkan pemahaman dan kesedaran orang ramai tentang hala tuju dan matlamat kerajaan, CKAPS telah menyertai beberapa acara seperti berikut:

- i. Hari Bertemu Pelanggan KKM pada 3 Oktober 2024
- ii. Program Dua Tahun Kerajaan MADANI pada 22-24 November 2024



Imej 5.36 Libat Urus CKAPS

CAWANGAN PERUNDANGAN PERUBATAN (CPP)

CPP terdiri daripada lima (5) sektor iaitu:

- i. Gubalan
- ii. Fi Fasiliti Kesihatan Swasta
- iii. Amalan Perubatan Estetik
- iv. Globalisasi
- v. Pelancongan Kesihatan

Sepanjang tahun 2024, CPP telah menunjukkan kemajuan dan pencapaian yang luar biasa melalui kerjasama dengan pelbagai badan kerajaan, agensi swasta dan pemegang taruh. Pencapaian tahun ini mencerminkan komitmen untuk memperkasakan standard penjagaan kesihatan dan menangani cabaran selari dengan misi dan visi kementerian.

SEKTOR GUBALAN

Pada tahun 2024, penggubalan peraturan baharu bagi perkhidmatan ambulans swasta *standalone* diteruskan dengan sesi libat urus bersama beberapa agensi kerajaan dan swasta seperti PUSPAKOM, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), St. John Ambulans Malaysia (SJAM) dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM). Lawatan ke beberapa penyedia perkhidmatan ambulans *standalone* swasta turut dijalankan bagi memahami lebih lanjut operasi perkhidmatan tersebut termasuk lawatan ke perkhidmatan ambulans bot oleh JKN Terengganu.



Imej 5.37 Lawatan Penyedia Perkhidmatan Ambulans *Standalone* Swasta

Bagi Peraturan Makmal Patologi pula, hala tuju proses penggubalan telah berubah susulan analisis undang-undang terbaharu yang mengesyorkan pemansuhan Akta Makmal Patologi 2007 dan kawalselia makmal patologi swasta dibuat di bawah undang-undang sedia ada yang sesuai. Langkah ini diambil selaras dengan matlamat untuk memperbaharui mekanisma kawal selia kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta, menyelaraskan proses penguatkuasaan dan mengintegrasikan mekanisme digital. Rundingan awam telah dijalankan di laman sesawang UPC untuk mendapatkan maklum balas daripada pelbagai pihak berkepentingan.

Sektor Gubalan telah bekerjasama dengan Universiti Taylor's dan klinik kesihatan di Pulau Pinang bagi penyediaan kertas kerja bertajuk *The Lost Identity and Statelessness: The Consequence of Unregulated Third-Party Involvement of Assisted Reproductive Technology in Malaysia* yang telah dibentangkan semasa Persidangan SDG 2024. Kertas kerja itu kemudiannya diterbitkan dalam buku MySDG Academy APPGM-SDG yang telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia ke-15.



Part II: Fostering Holistic Well-being: Reproductive and Health Care as Human Rights	
7	Invisible Lives, Visible Needs: Organ Donation and Stateless Populations Foerzah Madi, Stephen Laison Sandoh, Yuzairi Janin, Dean Nelson Majalou, Ag Kafah Riyad Kifle, Ng Yen Phin & Wong Sing Yun 140
8	Lost Identity and Statelessness: The Consequences of Unregulated Third-Party Involvement of Assisted Reproductive Technology in Malaysia Nurhafizah Sariman, Josephine Yang, Suryani Mohamed Suhane, Ching Hui Chi, Wan Firdaus Wan Ahmad & Sia Cain Chin 155
9	Contraceptive Implant Failure in a Refugee Teenage Mother: A Case Study Za'aimah binti Zainon 175
10	Utilisation of Community-Based Maternal Health Clinic for Refugees Zuraidah Che' Man, Za'aimah Zainon, Mohd Fairuz Ali & Shahrizal Azwan Samsudin 189

Imej 5.38 Penerbitan *The Lost Identity and Statelessness: The Consequence of Unregulated Third-Party Involvement of Assisted Reproductive Technology in Malaysia*

Pelbagai sesi libat urus bersama pihak berkepentingan telah dijalankan sepanjang tahun 2024 bagi meminda Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] termasuk sesi *townhall* dengan penyedia perkhidmatan kesihatan swasta seperti klinik perubatan, klinik pergigian, hospital dan persatuan bagi mendapatkan maklum balas berkenaan pindaan akta ini.



Imej 5.39 Sesi Konsultasi dengan Pemegang Taruh

SEKTOR FI FASILITI KESIHATAN SWASTA

Pada tahun 2024, Sektor Fi Fasiliti Penjagaan Kesihatan Swasta meneruskan usaha memastikan pengamal perubatan swasta mematuhi fi profesional di bawah Akta 586 bagi mengawal peningkatan kos penjagaan kesihatan swasta. Sebanyak 385 kuiri dan aduan berkaitan fi profesional telah diterima, dengan 367 kes (95%) berjaya diselesaikan. Draf pindaan kepada Jadual ke-13 yang merangkumi 1,268 prosedur dan nota baharu telah dikemukakan kepada Penasihat Undang-Undang KKM untuk semakan. Sektor ini juga telah mendaftarkan tiga (3) Organisasi Jagaan Yang Diurus (MCO) baharu, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 63 syarikat berdaftar. Ia turut aktif menyertai sesi taklimat, dialog dan perbincangan bersama hospital swasta, syarikat insurans dan pelbagai persatuan bagi meningkatkan pemahaman mengenai protokol caj hospital swasta. Selain itu, sektor ini terlibat dalam perbincangan bersama

Bank Negara, syarikat insurans dan hospital swasta berkaitan isu insurans kesihatan dan kos penjagaan kesihatan swasta. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, seorang pegawai telah menghadiri kursus jangka pendek dalam *Medical Professional Coding* di Chicago, Amerika Syarikat.



Imej 5.40 Taklimat Pindaan Jadual ke-13 dan Pelantikan ahli MCO

SEKTOR AMALAN PERUBATAN ESTETIK

Sektor ini yang merupakan urus setia kepada *Main Credentialing & Privileging Committee Aesthetic Medical Practice* telah menjalankan dua sesi penilaian *Letter of Credentialing and Privileging* (LCP) Chapter 1 pada tahun 2024 bagi pengamal perubatan berdaftar yang ingin memberikan perkhidmatan perubatan estetik. Ini melibatkan keseluruhannya 174 calon. Sehingga Disember 2024 terdapat 1,004 pengamal perubatan berdaftar telah mempunyai LCP yang terbahagi kepada *Chapter 1 (General Practitioners)*: 795, *Chapter 2 (Medical Specialists)*: 97 dan *Chapter 3 (Surgical Specialists)*: 112.



Imej 5.41 Sesi Penilaian Bertulis untuk LCP

Pada tahun 2024, sektor ini telah melancarkan kempen kesedaran dan pendidikan mengenai amalan perubatan estetik yang selamat melalui pelbagai inisiatif, termasuk penyertaan dalam Program MADANI Rakyat (PMR) yang dianjurkan oleh Pejabat Perdana Menteri. Sektor ini telah menyertai lima (5) acara PMR di zon berbeza di seluruh Malaysia iaitu Kuantan (Zon Timur), Skudai (Zon Selatan), Miri (Zon Sarawak), Kota Kinabalu (Zon Sabah), dan Program 2 Tahun Kerajaan MADANI di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Selain itu, sektor ini turut giat berinteraksi dengan orang ramai melalui platform media seperti Malaysia Hari Ini di TV3, Radio dan TV BERNAMA, TV Alhijrah, RTM, Traxx.fm serta stesen radio tempatan bagi meningkatkan kesedaran mengenai amalan estetik yang selamat.



Imej 5.42 Program MADANI Rakyat (PMR)

SEKTOR GLOBALISASI

Melalui kerjasama rapat dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), sektor ini menganalisis dan memberikan input teknikal terhadap perjanjian perdagangan antarabangsa yang baru dan sedia ada, berkaitan dengan liberalisasi sektor penjagaan kesihatan swasta. Hasil kerjasama ini, sektor ini bersama bahagian dan agensi KKM lain, telah berjaya memuktamadkan *pre-zero draft* transposisi *ASEAN Framework Agreement on Services (AFAS)* kepada perjanjian terkini, *ASEAN Trade in Services Agreement (ATISA)* pada bulan Mac 2024.

Sektor ini juga mewakili Malaysia di *ASEAN Joint Coordinating Committee on Medical Practitioners (AJCCM)* untuk membincangkan objektif Komuniti Ekonomi ASEAN, khususnya berkenaan *Mutual Recognition Arrangement (MRA)* untuk pengamal perubatan. Pada 2024, wakil dari sektor ini telah menghadiri dua Mesyuarat AJCCM yang diadakan di Bandung pada 27 Februari 2024 dan di Ibu Pejabat ASEAN di Jakarta pada 22 Oktober 2024.



Imej 5.43 Mesyuarat AJCCM ke-34 di Bandung, Indonesia & Mesyuarat AJCCM ke-35 di Ibu Pejabat ASEAN, Jakarta, Indonesia

CAWANGAN MEDICO LEGAL

Sepanjang tahun 2024, Cawangan Medico Legal telah berusaha gigih dalam menangani kes-kes medico legal. Fokus utama tahun ini adalah untuk mempertingkatkan penyelesaian kes, memperkukuh kerjasama dengan pihak berkepentingan dan meningkatkan kecekapan medico legal dalam kalangan profesional penjagaan kesihatan. Laporan ini merangkumi aktiviti utama, pencapaian dan hala tuju masa depan.

SOROTAN UTAMA 2024


- Sebanyak 336 aduan dan 118 kes litigasi medico legal telah dilaporkan di fasiliti KKM.
- 85.30% kes tuntutan ganti rugi telah diselesaikan dalam tempoh 365 hari.
- Pembayaran ex gratia telah disyorkan bagi 41 kes.
- Mesyuarat teknikal, latihan saksi pakar dan bengkel telah diadakan bagi memperkukuh kecekapan pengendalian kes medico legal.

PENGURUSAN KES

Pada tahun 2024, Cawangan Medico Legal telah merekodkan 336 aduan, dengan siasatan dalaman dijalankan di peringkat fasiliti. Jawatankuasa Penyiasatan Bebas telah ditubuhkan bagi 76 kes kompleks yang melibatkan tuntutan ganti rugi. Pencapaian ketara tahun 2024 adalah penyelesaian sebanyak 85.30% kes tuntutan ganti rugi dalam tempoh 365 hari.

LITIGASI

Cawangan Medico Legal dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara (AGC), telah menyelaraskan pelantikan saksi pakar bagi prosiding mahkamah. Sebanyak 118 kes litigasi telah dimulakan terhadap fasiliti penjagaan kesihatan KKM. Sokongan teknikal yang diberikan telah menyumbang kepada pengurusan dan penyelesaian kes yang lebih efisien.



Rajah 5.8 Statistik Medico Legal bagi Tahun 2020-2024

SURVELANS DAN PEMANTAUAN

Cawangan Medico Legal telah menjalankan pengawasan berterusan terhadap amalan medico legal dengan memastikan cadangan daripada Jawatankuasa Penyiasatan Bebas dilaksanakan dengan berkesan. Mesyuarat utama pada tahun 2024 merangkumi:

- Mesyuarat Ketua Kepakaran Kecemasan dan Pakar-Pakar Perubatan Kecemasan KKM pada 23 April 2024
- Mesyuarat Kepakaran Pembedahan Am dan Sub-Kepakaran Pembedahan Am, dan Ketua-Ketua Jabatan Pembedahan Am KKM pada 23 Mei 2024
- Mesyuarat Ketua Kepakaran Ortopedik KKM pada 26 Jun 2024
- Audit Pengurusan Kes Medico Legal di Hospital Tuanku Ja'afar pada 16 Disember 2024

INISIATIF PEMBANGUNAN KOMPETENSI

Pada tahun 2024, pegawai Cawangan Medico Legal telah menyampaikan 83 ceramah. Seterusnya, program latihan berikut telah dilaksanakan:

Jadual 5.23 Aktiviti Kompetensi

Program	Tarikh	Peserta
Kursus Transformasi Diri dan Kerja Berpasukan	31 Julai - 2 Ogos	18
Sijil Profesional Medikolegal Dalam Praktis Penjagaan Kesihatan	19 Februari - 9 Mac	11
Bengkel Jawatankuasa Penyiasatan Bebas (Perkhidmatan O&G KKM)	15-17 Julai	47
Mesyuarat Teknikal dan Bengkel Pengendalian Kes Medico Legal	9-11 Oktober	26
Kursus Latihan Saksi Pakar	28-30 Oktober	31
<i>Medico Legal Upskill & Dispute Resolution</i>	4-7 November	41



Imej 5.44 Kursus Transformasi Diri dan Kerja Berpasukan, Bentong & Sijil Profesional Medikolegal Dalam Praktis Penjagaan Kesihatan, UKM



Imej 5.45 Bengkel Jawatankuasa Penyiasatan Bebas (Perkhidmatan O&G KKM) di SOCSO Melaka & Kursus Latihan Saksi Pakar di Alor Setar



Imej 5.46 Mesyuarat Teknikal dan Bengkel Pengendalian Kes Medico Legal di Melaka & Medico Legal Upskill & Dispute Resolution di Kuala Lumpur

CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN (CPPPP)

CPPPP merupakan organisasi yang mengawal pantau profesion Penolong Pegawai Perubatan (PPP) di Malaysia dengan menggunakan Akta Pembantu Perubatan (Pendaftaran) 1977 [*Akta 180*]. CPPPP juga bertanggungjawab menjaga profesion Pembantu Hospital Estet di bawah Akta Lembaga Pembantu Hospital Estet (Pendaftaran) 1965 [*Akta 435*]. Selain itu, Profesion Pembantu Perawatan Kesihatan telah diletakkan di bawah tanggungjawab CPPPP mulai tahun 2015.

UNIT PENDAFTARAN DAN PERAKUAN PEMBAHARUAN TAHUNAN

Pada tahun 2024, Unit Pendaftaran dan Pembaharuan Tahunan menyasarkan untuk memproses 85% permohonan Borang 3 (Peraturan 16 (1)) Perakuan Pendaftaran sebagai Pembantu Perubatan dalam tempoh 45 hari bekerja. Berdasarkan data prestasi, unit ini mencapai 100% pematuhan bagi semua bulan yang mencatatkan sejumlah 697 pendaftaran, tanpa sebarang kes tidak patuh.

PROGRAM PENEMPATAN WAJIB (PPW)

PPW selama enam (6) bulan di Jabatan Kecemasan ialah program khusus yang dirancang dan dilaksanakan kepada semua PPP lantikan baharu di KKM, bertujuan untuk menyeragamkan semua lantikan baharu PPP, memantapkan kemahiran klinikal, meningkatkan kebolehan membuat keputusan dan meningkatkan keberkesanan komunikasi.

Jadual 5.24 PPW Tahun 2024

Negeri	Group 30/2024	Group 31a/2024	Group 31b/2024	Group 32/ 2024	Group 33/2024	Jumlah
Perlis	0	2	0	4	2	8
Kedah	4	12	10	14	0	40
Pulau Pinang	8	20	18	7	0	53
Perak	8	18	6	8	2	42
Selangor	0	46	46	36	2	130
WP KL & Putrajaya	5	7	7	1	0	20
HKL	3	1	0	14	3	21
Negeri Sembilan	2	9	10	4	0	25
Melaka	5	9	8	8	0	30
Johor	10	0	18	7	0	35
Pahang	7	3	7	24	3	44
Terengganu	8	3	7	17	3	38
Kelantan	6	13	15	16	2	52
Sarawak	15	24	23	9	26	97
Sabah	15	15	30	12	24	96
WP Labuan	0	2	2	0	1	5
Jumlah	96	184	207	181	68	736

MAJLIS OPTIK MALAYSIA (MOC)

MOC adalah badan regulatori yang berperanan untuk menguatkuasakan Akta Optik 1991 [*Akta 469*] dan Peraturan-peraturan Optik 1994. Aktiviti mengawal selia profesion optometris dan juruoptik di bawah Akta 469 adalah termasuk pendaftaran, pengeluaran Perakuan Pengamalan Tahunan (APC), pengendalian aduan, pengawalan amalan optometri, serta perkara yang berkaitan dengannya. MOC juga bertanggungjawab dalam penilaian dan pengiktirafan terhadap Program Optometri dan Opticianri yang dikendalikan oleh Pusat Pendidikan Tinggi di Malaysia.

SEKTOR PENGIKTIRAFAN, OPERASI & KEWANGAN

Sektor ini bertanggungjawab dalam pengiktirafan Program Optometri & Opticianri dan Penilaian APEL (C) bagi juruoptik berdaftar.

PENILAIAN PEMANTAUAN AKREDITASI PROGRAM

Penilaian pemantauan akreditasi penuh program telah dilaksanakan ke atas dua (2) program sepanjang tahun 2024 iaitu Sarjana Muda Optometri (Kepujian) Universiti SEGi pada 9 Mei 2024 dan Sarjana Muda Optometri (Kepujian), UiTM pada 20 Mei 2024.

PENILAIAN PEMANTAUAN DAN PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA PROGRAM

Penilaian pemantauan akreditasi sementara program telah dilaksanakan ke atas program Sarjana Muda Sains (Kepujian) Optometri, Universiti SEGi pada 6 Jun 2024 dan penilaian akreditasi sementara program pula telah dijalankan ke atas dua (2) program opticianri iaitu program Diploma Opticianri, Universiti UCSI pada 4 Jun 2024 dan Diploma Opticianri, Kolej Universiti Teknologi Twintech pada 5 September 2024.

CODE OF PRACTICE FOR PROGRAMME ACCREDITATION UNDERGRADUATE ACCELERATED OPTOMETRY DEGREE PROGRAMME VERSION 2.0

Makluman berhubung penguatkuasaan dokumen ini telah dikeluarkan kepada pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Institusi Pendidikan Tinggi yang menawarkan program Optometri (*Accelerated*) pada 4 Disember 2024.

Dokumen ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa mesyuarat MOC ke-85 untuk diguna pakai sepenuhnya berkuat kuasa pada 1 Januari 2025 bagi penawaran program Optometri (*Accelerated*).

PENILAIAN ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING FOR CREDIT AWARD (APEL C)

Beberapa aktiviti berkaitan APEL (C) telah diadakan sepanjang tahun 2024 seperti dalam **Jadual 5.25**.

Jadual 5.25 Aktiviti Penilaian APEL C

Aktiviti	Tarikh	Sasaran
Taklimat borang penilaian sendiri oleh APEL (C) MOC <i>Advisor</i>	28 Februari 2024	Juruoptik Berdaftar yang tamat <i>Bridging Programme</i>
Taklimat pengisian portfolio APEL (C) oleh APEL (C) MOC <i>Advisor</i>	19 Julai 2024	Juruoptik Berdaftar yang berdaftar untuk penilaian APEL (C)
Mesyuarat Penilaian Portfolio Penilaian APEL (C) MOC	24 & 30 Oktober 2024 4 November 2024	9 portfolio calon APEL (C) MOC

SEKTOR PENDAFTARAN

Sektor pendaftaran bertanggungjawab menguruskan perihal berkaitan pendaftaran dan APC bagi optometris dan juruoptik di Malaysia.

PENDAFTARAN PENGAMAL OPTOMETRI

Permohonan pendaftaran pengamal optometri yang dilaksanakan oleh pihak MOC memerlukan pemohon hadir ke MOC untuk sesi taklimat permohonan pendaftaran. Pemohon yang hadir akan terus didaftarkan pada hari tersebut. Sebanyak 14 kali sesi taklimat telah dijalankan sepanjang tahun 2024 dan seramai 173 pengamal baharu telah didaftarkan.

Jadual 5.26 Jumlah Optometris dan Juruoptik Berdaftar pada Tahun 2024

	Pengamal Baharu	Pengamal Berdaftar	Mati & Bersara
Juruoptik	35	3,517	237
Optometris	138	3,184	22
Jumlah	173	6,701	259

PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN (APC)

Permohonan APC dibuat melalui sistem Malaysian Healthcare Practitioners' System (MHPS). Sistem MHPS telah mula diguna pakai bermula tahun 2023. Selain daripada membuat hebahan peringatan untuk memperbaharui APC di laman sesawang serta Facebook rasmi MOC, Unit APC dari Sektor Pendaftaran turut membuka reruai bagi membantu pengamal menggunakan sistem MHPS dengan kerjasama penganjur program *Orthoptic Workshop* di Petaling Jaya, Selangor pada 15 Ogos 2024.

Jadual 5.27 Bilangan yang Memperbaharui APC 2024

Juruoptik	2,177
Optometris	2,454
Jumlah	4,631

PROFESSIONAL QUALIFYING ASSESSMENT (PQA)

PQA juruoptik dan optometris yang dikendalikan oleh Pertubuhan Akademi Optometri Malaysia (PAOM) telah berjaya dilaksanakan. PQA juruoptik telah diadakan di Klinik Optometri, UKM pada 4 Mei 2024 melibatkan dua (2) orang calon.

Bagi PQA optometris, komponen teori telah berjaya diadakan pada 29 April dan 27 Jun 2024, manakala PQA optometris komponen amali telah diadakan pada 28 Jun 2024. Kedua-dua komponen tersebut telah diduduki oleh seramai dua (2) orang calon.

SEKTOR KOMPETENSI

Sektor ini bertanggungjawab mengurus perkara berkaitan Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) bagi profesion optometris dan juruoptik di samping mentadbir urusan berkaitan peperiksaan kanta lekup bagi juruoptik berdaftar di bawah Seksyen 30 (5) Akta Optik 1991.

CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)

Bagi memastikan pembelajaran dan pembangunan profesional berterusan dalam kalangan optometris dan juruoptik berdaftar, MOC giat menggalakkan semua pengamal optometri untuk berdaftar serta aktif membuat tuntutan mata CPD dalam sistem myCPD 2.0.

Jadual 5.28 Jumlah Optometris dan Juruoptik Berdaftar dalam Sistem myCPD 2.0

Perkara	Optometris	Juruoptik
Sektor Awam	406	-
Sektor Swasta	2,188	1,237
Jumlah Mengikut Profesion	2,594	1,237
Pengamal Berdaftar dalam Sistem myCPD	3,831	


Sebanyak 181 permohonan penetapan mata CPD bagi program yang dikemukakan oleh penganjur program melalui sistem myCPD 2.0 telah disahkan, manakala sebanyak 108 permohonan penetapan mata CPD program secara manual turut disahkan.

SEKTOR ETIKA DAN AKTA

Sektor ini bertanggungjawab dalam pelaksanaan gubalan Rang Undang-undang Optometri, pindaan Jadual Akta Optik 1991 dan Peraturan-peraturan Optik 1994, pengendalian aduan berkenaan pengamal optometri dan perkhidmatan MOC serta pengendalian Audit Surveilans Optik ke atas optometris dan juruoptik yang berkhidmat di sektor swasta.

ADUAN


MOC menerima aduan daripada pelbagai saluran termasuk melalui e-mel (eaduan.moc@moh.gov.my), surat dan telefon. Jumlah aduan yang diterima dan diuruskan oleh MOC adalah seperti dalam **Rajah 5.9**.



Rajah 5.9 Aduan Mengikut Kategori Tahun 2024

AUDIT SURVEILANS OPTIK (ASO)

ASO adalah audit yang dijalankan secara berkala ke atas optometris dan juruoptik berdaftar bagi memastikan amalan optometri yang dijalankan di premis optikal mematuhi Akta Optik 1991. Pada tahun 2024, seramai 69 orang optometris berdaftar dan 134 orang juruoptik berdaftar telah berjaya diaudit yang melibatkan 127 premis optikal di sekitar WP Kuala Lumpur.



Rajah 5.10 Audit Surveilans Optik Tahun 2024

BAB

6

**PENYELIDIKAN
DAN SOKONGAN
TEKNIKAL**

PROGRAM PENYELIDIKAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL

Program ini penting dalam merancang dasar kesihatan yang strategik, membangunkan pelan kesihatan yang komprehensif dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan seluruh negara dan diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) [TKPK (P&ST)]. Program ini terdiri daripada:

- i. Bahagian Perancangan
- ii. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
- iii. Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
- iv. Institut Kesihatan Negara (NIH)

BAHAGIAN PERANCANGAN

Bahagian Perancangan memfokuskan kepada beberapa aktiviti penting seperti formulasi Pelan Transformasi Sektor Kesihatan, meningkatkan kualiti data kesihatan, implementasi standard informatik kesihatan di Malaysia serta merancang, membangun dan menilai program atau projek yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12). Bahagian Perancangan terdiri daripada enam (6) seksyen, iaitu:

- i. Perancangan Dasar dan Pelan Kesihatan (PDPK)
- ii. National Health Financing (NHF)
- iii. Malaysia National Health Accounts (MNHA)
- iv. Pusat Informatik Kesihatan (PIK)
- v. Perancangan Fasiliti Kesihatan (PFK)
- vi. Perancangan eHealth

SEKSYEN PERANCANGAN DASAR DAN PELAN KESIHATAN (PDPK)

KAJIAN SEPARUH PENGAL PELAN STRATEGIK KKM (KSP PSKKM) 2024-2025

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Jadual 6.1 Aktiviti KSP PSKKM 2024-2025

Aktiviti	Tarikh
Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal KSP PSKKM 2024-2025	7 Jun 2024
Bengkel Penyediaan KSP PSKKM 2024-2025	18-19 Julai 2024
Pembentangan Draf KSP PSKKM 2024-2025 di Mesyuarat Pengurusan tertinggi KKM untuk kelulusan	2 Oktober 2024



Imej 6.1 Bengkel Penyediaan KSP PSKKM 2024-2025

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) DAN UNIVERSAL HEALTH COVERAGE (UHC)

KKM telah dilantik sebagai kementerian peneraju bagi SDG 3: *Ensure Healthy Lives and Promote Well-Being for All at All Ages* sentiasa komited memantau kemajuan sektor kesihatan untuk mencapai matlamat yang digariskan dalam Agenda 2030. KKM sentiasa mempromosi aktiviti SDG yang melibatkan semua anggota KKM seperti di bawah:

Jadual 6.2 Aktiviti SDG 2024

Aktiviti	Tarikh
Bengkel <i>Training of Trainers</i> (ToT) SDG Sektor Kesihatan peringkat Semenanjung	21 Mei 2024
Bengkel <i>Training of Trainers</i> (ToT) SDG Sektor Kesihatan peringkat Sabah & Sarawak	12 September 2024
Bengkel Penambahbaikan Data Mortaliti Indikator SDG3	25 Julai 2024



Bengkel ToT SDG Sektor Kesihatan di PICC, Putrajaya



Peserta Bengkel ToT SDG Sektor Kesihatan di Hotel RAIA, Sabah

Imej 6.2 Bengkel ToT SDG Sektor Kesihatan

JAWATANKUASA DASAR DAN PERANCANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN (JDPKK)

JDPKK merupakan sebuah badan tertinggi di KKM dalam membuat keputusan dasar utama, perancangan dan pembangunan di KKM secara holistik selaras dengan dasar dan wawasan negara. Fungsi utama JDPKK untuk menyemak dan mempertimbangkan hal berkaitan cadangan dasar, perancangan strategik dan halatuhu KKM. Sebanyak 13 kertas dasar telah dibentangkan sepanjang tahun 2024 seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3 JDPKK Tahun 2024

Kertas Kerja	Status	Program/Bahagian
JDPKK Bil. 1/2024 (19 Januari 2024)		
Perluasan Ujian Saringan HPV (Saringan Kanser Serviks) di bawah Program Saringan Peka B40	Diluluskan dengan cadangan penambahbaikan	Bahagian Perkembangan Kesihatan Keluarga
Pembangunan Garis Panduan <i>Online Health Services</i> (OHS)	Perlu perbincangan lanjut	Bahagian Perancangan
JDPKK Bil. 2/2024 (18 Mac 2024)		
<i>Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme</i> (MyACPP)	Diluluskan dengan cadangan penambahbaikan	Program Perkhidmatan Farmasi
Penetapan Polisi Mengenai Penjualan Daging Kultur dan Hasil Daging Kultur di Malaysia	Diluluskan	Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
JDPKK Bil. 3/2024 (27 Jun 2024)		
Pelaksanaan Pelan Strategik dan Pelan Tindakan Program Kawalan dan Pencegahan Thalassaemia Kebangsaan 2024-2030	Perlu diperhalusi	Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Pelaksanaan Pengukuhan Rawatan dan Pencegahan HIV Menggunakan Ubat TLD sebagai Regimen Utama	Diluluskan	Bahagian Kawalan Penyakit
Penambahbaikan Pelaksanaan <i>Outsourcing</i> Perkhidmatan Makanan di Hospital Putrajaya & Dasar <i>Outsourcing</i> Perkhidmatan Makanan KKM	Diluluskan	Bahagian Perkembangan Perubatan
Hasil Libat Urus Terhadap Cadangan Pindaan Akta Makanan 1983 [Akta 281]	Diluluskan	Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
JDPKK Bil. 4/2024 (24 Disember 2024)		
Penubuhan Tujuh (7) Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) di Sabah ke Pusat Tanggungjawab	Kelulusan bersyarat	Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
Pengkelasan Semula Jenis Hospital dan Penetapan Bilangan Timbalan Pengarah Hospital (Perubatan)	Diluluskan	Bahagian Perkembangan Perubatan
Penyelarasan Semula Caj Bayaran Dan Penempatan Pelajar Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) bagi Tujuan Latih Amal di Fasiliti KKM	Diluluskan	Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Penambahbaikan Perkhidmatan & Struktur Biobank KKM	Diluluskan	Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Kertas Kerja	Status	Program/Bahagian
Pelaksanaan Perkhidmatan <i>Pre-Exposure Prophylaxis</i> (Prep) di Fasiliti Kesihatan KKM untuk Pencegahan HIV di Malaysia	Diluluskan	Bahagian Kawalan Penyakit

KAJIAN JURANG PENAWARAN DAN PERMINTAAN FASILITI KESIHATAN, PERALATAN DAN KAPASITI SUMBER MANUSIA UNTUK KESIHATAN DI MALAYSIA FASA 1 2023-2024

Kajian Jurang Penawaran dan Permintaan Fasiliti Kesihatan, Peralatan, dan Kapasiti Sumber Manusia untuk Kesihatan di Malaysia Fasa 1 (2023-2024) telah berjaya dilaksanakan mengikut garis masa yang ditetapkan, bermula Oktober 2023 hingga November 2024. Kajian ini diluluskan bawah *Rolling Plan 3* (RP3), RMK12 dengan menggunakan khidmat perunding daripada Kumpulan Bank Dunia.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan memetakan sumber kesihatan sedia ada di sektor awam dan swasta, menganalisis keperluan sumber kesihatan berdasarkan populasi, beban penyakit dan penggunaan perkhidmatan, serta mengesyorkan piawaian bagi fasiliti, peralatan dan sumber manusia. Ia turut menilai jurang antara penawaran dan permintaan, membuat unjuran keperluan sumber sehingga 2040 dan membangunkan platform pemetaan visual interaktif menggunakan *Geographic Information Systems* (GIS).

Hasil kajian yang telah dijalankan seperti di bawah:

- Pengumpulan Data Penawaran Semasa melalui *National Health Demand & Supply Survey* (NHDS)
- Pembangunan Piawaian Sumber Kesihatan
- Pembangunan Platform Visual



Imej 6.3 Kajian Jurang Penawaran dan Permintaan Fasiliti Kesihatan, Peralatan dan Kapasiti Sumber Manusia untuk Kesihatan di Malaysia Fasa 1

SEKSYEN NATIONAL HEALTH FINANCING (NHF)

Seksyen ini telah ditubuhkan pada tahun 2009 untuk memberi tumpuan kepada perancangan, pengajian, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan, dan pemantauan dasar, strategi, serta aktiviti yang berkaitan dengan pembiayaan sistem kesihatan Malaysia.

JAWATANKUASA GOVERNANS, PEMANTAUAN & PENILAIAN (GMEC)

GMEC bertanggungjawab untuk menyelia dan menilai aktiviti yang dijalankan oleh ProtectHealth Malaysia (PHM) dan ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (PHCorp). GMEC ditugaskan untuk memastikan kedua-dua organisasi ini melaksanakan projek, program dan inisiatif pembiayaan kesihatan selaras dengan dasar KKM dan agenda sosial penjagaan kesihatan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh TKPK (P&ST) dengan wakil daripada KKM, ahli akademik dan agensi kerajaan lain.


Dalam melaksanakan mandat yang diberikan, GMEC secara aktif telah memantau laporan berkala dan data prestasi PHM dan PHCorp, menilai perkembangan, memberikan cadangan serta mengenal pasti ruang bagi penambahbaikan. Seksyen NHF selaku sekretariat telah melaksanakan pemantauan terhadap program utama serta meneliti pelaksanaan beberapa inisiatif baharu termasuk:

- i. Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40): Memperluas akses penjagaan kesihatan dalam mengesan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) dalam kalangan B40
- ii. *Electronic Service Provider* (ESP) – SPIKPA: Meningkatkan akses perkhidmatan digital
- iii. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK): Melindungi kesihatan awam melalui program imunisasi COVID-19 di seluruh negara
- iv. Skim Perubatan Madani (SPM): Meningkatkan akses penjagaan kesihatan bagi perkhidmatan akut di klinik swasta dalam kalangan B40
- v. *Hospital Services Outsourcing Programme* (HSOP): Program baharu pada tahun 2024 bagi mengoptimumkan operasi hospital melalui *strategic outsourcing*

SKIM PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN PEKERJA ASING (SPIKPA)

SPIKPA merupakan inisiatif yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh kerajaan bermula 1 Januari 2011 bagi menanggung kos kemasukan ke hospital bagi pekerja asing yang berdaftar untuk mendapatkan rawatan pesakit dalam di hospital kerajaan. Skim ini ditawarkan oleh 23 syarikat insurans/takaful dan dua (2) syarikat *Third Party Claims Administrator* yang telah dilantik oleh syarikat insurans/takaful untuk mengurus tuntutan. Manakala sistem SPIKPA diurus oleh ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.

Pada tahun 2024, Seksyen NHF mengambil alih pemantauan skim daripada Bahagian Kewangan dan seterusnya menganalisis data yang ada. Analisis trend bilangan tuntutan dan jumlah tuntutan SPIKPA dari tahun 2011 hingga 2023 telah dijalankan. Bilangan tuntutan SPIKPA tertinggi dicatatkan pada tahun 2015 iaitu sebanyak 28,300 dengan jumlah tuntutan hampir RM30 juta. Namun begitu, pada tahun 2016, jumlah tuntutan meningkat kepada RM45 juta dengan bilangan tuntutan sebanyak 26,700. Ini menunjukkan bahawa purata caj bagi setiap tuntutan pada tahun 2016 meningkat berbanding 2015 iaitu RM1,000 kepada RM1,700. Ini adalah selari dengan pelaksanaan caj penuh bagi rawatan dan perkhidmatan kesihatan kepada warganegara asing di fasiliti KKM. Bilangan tuntutan dan jumlah tuntutan menurun pada tahun 2021 dan 2022 disebabkan oleh situasi pandemik COVID-19 selari dengan penurunan bilangan pekerja asing yang dilindungi SPIKPA.



Rajah 6.1 Bilangan dan Jumlah Tuntutan (RM) SPIKPA

JOINT LEARNING NETWORK (JLN)

Bahagian Perancangan melalui Seksyen NHF bertindak sebagai penyelaras bagi *Country-Core Group (CCG) Joint Learning Network (JLN)* Malaysia dan platform ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Perancangan. Antara kolaborasi JLN yang telah disertai oleh Malaysia pada tahun 2024 adalah *Health Emergency Preparedness Collaborative*, *Climate Smart Health Systems Collaborative*, *Primary Healthcare (PHC) Foundational Reforms Collaborative*, *Digital Health Collaborative*, *Primary Health Care Performance Management Learning Collaborative* dan *Contracting Organizations for Health-Related Services Collaborative*. Selain itu, Seksyen NHF turut menyumbang dan berkongsi input teknikal seperti di bawah:

- i. Bengkel *PHC Foundational Reforms Collaborative* di Nairobi, Kenya pada 23-25 April 2024
- ii. Bengkel *Contracting Organizations for Health-Related Services* di New Delhi, India pada 1-3 Oktober 2024

Seksyen NHF secara proaktif telah menyertai dan membentangkan poster mengenai inisiatif JLN menggunakan *knowledge products* yang dibangunkan oleh rangkaian ini semasa Persidangan Kesihatan Awam Asia Pasifik ke-8 di Kuching dari 9-11 Julai 2024.



Imej 6.4 Aktiviti Antarabangsa JLN Tahun 2024

KOLABORASI ANTARABANGSA

Seksyen NHF sentiasa memastikan jalinan kerjasama yang baik di atas platform antarabangsa, untuk menimba pengalaman dan menyokong penggubal dasar bagi mengukuhkan sistem pembiayaan penjagaan kesihatan negara. Aktiviti kolaborasi yang telah dilakukan pada tahun 2024 adalah:

Jadual 6.4 Kolaborasi Antarabangsa Tahun 2024

Kolaborasi Antarabangsa	Tarikh/Tempat	Bidang Kolaborasi
Sesi Pembentangan Laporan <i>Sustainable Health Care Financing for SDG 3 In Asean 6</i> oleh US-Asean Business Council (USABC)	2 Mei 2024 KKM, Putrajaya	Strategi Pembiayaan Kesihatan
Lawatan Delegasi <i>National Healthcare Security Administration (NHSA)</i> of China	25-27 November 2024 KKM, Putrajaya	Pembiayaan dan Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan
<i>Taiwan's National Health Insurance: Policy Development, Implementation, and Quality Assurance</i>	2-13 September 2024 Taiwan International Healthcare Training Centre	<i>Taiwan's National Health Insurance</i>
<i>The 21st NHIS UHC Global Academy</i>	23-27 September 2024 Seoul, Korea	UHC
Penyediaan <i>Country Cooperation Strategy (CCS 2024-2028)</i> bersama WHO	Julai 2024	Pelan Kolaborasi KKM & WHO




Imej 6.5 Kolaborasi Antarabangsa Tahun 2024

SEKSYEN MALAYSIA NATIONAL HEALTH ACCOUNTS (MNHA)

Seksyen MNHA sentiasa komited dalam pelaporan data perbelanjaan kesihatan negara bagi memastikan dasar kesihatan yang dibangun berasaskan bukti yang telah disahkan. Sejak 2006, MNHA telah menerbitkan Laporan Perbelanjaan Kesihatan Negara secara berkala, dengan data terkini yang merangkumi 27 tahun, dari 1997-2023.

Pelbagai data makro perbelanjaan kesihatan negara disediakan untuk menyokong bukan sahaja pembentukan dasar negara, tetapi juga bagi membantu penyelidik dan pihak pemegang taruh lain, dengan mengambil kira keperluan semasa. Sebagai langkah menjaga kualiti dan ketelusan data, Jawatankuasa Penasihat Teknikal (*Technical Advisory Committee* - TAC) MNHA yang terdiri daripada wakil pelbagai Bahagian di KKM dilantik untuk menyemak sumber data, metodologi dan data yang dihasilkan. Data tersebut akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu MNHA untuk disahkan sebelum ia diterbitkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha (KSU) dan Ketua Pengarah Kesihatan (KPK), dengan ahli-ahli yang terdiri daripada pengurusan tertinggi pelbagai agensi sektor awam dan swasta.



Rajah 6.2 Ilustrasi Metodologi MNHA

PERBELANJAAN KESIHATAN MNHA 2011-2023


Data makro yang dihasilkan dengan menggunakan kerangka kerja MNHA ialah Jumlah Perbelanjaan Kesihatan Negara (TEH) sebagai peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), beban Perbelanjaan Wang Saku untuk Kesihatan (OOP), perbelanjaan kesihatan di hospital dan data lain yang berkaitan. Berdasarkan laporan siri masa terkini, TEH bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM84,192 juta (**Rajah 6.3**) dengan peningkatan sebanyak 6.2% berbanding TEH tahun 2022 iaitu sebanyak RM78,945 juta. Manakala, TEH sebagai peratusan KDNK adalah sebanyak 4.6% dan perbelanjaan kesihatan per kapita ialah RM2,521. Peningkatan perbelanjaan kesihatan negara disebabkan oleh pertambahan penduduk, kos rawatan dan teknologi yang semakin tinggi, peningkatan kes penyakit kronik serta penuaan penduduk. Inflasi dan kenaikan harga turut memberi impak kepada perbelanjaan kesihatan.

SUMMARY OF 2023

TEH

Total Expenditure on Health

RM 84,192 m



Sekyen MNHA, Bahagian Perancangan – 2024

Rajah 6.3 Ringkasan Perbelanjaan Negara untuk Kesihatan Tahun 2023

ANGGARAN PERBELANJAAN FARMASEUTIKAL NEGARA 2018-2023

Pada tahun 2024, MNHA telah menghasilkan Anggaran Perbelanjaan Farmaseutikal Negara bagi tahun 2018-2023. Anggaran Perbelanjaan Farmaseutikal Negara bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM16,921 juta, iaitu 20.1% daripada TEH (Rajah 6.4). KKM telah membelanjakan sebanyak 12.4% dari perbelanjaan keseluruhan KKM untuk perbelanjaan farmaseutikal.

SUMMARY 2023

TOTAL PHARMACEUTICALS EXPENDITURES (TPE) ESTIMATION

TPE

RM 16,921 m



Rajah 6.4 Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Farmaseutikal Negara Tahun 2023



Imej 6.6 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MNHA 2024

AKTIVITI KOLABORASI

Pada tahun 2024, MNHA telah menerima lawatan kerja rombongan pasukan NHA Brunei Darussalam yang bakal membangun dan menghasilkan laporan perbelanjaan kesihatan negara Brunei Darussalam. Objektif lawatan kerja ini adalah untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan teknikal dalam penghasilan data perbelanjaan kesihatan negara menggunakan kerangka kerja NHA.



Imej 6.7 Delegasi NHA Brunei bersama Pasukan MNHA

Selain itu, WHO telah bekerjasama dengan rakan kongsi seperti *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) dalam mendukung penghasilan *Health Accounts* (HA) negara secara global. Pada 27-29 Ogos 2024, Mesyuarat Tahunan Asia-Pasifik *Health Accounts Experts* WHO-OECD yang ke-19 bagi Negara Anggota WHO di Rantau Asia Pasifik Barat (WPRO) dan Asia Tenggara (SEARO) telah diadakan di Malaysia yang bertempat di Pullman Kuala Lumpur City Centre Hotel & Residences.

Mesyuarat tahunan ini merupakan platform bagi pakar *National Health Accounts* (NHA) membincangkan konsep teknikal, penambahbaikan metodologi dan mekanisma pengumpulan data perbelanjaan kesihatan yang semakin berkembang. Julung kalinya Malaysia telah dipilih sebagai penganjur pada tahun ini dengan mengambil kira penglibatan yang aktif dalam membantu negara jiran seperti Brunei dan Indonesia dalam penghasilan NHA negara masing-masing.



Imej 6.8 Mesyuarat Tahunan Asia-Pasifik Health Accounts Experts WHO-OECD Ke-19 di Pullman KLCC Hotel & Residences

SEKSYEN PERANCANGAN FASILITI KESIHATAN (PFK)


Seksyen PFK memainkan peranan penting dalam memastikan perancangan dan pembangunan fasiliti kesihatan selari dengan dasar KKM dalam mengenal pasti fasiliti baharu yang perlu dibina atau dinaik taraf bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan di seluruh negara.

PROJEK YANG TELAH LULUS PADA 2024

Sebanyak 17 buah projek telah diluluskan untuk pelaksanaan dalam tahun 2024. Projek tersebut terdiri daripada 15 klinik kesihatan (KK) gantian dan baharu. Selain itu, terdapat dua (2) projek menaik taraf hospital.

PROJEK YANG TELAH DISERAHKAN PADA 2024

Pada tahun 2024, sebanyak 17 projek berjaya diserahkan untuk pengoperasian. Projek tersebut terdiri daripada 12 projek menaik taraf hospital dan lima (5) projek KK baharu atau gantian. Taburan projek yang diserahkan pada tahun 2024 ditunjukkan seperti dalam **Rajah 6.5**.



Rajah 6.5 Projek yang Diserahkan pada Tahun 2024

PELAKSANAAN SEMINAR PERANCANGAN FASILITI KESIHATAN TAHUN 2024

Seminar Perancangan Fasiliti Kesihatan Tahun 2024 telah diadakan pada 10-13 September 2024 bertempat di Shah Alam, Selangor. Objektif seminar adalah untuk memberikan panduan asas dan pendedahan mengenai proses perancangan dan pembangunan fasiliti kesihatan bagi KKM. Seminar ini telah dihadiri sebanyak 112 peserta dari seluruh Malaysia yang terdiri dari Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan program di Ibu Pejabat KKM (IPKKM).



Imej 6.9 Seminar Perancangan Fasiliti Kesihatan Tahun 2024

PENILAIAN KEPENGGUNAAN RUANG (POE)

POE bertujuan untuk menilai reka bentuk dan kefungisian ruang di fasiliti setelah penyerahan projek siap. Hasil dapatan daripada penilaian ini adalah penting untuk menjadi panduan dalam penambahbaikan perancangan fasiliti kesihatan pada masa akan datang. Pada tahun 2024, POE dilaksanakan ke atas dua (2) jenis fasiliti iaitu hospital dan KK. Fasiliti yang dinilai termasuk KK2 Batu Muda di Kuala Lumpur, KK3 Bandar Tun Hussein Onn di Selangor serta KK7 Karangan, KK7 Peria dan Hospital Kuala Krai di Kelantan.

GARIS PANDUAN PERALATAN

Dua (2) dokumen garis panduan peralatan telah berjaya dimuktamadkan dengan kerjasama pihak perunding dan wakil daripada Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP) dan Bahagian Perubatan Kesihatan Keluarga (BPKK). Dokumen tersebut adalah:

- i. Garis Panduan Peralatan bagi Hospital 300 Katil
- ii. Garis Panduan Peralatan bagi Klinik Kesihatan Jenis 4, 5 dan 6

SEKSYEN PERANCANGAN eHEALTH

PELAKSANAAN *ONLINE HEALTHCARE SERVICES* (OHS)

OHS merupakan perkhidmatan penjagaan kesihatan dalam talian yang disediakan oleh Penyedia Platform OHS yang terdiri daripada entiti perniagaan, syarikat teknologi dan hospital atau klinik swasta. Model perkhidmatan baharu ini perlu dikawal selia bagi memastikan perkhidmatan tersebut selamat dan berkualiti. KKM telah melaksanakan *OHS Regulatory Lab* (RegLab) yang melibatkan kolaborasi pelbagai pemegang taruh mulai 17 Februari 2022 hingga penamatannya pada Disember 2024.

Pelaksanaan OHS RegLab telah mencapai persetujuan untuk mengawal selia Penyedia Platform OHS melalui garis panduan sementara menunggu RUU baharu. Garis Panduan OHS yang dimuktamadkan daripada versi 2.0 telah diluluskan sebagai rujukan utama bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang selamat dan berkualiti.



Imej 6.10 Aktiviti OHS RegLab

PROJEK HEALTH INFORMATION EXCHANGE - VIRTUAL CLINIC (HIE-VC) 2024

Projek HIE-VC bertujuan untuk mempertingkatkan pengurusan maklumat kesihatan dan memudahkan pengaksesan rekod perubatan secara digital melalui pembangunan portal RekodPesakit, RekodSaya dan RekodKesihatan.

Perkhidmatan Virtual Clinic merupakan inisiatif yang diperkenalkan melalui platform RekodPesakit dan RekodSaya, bertujuan menyediakan konsultasi klinikal dan pelan rawatan secara maya bagi perkhidmatan kesihatan terpilih oleh KKM. Ia memudahkan komunikasi antara pengamal perubatan dan pesakit, serta meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan. Perkhidmatan ini turut merangkumi janji temu dalam talian, konsultasi video berkumpulan dan modul pembayaran atas talian bagi kemudahan pengguna.

Promosi aplikasi RekodSaya dijalankan melalui kerjasama dengan Pusat Darah Negara (PDN) semasa aktiviti pendermaan darah di fasiliti kesihatan di Negeri Sembilan, Melaka, Perak dan Selangor. Aplikasi ini membolehkan pengguna memantau sejarah pendermaan darah, menilai kesihatan dan mengakses rekod perubatan, sekaligus meningkatkan kesedaran terhadap penjagaan kesihatan.

Secara keseluruhan, Projek HIE dan VC telah berjaya membangunkan integrasi data kesihatan, mengurangkan proses manual, serta mempercepat dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan kesihatan melalui platform maya yang boleh diakses dari pelbagai lokasi.



Imej 6.11 Aktiviti Projek HIE-VC

SEKSYEN PUSAT INFORMATIK KESIHATAN (PIK)

PENGUMPULAN DATA KESIHATAN BERSEPADU

Sejak 2017, Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW) telah menjadi sistem pengumpulan data kesihatan berpusat di KKM. Usaha transformasi digital ini membolehkan pengumpulan, pengurusan dan analisis data secara menyeluruh, sekali gus memudahkan keputusan berdasarkan bukti dalam pengagihan sumber, intervensi kesihatan awam, serta penambahbaikan sistem penjagaan kesihatan. MyHDW dibangunkan untuk mengintegrasikan beberapa sumber data yang mengumpul rekod lawatan pesakit di semua fasiliti kesihatan kerajaan, hospital universiti dan hospital swasta.

Sehingga tahun 2024, MyHDW telah memperluaskan integrasi data kesihatan di Malaysia dengan mengumpulkan rekod bagi 24 juta pesakit, menyatukan maklumat daripada fasiliti kesihatan awam dan swasta bagi meningkatkan pemantauan epidemiologi, pengagihan sumber,

dan strategi kesihatan awam. Permintaan yang semakin meningkat terhadap perkhidmatan perubatan, didorong oleh pertumbuhan populasi dan peningkatan prevalens penyakit kronik, dapat dilihat melalui 112 juta lawatan pesakit ke fasiliti kesihatan yang telah direkodkan sejak 2017. Sebahagian besar lawatan pesakit berlaku di fasiliti penjagaan primer, manakala hospital mengendalikan kes kecemasan dan rawatan khusus, menekankan kepentingan pengagihan sumber kesihatan yang lebih bersasar.

Selain itu, MyHDW telah merekodkan lebih 27 juta interaksi kesihatan, termasuk perkhidmatan seperti fisioterapi, dietetik dan radiologi, yang menunjukkan peranan penting perkhidmatan kesihatan bersekutu dalam penjagaan pesakit. Walaupun MyHDW memiliki pangkalan data yang luas, cabaran seperti ketidaklengkapan data, duplikasi rekod dan interoperabiliti sistem masih wujud, memerlukan usaha penambahbaikan yang berterusan dalam pengesahan data, integrasi dan juga analitik bagi menyokong keputusan berasaskan bukti serta memperkukuh sistem kesihatan di Malaysia.



Rajah 6.6 Data Analisis MyHDW

MALAYSIA SEBAGAI PENERAJU AWAL PENGGUNAAN WHO INTERNATIONAL CLASSIFICATION OF DISEASES (ICD)-11

ICD, yang dibangunkan oleh WHO, ialah sistem global untuk pengekodan penyakit dan masalah kesihatan. Peralihan daripada ICD-10 kepada ICD-11 meningkatkan ketepatan data, interoperabiliti dan keberkesanan klinikal, sekali gus memperbaiki pelaporan dan pembuatan keputusan dalam penjagaan kesihatan di peringkat global.

Transisi daripada ICD-10 kepada ICD-11 menandakan kemajuan penting dalam pengkodan dan pelaporan penyakit, sejajar dengan piawaian antarabangsa dalam sistem data kesihatan Malaysia. Proses ini bermula dengan latihan dan bengkel persediaan yang dijalankan oleh PIK pada tahun 2019, diikuti dengan sesi latihan secara maya pada tahun 2020. Menjelang tahun 2022, peralihan ini dimulakan dalam sistem data kesihatan utama negara, termasuk Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP)-MyHDW.

Sepanjang tahun 2023, pelaksanaan rintis dan penyesuaian sistem telah dilaksanakan bagi memastikan peralihan yang lancar. Pada tahun 2024, fungsi penuh ICD-11 telah diintegrasikan ke dalam SMRP-MyHDW dan *Medical Programme Information System* (MPIS), bagi memastikan pelaporan data kesihatan Malaysia yang pertama berasaskan ICD-11 pada tahun 2025. Peralihan ini akan meningkatkan ketepatan data, interoperabiliti dan pembuatan keputusan dalam penjagaan kesihatan, serta memperkukuh komitmen Malaysia terhadap pemodenan data kesihatan global.



Rajah 6.7 Pencapaian Implementasi ICD-11 di Malaysia

SENARAI INDUK FASILITI KESIHATAN MALAYSIA (MHFL)

MHFL ialah direktori berautoriti yang menyediakan identiti unik bagi fasiliti kesihatan awam dan swasta di Malaysia. Ia merangkumi butiran penting seperti alamat dan geolokasi untuk fasiliti kesihatan seperti hospital, klinik, klinik pergigian, makmal dan pusat komuniti kesihatan. MHFL memantapkan infrastruktur maklumat kesihatan Malaysia dengan menyeragamkan data fasiliti merentas pelbagai sistem kesihatan digital. MHFL telah diterbitkan pada tahun 2024 bagi membolehkan pemetaan dan analisis spatial bagi sumber-sumber kesihatan, sekali gus meningkatkan perancangan, pemantauan dan pembuatan keputusan dalam sektor kesihatan. Berpandukan visi untuk mewujudkan sistem maklumat kesihatan yang bersepadu, MHFL menjadi asas permulaan bagi memperluaskan liputan kepada semua fasiliti yang dikawal selia serta menggalakkan kerjasama dan meningkatkan perkhidmatan kesihatan di seluruh negara.

Fungsi

1. Menyeragamkan data fasiliti dengan pengenalan unik.
2. Menguruskan senarai fasiliti kesihatan yang menyeluruh.
3. Memastikan data tersedia secara digital dan mudah diakses.

Manfaat

1. Memantapkan infrastruktur maklumat kesihatan Malaysia dengan menyeragamkan data fasiliti merentas pelbagai sistem kesihatan digital.
2. Membenarkan pemetaan dan analisis spatial bagi sumber-sumber kesihatan.
3. Menambah baik perancangan, pemantauan dan pembuatan keputusan dalam sektor kesihatan.



Rajah 6.8 Fungsi dan Manfaat Senarai Induk Fasiliti Kesihatan Malaysia

BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN (BPKj)

BPKj berperanan untuk merancang, melaksana dan memantau perkhidmatan kejuruteraan di fasiliti kesihatan KKM termasuk perkhidmatan penyelenggaraan dan pelaksanaan projek. Selain itu, BPKj turut berperanan melaksanakan aktiviti kejuruteraan kesihatan umum. BPKj terdiri daripada:

- i. Cawangan Perancangan
- ii. Cawangan Perkhidmatan
- iii. Cawangan Regulatori
- iv. Sektor Biomedikal

CAWANGAN PERANCANGAN

DASAR DAN PERANCANGAN KEJURUTERAAN PENJAGAAN KESIHATAN

BPKj melalui Cawangan Perancangan bertanggungjawab menyelaras dasar dan hala tuju berkaitan kejuruteraan penjagaan kesihatan bagi memastikan perkhidmatan pengurusan fasiliti, pelaksanaan projek dan kejuruteraan kesihatan umum dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi menyokong kelangsungan perkhidmatan kesihatan di KKM. BPKj juga terlibat dalam perancangan pembekalan kenderaan ambulans serta menyelaras pelaksanaan hala tuju

kementerian yang melibatkan aspek teknikal termasuk memudah cara proses pemasangan infrastruktur telekomunikasi dan penggunaan teknologi bagi kemudahan tempat letak kereta. Selain itu, BPKj melalui cawangan ini turut menyelaras khidmat sokongan teknikal dalam pelaksanaan projek-projek khas secara kerjasama awam swasta (PPP) dan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) selain membantu menyelaras dalam aspek teknikal berkaitan pematuhan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].

PENGURUSAN ASET TAK ALIH

BPKj bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan berkaitan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan melibatkan aset tidak alih KKM selaras dengan Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2021: Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan. Berikut merupakan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang 2024:

Jadual 6.5 Aktiviti Pengurusan Aset Tak Alih bagi Tahun 2024

Aktiviti	Bilangan Aktiviti
Pendaftaran Daftar Premis Aset (DPA)	7 DPA
Pelaporan Penilaian Keadaan	331 Laporan
Pelaporan Pelupusan	157 Laporan
Pelaporan Kehilangan/Hapus Kira	27 Laporan

KONVENSYEN KEJURUTERAAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA 2024 (MOHEC 2024)

BPKj telah menganjurkan Konvensyen Kejuruteraan Kementerian Kesihatan Malaysia 2024 (MOHEC 2024) bertempat di Grand Lexis, Port Dickson pada 9-11 Jun 2024 yang telah dirasmikan oleh TKPK (P&ST). Objektif utama penganjuran MOHEC 2024 untuk menyediakan satu platform eksklusif bagi perkongsian wawasan strategik dan mandat kepimpinan oleh barisan pengurusan tertinggi BPKj serta ruang diskusi yang konstruktif antara peserta berdasarkan pengalaman dan kepakaran masing-masing. Konvensyen ini juga telah berjaya menghimpunkan sebanyak 200 orang peserta melibatkan jurutera dan penolong jurutera seluruh Malaysia.




Imej 6.12 Majlis Perasmian MOHEC 2024

CAWANGAN PERKHIDMATAN

IMPLEMENTASI PROJEK KKM

BPKj telah melaksanakan sebanyak 79 projek di bawah Peruntukan Pembangunan, Peruntukan Mengurus (*Sinking Fund*) dan Peruntukan PFI. **Rajah 6.9** menunjukkan pecahan projek yang diuruskan oleh BPKj mengikut kategori pelaksanaan.



Rajah 6.9 Peratusan Projek Mengikut Kategori Pelaksanaan Tahun 2024

Sebanyak 18 projek bernilai RM 52.1 juta telah siap sepenuhnya serta diserahkan kepada pengguna dan telah memulakan operasi pada 2024.



Sesi T&C bagi Projek Penggantian Sistem Lif Kargo di Hospital Selayang



Sesi T&C bagi Projek Penggantian Sistem Pendingin Hawa Berpusat di Hospital Teluk Intan



Pengesahan Siap Kerja bagi Projek Pemasangan Sistem Penyejukan Udara di Hospital Kuala Lumpur (HKL)

Imej 6.13 Sesi Penyerahan dan Pengujian & Pentauliahan (T&C) Projek BPKj

BPKj terlibat dalam memberi khidmat nasihat teknikal dan kepakaran kejuruteraan bagi projek menaik taraf fasiliti kesihatan bersama dengan bahagian lain di IPKKM dan agensi luar.



Lawatan Teknikal ke ILKMM Kuching bagi Meninjau Permasalahan Sistem Penyaman Udara



Pengujian Papan Agihan Utama (DB) bagi Projek Kerja Penggantian Lif di Hospital Teluk Intan dan Hospital Selayang


Imej 6.14 Khidmat Nasihat Teknikal

PERKHIDMATAN SOKONGAN HOSPITAL (PSH)

Program PSH adalah perjanjian kontrak penswastan yang ditandatangani oleh lima (5) syarikat konsesi dan tujuh (7) syarikat bukan konsesi. Perkhidmatan yang diberikan terdiri daripada enam (6) skop iaitu:

- Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti (FMS)
- Perkhidmatan Pengurusan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS)
- Perkhidmatan Pengurusan Kejuruteraan Biomedikal (BEMS)
- Perkhidmatan Pengurusan Sisa Kesihatan (HWMS)
- Perkhidmatan Pembersihan (CLS)
- Perkhidmatan Linen dan Dobi (LLS)

Bilangan hospital dan institusi yang terlibat dengan kontrak konsesi PSH adalah sebanyak 148 fasiliti dengan nilai kontrak sebanyak RM1.92 bilion setahun manakala bagi kontrak bukan konsesi adalah sebanyak sebelas (11) fasiliti dengan nilai kontrak sebanyak RM584 juta.



Rajah 6.10 Bilangan Hospital dan Institusi Mengikut Syarikat Konsesi

Bagi memastikan pemantauan dan pematuan syarikat terhadap keperluan dan obligasi kontrak PSH, Pemeriksaan Audit Teknikal turut dilaksanakan oleh BPKj. Selain itu, lawatan teknikal yang melibatkan perkara berkaitan forensik turut dilaksanakan sepanjang 2024 di hospital/institusi bagi memberikan khidmat nasihat teknikal.



Imej 6.15 Pemeriksaan Audit Teknikal

PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIK (PSK)


Program PSK merupakan kontrak yang melibatkan 14 syarikat di 201 fasiliti klinik dengan kos siling tahunan sebanyak RM138 juta. Perkhidmatan yang diberikan terdiri daripada tiga (3) skop iaitu:

- i. Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS)
- ii. Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal (BEMS)
- iii. Perkhidmatan Pembersihan (CLS)

Pemeriksaan Audit Teknikal juga dilaksanakan di 18 klinik untuk memastikan pelaksanaan PSK mematuhi keperluan kontrak dan penyelenggaraan dijalankan mengikut amalan kejuruteraan yang baik.

KEJURUTERAAN FASILITI KLINIK

Pada 2024, sebanyak RM246 juta telah diperuntukkan kepada 671 projek bagi memastikan keselamatan dan kefungsi klinik berada pada tahap yang optimum demi keselesaan pengguna. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah merancang keperluan, menyelaraskan peruntukan dan pemantauan melibatkan kerja pembaikan dan naik taraf bangunan, penggantian dan penyelenggaraan sistem kejuruteraan dan infrastruktur di fasiliti klinik KKM.



Kerja-Kerja Kejuruteraan Fasiliti Klinik

Rajah 6.11 Peruntukan dan Perbelanjaan bagi Kerja-Kerja Kejuruteraan Fasiliti Klinik KKM Tahun 2024

PROGRAM LESTARI (SP)

SP telah dilaksanakan mulai tahun 2015 bagi menyokong hasrat kerajaan untuk mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 45% menjelang 2030. Pelaksanaan SP juga dapat memastikan fasiliti kesihatan KKM mencapai sasaran neutral karbon seawal tahun 2045, selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadi negara sifar bersih seawal tahun 2050.

Sehingga 2024, KKM telah berjaya meraih pelbagai anugerah di peringkat antarabangsa dan kebangsaan melalui pelaksanaan SP. KKM juga turut menerima anugerah khas (Pengurusan Tenaga) daripada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRES) yang mengiktiraf komitmen KKM dalam melaksanakan pengurusan tenaga yang komprehensif di fasiliti kesihatan.



Rajah 6.12 Pencapaian SP Tahun 2024



Imej 6.16 Majlis Anugerah ASEAN Energy Management Scheme (AEMAS) - Energy Management Gold Standard (EMGS)

CAWANGAN REGULATORI

PROGRAM KAWALAN MUTU AIR MINUM (KMAM)

Pada 2024, 97.63% daripada lebih 1.6 juta pengujian parameter kualiti air terawat di seluruh Malaysia mematuhi Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan bagi 2024 adalah tiga (3) lawatan penilaian pelaksanaan Program KMAM di Johor, Kelantan dan Pahang, dua (2) lawatan teknikal pengangkut air Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) serta Aktiviti Penilaian Risiko Kesihatan (Kajian Kebersihan) Sistem Bekalan Air Awam Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 telah dijalankan di Loji Rawatan Air Kogopon, Papar, Sabah.



Imej 6.17 Aktiviti Lawatan Teknikal dan Penilaian Risiko Kesihatan Program KMAM

PROGRAM BEKALAN AIR DAN KEBERSIHAN ALAM SEKELILING (BAKAS)

Pada 2024, program BAKAS meneruskan pelaksanaan projek subsidi bekalan air dan sanitasi kepada penduduk luar bandar. Sejumlah 592 projek sistem bekalan air telah dibina bagi membekalkan air bersih kepada 2,579 rumah melibatkan peruntukan sebanyak RM7.8 juta. Untuk kemudahan sanitasi pula, sejumlah 977 rumah telah disediakan tandas sanitari, 813 rumah telah disediakan sistem pelupusan air limbah dan 1,046 rumah telah disediakan sistem pengurusan sisa pepejal dengan peruntukan sebanyak RM6.5 juta.



Imej 6.18 Aktiviti BAKAS Meliputi Pembinaan Projek Bekalan Air Sistem Telaga Tiub, Tandas dan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal

UNIT PENCEMARAN AIR (UPA)

Aktiviti yang dilaksanakan adalah pemantauan kualiti air kolam renang, pemantauan kualiti air rekreasi semula jadi (air tawar dan air marin), pemantauan sanitasi pusat pelancongan dan program kebersihan tandas awam di fasiliti KKM untuk mengurangkan risiko jangkitan penyakit kepada orang ramai.



Imej 6.19 Aktiviti Pemantauan Kolam Renang dan Air Rekreasi Semula Jadi

PENYELIDIKAN MIKROPLASTIK DI LEMBANGAN SUNGAI TERPILIH

BPKj berkolaborasi bersama Makmal Forensik Penyelidikan Air, Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) bagi mengenal pasti kelimpahan mikroplastik di Lembangan sungai Muda dan Lembangan Sungai Perak serta loji rawatan air yang menggunakan sumber air di lembangan sungai tersebut.



Imej 6.20 Aktiviti Persampelan Mikroplastik di Lembangan Sungai Muda dan Sungai Perak

NATIONAL ENVIRONMENTAL HEALTH ACTION PLAN (NEHAP)

Pada 2024, Sekretariat NEHAP Malaysia telah menganjurkan persidangan NEHAP Ke-10 dengan tema *Environmental Health in The New Era: Journey to A Sustainable Future*. Persidangan ini telah dihadiri oleh sebanyak 200 peserta yang terlibat dengan pembangunan pelan tindakan NEHAP Malaysia dan *State Environmental Health Action Plan (SEHAP)*.



Imej 6.21 Persidangan NEHAP Ke-10 Tahun 2024

UNIT KUALITI UDARA (UKU)

Aktiviti dan program utama yang telah dijalankan oleh UKU pada tahun 2024 seperti dalam **Rajah 6.13** dan **Imej 6.22**.



Rajah 6.13 Pelaksanaan Program IAQ Tahun 2024



Imej 6.22 Program IAQ Tahun 2024

PERLINDUNGAN KESIHATAN ALAM SEKITAR (PEKA)

Aktiviti PEKA tahun 2024 tertumpu kepada pengukuhan Sistem *Environmental Health Risk Inventory* (EHRI) dan menyediakan ulasan teknikal untuk Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA).

Mengadakan taklimat bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan berkaitan pengurusan risiko kesihatan alam sekitar kepada anggota JKN dan PKD di Perlis, Selangor, Sarawak dan WP Labuan.

Melaksanakan kajian lanjutan berkaitan *Environmental Health Risk Assessment* (EHRA) on *Water Related Contamination Exposure In The Semenyih River Basin*.

Melaksanakan audit bagi verifikasi data EHRI di Perlis, Sarawak, WP Labuan dan Melaka.

Rajah 6.14 Pencapaian PEKA Tahun 2024

Selain itu, sebanyak 90 Laporan EIA telah diterima untuk ulasan teknikal selaras dengan keperluan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) EIA 2015 dan diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS).

WATER, SANITATION AND HYGIENE (WASH) DI FASILITI KESIHATAN KKM

BPKj telah mengemukakan laporan aras perkhidmatan WASH di fasiliti kesihatan KKM bagi setiap dua (2) tahun kepada WHO/United Nations Children's Fund (UNICEF) *Joint Monitoring Programme for Water Supply, Sanitation and Hygiene* (JMP) berkenaan *Country File on WASH in Healthcare Facilities for Malaysia*. Penerangan berkenaan aras perkhidmatan WASH di fasiliti kesihatan KKM boleh diperoleh dalam dokumen *WASH in Health Care Facilities 2023 Data Update: Special focus on primary health care* (<https://washdata.org/reports/jmp-2024-wash-hcf>) yang diterbitkan pada 3 Oktober 2024.

PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH *ROLLING PLAN 4 (RP4)*, RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMK12) 2024

Terdapat 25 projek pembangunan baharu yang telah diluluskan di bawah RP4 RMK12 untuk dilaksanakan pada tahun 2024 yang melibatkan kerja menaik taraf kemudahan tandas di KK sedia ada bagi mematuhi keperluan WHO/UNICEF JMP di bawah Projek Pembaikan dan Naik Taraf Bangunan, Sistem Kejuruteraan dan Infra di KK (skop kerja: Bangunan - pembangunan dan naik taraf bangunan termasuk struktur dan bumbung serta siling, dinding, lantai, sistem pembetulan dan sistem bekalan air). Beberapa siri lawatan pemantauan ke fasiliti terlibat turut dilaksanakan bagi memastikan pematuhan terhadap spesifikasi yang telah ditetapkan.



KK Kemaman,
Terengganu



KK Mempaga,
Pahang



KK Dengkil,
Selangor

Imej 6.23 Lawatan Projek RP4 RMK12

THE UN-WATER GLOBAL ANALYSIS AND ASSESSMENT OF SANITATION AND DRINKING-WATER (GLAAS) 2024 COUNTRY SURVEY

Satu sesi libat urus bersama pihak WHO Malaysia serta beberapa kementerian dan agensi berkenaan *The UN-WATER Global Analysis and Assessment of Sanitation and Drinking-Water (GLAAS) 2024 Country Survey* telah diadakan pada 12-13 September 2024. WHO merupakan *co-custodian* melalui GLAAS, bersama dengan OECD dan UN Environment, bertanggungjawab dalam memantau pelaksanaan SDG 6.



Imej 6.24 PSesi Libat Urus GLAAS 2024 Country Survey


SEKTOR BIOMEDIKAL

Bidang kejuruteraan biomedikal berfungsi seperti yang berikut:

- i. Mengawal selia BEMS di fasiliti kesihatan KKM di bawah Perjanjian Konsesi PSH, Program *Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET) dan kontrak BEMS lain
- ii. Melaksanakan pembekalan peralatan perubatan untuk fasiliti KKM
- iii. Menyediakan khidmat nasihat teknikal seperti penyiasatan forensik, penyediaan ulasan teknikal serta standard dan garis panduan

Jadual 6.6 Aktiviti Sektor Biomedikal Tahun 2024

Perkara	Kawalselia			Pembekalan Peralatan Perubatan
	PSH (Konsesi)	PSH (Bukan Konsesi)	MEET	Bekalan & Pemasangan
Bil. Fasiliti	148	11	2,988	18
Bil. Peralatan	218,083	14,892	141,264	19



Rajah 6.15 Pencapaian Sektor Biomedikal bagi Tahun 2024



Imej 6.25 Projek Pembekalan dan Pemasangan Peralatan Biomedikal Tahun 2024

PELUNCURAN *NATIONAL ADVISORY COUNCIL FOR BIOMEDICAL ENGINEERING (NACBE)* DAN MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KOMPETENSI *BIOMEDICAL TECHNICAL PERSONNEL (BTP)*

Majlis Peluncuran NACBE telah berlangsung pada 15 Julai 2024 di Hotel Everly Putrajaya dan dirasmikan oleh TKPK (P&ST). NACBE adalah jawatankuasa tertinggi peringkat kebangsaan yang membincangkan dan meluluskan isu strategik perkhidmatan kejuruteraan biomedikal, perkembangan disiplin biomedikal serta kolaborasi antara agensi dan pihak luar.

Peluncuran NACBE dilangsungkan bersekaian dengan Majlis Penyampaian Sijil Kompetensi BTP sebagai pengiktirafan terhadap usaha dan komitmen pihak syarikat penyelenggara BEMS seluruh negara.



Imej 6.26 Peluncuran NACBE 2024 dan Penyampaian Sijil BTP

BAHAGIAN KAWALSELIA RADIASI PERUBATAN (BKRP)

BKRP adalah sekretariat kepada KPK yang bertanggungjawab untuk mengawal penggunaan sinaran mengion (IR) dalam perubatan melalui penguatkuasaan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304]. Peranan utama BKRP melibatkan pelbagai aktiviti kawal selia termasuk pelesenan, penguatkuasaan, pemantauan dan pembangunan dokumen perundangan dan bukan perundangan. BKRP memberi nasihat teknikal berkaitan keselamatan dan perlindungan sinaran, termasuk bidang fizik perubatan. BKRP juga bekerjasama dengan pelbagai agensi di peringkat nasional dan antarabangsa bagi memastikan program keselamatan sinaran selari dengan piawaian antarabangsa. BKRP terdiri daripada empat (4) cawangan:

- i. Cawangan Kawalan Perlesenan dan Pendaftaran
 - a. Seksyen Perlesenan
 - b. Seksyen Pendaftaran
- ii. Cawangan Penguatkuasaan dan Pendakwaan
 - a. Seksyen Penguatkuasaan
 - b. Seksyen Pendakwaan
- iii. Cawangan Khidmat Fizik Perubatan
 - a. Seksyen Kod dan Standard
 - b. Seksyen Khidmat Teknikal
- iv. Cawangan Latihan dan Kerjasama Inter-Agensi
 - a. Seksyen Kerjasama Inter-Agensi
 - b. Seksyen Pembangunan Latihan

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

KELULUSAN PERMOHONAN PERLESENAN DAN PENDAFTARAN OLEH KETUA PENGARAH KESIHATAN (KPK)

Sebanyak 2,168 permohonan lesen baharu dan membaharui telah diluluskan oleh KPK kepada fasiliti perubatan swasta untuk tujuan perubatan pada tahun 2024. **Jadual 6.7** menunjukkan ringkasan bilangan kelulusan lesen baharu dan membaharui kepada fasiliti perubatan swasta bagi tahun 2024.

Jadual 6.7 Bilangan Kelulusan Lesen

Jenis Lesen	Bilangan Lesen
Lesen Baharu	549
Lesen Membaharui	1,619
Jumlah	2,168

Secara keseluruhannya, terdapat 6,819 fasiliti perubatan kerajaan dan swasta berdaftar dan berlesen yang terdiri daripada 1,107 fasiliti perubatan kerajaan dan 5,712 fasiliti perubatan swasta masing-masing seperti yang dinyatakan secara terperinci dalam **Jadual 6.8**.

Jadual 6.8 Bilangan Fasiliti Perubatan Berdaftar (Kerajaan) atau Berlesen (Swasta) di bawah Akta 304

Jenis Premis	Fasiliti Perubatan		Jumlah
	Kerajaan	Swasta	
Klinik Pergigian	567	3,220	3,787
Klinik Pengamal Perubatan Am		1,837	1,837
Hospital (Radiologi)	158	208	366
Klinik Kesihatan	296		296
Klinik Veterinar	6	238	244
Klinik Pakar Bukan Radiologi		70	70
Klinik Radiologi		46	46
Fasiliti Kesihatan Angkatan Tentera (Hospital/ Pusat Perubatan/Pergigian)	59		59
Pusat Perubatan Nuklear	7	30	37
Pusat Radioterapi	7	37	44
Perkhidmatan Penyinaran Darah	4	5	9
Klinik Perkhidmatan X-ray Bergerak	3	9	12
Syarikat Juruperunding Fizik Perubatan (Kelas H)		12	12
Jumlah	1,107	5,712	6,819

Sementara itu, sebanyak 12,732 radas penyinaran berdaftar atau berlesen di fasiliti perubatan kerajaan dan swasta seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 6.9**.

Jadual 6.9 Bilangan Radas Penyinaran di Fasiliti Perubatan Kerajaan dan Swasta

Jenis Radas Penyinaran	Fasiliti Perubatan		Jumlah
	Kerajaan	Swasta	
Radiografi Am/Mudah Alih/Veterinar	1,402	2,833	4,235
Pergigian (Intra Oral/OPG/CBCT)	845	5,662	6,507
Fluoroscopi (Statik/Mudah Gerak)	297	482	779
Angiografi	39	158	197
CT Scanner	103	208	311
Mammografi	67	207	274
Litotripter	15	24	39
Bone Densitometer	22	119	141
Pemecut Linear (LINAC)/Robotic LINAC	18	60	78
LINAC-kV Imaging	17	50	67
Intraoperative Radiotherapy (IORT)		9	9
Gamma Knife-CBCT		4	4
Simulator/CT Simulator	9	23	32
Tomoterapi	2	7	9
PET-CT/SPECT-CT	14	33	47
Siklotron Perubatan	1	2	3
Jumlah	2,851	9,881	12,732

Selain radas penyinaran, sebanyak 1,563 punca bahan radioaktif terdiri daripada 1,345 punca terkedap dan 218 punca tak terkedap didaftarkan atau dilesenkan di fasiliti perubatan kerajaan dan swasta seperti dalam **Jadual 6.10**.

Jadual 6.10 Bilangan Bahan Radioaktif yang Berdaftar atau Berlesen

Jenis Punca	Perkhidmatan	Bilangan Bahan		Jumlah
		Kerajaan	Swasta	
Punca Terkedap (<i>Sealed Sources</i>)	Radioterapi	6	809	815
	Perubatan Nuklear	256	257	513
	Penyinaran Darah	11	5	16
	Kelas H		1	1
Punca Tak Terkedap (<i>Unsealed Sources</i>)	Perubatan Nuklear	57	159	216
	Kelas H		2	2
Jumlah		330	1,233	1,563

Manakala, jumlah kutipan fi berkaitan bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM1,546,625.10 seperti dalam **Jadual 6.11**.

Jadual 6.11 Jumlah Kutipan Mengikut Jenis Fi Tahun 2024

	Jumlah (RM)
Fi Lesen	1,495,830.10
Fi Proses	50,795.00
Jumlah	1,546,625.10

AKTIVITI PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 1,224 notis pembaharuan lesen dikeluarkan oleh Pegawai Sains (Fizik) di JKN. Aktiviti lawatan pemeriksaan telah dijalankan bagi mengesahkan pematuhan terhadap keperluan peraturan di bawah Akta 304 berdasarkan syarat lesen yang telah ditetapkan. Pengesahan lawatan yang dijalankan adalah melibatkan pematuhan terhadap aspek peralatan, kemudahan, personel dan prosedur berkaitan. Manakala lawatan siasatan pula dijalankan terhadap premis berdasarkan aduan yang diterima serta premis yang dikhuatiri terdapat pelanggaran terhadap kehendak-kehendak yang ditetapkan tersebut.

Sebanyak 881 fasiliti perubatan telah diperiksa yang merangkumi fasiliti perubatan kerajaan dan swasta. Hasil pemeriksaan mendapati 92.85% fasiliti perubatan mematuhi keperluan regulatori manakala 7.15% fasiliti perubatan tidak mematuhi semasa lawatan pemeriksaan dijalankan seperti yang dinyatakan pada **Jadual 6.12**. Tindakan susulan telah diambil untuk memastikan semua fasiliti perubatan mematuhi keperluan regulatori yang telah ditetapkan di bawah Akta 304.

Jadual 6.12 Lawatan Pemeriksaan Tahun 2024

Kategori	Bilangan Lawatan	Status Pematuhan	
		Mematuhi	Tidak Mematuhi
Pematuhan fasiliti perubatan kerajaan dan swasta	881	818	63
% Pematuhan		92.85	7.15



Imej 6.27 Lawatan Pemeriksaan di Hospital Kerajaan dan Swasta

Sepanjang tahun 2024, KKM telah menjalankan audit pematuhan ke atas 191 fasiliti perubatan kerajaan dan swasta. **Jadual 6.13** menunjukkan keputusan kajian ketidakpatuhan terhadap kriteria audit imej/radiograf yang telah dijalankan.

Jadual 6.13 Keputusan Laporan Audit Kualiti Radiograf

Status Audit	Jumlah Fasiliti	%
Memuaskan	157	82.20
Tidak Memuaskan	34	17.80

Ketidakpatuhan audit kualiti radiograf adalah berpunca daripada tidak menggunakan *primary marker*, teknik pemposisian yang tidak sempurna dan imej kolimasi yang tidak rapi. Premis yang tidak mematuhi audit kualiti radiograf akan dipantau hingga mematuhi keperluan yang ditetapkan.

PENGURUSAN ADUAN DAN LAPORAN KETIDAKPATUHAN

KKM telah menerima sebanyak tujuh (7) kes notifikasi pekerja sinaran yang menerima dedahan dos melebihi had dos tahunan yang dibenarkan dan juga turut menerima dua (2) kes dedahan tidak sengaja yang melibatkan orang awam. Laporan penuh siasatan telah dikemukakan oleh pihak premis dengan laporan dan penambahbaikan yang dilakukan. Pemantauan berterusan dilakukan kepada premis terlibat bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

Sepanjang tahun, KKM telah menerima sebanyak 20 aduan berkaitan pelanggaran di bawah Akta 304 yang dilakukan oleh fasiliti perubatan swasta. Kebanyakan ketidakpatuhan yang berlaku adalah seperti radas penyinaran dikendalikan oleh personel yang tidak berdaftar, premis membeli dan mengguna radas penyinaran tanpa lesen yang sah di bawah Akta 304.

Berdasarkan pelanggaran Akta 304 yang direkodkan, sebanyak 14 kes telah didakwa dan dijatuhkan hukuman denda oleh pihak mahkamah. Jumlah keseluruhan denda adalah RM175,000.00.

KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL KEPADA FASILITI PERUBATAN KERAJAAN

Aktiviti utama khidmat nasihat teknikal berkaitan IR bagi fasiliti perubatan kerajaan adalah seperti dalam **Jadual 6.14**.

Jadual 6.14 Khidmat Nasihat Teknikal Berkaitan IR

Jenis Aktiviti	Bilangan
Penyediaan dan penilaian spesifikasi radas penyinaran & kemudahan berkaitan	20
Lawatan Tapak, Khidmat Nasihat dan <i>Testing and Commissioning</i> (T&C):	
i. Penyemakan <i>Technical Specification Adhere</i> (TSA)/lawatan tapak/penyediaan dokumen <i>pre-bid/kick-off</i> T&C	128
ii. Pengesahan ketebalan perisai keselamatan sinaran	17
Penyemakan pelan, perlindungan sinaran dan khidmat teknikal untuk projek baharu/sedia ada bagi klinik/hospital kerajaan	30
Pelaksanaan <i>Quality Assurance Programme</i> (QAP) dalam perkhidmatan Radiologi, Radioterapi, Perubatan Nuklear dan Pergigian:	
• Mesyuarat Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan QAP, Lawatan Pelaksanaan QAP dan Sesi Libat Urus Program QAP	23

AKTIVITI PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN/MANUAL/KERTAS TEKNIKAL

Penyediaan dokumen merupakan aktiviti pembangunan kod dan standard dalam mempertingkatkan sistem regulatori di bawah Akta 304 bagi maksud perubatan. Bilangan dokumen berkaitan sinaran perubatan yang sedang dibangunkan pada tahun 2024 seperti dalam **Jadual 6.15**.

Jadual 6.15 Senarai Dokumen yang Sedang Dibangunkan

Tajuk
<i>Guidelines of Internal Dosimetry Procedure in Nuclear Medicine</i>
<i>Guidelines on Ultrasound Usage in Medical Practice</i> - Pindaan
<i>Handbook of Internal Dosimetry in Nuclear Medicine</i>
Manual Pelaksanaan Program Jaminan Kualiti (QAP) dalam Perkhidmatan Radioterapi - Pindaan
<i>Guidance Document on Radiological Emergency Preparedness for Medical Physicist</i> (Pindaan 2024)
<i>Standard Operating Procedure (SOP) for Unintended and Accidental Radiation Exposures in Medical Practice under Act 304</i>
<i>Guidelines for Radioactive Waste Management in Healthcare Facility under the Act 304</i>
<i>Guidelines on Magnetic Resonance Imaging (MRI) Safety for Medical Practice</i>

KAJIAN DEDAHAN RADIASI PERUBATAN

DKRP sedang menjalankan *Medical Radiation Exposure Study for the Development of Malaysian Diagnostic Reference Levels (DRL) in Medical & Dental Imaging Services and Nuclear Medicine*. Hasil kajian ini seperti dalam **Jadual 6.16**.

Jadual 6.16 Hasil Kajian Dedahan Radiasi Perubatan Tahun 2024

Tajuk	Dokumen
<i>Medical Radiation Exposure Study for the Development of Malaysian Diagnostic Reference Levels (DRL) in Medical & Dental Imaging Services and Nuclear Medicine</i>	i. <i>Draft Report on the Medical Radiation Exposure Study Data for the Development of Malaysian Diagnostic Reference Levels (DRL)</i> ii. <i>Draft Malaysian Diagnostic Reference Level (DRL) for Radiology and Dental 2024</i> iii. <i>Draft Malaysian Diagnostic Reference Levels (DRL) for Nuclear Medicine 2024</i>

PEMBANGUNAN LATIHAN DAN MODAL INSAN

Pembangunan latihan dan modal insan merupakan keperluan yang sangat penting bagi sesebuah organisasi dalam melahirkan anggota yang berkualiti, produktif dan berkemahiran tinggi. Ringkasan aktiviti bagi latihan dan sesi libat urus yang dijalankan seperti dalam **Jadual 6.17**.

Jadual 6.17 Aktiviti Pembangunan Latihan dan Modal Insan Tahun 2024

Aktiviti	Jumlah
Bilangan kelulusan penganjuran <i>Continuing Medical Education (CME)</i> di bawah Akta 304 kepada agensi penganjur	434
Bilangan penyebaran maklumat melalui sesi CME di bawah Akta 304	241
Jumlah jam penyebaran maklumat oleh pegawai BKRP melalui program CME	264
Bilangan anggota KKM yang dilatih: i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional ii. Kumpulan Pelaksana	769 106
Bilangan penganjuran program latihan/kursus generik & fungsional pegawai BKRP	375
Bilangan Pusat Latihan yang diiktiraf di bawah Akta 304: i. Perubatan Nuklear ii. Pengamal Perubatan Am ii. Pergigian Orthopantomagram (OPG) dan CBCT iv. Pegawai Perlindungan Sinaran	2 3 2 1
Program Continuing Professional Education (CPE) Teknologi/produk oleh pembekal tempatan dan antarabangsa	9
Bilangan pensijilan sebagai Pegawai Sains Fizik Terlatih di KKM dalam bidang pengujian kawalan kualiti bagi radiografi am dan mesin intra-oral di IPKKM, JKN dan hospital (radiologi)	80

KERJASAMA TEKNIKAL BERSAMA AGENSI DALAM DAN LUAR NEGARA

BKRP sentiasa memastikan tahap kawal selia yang dijalankan adalah selari dengan keperluan semasa terutamanya saranan dari agensi antarabangsa. Antara aktiviti/program kerjasama yang dilaksanakan bagi tahun 2024 seperti dalam **Jadual 6.18**.

Jadual 6.18 Aktiviti Kerjasama Antara Agensi Tahun 2024

Aktiviti	Perkara
Penglibatan dalam mesyuarat lembaga dan mesyuarat penyelarasan aktiviti di bawah Akta 304 bagi tahun semasa	- Mesyuarat Susulan bagi Membincangkan Kertas Kerja Penentuan Pihak Berkuasa Pelesenan Penjualan Bahan Radioaktif oleh Institut Kanser Negara (IKN) - Mesyuarat Lembaga ke-113, ke-114 dan ke-115 - Mesyuarat Penyelarasan dan Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom [<i>Akta 304</i>]
Penyediaan maklum balas nota ikhtisar/input percakapan/ input kerjasama/nota kerjasama bagi hubungan dua hala antara BKRP dengan agensi dalam dan negara luar	11 Maklum balas permohonan ikhtisar dan nota percakapan berhubung kerjasama dua hala dan isu berkaitan kesihatan antara Malaysia dan negara luar telah disediakan. Antara negara yang terlibat adalah Republik Persekutuan Jerman, United Kingdom, Republik Czech, Hungary, Republik Rwanda, Bahrain, Republik Cuba, Republik Sudan, Republik Ethiopia, Belgium dan Perancis.
Pelaksanaan aktiviti dalam Program <i>Nuclear Security</i> berdasarkan perancangan dalam tahun semasa	- Ahli Jawatankuasa Pemandu bagi Pembangunan Program Sekuriti Nuklear Peringkat KKM bagi Penggal 2024-2026 - Ahli Jawatankuasa Kumpulan Teras (<i>Core Team</i>) Pembangunan Program <i>Nuclear Security</i> Peringkat KKM Penggal Ke-2 (2024-2026) - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Program Teknologi Alternatif Peringkat KKM - Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu bagi Pembangunan Program <i>Nuclear Security</i> Peringkat KKM Ke-4 - Lawatan Pemeriksaan Sistem Sekuriti Fizikal di tiga (3) fasiliti perubatan iaitu Hospital Likas, Hospital Pantai Kuala Lumpur dan Institut Perubatan & Pergigian Termaju (IPPT) USM
Aktiviti berkaitan <i>Nuclear Security Culture</i> yang dilaksanakan berdasarkan perancangan tahunan	- Pemantauan Pelaksanaan <i>Plan of Action</i> (POA) dan Laporan <i>Security Culture Enhancement Programme</i> bagi PDN dan Hospital Ampang - Pemantauan POA <i>Establishment Programme</i> bagi Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) UKM, HUSM, Hospital Gleneagles, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah (HWKKS) dan Hospital Tunku Azizah (HTA) - Edaran <i>Guideline on Nuclear Security Culture Programme for Medical Facilities in Malaysia</i> - Lawatan Perkongsian Pengalaman di <i>National Research & Innovation Agency</i>, Tangerang, Indonesia
Aktiviti berkaitan <i>Nuclear Security Physical Protection</i> yang dilaksanakan berdasarkan perancangan tahunan	- Pengurusan pembaharuan kontrak dan kontrak baru bagi lima (5) fasiliti - Penglibatan dalam <i>Office of Radiological Security</i> (ORS) <i>Site Visit</i> di Hospital Pantai Kuala Lumpur - Mesyuarat berkaitan naik taraf pemasangan sistem sekuriti fizikal di dua (2) fasiliti

Aktiviti	Perkara
Penglibatan dalam perancangan, pemantauan dan pelaksanaan <i>Country Programme Framework</i> 2022-2027 berdasarkan pelan perancangan	• Pemantauan cadangan pelaksanaan <i>International Atomic Energy Agency (IAEA) Technical Cooperation (TC) Project</i> MAL 9019 bagi kitaran tahun 2022 • Hebahan dan pengurusan <i>Planning and Design of the IAEA TC Programme</i> 2026-2027 • Urus setia sesi dialog berkaitan program TC di bawah IAEA
Pelaksanaan program kerjasama teknikal berkaitan safety dan security dengan agensi antarabangsa berdasarkan persetujuan	• <i>Safety Expert Mission on Safety Culture Self- Assessment for Senior Management and Regulatory Staff</i> • <i>Security ORS Technical Visit to Hospital Pantai</i> Kuala Lumpur • <i>Malaysia/ORS Alternative Technologies Projects for Blood Irradiation Discussion</i>



Imej 6.28 Lawatan Perkongsian Pengalaman di *National Research & Innovation Agency*, Tangerang, Indonesia

BKRP komited memperkukuh dan memperluas aktiviti keselamatan sinaran perubatan merangkumi aspek keselamatan, kawalan sekuriti dan penggunaan. Tumpuan diberikan kepada kawalan yang berkesan dan cekap terhadap penggunaan IR dalam bidang perubatan bagi menjamin keselamatan pesakit, pekerja dan orang awam melalui pendekatan transformasi, teknologi, inovasi, kualiti dan kelestarian. Aktiviti kawal selia turut dilaksanakan selaras dengan keperluan perkhidmatan seperti digariskan dalam Pelan Strategik KKM.


INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH)

PEJABAT PENGURUS NIH


Pejabat Pengurus NIH bertanggungjawab dalam menguruskan pelaksanaan penyelidikan kesihatan di KKM termasuklah daripada awal perancangan penyelidikan, pengurusan dana

penyelidikan dan penyebaran hasil saintifik penyelidikan. Pejabat Pengurus NIH memainkan peranan yang penting dalam memastikan program penyelidikan kesihatan di KKM berjalan lancar dalam mencapai hasil dan keputusan penyelidikan untuk menyokong pembangunan polisi kesihatan negara.

Unit Pengurusan dan Dana Penyelidikan berperanan dalam memproses permohonan peruntukan penyelidikan daripada penyelidik KKM di mana unit ini bertanggungjawab dalam mengkoordinasikan mesyuarat Panel Penilaian Penyelidikan NIH (JPPNIH) dan Panel Penilaian Geran Penyelidikan KKM. Selain itu, unit ini juga mengurus proses pengagihan dan menjalankan pemantauan peruntukan penyelidikan. Bagi tahun 2024, sejumlah RM26,748,056 telah diagihkan dan 97% telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek mengikut kluster seperti berikut.



Rajah 6.16 Peruntukan Penyelidikan di bawah Peruntukan Pembangunan dan Penyelidikan



Rajah 6.17 Konsultasi dan Latihan

Sektor Etika dan Pengawasan Penyelidikan (SEPP) telah berjaya memproses pendaftaran NMRR bagi 4,111 projek penyelidikan dan memberikan kelulusan etika kepada 2,734 projek penyelidikan pada tahun 2024. Selain itu, sektor ini turut meluluskan pelbagai aspek pasca-kelulusan, termasuk perubahan dalam penyelidikan, pembaharuan kelulusan etika, penamatan projek penyelidikan serta menilai laporan *Serious Adverse Events* (SAE) dan *Protocol Deviation* (PD). SEPP juga telah melaksanakan tinjauan pematuhan terhadap sebelas (11) projek penyelidikan sepanjang tahun 2024. Sebahagian daripada usaha meningkatkan kapasiti penyelidik, SEPP telah menganjurkan NMRR *Submission Workshop* untuk membantu penyelidik dalam proses pendaftaran dan mendapatkan kelulusan etika. Selain itu, SEPP juga telah melatih jawatankuasa etika lain melalui *Network of Ethics Committees in Malaysia* (NERCIM) bagi memperkukuhkan pemahaman dan amalan etika dalam penyelidikan.

Sektor Biostatistik dan Repositori Data (SBDR), dengan kerjasama PIK telah mengambil langkah penting dalam memperkukuhkan tadbir urus data kesihatan di Malaysia dengan membangunkan Garis Panduan Penubuhan dan Pelaksanaan Registri Pesakit di KKM. Dokumen penting ini telah dilancarkan secara rasmi oleh Menteri Kesihatan pada 20 Ogos 2024 sempena Mesyuarat Saintifik MOH-AMM ke-15, menjadikannya kerangka asas dalam memajukan registri pesakit di KKM. Selaras dengan komitmen KKM untuk memperkukuhkan tadbir urus registri dan memacu transformasi data, Jawatankuasa Tadbir Urus Data dan Maklumat Registri telah ditubuhkan di peringkat kementerian. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh TKPK (P&ST) dan memainkan peranan strategik dalam mengawasi operasi penubuhan registri serta tadbir urus data. Inisiatif jawatankuasa ini disokong bersama oleh Pengurus NIH dan Timbalan Pengarah PIK yang bertindak sebagai ketua sekretariat. SBDR, sebagai sebahagian daripada pasukan sekretariat, memainkan peranan penting dalam merealisasikan misi jawatankuasa untuk memupuk amalan data yang kukuh, standard dan berimpak tinggi dalam ekosistem penjagaan kesihatan.

Sektor *Evidence-Based Healthcare* berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan konsultasi berkaitan *systematic reviews*, *meta-analysis*, *evidence maps*, *scoping reviews* dan kajian saintifik yang lain.




Rajah 6.18 Delegasi dan Kolaborasi

Selain itu, Cochrane Malaysia telah meraikan *Cochrane 10th Anniversary Celebration* pada 26 September 2024 di Avante Hotel, Bandar Utama, Selangor. Acara ini dianjurkan oleh Sektor *Evidence-Based Healthcare* bersama Cochrane Malaysia. Sambutan ini menjadi kenangan istimewa dengan kehadiran Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia, Dato' Lukanisman bin Awang Sauni, Puan Catherine Spencer, CEO Global Cochrane dan H.E. Orla Tunney, Duta Ireland. Program ini juga mempamerkan perkembangan terkini Cochrane Malaysia serta penggunaan bukti penyelidikan berimpak tinggi, selaras dengan penerbitan dalam Cochrane Library.




Imej 6.29 Cochrane 10th Anniversary Celebration

Unit Kolaborasi dan Inovasi (UKI) bertanggungjawab dalam menyelaraskan rangkaian strategik dan membantu menguruskan inisiatif kerjasama antara agensi, institusi dan badan inovasi di peringkat nasional dan antarabangsa. UKI turut mewakili NIH sebagai salah satu *focus groups Intergovernmental Negotiating Body* (INB) dalam rundingan Perjanjian Pandemik.



Rajah 6.19 Kelulusan Pembentangan dan Penerbitan Saintifik KKM Tahun 2024

Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (SSMP) atau Perpustakaan NIH menyokong aktiviti penyelidikan NIH dengan menyediakan sumber rujukan yang diperlukan oleh warga penyelidik NIH. Bagi memenuhi keperluan maklumat warga NIH, sepanjang tahun 2024, SSMP telah melanggan tiga (3) pangkalan data e-Jurnal dan tiga (3) pangkalan data rujukan. Selain itu, SSMP juga menganjurkan aktiviti pemantapan rujukan penyelidikan yang telah dilaksanakan kepada warga penyelidik dalam membantu penggunaan alat penyelidikan dan pangkalan data e-jurnal.



Rajah 6.20 Jumlah Langganan Pangkalan Data dan e-Jurnal NIH Tahun 2024

INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR)

IMR menjalankan penyelidikan biomedikal, ujian diagnostik khas, konsultasi, latihan dan aktiviti pemindahan teknologi. IMR menyediakan perkhidmatan makmal untuk diagnostik khas dan imunologi transplan. Antara aktiviti antarabangsa yang diteruskan ialah penyelidikan kolaboratif untuk rawatan bagi penyakit terabai dan memberi latihan makmal bagi peserta dari negara Asia Tenggara dalam bidang mikrobiologi perubatan, parasitologi dan entomologi melalui rangkaian *Southeast Asia Ministers of Education Organisation* (SEAMEO). IMR terdiri daripada lapan (8) pusat iaitu:

- i. Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit (IDRC)
- ii. Pusat Penyelidikan Alergi & Imunologi (AIRC)
- iii. Pusat Penyelidikan Kanser (CaRC)
- iv. Pusat Penyelidikan Kesihatan Alam Sekitar (EHRC)
- v. Pusat Penyelidikan Perubatan Herba (HMRC)
- vi. Pusat Penyelidikan Pemakanan, Metabolisme & Kardiovaskular (NMCRC)
- vii. Pusat Diagnostik Khas (SDC)
- viii. Pusat Sumber Khas (SRC)

INISIATIF MYGENOM: PENUBUHAN GENOM RUJUKAN BAGI *PRECISION MEDICINE* DI MALAYSIA

Inisiatif MyGENOM menandakan usaha fasa pertama genomik populasi peringkat nasional untuk Malaysia. Kolaborasi antara KKM dan MOSTI ini bertujuan untuk menghasilkan penjujukan bagi 10,000 genom dan mewujudkan rujukan genom yang mewakili rakyat Malaysia. Pada masa ini, Inisiatif MyGENOM memberi tumpuan kepada pengambilan peserta rakyat Malaysia yang sihat di seluruh Malaysia dan aktiviti pengambilan peserta dipimpin oleh Institut Kesihatan Negara (NIH). Sejak pelancaran pada Ogos 2024, lebih daripada 1,800 peserta telah menyertai kajian

ini dari beberapa lokasi di Semenanjung Malaysia, termasuk Pusat Darah Negara (PDN) dan hospital di Johor, Pulau Pinang dan Perak. Peserta MyGENOM menyumbangkan sampel darah, melengkapkan soal selidik, menjalani penilaian fizikal, ritma jantung dan kognitif. Sampel darah yang dikutip telah diproses di bawah protokol *biobanking* yang ketat dan penjujukan akan dijalankan oleh Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI), MOSTI.

Selaras dengan komitmen terhadap keterangkuman, IMR merancang untuk memperluas pengambilan peserta pada tahun 2025 ke beberapa lokasi tambahan dengan tumpuan kepada komuniti yang kurang diwakili seperti Bumiputera Sarawak, Bumiputera Sabah dan Orang Asli.



Imej 6.30 Pasukan Perekrutan MyGENOM NIH



Imej 6.31 Mesyuarat Kolaborator MyGENOM NIH-Klinikal



Imej 6.32 Perekrutan di Pelbagai Lokasi Tahun 2024



SEAMEO TROPED MALAYSIA

SEAMEO TROPED Malaysia terus mempromosikan pendidikan, penyelidikan dan pembangunan modal insan dalam perubatan tropika di seluruh Asia Tenggara. Sebagai Pusat Serantau SEAMEO TROPED untuk Mikrobiologi, Parasitologi dan Entomologi, IMR telah menerima beberapa lawatan daripada beberapa pegawai tinggi SEAMEO. Pada bulan Februari, IMR menerima kunjungan delegasi kehormat termasuk Naib Presiden Republik Filipina, Menteri Pendidikan Malaysia dan Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia. Pada bulan Disember, IMR menganjurkan bengkel *Clinical and Laboratory Diagnosis of Emerging Fungal Infections*. IMR juga telah berjaya melaksanakan *53rd Postgraduate Diploma in Applied Parasitology and Entomology (DAP&E)* dan *45th Postgraduate Diploma in Medical Microbiology (DMM)*.



Imej 6.33 Aktiviti Pembelajaran Pelajar



Imej 6.34 Bengkel *Clinical and Laboratory Diagnosis of Emerging Fungal Infection* dirasmikan oleh Setiausaha Agung Rangkaian SEAMEO TROPED bersama Pengerusi Suruhanjaya Pendidikan Tinggi Filipina



Imej 6.35 Lawatan Rasmi Naib Presiden Republik Filipina dan Delegasi

PROGRAM DENGUE ALLIANCE

Dengue Alliance ditubuhkan pada tahun 2022, menyatukan institusi dari negara yang terjejas oleh denggi untuk membangunkan rawatan mampu milik, termasuk terapi antivirus dan terapi berasaskan hos. Ahli *Dengue Alliance* termasuk KKM, *Drugs for Neglected Diseases Initiative* (DNDi), Switzerland, *Faculty of Medicine Siriraj Hospital, Mahidol University, Thailand*, *Oswald Cruz Foundation (Fiocruz)*, Brazil, *Translational Health Science and Technology Institute (THSTI)*, India dan *Universidade Federal de Minas Gerais (UFMG)*, Brazil. Mesyuarat tahunan diadakan untuk menilai kemajuan dan merancang strategi penyelidikan dan pembangunan

(R&D). Mesyuarat *Joint-Steering Committee* yang ketiga telah berlangsung di NIH pada Mac 2024 yang memfokuskan kepada kemajuan penyelidikan praklinikal dan klinikal. Penyelidikan praklinikal memberi tumpuan kepada penggunaan semula ubat, dengan kajian *in vitro* dan *in vivo* menggunakan isolat virus denggi tempatan. IMR telah menyaring sebelas (11) ubat dan menyenarai pendek obeldesivir dan niclosamide untuk kajian lanjut dalam model tikus denggi. Usaha juga ditumpukan kepada penemuan biopenanda dan penambahbaikan diagnostik. Mesyuarat kumpulan kerja biopenanda yang dipengerusikan oleh DNDi pada tahun 2024 telah mengenal pasti biopenanda untuk terapi berasaskan hos.



Imej 6.36 *Dengue Alliance* dan Mesyuarat *Joint-Steering Committee* Tahun 2024



Imej 6.37 Pengumuman Rasmi *Dengue Alliance* pada Hari Peningkatan Kesedaran Penyelidikan Denggi

WOLBACHIA MALAYSIA

Projek penyelidikan *Wolbachia* Malaysia bermula pada tahun 2016 dengan kerjasama *University of Glasgow* dan *University of Melbourne*, dibiayai oleh *Wellcome Trust* (UK). Projek ini bertujuan untuk memerangi kes denggi di Malaysia dengan menggunakan kaedah inovatif iaitu strategi penggantian dengan pelepasan nyamuk ber*Wolbachia* di kawasan *hotspot* denggi. Kejayaan projek penyelidikan *Wolbachia* dalam mengurangkan kes denggi di tujuh (7) lokality penyelidikan telah memberi impak yang signifikan kepada BKP. Kejayaan projek ini telah membawa kepada penerapan strategi pelepasan nyamuk ber*Wolbachia* untuk mengawal kes denggi di Malaysia. Sehingga tahun 2024, terdapat sebelas (11) lokality kajian di bawah pemantauan IMR dan 36 lokality operasi dengan empat (4) kohort di bawah pelaksanaan BKP. Aktiviti-aktiviti ini meliputi sembilan (9) negeri di Malaysia termasuk WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pulau Pinang, Pahang dan Kelantan.

Makmal *Wolbachia* yang terletak di Unit Entomologi Perubatan, IMR Jalan Pahang, berfungsi sebagai hab berskala besar pengkolonian nyamuk ber*Wolbachia*. Makmal ini membekalkan nyamuk untuk aktiviti kawalan denggi di seluruh Malaysia. Makmal *Wolbachia* juga memberikan latihan kepada penyelidik dari Paraguay, Burkina Faso dan Arab Saudi. Selain itu, penyelidik dari pelbagai negara seperti Taiwan, Thailand, Korea Selatan dan Arab Saudi telah melawat fasiliti dan Makmal *Wolbachia* dan telah memohon untuk mengadakan kerjasama berkaitan *Wolbachia*. Makmal *Wolbachia* juga sering dijemput sebagai pempamer di program dan seminar kesihatan awam.



Imej 6.38 Pelepasan Nyamuk Ber*Wolbachia* bersama dengan Komuniti di AU2 Keramat



Imej 6.39 Lawatan Lapangan Peringkat Tertinggi Delegasi AUDA-NEPAD of the Africa IVM Platform-Optimal Deployment of *Wolbachia* for Dengue Control

SAMBUTAN HARI PENYAKIT JARANG JUMPA 2024

KKM mentakrifkan penyakit jarang jumpa sebagai keadaan yang jarang berlaku (<1 dalam 4,000) dan boleh mengancam nyawa dan/atau menyebabkan ketidakupayaan kronik. Sambutan Hari Penyakit Jarang Jumpa telah diadakan pada 29 Februari 2024 dengan bertemakan *Share Your Rare, Show Your Care* dan telah dirasmikan oleh TKPK (P&ST).

Sambutan tahun ini yang menyasarkan pekerja kesihatan di KKM dan warga akademik di universiti tempatan sekitar Lembah Klang bertujuan untuk memberikan kesedaran berkaitan dengan penyakit jarang jumpa. Sambutan turut dimeriahkan dengan kehadiran wakil daripada persatuan sokongan pesakit. Pelbagai acara telah diadakan termasuklah pertandingan video kreatif, forum kesedaran serta persembahan sketsa mengenai peranan IMR sebagai pusat rujukan dan penyelidikan penyakit jarang jumpa.



Imej 6.40 Sambutan Hari Penyakit Jarang Jumpa Tahun 2024

SAMBUTAN HARI KESEDARAN KANSER MULUT TAHUN 2024

CaRC dengan kerjasama Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Selangor serta Negeri Sembilan telah menganjurkan sambutan Hari Kesedaran Kanser Mulut pada 27 Februari 2024 bersempena Bulan Kesedaran Kanser Mulut.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kanser mulut dan menggalakkan amalan pemeriksaan mulut sendiri, selari dengan inisiatif Pelan Strategik Kesihatan Pergigian Kebangsaan (NOHSP) 2022-2030. Ceramah berkenaan *Oral Potentially Malignant Disorders* (OPMDs), kaedah rawatan kanser mulut dan forum yang menampilkan pemandiri kanser bersama suaminya yang berkongsi cabaran dan pengalaman mereka ketika menjalani rawatan, melalui proses pemulihan dan menangani penyakit tersebut. Selain itu, terdapat juga pameran berkaitan kanser mulut dan kesihatan pergigian yang disediakan oleh pasukan kesihatan pergigian negeri Selangor serta saringan kanser mulut percuma dan rawatan pergigian asas yang dijalankan oleh pasukan kesihatan pergigian Negeri Sembilan.



Imej 6.41 Sambutan Hari Kesedaran Kanser Mulut Tahun 2024

INSTITUT KESIHATAN UMUM (IKU)

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU TINJAUAN KEBANGSAAN KESIHATAN DAN MORBIDITI (NHMS) TAHUN 2024

Jawatankuasa Pemandu Tinjaun Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) telah bersidang pada 15 April 2024, dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Agenda mesyuarat tersebut termasuk pembentangan dan perbincangan hasil dapatan daripada NHMS 2023 : Penyakit Tidak Berjangkit dan Permintaan Jagaan Kesihatan dan *Global Adult Tobacco*

Survey (GATS) Malaysia 2023 dan Prevalens Sindrom Metabolik dan Penyakit Hati Berlemak Berkaitan Disfungsi Metabolisma di Malaysia 2023, dan Tinjauan Literasi Kesihatan Malaysia (MHLS) 2023. Jawatankuasa juga menilai skop NHMS 2024, yang memfokus kepada tinjauan pemakanan. Selain itu, skop kajian kecil yang dijalankan bersama NHMS 2024, termasuk Tinjauan Prevalens Penyakit Ginjal Kronik dalam kalangan dewasa di Malaysia pada 2024 (MyCKD 2024) dan *Malaysian Community Salt Study* (MyCoSS 2.0) juga dibentangkan.



Imej 6.42 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NHMS Tahun 2024

MAJLIS PELANCARAN HASIL DAPATAN TINJAUAN KESIHATAN DAN MORBIDITI NASIONAL (NHMS) 2023: PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT (NCD) DAN PERMINTAAN JAGAAN KESIHATAN (HCD) DAN GLOBAL ADULT TOBACCO SURVEY (GATS) MALAYSIA 2023

Pada 16 Mei 2024, Menteri Kesihatan Malaysia telah melancarkan dapatan NHMS 2023 dan GATS 2023 di IPKKM. Pengumpulan data bagi NHMS 2023 telah dijalankan dari Julai hingga September 2023, melibatkan 499 blok penghitungan dan 5,553 tempat tinggal. Kadar respons keseluruhan bagi pengumpulan data di lapangan bagi NHMS 2023 ialah 83.20%, dengan 5,006 (90.10%) tempat tinggal berjaya dilawat dan 13,616 (92.10%) individu mengambil bahagian dalam tinjauan ini.

Objektif tinjauan NHMS adalah untuk menilai status kesihatan semasa dalam kalangan populasi dewasa di Malaysia, dengan dapatan yang menyumbang kepada pemantauan antarabangsa yang digariskan oleh WHO di bawah indikator SDG dan UHC serta sasaran negara seperti *National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases* (NSP-NCD) 2016-2025. Dapatan tinjauan telah diterbitkan dalam laman web IKU (<https://iku.moh.gov.my/>).

Pada majlis yang sama, penemuan tinjauan GATS Malaysia 2023 telah dilancarkan. GATS merupakan kajian kerjasama dengan U.S. *Centers for Disease Control and Prevention* (CDC) and WHO. GATS Malaysia 2023 merangkumi topik mengenai penggunaan tembakau (rokok, tembakau tanpa asap dan produk tembakau yang dipanaskan), penggunaan rokok elektronik, berhenti merokok, asap rokok pasif, ekonomi, media, pengetahuan, sikap dan persepsi terhadap penggunaan tembakau.

Pengumpulan data telah dijalankan oleh IKU dari bulan Jun-Julai 2023. Sebanyak 5,780 isi rumah telah ditinjau dan satu (1) individu dipilih secara rawak daripada setiap isi rumah yang menyertai tinjauan ini. Peranti mudah alih telah digunakan untuk tujuan pengumpulan data di lapangan. Sebanyak 4,269 temubual individu berjaya diselesaikan, memberikan kadar respons keseluruhan sebanyak 81.50%.



Imej 6.43 Majlis Pelancaran NHMS 2023 dan GATS Malaysia 2023

SEMINAR NHMS 2023: NCD & HCD DAN GATS MALAYSIA 2023

Pada 26-28 Jun 2024, IKU telah menganjurkan seminar untuk membentangkan hasil dapatan NHMS 2023 dan GATS Malaysia 2023. Seminar ini telah menghimpunkan pemegang taruh utama dari KKM dan JKN. Objektif utama seminar ini adalah untuk berkongsi dan membincangkan hasil dapatan daripada dua (2) tinjauan ini, dengan fokus kepada status NCD, faktor risiko, permintaan jagaan kesihatan dan pola penggunaan tembakau dalam Malaysia.



Imej 6.44 Seminar NHMS 2023 dan GATS Malaysia 2023

PELANCARAN DAPATAN TINJAUAN KESIHATAN ORANG ASLI (OAHS) 2022

Pada 28 Oktober 2024, Menteri Kesihatan telah merasmikan dapatan OAHS 2022 di Bangunan Parlimen. Tinjauan kesihatan ini merupakan yang pertama seumpamanya, dilaksanakan secara menyeluruh dalam kalangan masyarakat Orang Asli oleh IKU. Objektif utama tinjauan ini adalah untuk memperoleh data yang komprehensif dan berasaskan bukti mengenai isu kesihatan yang penting dalam masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Pengumpulan data bagi tinjauan ini telah dijalankan dari Julai-September 2022, melibatkan 68 kampung Orang Asli yang dipilih secara rawak. Sebanyak 15,950 individu Orang Asli, yang terdiri daripada tiga (3) etnik utama meliputi pelbagai peringkat umur iaitu Senoi, Melayu Proto dan Negroito.



Imej 6.45 Majlis Pelancaran Dapatan OAHS 2022

FILARIASIS LIMFATIK ZOOTIK: KAJIAN KLUSTER RAWAK KEBERKESANAN INTERVENSI VETERINAR (VI) UNTUK PROGRAM ELIMINASI FILARIASIS LIMFATIK KEBANGSAAN DI SABAH (SABAH-VI)

Filariasis limfatik (LF) adalah penyakit tropika yang terabai dan telah menjadi kebimbangan kesihatan awam yang signifikan, terutamanya di Sabah. Penyakit ini disebabkan oleh cacing filaria *Brugia malayi*, yang disebarkan kepada manusia melalui vektor nyamuk. Cacing filaria dewasa akan kekal dalam sistem limfa selama 6-8 tahun selepas jangkitan, menyebabkan keradangan dan penyumbatan saluran limfa. Standard amalan semasa untuk penghapusan LF melibatkan pemberian dos berdasarkan berat badan bagi regimen dos tiga-dalam-satu IDA (Ivermectin, Diethylcarbamazine dan Albendazole) melalui pemberian ubat secara besar-besaran (MDA) dalam komuniti Unit Pelaksanaan (IUS) berisiko tinggi. Penggabungan MDA dalam kalangan manusia dan VI berpotensi untuk mengawal penyebaran LF dalam komuniti, terutamanya di kawasan yang terdedah kepada jangkitan limfatik filariasis zoonotik. Oleh itu, satu kolaborasi projek penyelidikan *One Health* telah dijalankan dengan penglibatan beberapa agensi untuk meneroka potensi dan impak VI dalam mengurangkan kadar jangkitan limfatik filariasis zoonotik di kawasan jangkitan yang masih berterusan.

Projek SABAH-VI adalah kajian eksperimen kuasi yang melibatkan dua (2) kumpulan iaitu intervensi veterinar (VI) dan tanpa intervensi veterinar (NVI). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan intervensi veterinar dengan merawat haiwan dalam kumpulan tersebut sekali seminggu selama enam minggu, serentak dengan program MDA. Kajian ini akan menentukan prevalens *Brugia malayi* dalam manusia, haiwan dan nyamuk sebelum dan selepas pelaksanaan MDA di kedua-dua kumpulan intervensi dan tanpa intervensi. Rawatan haiwan selanjutnya bagi kumpulan NVI akan diberikan semasa tempoh peralihan pada bulan ke-12 (T12). Adalah dijangkakan bahawa intervensi haiwan dalam komuniti ini akan memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang *transmission dynamic* LF di kawasan endemik, yang akan memberi manfaat dalam kawalan LF. Adalah dijangkakan bahawa kitaran penyebaran cacing filaria dalam komuniti akan terganggu, sekali gus mengurangkan beban penyakit LF dengan mensasarkan *reservoir* haiwan.

Kajian ini dijalankan dengan kerjasama beberapa agensi IKU, IMR, BKP, Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan Kota Kinabalu, Makmal Kesihatan Awam Kota Bharu, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Jabatan Sains Perubatan dan Kesihatan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Jabatan Parasitologi dan Entomologi Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini dibiayai oleh *Bill and Melinda Gates Foundation*.



Imej 6.46 Aktiviti Pengumpulan Larva Nyamuk dan Aktiviti Menangkap Haiwan seperti Kucing dan Anjing bagi Tujuan Pensampelan Darah

NHMS 2024: PEMAKANAN

Aktiviti pengumpulan data untuk NHMS 2024: Pemakanan telah dirasmikan pada 22 Julai 2024, yang dilancarkan oleh TKPK (P&ST) di Port Dickson. Penemuan daripada tinjauan NHMS 2024 dijangka kritikal dalam membentuk dasar untuk memerangi beban berganda kekurangan zat makanan dan menjelaskan tabiat pemakanan rakyat Malaysia yang menyumbang kepada faktor risiko dan NCD.



Imej 6.47 Majlis Pelancaran Aktiviti Pengumpulan Data NHMS 2024




Imej 6.48 Lawatan Aktiviti Pengumpulan Data NHMS oleh Timbalan Menteri Kesihatan di Miri


INSTITUT PENYELIDIKAN KLINIKAL (ICR)

ICR komited untuk memajukan bidang kesihatan melalui penyelidikan klinikal berkualiti tinggi. Sepanjang tahun 2024, ICR terus memainkan peranan penting dalam menghasilkan pengetahuan perubatan berasaskan bukti untuk membentuk dasar dan amalan kesihatan.

Bilangan penerbitan ICR menurun selepas tahun 2021 tetapi kekal stabil pada tahun-tahun berikutnya. Bilangan penerbitan yang tinggi pada tahun 2020 dan 2021 sebahagian besarnya adalah hasil penyelidikan yang berkaitan dengan COVID-19. Pada tahun 2024, ICR telah menerbitkan sebanyak 133 manuskrip, di mana 104 (78.2%) adalah penerbitan antarabangsa, justeru ini menggambarkan jangkauan global institut yang berterusan. Sebanyak 824 projek penyelidikan telah dijalankan pada tahun 2024 oleh ICR dan Rangkaian Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) di seluruh Malaysia, menunjukkan usaha besar dalam memajukan pengetahuan perubatan. Ini termasuk 519 projek *Investigator-Initiated Research* (IIR) dan 305 projek *Industry-Sponsored Research* (ISR) termasuk Percubaan Klinikal Fasa 1 yang mencerminkan pelbagai usaha kerjasama antara KKM, bukan KKM dan institusi antarabangsa.



Rajah 6.21 Trend Penerbitan Tahun 2020-2024



Rajah 6.22 Trend Projek Penyelidikan Tahun 2020-2024

MEMPERKUKUH EKOSISTEM PENYELIDIKAN KLINIKAL MALAYSIA

Pada bulan November 2023, semasa WHO *Global Clinical Trial Forum* yang pertama di Geneva, satu visi telah dirancang untuk memperkukuh keupayaan penyelidikan klinikal global selaras dengan resolusi Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA75.8). Berdasarkan momentum ini, ICR dengan kerjasama WHO *Western Pacific Regional Office* (WPRO), telah menganjurkan bengkel pada 30 September 2024 bertajuk *National Clinical Trial Ecosystem in Malaysia*.

Matlamat utama bengkel ini adalah untuk mengenal pasti cabaran utama dalam ekosistem penyelidikan klinikal di Malaysia dan merangka tindakan berkeutamaan untuk mengatasinya dengan sokongan daripada WPRO. Bengkel ini merupakan susulan mesyuarat perundingan pakar yang diadakan pada Mac 2024 yang memberi tumpuan kepada pelaksanaan WHA75.8 di rantau ini.

Bengkel berkenaan telah menghimpunkan 35 peserta yang mewakili pemegang taruh utama dalam ekosistem penyelidikan klinikal Malaysia, termasuk pakar klinikal, penyelidik serta wakil daripada pelbagai entiti awam dan swasta seperti IMR, Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan (MREC), Agensi Regulatori Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA), Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), *Clinical Research Malaysia* (CRM), *Cancer Research Malaysia* (CRM), DNDi and *Third World Network*. Para peserta berkongsi perspektif serta pengalaman mereka yang berharga, mewujudkan dialog dinamik yang bertujuan mengenal pasti keutamaan tindakan untuk memperkukuh ekosistem penyelidikan klinikal di Malaysia. Perbincangan memberi penekanan kepada usaha menangani cabaran kesihatan tempatan sambil memperkukuh keupayaan negara dalam menyelesaikan masalah secara inovatif.



Imej 6.49 Bengkel *National Clinical Trial Ecosystem in Malaysia*

MESYUARAT SAINTIFIK KE-15 KEMENTERIAN KESIHATAN – AKADEMI PERUBATAN MALAYSIA (MOH-AMM) SEMPENA PERSIDANGAN SAINTIFIK INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH) KE-25 2024

Mesyuarat Saintifik ke-15 MOH-AMM sempena dengan Persidangan Saintifik NIH ke-25 2024 telah diadakan pada 20-22 Ogos 2024 di Kompleks NIH, Setia Alam, Selangor. Bertemakan *Navigating the Future: Synergizing Evidence for Sustainable Health Systems*, mesyuarat saintifik ini menekankan keperluan untuk mengintegrasikan amalan berasaskan bukti dalam membangunkan sistem kesihatan yang kukuh. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh

Menteri Kesihatan, dengan kehadiran 660 peserta dari pelbagai latar belakang. Sebanyak 26 penceramah dan panel telah berkongsi pengetahuan serta pandangan mereka mengenai pembiayaan kesihatan, reformasi sistem kesihatan, dan pembangunan tenaga kerja kesihatan melalui lima (5) sesi pleno dan enam (6) simposium. Sempena acara tersebut turut dilancarkan dua (2) garis panduan kebangsaan, iaitu *National Guidance on Advance Care Planning* dan *Guidelines on Patient Registry Establishment and Implementation in Ministry of Health Malaysia*.



Imej 6.50 Ucapnama Mesyuarat Saintifik ke-15 MOH-AMM oleh Menteri Kesihatan

NIH AI DAY 2024

NIH AI Day 2024 yang pertama telah dilancarkan pada 21 Oktober 2024 di Kompleks NIH. Program strategik ini telah menghimpunkan para penyelidik dan pakar teknologi dengan tema *Embracing AI for A Better Future*. Objektif pelaksanaan adalah untuk mewujudkan platform pertukaran pengetahuan dan inovasi dalam teknologi penjagaan kesihatan, serta membentuk perkongsian strategik antara sektor penjagaan kesihatan awam dan peneraju industri.

Program sepanjang hari ini merangkumi enam (6) pembentangan teknikal oleh pakar industri. Intel Malaysia memulakan sesi dengan pembentangan mengenai asas AI dalam kesihatan, diikuti oleh Vidanex yang membentangkan aplikasi dalam bidang patologi. Qmed Asia seterusnya membentangkan penyelesaian penjagaan kesihatan termaju manakala CelcomDigi membentangkan teknologi pembedahan berbantu AI berketepatan tinggi menggunakan Holomedicine®. Awantec membentangkan aplikasi Gemini (Gen AI) dalam persekitaran kerja digital dan Microsoft mengakhiri sesi dengan pembentangan mengenai integrasi Copilot dan transformasi sistem penjagaan kesihatan awam.

Lapan (8) syarikat teknologi terkemuka seperti Intel, Microsoft, Vidanex, Qmed Asia, Awantec, TM One Malaysia, eCloud Security dan CelcomDigi Berhad turut mempamerkan inovasi terkini dalam AI untuk penjagaan kesihatan. Program ini telah mencatatkan kehadiran sebanyak 364 peserta.



Imej 6.51 NIH AI Day 2024

BENGKEL KEPIMPINAN DAN PERANCANGAN STRATEGIK ICR

Pada 4-6 Julai 2024, Unit Tadbir Urus dan Pengurusan Strategik (SIGMA) telah menganjurkan Bengkel Kepimpinan dan Perancangan Strategik di Kuala Lumpur. Bengkel ini menghimpunkan semua ketua CRC untuk memperkukuhkan Rangkaian CRC. Objektif utamanya adalah merangka pelan strategik bagi memajukan *Investigator-Initiated Research/Trials* (IIR/IIT), menyokong penyelidikan yang ditaja oleh industri ISR serta membina kapasiti penyelidikan klinikal pada masa hadapan.

Aktiviti utama bengkel ini adalah Sesi Dialog bersama Menteri Kesihatan yang menekankan peranan penting penyelidik klinikal sebagai asas kepada perubatan berasaskan bukti. Sesi ini menyerlahkan sumbangan penting penyelidik klinikal dalam menghasilkan bukti saintifik berkualiti tinggi bagi meningkatkan hasil rawatan pesakit dan memperkukuh penyampaian penjagaan kesihatan secara keseluruhan.



Imej 6.52 Bengkel Kepimpinan dan Perancangan Strategik ICR

KOLABORASI PROJEK PENYELIDIKAN DI ANTARA ICR DAN TOY EIGHT BAGI MENGESAHKAN KEBERKESANAN ALAT SARINGAN KELEWATAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK (DADOC-TOY8)

Pada Februari 2024, para penyelidik daripada ICR memulakan projek penyelidikan secara kerjasama dengan TOY EIGHT, syarikat pendidikan Jepun yang berpusat di Malaysia, bagi mengesahkan alat saringan untuk kelewatan perkembangan kanak-kanak berusia antara 3-5 tahun yang dikenali sebagai alat saringan TOY8. Pengesanan awal kanak-kanak yang mengalami cabaran perkembangan membolehkan intervensi yang bersasar dan segera untuk mengatasi masalah tumbesaran tersebut. Pada masa ini, tiada alat saringan tempatan yang tersedia bagi menyaring kadar tumbesaran kanak-kanak di peringkat komuniti.

Case-Control Accuracy Study for Developmental Delay among 3–5-year-old children: TOY8 Digital Developmental Screening Tool (DADOC-TOY8) dijangka dapat menunjukkan ketepatan alat saringan TOY8 dari sudut kognitif, motor halus, pertuturan dan bahasa, tingkah laku peribadi dan adaptif serta motor kasar dalam populasi kanak-kanak di Malaysia. Sebanyak 128 kanak-kanak telah menyertai kajian penyelidikan ini.



Imej 6.53 Mesyuarat *Kick-off* DADOC-TOY8 dan TOY8 *Digital Screening Tool*

KEM PENYELIDIKAN 2024

Sebanyak tiga (3) kem penyelidikan telah dianjurkan pada tahun 2024 dengan matlamat untuk memperluaskan pengetahuan dalam penyelidikan klinikal, memperkukuh komuniti penyelidikan dan meningkatkan kapasiti bagi penyelidikan berkualiti dalam KKM. Kem Penyelidikan Wilayah Utara dianjurkan bersama oleh CRC Hospital Seberang Jaya dan CRC Hospital Pulau Pinang. Sementara itu, Kem Penyelidikan Sabah dianjurkan oleh CRC Hospital Queen Elizabeth II hasil kolaborasi dengan Persatuan Penyelidikan Klinikal Hospital Queen Elizabeth II. Kem Penyelidikan ICR pula dianjurkan oleh Pusat Koordinasi Rangkaian Penyelidikan Klinikal (CCRN). Kem ini merangkumi sesi praktikal yang dikendalikan oleh pakar klinikal dan penyelidik berpengalaman, dengan fokus kepada pembangunan cadangan projek penyelidikan dan penulisan manuskrip. Peserta juga dibimbing dalam merangka cadangan penyelidikan berkualiti, merancang reka bentuk kajian dan analisa statistik serta memperhalusi manuskrip.

Seramai 74 peserta telah menghadiri kem ini. 25 peserta di Kem Penyelidikan Wilayah Utara, 26 peserta di Kem Penyelidikan Sabah dan 23 peserta di Kem Penyelidikan ICR. Sebanyak 20 fasilitator juga telah terlibat dalam semua kem yang dijalankan. Kem Penyelidikan Wilayah Utara dan Sabah memberi tumpuan kepada pembangunan cadangan projek penyelidikan, manakala Kem Penyelidikan ICR dikhususkan untuk penulisan manuskrip.



Kem Penyelidikan Wilayah Utara



Kem Penyelidikan Sabah



Kem Penyelidikan ICR


Imej 6.54 Kem Penyelidikan Tahun 2024

INSTITUT PENYELIDIKAN SISTEM KESIHATAN (IHSR)

IHSR komited untuk mengukuhkan perkhidmatan kesihatan di Malaysia melalui penyelidikan dan pembangunan dasar. Fokus utamanya ialah menganalisis sistem kesihatan untuk meningkatkan kecekapan, akses yang saksama dan menghasilkan kajian berasaskan bukti untuk memaklumkan dasar kesihatan dan pembangunan strategi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan. IHSR juga menilai ekonomi intervensi kesihatan bagi mengoptimumkan sumber dan memastikan keberkesanan kos.

PUSAT PENYELIDIKAN HASIL KESIHATAN (CHOR)


CHOR menerajui simulasi dan pemodelan sistem kesihatan untuk memperbaiki proses membuat keputusan dan meramalkan hasil bagi proses kesihatan yang kompleks. Projek utama termasuk Projek SimuCervS, yang membangunkan model dinamik untuk mengoptimumkan peralihan Malaysia daripada *pap smear* kepada ujian *Human Papillomavirus* (HPV) bagi program saringan kanser serviks, selaras menyokong strategi penghapusan WHO. Ini telah menghasilkan cadangan dasar mengenai kekerapan saringan dan penggunaan ujian HPV. Projek MyLTC yang sedang berlangsung melakukan simulasi keperluan penjagaan jangka panjang untuk meningkatkan kesejahteraan warga tua. CHOR juga memajukan kajian *grey literature* dengan menggunakan AI untuk meningkatkan alat automasi dalam membuat keputusan dasar kesihatan melalui Projek *AutoGrey*. Selain itu, pusat ini menggunakan analisis data besar dalam kajian *Exploring Avoidable Hospitalisations and Their Contributing Factors in Malaysia*, dengan mengintegrasikan pelbagai set data untuk meningkatkan pemahaman dan memperbaiki sistem kesihatan.



Rajah 6.23 Subseksyen *Stock-Flow Diagram* yang Mewakili Program Vaksinasi HPV

PUSAT PENYELIDIKAN EKUITI KESIHATAN (CHER)

CHER mempromosikan ekuiti kesihatan melalui penyelidikan yang bertujuan mengenal pasti dan menangani jurang dalam akses dan hasil penjagaan kesihatan. Antara usaha penyelidikannya yang terkini, CHER memanfaatkan GIS untuk mengkaji ketersediaan dan kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan. Dengan menggunakan analisis spatial dan geospatial untuk menghasilkan peta terperinci serta analisis jarak, alat ini membolehkan penilaian menyeluruh terhadap rangkaian kemudahan kesihatan, corak taburan dan kawasan kerentanan. CHER telah melaksanakan projek seperti *Situational Analysis of MOH Hospital Emergency Departments (ED)* di Malaysia dan *Geospatial Accessibility to Surrounding Healthcare Facilities*, yang menunjukkan keupayaannya untuk mengintegrasikan data spatial untuk penerapan.



Rajah 6.24 Overlay Analysis Pengagihan Klinik PeKA B40 dan Ciri-Ciri Populasi untuk Mengetahui Kawasan Rentan

PUSAT PENYELIDIKAN KUALITI KESIHATAN (CHQR)

CHQR berperanan untuk menambahbaik kualiti penjagaan kesihatan di Malaysia dengan menjalankan penyelidikan, latihan dan konsultasi dalam bidang berkaitan kualiti penjagaan kesihatan. Pada tahun 2024, yang merupakan tahun ketiga pelaksanaan Dasar Kualiti Penjagaan Kesihatan Kebangsaan (NPQH), beberapa inisiatif baharu telah dijalankan sejajar dengan pelaksanaan polisi NPQH. Satu platform atas talian - Q Hub - yang berperanan sebagai pusat pengumpulan sumber rujukan berkaitan inisiatif penambahbaikan kualiti telah dibangunkan. CHQR juga telah memulakan langkah asas untuk membangunkan kerangka kompetensi pegawai kualiti dengan menerajui usaha untuk menyeragamkan deskripsi tugas pegawai kualiti di pelbagai peringkat dan program dalam KKM. CHQR juga telah berjaya dalam penganjuran bersama Konvensyen QA Kebangsaan, yang dihadiri 700 delegasi dan lebih 200 pembentangan projek penambahbaikan kualiti.



Imej 6.55 Konvensyen QA Kebangsaan ke-12



Imej 6.56 Pelancaran QHub oleh KP Kesihatan

PUSAT PENYELIDIKAN PERKHIDMATAN KESIHATAN (CHSR)

CHSR menyokong usaha kebangsaan untuk memperkukuh sistem kesihatan dengan menangani jurang dalam penyampaian perkhidmatan dan menyumbang kepada penggubalan dasar bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Kepakaran pusat ini adalah menterjemah bukti kepada penambahbaikan yang boleh dilaksanakan, dengan memberi tumpuan kepada integrasi perkhidmatan, laluan penjagaan dan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang penting. Aspek utama kerja pusat ini ialah keupayaan untuk melibatkan pihak berkepentingan di seluruh sistem kesihatan, daripada penggubal dasar, penyedia perkhidmatan hingga ke peringkat komuniti bagi memastikan dasar dan intervensi yang dilaksanakan adalah relevan dan responsif kepada keperluan semasa. Ini termasuk memudahcara kerjasama bagi merapatkan jurang antara strategi kebangsaan dan pelaksanaan di peringkat tempatan. Antara sumbangan penting pusat ini termasuk penilaian inisiatif promosi kesihatan pergigian berasaskan komuniti bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan di peringkat tempatan serta memperkukuh proses saringan kanser kolorektal di KKM untuk menangani jurang dalam laluan penjagaan dan integrasi perkhidmatan.



Imej 6.57 Sesi Taklimat Sebelum Sesi Libat Urus bersama dengan Pemegang Taruh Mengenai Perkhidmatan Saringan Kanser Kolorektal



Imej 6.58 Sesi Dialog Pemegang Taruh Mengenai Projek Kampung Angkat di Program Kesihatan Pergiian

PUSAT PENYELIDIKAN EKONOMI KESIHATAN (CHEER)

CHeER mengintegrasikan ekonomi kesihatan ke dalam dasar penjagaan kesihatan yang berkesan melalui analisis yang teliti, kaedah inovatif dan kerjasama antara disiplin. Kepakarannya merangkumi penilaian ekonomi seperti analisis keberkesanan kos, kos-utiliti, dan kos-manfaat, penilaian beban penyakit, pembiayaan sistem kesihatan, ekonomi tingkah laku dan pemodelan simulasi dasar. Kepakaran ini menangani cabaran kesihatan utama, seperti yang dapat dilihat dalam projek seperti keberkesanan kos penyediaan *Automated External Defibrillator* (AED), Program Nyamuk Ber*Wolbachia* dan inisiatif saringan NCD pada tahun 2024. Pembangunan *Malaysian Prioritisation of Vaccine Selection* (MyPRICISE), yang menyokong pelan hala tuju vaksin Malaysia, turut menonjolkan impaknya. Selain itu, CHeER telah mengadakan bengkel pembangunan kapasiti untuk memperkukuh kepakaran ekonomi kesihatan dan penerapannya dalam amalan kesihatan awam.



Imej 6.59 Bengkel Pembangunan Kalkulator MyPRICISE



Imej 6.60 Peserta dan Penceramah Bengkel *Distributional Cost-Effective Analysis* daripada *Health Intervention and Technology Assessment Programme (HITAP)*, Thailand

PUSAT PENYELIDIKAN POLISI KESIHATAN (CHPR)

CHPR komited untuk mempromosikan *implementation science and research* (IR) dengan tumpuan utama kepada usaha merapatkan jurang antara bukti dan amalan, demi meningkatkan keberkesanan dasar. Pendekatan ini berperanan penting dalam membantu pembuat dasar dan pelaksana memahami bukan sahaja kekuatan serta kekurangan dasar yang sedia ada, tetapi juga faktor kontekstual yang mempengaruhi keberhasilannya. Dengan mengkaji aspek keberkesanan dasar, kumpulan sasaran serta keadaan pelaksanaannya, IR membuka ruang kepada peluang untuk penambahbaikan dan panduan adaptasi intervensi agar sesuai dengan konteks tempatan. Melalui pendekatan ini, dasar-dasar dapat diselaraskan dengan keperluan populasi, memastikan keberkesanan yang lebih praktikal, bermakna, dan mampan dalam mempertingkatkan hasil kesihatan masyarakat. Sebagai tambahan kepada usaha ini, CHPR

turut menjalankan projek penyelidikan yang menumpukan kepada pelaksanaan konsultasi maya serta memperkukuh perkhidmatan kesihatan di penjara, khususnya dalam menangani Tuberkulosis (TB) dan Hepatitis C.



Rajah 6.25 Buku *Implementation Research*



Imej 6.61 Sesi Libat Urus Pemegang Taruh bersama dengan Jabatan Penjara Malaysia

INSTITUT PENGURUSAN KESIHATAN (IHM)

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-10 TALENT GROOMING PROGRAMME (TGP)

Pada 24 Oktober 2024, IHM telah meraikan sambutan Ulang Tahun ke-10 *TGP for Technical Healthcare Professionals* bertemakan *A Decade of Excellence: Inspiring Tomorrow's Leaders Today*. Acara bersejarah ini telah diadakan di Auditorium Perdana NIH bersempena dengan *21st TGP Inspirational Leadership Podium 2024*. Majlis ini telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan dan memberi pengiktirafan kepada TGP setelah sedekad ditubuhkan.

Sejak penubuhannya pada tahun 2014, TGP telah melatih 245 pemimpin teknikal penjagaan kesihatan dalam 14 kohort, menghasilkan 135 alumni serta melaksanakan lebih daripada 80 kursus dan 20 sesi *TGP Inspirational Leadership Podium*.

21st TGP Inspirational Leadership Podium telah dianjurkan dengan kerjasama Sekretariat TGP, Pejabat Pendaftar NIH dan Talent TGP Kohort 13. Podium tahun ini *The Leader's Edge: Cultivating a High-Impact Leadership Mindset*.

Sambutan ulang tahun disambung dengan sesi perkongsian yang menyatukan 76 Alumni TGP dan bakat yang sedia ada. Alumni berkongsi pengalaman dalam program ini serta impaknya terhadap kerjaya mereka dan sumbangan kepada KKM. Para peserta memberikan maklum balas yang membina untuk terus mengembangkan program dan memastikan kepentingannya dalam menangani keperluan kepimpinan penjagaan kesihatan pada masa depan.



Imej 6.62 Ulang Tahun ke-10 TGP for Technical Healthcare Professionals

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA NIH DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Pada 7 November 2024, NIH telah menandatangani MoU bersama UTM di dalam satu majlis rasmi di NIH. Perjanjian ini bertujuan untuk memperkukuhkan persefahaman dalam kolaborasi penyelidikan berteraskan *lean* antara UTM dan *Lean Center of Excellence* (LCOE), IHM. Penyelidikan berasaskan *lean* adalah pendekatan praktikal yang memfokuskan kepada melakukan yang perlu untuk mendapat hasil yang berguna dengan menghapuskan kepada membazir masa atau sumber. Ia menggunakan perubahan yang kecil dan pantas, menguji perubahan, belajar daripada maklum balas dan terus menambah baik sepanjang proses. Matlamatnya untuk menghasilkan nilai dan menyelesaikan masalah sebenar tanpa menghabiskan lebih banyak masa atau usaha daripada yang diperlukan.



Imej 6.63 Majlis Menandatangani MoU

HOSPITAL KLUSTER LEMBAH KLANG SATU (KKV1)

Pada 3-4 September 2024, IHM telah diundang oleh unit Kluster Hospital Selayang untuk mengadakan bengkel *Action Research* (AR) yang melibatkan semua hospital di dalam KKV1. KKV1 terdiri daripada Hospital Selayang merupakan *lead hospital* manakala Hospital Sungai Buloh, Hospital Kuala Kubu Baru, Hospital Tanjung Karang dan Hospital Tengku Ampuan Jemaah merupakan *non-lead hospitals*. Pada 28 November 2023, KKV1 merupakan salah sebuah kluster di bawah Kluster Lembah Klang yang telah ditubuhkan sebagai salah satu inisiatif dalam menambah baik sistem kluster hospital. Langkah ini bertujuan untuk melancarkan perkhidmatan hospital di Lembah Klang di mana majoriti merupakan hospital pakar.

Bengkel ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep AR dan aplikasi di dalam perancangan dan pelaksanaan KKV1. Bengkel ini telah dihadiri oleh pelbagai pegawai yang terlibat dalam inisiatif kluster hospital termasuk unit kualiti, *casemix*, jabatan kecemasan, jabatan pergigian, jabatan obstetrik dan ginekologi, jabatan perubatan dan jabatan ortopedik.

KEMAS KINI KAJIAN BERTAJUK *SUSTAINABILITY OF LEAN IMPLEMENTATIONS AT MOH HOSPITALS*

Bengkel atas talian dengan pakar kualitatif telah dijalankan untuk memperhalusi dan meningkatkan lagi ketelitian dan kedalaman hasil kajian. Hasil kajian awal telah dibentangkan di *8th Asia Pacific Conference on Public Health and the 10th International Public Health Conference 2024*. Kajian ini juga telah diiktiraf melalui penerbitan dalam jurnal pengurusan antarabangsa, sekali gus menyumbang kepada perbincangan akademik dan praktikal mengenai kelestarian *lean*.



Imej 6.64 Aktiviti Kajian Lapangan dan Bengkel Atas Talian bersama dengan Pakar

BORNEO LEAN HEALTHCARE CONFERENCE 2024

Borneo Lean Healthcare Conference 2024 anjuran Hospital Miri, JKN Sarawak, JKN Sabah dan JKWP Labuan bertemakan *Lean Culture: Improving Quality of Care*, yang pertama dianjurkan di Borneo. Persidangan ini diadakan dari 21-22 Oktober 2024 di Perpustakaan Negeri, Miri ini berjaya menghimpunkan 145 peserta dari seluruh Malaysia dan Brunei Darussalam.

Dua (2) pegawai dari Pusat Pembangunan Strategik Kecemerlangan Organisasi Kesihatan (COED), IHM telah dijemput sebagai hakim dan penceramah untuk persidangan ini. Ketua LCOE telah dijemput sebagai penceramah sesi plenari bertajuk *Patient-centred Lean Practices: How Lean Can Improve Patient Experience and Outcomes* dan sebagai hakim untuk pertandingan pembentangan lisan manakala pegawai kedua sebagai ahli panel forum yang membincangkan *Patient-centred Lean Practices: How Lean Can Improve Patient Experience and Outcomes* dan sebagai hakim untuk pertandingan e-poster.



Imej 6.65 Borneo Lean Healthcare Conference Tahun 2024

JOURNAL OF HEALTH MANAGEMENT (JoHM) 2024

JoHM ialah *open access peer-reviewed journal* yang ditubuhkan oleh IHM. Jurnal ini telah mula diterbitkan sejak 2006 dengan matlamat menerbitkan artikel dan penyelidikan berkaitan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, dasar kesihatan dan pengurusan hospital. JoHM berfungsi sebagai platform untuk profesional dalam bidang perubatan berkongsi hasil kajian kepada pentadbiran penjagaan kesihatan, para akademik, doktor dan saintis dari seluruh negara. Manuskrip boleh dihantar melalui laman web jurnal MySitasi di <https://mysitasi.mohe.gov.my/portal>. JoHM diterbitkan dua kali setahun dengan penerbitan edisi tambahan jika diperlukan.

Penerbitan

Pada 2024, JOHM telah menerbitkan artikel dan penyelidikan termasuk kompilasi daripada *International Lean Healthcare Conference*. Penerbitan tahun 2024 adalah seperti berikut:

- i. Vol 21: No. 1/2024 (<https://tinyurl.com/JoHM2024-1-21>)
- ii. Vol 21: No.2/2024 (<https://tinyurl.com/JoHM2024-2-21>)
- iii. *Supplementary For International Lean Healthcare Conference 2023* (<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/JoHM/issue/view/1843>)

Workshop on Streamlining Journal Publication: Tips and Guidelines for Reviewers and Editors

Pasukan Editorial JoHM dan Pusat Pembangunan Tadbir Urus Klinikal (CCGD), IHM telah menganjurkan kursus yang bertajuk Bengkel Memperkemas Pengeluaran Jurnal: *Tips* serta Panduan untuk *Reviewers* dan *Editors* pada 28-30 Mei 2024 di Kuala Lumpur. Kursus ini bertujuan untuk memahirkan para *reviewers* dan *editors* dengan kemahiran pengurusan jurnal pada pelbagai peringkat pengeluaran termasuk proses semakan manuskrip, pengendalian maklum balas penulis dan penerbitan akhir.

Navigating Open Journal System for Publishing Excellence

CCGD telah menganjurkan kursus selama tiga hari pada 1-3 Oktober 2024 di Putrajaya. Kursus ini bertujuan untuk memperkukuhkan pemahaman dan kemahiran peserta dalam pengurusan *Open Journal System* (OJS), yang penting dalam pengurusan jurnal ilmiah. Kursus ini telah disertai 30 peserta dari pelbagai institusi termasuk IMR, ICR, Pejabat Pengurus NIH, dan Program Perkhidmatan Farmasi. Kursus ini memberi tumpuan kepada komponen penting dalam pengurusan jurnal, termasuk pengurusan OJS yang meningkatkan kecekapan proses

penyerahan manuskrip dan aliran kerja editorial. Ia juga merangkumi penyuntingan salinan dan pruf bacaan untuk memastikan kualiti tinggi pada setiap peringkat proses editorial serta strategi bagi meningkatkan kecekapan penerbitan dengan mengoptimumkan penggunaan masa dan sumber dalam pengendalian manuskrip sambil mengekalkan piawaian penerbitan ilmiah.



Imej 6.66 *Kursus Navigating Open Journal System for Publishing Excellence Tahun 2024*

INSTITUT PENYELIDIKAN TINGKAH LAKU KESIHATAN (IPTK)

IPTK telah ditubuhkan pada tahun 2006. Fungsi utama institut ini adalah untuk menjalankan penyelidikan, latihan dan khidmat nasihat dalam bidang tingkah laku kesihatan. Tugas khusus IPTK boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu menjalankan kajian penentu tingkah laku kesihatan, kajian tingkah laku risiko kesihatan, penilaian program, pembangunan instrumen dan komunikasi kesihatan.

PENYELIDIKAN

IPTK telah berjaya melaksanakan pelbagai kajian dalam bidang tingkah laku kesihatan walaupun menghadapi cabaran. Pada tahun 2024, IPTK telah menjalankan 20 kajian yang berkaitan dengan tingkah laku kesihatan seperti di bawah.

Jadual 6.19 *Penyelidikan yang Dijalankan pada Tahun 2024 Mengikut Bidang Keutamaan Penyelidikan*

Bidang Keutamaan	Bilangan
Penyakit tidak berjangkit	1
Komponen gaya hidup sihat	7
Teknologi digital dalam menilai tingkah laku berisiko	1
Tingkah laku pencegahan	2
Penyakit berjangkit	4
Sains tingkah laku	4
Keselamatan dan keterjaminan makanan	1

Jadual 6.20 Artikel yang Diterbitkan dalam Jurnal Berimpak Tinggi Tahun 2024

Artikel	Jurnal
<i>Health Behaviour Changes among Malaysian Citizens During COVID-19 Pandemic: A Review</i>	<i>International Journal for Multidisciplinary Research</i> Volume 6, Issue 1, January-February 2024. DOI 10.36948/ijfmr.2024.v06i01.12225
<i>Validating Measurement of Health Literacy among Adolescents Questionnaire (MOHLAA-Q) for Malaysian Version (MyMOHLAA-Q)</i>	<i>IJMR Research</i> Volume 6, Issue 2, March-April 2024. DOI 10.36948/ijfmr.2024.v06i02.15849
<i>Exploring T2DM Patients' Motivation in Diabetic Self-care: A Qualitative Study</i>	<i>IJMR</i> Volume 6, Issue 2, March-April 2024. DOI 10.36948/ijfmr.2024.v06i02.16053
<i>Factors Affecting Fruit and Vegetable Intake Among Adults.: A Scoping Review</i>	<i>International Journal of Management Studies and Social Science Research.</i> Volume 6, Issue 4- July -August
<i>Adaptation and validation of the Chinese Health Literacy Scale for Low Salt Consumption</i>	<i>Hong Kong (CHLSalt-HK) for Malaysian Population. Global Journal of Health Science.</i> 16. 37. 10.5539/gjhs.v16n8p37.
<i>Compliance with COVID-19 Mitigation Measures During COVID-19 Pandemic in Malaysia</i>	Vol 13, Issue 3, (2024) E-ISSN: 2226-6348. http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v13-i3/21662
<i>Knowledge, Attitudes and Practices on Antimicrobial Use and Antimicrobial Resistance Among Shrimp Aqua Culturists in Peninsular Malaysia</i>	https://ssrn.com/abstract=4961224 or http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.4961224
<i>A cross-sectional study on health behaviour changes during COVID-19 among adults in Malaysia</i>	<i>Front. Public Health.</i> 12:1465996. doi: 10.3389/fpubh.2024.1465996
<i>The role of digital health interventions in reducing obesity among primary school children: A behavioural insights perspective</i>	Article DOI: https://doi.org/10.30574/wjarr.2024.23.3.2922
<i>Usability and Engagement of Web Application on Parental Behaviours for Child Obesity Intervention</i>	https://doi.org/10.30574/wjbphs.2024.20.1.0804
<i>Patient perceptions toward the application of artificial intelligence in diabetes care: A qualitative study</i>	<i>Asian J Soc Health Behav</i> 2024
<i>Patient Attitude on the Application of Artificial Intelligence in Diabetes Care</i>	5 th International Conference on Artificial Intelligence and Data Sciences (AiDAS), Bangkok, Thailand, 2024, IEEE Advancing Technology for Humanity, pp. 441-445
<i>Dengue prevention and public perception of barriers to eliminate mosquito breeding sites among Malaysians</i>	<i>The Indonesian Journal of Public Health</i> , 19(3), 406-418s. DOI: http://doi.org/10.20473/ijph.v19i3.2023.406-418
<i>Exploring the Views and Experiences of Healthcare Providers in Patient Diabetes Management Using the Information, Motivation and Behaviour Model: A Qualitative Study in Malaysia</i>	<i>Journal of Healthcare in Developing Countries</i> , 4(1): 01-09.
<i>Perceived Risks of Medical Marijuana: Malaysian Adults' Perspectives</i>	<i>Malaysia Journal of Health Promotion</i> 2024

Artikel	Jurnal
<i>Escaping the screen: A conceptual exploration of gaming addiction among adolescents</i>	<i>Malaysia Journal of Health Promotion</i>
<i>Coping Strategies Among Adolescents During Home-Based Learning During COVID-19 Pandemic in Selangor, Malaysia</i>	<i>Malaysia Journal of Health Promotion</i>
<i>Knowledge about blood donation among whole-blood donors. Malaysia Journal of Health Promotion</i>	<i>Malaysia Journal of Health Promotion</i>

KONSULTASI

Pada tahun 2024, IPTK telah melaksanakan 106 sesi konsultasi seperti jadual di bawah.

Jadual 6.21 Sesi Konsultasi Tahun 2024

Konsultasi	Jumlah
KKM	63
Bukan KKM	31
Antarabangsa	12

PUSAT KOMPETENSI DAN PENDIDIKAN LANJUTAN PROMOSI KESIHATAN

Kajian *Perceived Barriers and Facilitators in Accessing Mental Health Services Among Malaysian Secondary School Students*

Kajian yang dilaksanakan dengan kerjasama KPM ini bertujuan untuk menangani jurang pengetahuan sedia ada mengenai faktor yang menggalakkan atau menghalang mendapatkan bantuan kesihatan mental dalam kalangan remaja di Malaysia. Hasil dapatan kajian dapat menyumbang kepada perancangan dengan membantu remaja mendapatkan sokongan bagi mendapatkan rawatan berkaitan masalah kesihatan mental mereka.



Imej 6.67 Sesi Perbincangan bersama dengan KPM

Sesi Town Hall dan Bengkel Pembangunan *National Blueprint for Behavioural Insights in Health*

Sesi *town hall* ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan serta komen berkaitan untuk penambahbaikan dokumen *National Blueprint for Behavioural Insights in Health*. Sebanyak 100 peserta terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, pihak korporat, universiti, agensi United Nations dan NGO telah memberikan pandangan mereka berkaitan pembangunan *blueprint* tersebut. Sesi ini turut dihadiri oleh WHO Representative to Malaysia, Brunei Darussalam and Singapore, TKPK (P&ST) dan Konsultan *Behavioural Science*, WHO Western Pacific Regional Office (WPRO).

Susulan daripada sesi *town hall* tersebut, Bengkel Pembangunan *National Blueprint for Behavioural Insights in Health* telah diadakan yang disertai oleh 60 peserta daripada pelbagai agensi. Bengkel ini bertujuan untuk memperhalusi hala tuju dan strategi yang digariskan dalam *blueprint*. Strategi yang dihasilkan diadaptasi dari dokumen *WHO Resolution on Behavioural Science for Better Health*.



Imej 6.68 Sesi Town Hall Pembangunan *National Blueprint for Behavioural Insights in Health*



Scenario-Based Workshop on Behavioural Insights for Health

IPTK telah bekerjasama dengan WHO Malaysia Country Office untuk menganjurkan bengkel ini yang diadakan pada 13-15 November 2024 di Petaling Jaya. Bengkel ini telah dirasmikan oleh TKPK (P&ST) dan WHO Representative to Malaysia, Brunei Darussalam and Singapore. Bengkel ini melibatkan sejumlah 33 peserta dari beberapa bahagian di IPKKM, pegawai dari JKN serta wakil dari *ProtectHealth Corporation*. Bengkel ini mendedahkan peserta mengenai kaedah menjalankan projek *Behavioural Insights* dengan berdasarkan rangka kerja yang dicadangkan oleh WHO.



Imej 6.69 *Scenario-Based Workshop on Behavioural Insights for Health*

PUSAT PENYELIDIKAN SURVELAN TINGKAHLAKU BERISIKO

Pembentangan Dapatan Kajian *Assessing Teachers' Role to Support Identification of Adolescents at Risk of Mental Health*

Pembentangan dapatan kajian bersama pihak pemegang taruh, Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) dan KPM telah diadakan pada 13-15 November 2024 untuk mendapat maklum balas dan pendapat.



Imej 6.70 Pembentangan Dapatan Kajian *Assessing Teachers' Role to Support Identification of Adolescents at Risk of Mental Health Problems*

Pembentangan Dapatan Kajian di Program Perkhidmatan Farmasi

Pembentangan kajian oleh pihak IPTK kepada Program Perkhidmatan Farmasi selaku pemegang taruh pada 10 Disember 2024. Hasil dapatan kajian mendapat maklum balas dan pendapat daripada pihak yang berkenaan.



Imej 6.71 Pembentangan Kajian oleh IPTK kepada Program Perkhidmatan Farmasi

PUSAT PENYELIDIKAN PENENTUAN TINGKAHLAKU KESIHATAN

Cognitive, Affective & Behaviour (CAB) Module Formation Workshop Profiling for Target Groups

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membincangkan dan membentuk modul CAB yang komprehensif supaya para peserta bengkel dapat mengenal pasti dan menganalisa pola kognitif dan tingkah laku kesihatan pesakit untuk menghasilkan pakej intervensi yang bersesuaian dengan keadaan pesakit mengikut keperluan individu.



Imej 6.72 Bengkel CAB Module Development

Research on the Development of the Know Your Medicines Programme (KUA)

Kajian ini telah dijalankan secara berfasa bagi tujuan membangunkan instrumen kajian yang boleh mengukur pengetahuan, sikap dan persepsi berkaitan program KUA dilaksanakan bermula pada bulan Januari-Disember 2024. Fasa kajian bermula dari kajian rintis, latihan pengumpulan data, sesi FGD berdasarkan kumpulan sasaran, penambahbaikan instrumen bersama kumpulan pakar dan pembentangan kepada pemegang taruh bagi memastikan hasil instrumen yang dibangunkan dapat mencapai objektif kajian.



Imej 6.73 Research on the Development of the KUA

PUSAT PENYELIDIKAN KOMUNIKASI DAN INFORMATIK KESIHATAN (PPKIK)

Sepanjang tahun 2024, PPKIK telah melaksanakan tiga (3) aktiviti penyelidikan utama seperti berikut:

- i. ***Development & Validation of Malaysia Mental Health Literacy*** - Kajian bertujuan membangunkan dan mengesahkan Alat Literasi Kesihatan Mental Malaysia.
- ii. ***Validation of Health Literacy Pertaining to Salt Instrument & Assessment of Health Literacy related to Salt Intake among Malaysians*** - Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap literasi garam dalam kalangan penduduk Malaysia.
- iii. ***Kajian Penilaian Kempen Media Hentikan Stigma Kesihatan Mental*** - Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pendedahan, pemahaman dan amalan dalam kalangan penduduk Malaysia berdasarkan Kempen Media *Hentikan Stigma Kesihatan Mental*.

PUSAT PENYELIDIKAN INTERVENSI PROMOSI KESIHATAN

Bengkel Pembangunan Pelan Strategik *Behavioural Insights* untuk Pendermaan Darah

Bengkel ini bertujuan membangunkan pelan strategik *Behavioural Insights* pendermaan darah adalah anjuran bersama PDN telah disertai oleh sebanyak 16 pegawai KKM yang melaksanakan dasar di PDN mengikut kepakaran masing-masing.



Imej 6.74 Bengkel Pembangunan Pelan Strategik *Behavioural Insights* Pendermaan Darah

Bengkel Penulisan *Bibliometric Analysis for Beginners*

Bengkel telah diadakan pada 21-22 Oktober 2024 di NIH dan dihadiri oleh 26 pegawai daripada IPTK. Peserta diberikan pendedahan awal tentang analisis *bibliometric* dan *hands on software* biblioMagika®, VOSviewer dan Biblioshiny.



Imej 6.75 Bengkel Penulisan *Bibliometric Analysis for Beginners*

BAB

7

**KESIHATAN
PERGIGIAN**

PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN (PKP)

PKP KKM sentiasa komited untuk meningkatkan kesihatan mulut ke arah kualiti kehidupan rakyat Malaysia yang lebih baik dengan pendekatan inisiatif dan strategi yang melibatkan kolaborasi aktif antara pelbagai agensi sektor awam dan swasta dalam mempromosikan kesihatan pergigian. PKP diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian) [TKPK (KP)], terdiri daripada tiga (3) bahagian, iaitu Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian, Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian serta Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian. Tiga bahagian ini disokong oleh 13 cawangan bekerjasama memastikan pencapaian KPI PKP demi kesihatan pergigian rakyat. PKP turut aktif dalam aktiviti domestik dan antarabangsa bagi melaksanakan agenda kesihatan pergigian.

A HISTORIC MILESTONE FOR GLOBAL ORAL HEALTH: THE BANGKOK DECLARATION 2024

Pada 26-29 November 2024, WHO, dengan kerjasama Kerajaan Thailand telah menganjurkan Mesyuarat Kesihatan Pergigian Global yang pertama di Bangkok. Acara ini menghimpunkan pemimpin kesihatan, penggubal dasar, pertubuhan masyarakat awam dan wakil sektor swasta dari lebih 100 negara untuk membincangkan isu kesihatan pergigian yang kritikal. *The Bangkok Declaration 2024* merupakan seruan untuk bertindak kepada komuniti kesihatan global. Ia merupakan usaha bersama ke arah masa depan di mana *No Health Without Oral Health* menjadi realiti untuk semua menjelang tahun 2030. Kesihatan pergigian kini diiktiraf sebagai komponen yang kritikal dalam kesihatan secara keseluruhan. Sorotan utama daripada *Bangkok Declaration 2024* ialah:

- i. Adaptasi Deklarasi Bangkok - komitmen kukuh untuk mengintegrasikan kesihatan pergigian ke dalam rangka kerja *Universal Health Coverage* (UHC) dan *Non-communicable Disease* (NCD) menjelang 2030.
- ii. Memajukan *Global Oral Health Action Plan* (2023-2030) melalui strategi global.
- iii. Penglibatan peringkat tinggi dengan menteri, Pengarah Serantau WHO dan organisasi global seperti *International Dental Federation* (FDI), *International Association for Dental Research* (IADR) dan *Global Self-Care Federation* (GSCF) untuk menangani cabaran kesihatan pergigian secara kolaboratif.



Imej 7.1 WHO Global Oral Health Meeting Tahun 2024

MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA (MDC)

Tahun 2024 menandakan berakhirnya tempoh peralihan tiga (3) tahun selepas pewartaan Akta Pergigian 2018 [*Akta 804*], yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022. Pencapaian ini merupakan langkah kritikal ke arah penguatkuasaan penuh akta tersebut, sekali gus memperjelas dan mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan amalan pergigian di Malaysia.

PENGAWALSELIAAN AMALAN PERGIGIAN

Akta Pergigian 2018 mensyaratkan hanya pengamal yang berkeelayakan, kompeten dan profesional akan didaftarkan dan layak untuk memberi perkhidmatan pergigian di Malaysia. Dengan ini, kualiti perkhidmatan pergigian dan keselamatan pesakit adalah terjamin serta meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan pergigian. Ringkasan permohonan yang diluluskan oleh MDC bagi tahun 2024 seperti dalam **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1 Permohonan yang Diluluskan MDC Tahun 2024

Jenis Permohonan	Jumlah
Pendaftaran Doktor Pergigian	788
Pendaftaran Pakar Pergigian (12 kepakaran)	212
Perakuan Pengamalan Tahunan	14,113
Perakuan Pengamalan Sementara	187
<i>Letter of Good Standings</i>	161

INISIATIF DAN PENGLIBATAN UTAMA

Pada tahun 2024, MDC telah melaksanakan pelbagai inisiatif utama untuk memperkukuhkan standard profesional dan meningkatkan penglibatan pengamal pergigian. Salah satu fokus utama ialah persediaan untuk pelaksanaan *Professional Qualifying Examination* (PQE). MDC telah menganjurkan Bengkel Latihan Pemeriksa PQE pada 8-9 Mac 2024 bagi melatih pemeriksa yang berkeelayakan. Pelaksanaan rintis PQE Bahagian II pula telah diadakan pada 22 Mac 2024 di Universiti IMU, melibatkan pelajar pergigian tahun akhir. Maklum balas daripada pelaksanaan rintis ini digunakan untuk menambah baik rangka kerja peperiksaan. Garis panduan dan buku panduan komprehensif telah dibangunkan untuk calon serta pemeriksa selari dengan *Competencies of New Dental Graduates, Malaysia* (v2 2021).



Imej 7.2 Pelaksanaan Rintis PQE Bahagian II



Imej 7.3 Bengkel Latihan Pemeriksa PQE

MDC turut menyertai 31st *Malaysian Dental Association Scientific Convention and Trade Exhibition 2024* (MDA SCATE 2024) yang dimanfaatkan untuk memberikan panduan kepada pengamal pergigian mengenai Sistem Pengamal Kesihatan Malaysia (MHPS) yang baharu bagi permohonan Perakuan Pengamalan Tahunan secara dalam talian bersama dengan sistem myCPD. Pada 9 Ogos 2024, MDC telah menganjurkan webinar sulung secara langsung di Facebook bertajuk *Professional Indemnity Cover for Practising Certificate Applications* dengan sambutan yang menggalakkan daripada pengamal pergigian.



Imej 7.4 Reruai Semai 31st MDA SCATE 2024



Imej 7.5 Webinar *Professional Indemnity Cover for Practising Certificate Applications*

LEMBAGA JURUTERAPI PERGIGIAN MALAYSIA (LJPM)

Sehingga tahun 2024, terdapat sebanyak 3,049 juruterapi pergigian yang berdaftar dengan LJPM. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,974 juruterapi pergigian yang aktif menjalankan amalan pergigian iaitu seramai 2,969 orang yang bekerja di sektor awam manakala lima (5) orang yang bekerja di sektor swasta. Ini termasuk 208 juruterapi pergigian pos basik dalam pelbagai bidang Kepakaran Pergigian iaitu Bedah Mulut dan Maksilofasial (7), Pergigian Pediatrik (65), Ortodontik (63) dan Periodontik (73).

Jadual 7.2 Pengamalan Tahunan Juruterapi Pergigian Tahun 2024

Tahun	Sektor Awam			Sektor Swasta	Jumlah Keseluruhan
	KKM	Bukan KKM	Jumlah		
2024	2,889	80	2,969	5	2,974

3RD NATIONAL ORAL HEALTH RESEARCH INITIATIVE (NOHRI) CONFERENCE 2024

Persidangan NOHRI adalah acara tahunan yang dianjurkan secara bergilir oleh institusi pergigian yang diwakili dalam Jawatankuasa Eksekutif NOHRI. Persidangan NOHRI 2024, merupakan acara tahunan ketiga telah dianjurkan bersama oleh PKP dan Persatuan Pakar Kesihatan Awam Pergigian Malaysia (MADPHS). Persidangan ini telah berlangsung dari 5-7 September 2024 di Putrajaya dengan tema *Precision Dentistry: Unveiling the Future Through Data-Driven Insights*. Ucaptama telah disampaikan oleh KPK dan dirasmikan secara maya oleh Menteri Kesihatan. Persidangan ini bertujuan memupuk pertukaran idea dan kemajuan dalam penyelidikan kesihatan pergigian dengan tumpuan kepada teori, pendekatan, perspektif dan amalan untuk memajukan agenda penyelidikan kesihatan pergigian negara.



Imej 7.6 3rd National Oral Health Research Initiative (NOHRI) Conference 2024

33RD & 34TH ASEAN JOINT COORDINATING COMMITTEE ON DENTAL PRACTITIONERS (AJCCD)

AJCCD memainkan peranan penting dalam memperkukuh kerjasama serantau melalui pembangunan *Mutual Recognition Arrangement* (MRA) bagi pengamal pergigian. Perjanjian rasmi ini memudahkan pengiktirafan bersama kelayakan profesional dalam kalangan negara anggota serta menggalakkan mobiliti profesional yang lebih besar dalam rantau ASEAN. Mesyuarat AJCCD ke-33 yang diadakan pada 27 Februari 2024 di Bandung, Indonesia dan Mesyuarat AJCCD ke-34 yang diadakan pada 22 Oktober 2024 di Sekretariat ASEAN Jakarta,

menekankan komitmen berterusan Negara Anggota ASEAN dalam memajukan usaha kerjasama mereka. PKP mengambil bahagian secara aktif dalam mesyuarat ini untuk memastikan hasilnya selaras dengan dasar dan keutamaan Malaysia serta memaksimumkan faedah bagi sektor pergigian negara.

AKREDITASI PROGRAM PERGIGIAN

PKP komited untuk memastikan standard profesionalisme yang tinggi dalam amalan pergigian dengan mewujudkan dokumen *Code of Practice for Programme Accreditation* (COPPA) sebagai rujukan piawaian program pergigian. Dokumen ini bertujuan untuk memaklumkan dasar dan prinsip yang membimbing penilaian dan keputusan mengenai akreditasi.

Pada 23 Mei 2024, MDC telah meluluskan dokumen COPPA-Program Pascasiswazah Pergigian (PG Dental), yang akan berfungsi sebagai rujukan utama bagi Panel Penilai dan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) semasa proses akreditasi Program Kepakaran Pergigian. Susulan kelulusan COPPA-PG Dental KKM, PKP dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah mengadakan bengkel latihan Panel Penilai yang terdiri daripada pakar pergigian dari KKM, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF). Bengkel yang diadakan dari 7-9 Oktober 2024 ini bertujuan untuk memperkenalkan dan menerangkan COPPA-PG Dental yang baharu, dengan memberi fokus kepada keperluan *standard* dan kriteria pematuhan yang ditetapkan oleh MQA untuk program kepakaran pergigian yang diiktiraf.



Imej 7.7 33rd & 34th AJCCD Meetings



Imej 7.8 Bengkel COPPA-PG DENTAL

PENAMBAHAN JAWATAN TETAP SKIM PEGAWAI PERGIGIAN DAN PAKAR PERGIGIAN

Kementerian Kewangan menerusi waran perjawatan S131 Tahun 2024 telah bersetuju meluluskan pewujudan sebanyak 1,500 jawatan tambahan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi pada tahun 2024 bagi menampung keperluan dan pengoperasian fasiliti kesihatan sedia ada di KKM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 200 jawatan telah diluluskan bagi Skim Pegawai Pergigian. Selain itu, sebanyak 145 jawatan tambahan turut diterima bagi fasiliti pergigian baharu dan naik taraf yang mula beroperasi pada tahun 2024. Pertambahan jawatan Pegawai Pergigian baharu ini secara tidak langsung membolehkan lebih ramai Pegawai Pergigian lantikan kontrak dilantik secara tetap.

Selain itu, Kementerian Kewangan melalui waran perjawatan S178 Tahun 2024 telah bersetuju meluluskan pewujudan sebanyak 70 jawatan Pakar Pergigian tambahan bagi tujuan menampung keperluan dan pengoperasian fasiliti pergigian sedia ada di KKM. Pengagihan jawatan ini mengambil kira keperluan pertambahan pakar pergigian susulan perluasan perkhidmatan di fasiliti yang sedia ada. Selain itu, tambahan sebanyak 36 jawatan pakar pergigian turut diterima bagi fasiliti pergigian baharu dan naik taraf yang telah mula beroperasi pada tahun 2024.

Jadual 7.3 Penambahan Jawatan Tetap Skim Pegawai Pergigian dan Pakar Pergigian Tahun 2024

Jawatan Fasiliti	Hospital	Pusat Pakar Pergigian	Klinik Pergigian	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah	Lain-lain Fasiliti Kesihatan	Jumlah
Pakar Pergigian	58	7	37	3	1 ^a	106
Pegawai Pergigian	28	-	316	-	1 ^b	345

Nota:

1. ^a Institut Penyelidikan Perubatan

2. ^b Pusat Pergigian Kanak-Kanak dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia

PENAMBAHAN JAWATAN AUKSILIARI PERGIGIAN

Kementerian Kewangan melalui lapan (8) waran perjawatan tahun 2024 telah bersetuju meluluskan pewujudan jawatan baharu dan tambahan pelbagai skim perkhidmatan dan gred bagi tujuan menampung keperluan pengoperasian fasiliti baharu dan naik taraf di KKM yang dijangka siap dibina pada tahun 2023 dan 2024. Pengagihan jawatan baharu ini mengikut keperluan semasa dan status operasi fasiliti yang terlibat. Sebanyak 540 jawatan baharu dan tambahan bagi auksiliari pergigian telah diperoleh pada tahun 2024 untuk fasiliti baharu dan yang dinaik taraf. Pengagihan jawatan ini berdasarkan skim yang diluluskan seperti yang berikut:

Jadual 7.4 Perjawatan Mengikut Skim yang Diterima Tahun 2024

Jawatan Fasiliti	Hospital	Pusat Pakar Pergigian	Klinik Pergigian	Jumlah
Juruterapi Pergigian	18	5	45	68
Juruteknologi Pergigian	14	2	32	48
Pembantu Pembedahan Pergigian	93	25	155	273
Pembantu Perawatan Kesihatan	23	5	47	75
Pembantu Tadbir	10	4	13	37
Pembantu Awam	0	1	9	10
Juru X-Ray	0	1	0	1
Pemandu	1	1	26	28

SIMPOSIUM KESELAMATAN PESAKIT 2024

PKP telah mengadakan Simposium Keselamatan Pesakit 2024 pada 30 April 2024 dengan tema *Think Safety, Act Safely*. Simposium tersebut diadakan di Auditorium RTM Perak dan disiarkan secara langsung melalui Facebook *live* untuk tontonan secara dalam talian. Simposium ini bertujuan untuk membincangkan isu berkaitan kes pelaporan insiden di fasiliti pergigian KKM. Pelancaran buku Garis Panduan Pengurusan Kecemasan Perubatan di Klinik Pergigian Primer dan Kepakaran Pergigian *Non-Hospital Based* yang diterbitkan oleh Bahagian Kesihatan Pergigian Perak dirasmikan semasa simposium tersebut. Sejumlah 170 peserta telah menyertai simposium ini yang terdiri daripada Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kesihatan Pergigian dan anggota kesihatan pergigian dari Perak dan Pulau Pinang.



Imej 7.9 Simposium Keselamatan Pesakit Tahun 2024

ORAL HEALTH PAIN FREE SYMPOSIUM 2024

PKP telah menganjurkan *Oral Health Pain Free Symposium 2024* pada 4 Julai 2024 di Auditorium Institut Kanser Negara, Putrajaya dengan tema *Revolutionalizing the Pain Free Dentistry*. Simposium ini dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian mewakili TKPK (KP) dan disertai 200 anggota kesihatan pergigian seluruh negara. Simposium ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan tentang penilaian dan pengurusan kesakitan sebagai sebahagian daripada penyampaian perkhidmatan dan rawatan pergigian.



Imej 7.10 Oral Health Pain Free Symposium Tahun 2024

KONVENSYEN KUALITI PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN TAHUN 2024

Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian telah dijalankan pada 24-25 Jun 2024 di Hotel H Elite, Kota Bharu, Kelantan. Konvensyen ini bertujuan untuk memberi pendedahan serta pengalaman kepada peserta sebagai persediaan awal sekiranya projek mereka terpilih untuk memasuki pertandingan peringkat kebangsaan. Sebanyak 37 projek telah menyertai konvensyen ini yang mana 15 projek adalah daripada kategori Inovasi, sebelas (11) kategori *Quality Assurance* (QA) dan sebelas (11) kategori Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK). Ceramah bertajuk *Inovasi vs. Kerja Hakiki: Antara Realiti dan Fantasi* telah disampaikan oleh Pegawai Farmasi daripada KK Pengkalan Chepa, Kelantan.



Imej 7.11 Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian Tahun 2024

PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA

Pada tahun 2024, terdapat lapan (8) projek pembangunan KK dengan komponen kesihatan pergigian telah siap dan selesai pembinaannya iaitu:



KK (Jenis 2) Bandaraya Miri,
Sarawak



Klinik Pergigian
Tanjung Karang, Selangor



Hospital Dungun,
Terengganu



KK (Jenis 3) Kepala Batas,
Kedah



KK (Jenis 3) Kota Putera,
Terengganu



Kompleks Wanita
dan Kanak-kanak di Hospital
Kajang, Selangor



Hospital Tawau,
Sabah



KK (Jenis 4) Rompin,
Negeri Sembilan

Imej 7.12 Projek Pembangunan KK Tahun 2024

PERKHIDMATAN KLUSTER PERGIGIAN

Dua (2) siri Bengkel *Model of Good Practice and Credentialing & Privileging* Perkhidmatan Kluster Kepakaran Pergigian KKM telah diadakan pada 5-7 Februari 2024 dan 4-5 Mac 2024. Bengkel ini telah mendapat pelbagai input teknikal dan pengalaman yang berharga daripada Bahagian Perkembangan Perubatan. Garis Panduan Perkhidmatan Kluster Pergigian KKM dan Garis Panduan *Credentialing and Privileging* Perkhidmatan Kluster Pergigian KKM telah dibangunkan dan dibentangkan dalam Bengkel Tatacara Pelaksanaan Konsep Kluster Antara Hospital, Perkhidmatan Kesihatan Primer dan Pergigian KKM pada 7-8 Ogos 2024 di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Sehingga tahun 2024, 33 perkhidmatan kluster pergigian telah diperluas ke sepuluh (10) negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Ia melibatkan 14 perkhidmatan kluster kepakaran pergigian Bedah Mulut dan Maksilofasial (OMFS), 12 Pergigian Pediatrik, enam (6) Periodontik dan satu (1) Pergigian Restoratif.



Imej 7.13 Bengkel Tatacara Pelaksanaan Konsep Kluster antara Hospital, Perkhidmatan Kesihatan Primer dan Pergigian

PEROLEHAN SECARA PAJAKAN BAGI *CONE BEAM COMPUTED TOMOGRAPHY (CBCT) WITH ORTHOPANTOMOGRAM (OPG) CAPABILITY*

PKP telah memanfaatkan 19 unit mesin *CBCT with OPG Capability* di 19 hospital yang melibatkan 12 negeri bagi tempoh lima (5) tahun bermula 1 Disember 2024. *CBCT with OPG Capability* adalah radas diagnostik 3D yang terus berkembang dan memainkan peranan penting dalam mendiagnosis dan perancangan rawatan penjagaan pesakit yang tepat dan bermaklumat.



Imej 7.14 Mesin **CBCT with OPG Capability**

DENTAL INFORMATION SYSTEM (DIS)

Bagi pemerkasaan ekosistem penjagaan kesihatan menerusi strategi 1 individu : 1 rekod kesihatan, PKP telah memutuskan untuk menggunakan *Dental Information System* (DIS) sebagai sistem utama bagi pengurusan kesihatan pergigian di semua fasiliti kesihatan pergigian KKM. DIS mempunyai empat (4) subsistem utama yang terdiri daripada:

- i. **Pengurusan Pesakit (DIS: *Clinical*)**
Sistem pengurusan pesakit di klinik pergigian secara menyeluruh (*end-to-end*) bermula daripada pendaftaran pesakit, pengendalian dokumentasi klinikal hingga pengurusan pelaporan yang dibangunkan atas platform sistem Gi-RET 2.0 sedia ada.
- ii. **Pengurusan Fasiliti dan Sumber Manusia (DIS: *Resource*)**
Sistem pengurusan fasiliti (termasuk perkakasan pergigian seperti kerusi pergigian dan lain-lain) dan pengurusan sumber manusia di klinik pergigian selain pengamal pergigian.
- iii. **Pengurusan Pengamal Pergigian (DIS: *Practitioner*)**
Sistem pengurusan bagi pengamal pergigian yang terdiri daripada Pakar Pergigian, Pegawai Pergigian dan Juruterapi Pergigian yang dikawal selia oleh MDC.
- iv. **Pengurusan Tinjauan Kesihatan Pergigian Kebangsaan (DIS: *Survey*)**
Sistem pengurusan bagi tinjauan kesihatan pergigian di peringkat kebangsaan menggantikan kaedah pelaporan secara manual pada masa sekarang.

PROJEK RINTIS DIS: *CLINICAL* DI MELAKA

Projek rintis DIS: *Clinical* telah dijalankan di 12 klinik pergigian primer di Melaka bermula dari Julai hingga November 2024. Skop pengujian sistem ini melibatkan modul pendaftaran, pencartaan gigi, dokumentasi klinikal, caj serta akses dokumen klinikal antara fasiliti. Sebanyak 42,782 pesakit telah direkod sepanjang tempoh projek rintis DIS: *Clinical*. Hasil daripada projek rintis ini, 87.30% responden yang terdiri daripada personel pergigian menyokong pelaksanaan DIS: *Clinical* dan 98.70% responden memahami peranan serta tanggungjawab mereka dalam pelaksanaan sistem ini di klinik masing-masing.

PERLUASAN SISTEM DIS:CLINICAL BAGI TAHUN 2024

Pada 1 Disember 2024, sistem DIS: *Clinical* telah diperluaskan ke 18 klinik pergigian primer di Johor dan sembilan (9) klinik pergigian primer di Melaka. Perluasan DIS: *Clinical* ke 37 klinik pergigian primer akan dilaksanakan pada tahun 2025.

KOLABORATIF BERSAMA POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

Pada 10-13 Jun 2024 PKP telah menganjurkan Kursus Intipan, Risikan dan Serbuan bagi Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta Pergigian 2018 [Akta 804] dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah, PDRM di Hotel Jerai, Kedah. Selain ceramah, peserta kursus turut menjalankan aktiviti intipan dan serbuan di empat (4) lokasi berdasarkan aduan yang disyaki melanggar Akta 804. Peserta diberikan pendedahan dari aspek teknikal, kod etika dan aspek kerjasama menyeluruh antara pelbagai agensi penguatkuasaan yang lain.



Imej 7.15 Latihan Amali (Kursus Intipan, Risikan dan Serbuan bagi Pegawai Diberi Kuasa)

SESI LIBAT URUS BERSAMA PLATFORM E-DAGANG

PKP telah menganjurkan sesi libat urus bersama Shopee dan Lazada Malaysia pada 3 Julai 2024. Dua (2) platform e-dagang terbesar di negara ini telah bersetuju menurunkan iklan penjualan peralatan pergigian secara dalam talian yang disyaki melanggar Seksyen 63(3)(c) Akta 804. Inisiatif kolaboratif ini bertujuan menjelaskan Tatacara Saringan Penjualan Peralatan Pergigian Secara dalam Talian yang akan dilaksanakan bermula 1 Januari 2025. Libat urus ini juga membantu PKP dalam membanteras amalan pergigian haram bagi memastikan jaminan kualiti peralatan yang dijual secara dalam talian adalah selamat digunakan oleh profesional pergigian serta dibekalkan oleh pembekal berdaftar.



Imej 7.16 Sesi Libat Urus bersama Shopee dan Lazada Malaysia

PENGHASILAN DENTUR MENGGUNAKAN TEKNOLOGI DIGITAL 3D DI KLINIK PERGIGIAN PRIMER

Pada tahun 2024, PKP telah memperoleh sepuluh (10) set peralatan cetakan 3D untuk digunakan di klinik pergigian terpilih. Teknologi ini merevolusikan penghasilan dentur dengan mengimbas mulut pesakit dan menghasilkan dentur yang tepat. Proses yang diperkemas ini mempercepatkan masa rawatan, kualiti dentur yang ditambah baik dan kebolehcapaian perkhidmatan yang dipertingkatkan serta menunjukkan komitmen KKM terhadap penyampaian penjagaan kesihatan mulut yang inovatif.

Jadual 7.5 Klinik Pergigian dengan Peralatan Cetakan 3D


Negeri	Daerah	Klinik Pergigian
Selangor	Klang	Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan Bandar Botanik
Sarawak	Kuching	Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan Jalan Masjid
Perak	Ipoh	Klinik Pergigian Ipoh
Kelantan	Kota Bharu	Klinik Pergigian Kota Bharu
Johor	Johor Bahru	Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan Ulu Tiram
Sabah	Sandakan	Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan Sandakan
Kedah	Kota Setar	Klinik Pergigian Sungai Petani
Terengganu	Kuala Terengganu	Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan Chendering
WP Kuala Lumpur	Zon Titiwangsa	Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan Kuala Lumpur
Pulau Pinang	Seberang Perai	Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan Bukit Minyak



Imej 7.17 Penghasilan Dentur Menggunakan Teknologi Mencetak 3D

MENINGKATKAN RUJUKAN PESAKIT DIABETES MELLITUS JENIS 2 (T2DM) UNTUK PENGESANAN DAN PENCEGAHAN AWAL PENYAKIT PERIODONTIUM

Clinical Practice Guidelines (CPG) bertajuk *Management of Type 2 Diabetes Mellitus (6th Edition)* melaporkan terdapat hubung kait antara penyakit diabetes dan penyakit periodontium seterusnya mengesyorkan rujukan daripada fasiliti kesihatan kepada pengamal pergigian untuk penjagaan pesakit yang komprehensif. Dimulakan sebagai *proof of concept* (PoC) di lapan (8) gabungan KK dan klinik pergigian pada tahun 2023, program ini telah ditambah kepada 69 klinik pergigian di seluruh negara pada tahun 2024 melalui kerjasama dengan Bahagian Kesihatan Awam negeri masing-masing. Inisiatif yang diperluaskan ini memudahkan pengesanan awal dan pengurusan penyakit periodontium, seterusnya berpotensi meningkatkan kualiti hidup bagi individu yang menghidap diabetes.



Imej 7.18 Poster dan Pelaksanaan Saringan Penyakit Periodontium dalam Kalangan Pesakit Diabetes di KK

PROGRAM KUMURAN MULUT BERFLUORIDA (FMR) DI SEKOLAH

Program FMR yang dijalankan di sekolah telah terbukti berkesan, praktikal dan kos efektif untuk mencegah dan mengurangkan karies gigi dalam kalangan murid sekolah rendah. Program ini dilancarkan pada tahun 2023 dengan penglibatan 70 sekolah dan berkembang kepada 122 sekolah pada tahun 2024. Program ini memberi tumpuan kepada murid Tahun 1 di sekolah terpilih dan akan diteruskan selama lima (5) tahun sehingga murid tersebut tamat sekolah rendah.



Imej 7.19 Program Pencegahan Karies dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah

PELAKSANAAN LATIHAN BAGI *MEDICAL ORDERLY* (PERGIGIAN) JABATAN PENJARA MALAYSIA

PKP telah memulakan inisiatif dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia bagi memperkenalkan latihan khusus kepada anggota Jabatan Penjara Malaysia untuk menjadi *Medical Orderly* (Pergigian) dalam menambahbaik perkhidmatan kesihatan pergigian di penjara seluruh negara. Inisiatif ini dapat mengatasi isu kekurangan Pembantu Pembedahan Pergigian sekaligus melancarkan proses rawatan. Pelaksanaan latihan melibatkan latihan teori *Medical Orderly* (Pergigian) pada 10-14 Jun 2024 dengan 60 anggota jabatan penjara seluruh negara di Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang. Sebanyak lima (5) modul latihan telah diberikan secara intensif merangkumi 15 sub-modul. Penceramah meliputi anggota pergigian daripada JKN Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya dan Negeri Sembilan.

KARNIVAL JOM HEBOH TV3: KOLABORASI BERSAMA MEDIA PRIMA BERHAD

PKP telah menyertai Karnival Jom Heboh TV3 (KJH) anjuran Media Prima Berhad di enam (6) negeri pada tahun 2024 iaitu WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Sarawak, Pulau Pinang, Terengganu dan Johor. Aktiviti yang dijalankan adalah perkhidmatan saringan dan rawatan pergigian ringkas menggunakan Klinik Pergigian Bergerak, ceramah, pameran, *flash mob*, Latihan Memberus Gigi berirama, persembahan pentas serta permainan interaktif. Pelaksanaan program ini telah melibatkan 30,584 pengunjung daripada pelbagai peringkat umur dan sebanyak 4,465 pengunjung telah menjalani saringan kesihatan pergigian.



Imej 7.20 Aktiviti PKP di Karnival Jom Heboh TV3

KONVENSYEN IKON GIGI (iGG) PERINGKAT KEBANGSAAN 2024

Konvensyen iGG Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 telah berlangsung pada 27-28 September 2024 di Ayer Keroh, Melaka dengan penyertaan sebanyak 121 delegasi, terdiri daripada 64 iGG dan 57 fasilitator. Majlis ini telah dirasmikan oleh Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Negeri Melaka. Antara aktiviti yang berlangsung sepanjang konvensyen ini adalah Pertandingan Kembara iGG, iGG OHSEM (Tokoh iGG) dan Pertandingan Inovasi Bahan Mengajar.



Imej 7.21 Konvensyen iGG Peringkat Kebangsaan Tahun 2024

BULAN KESEDARAN KANSER MULUT (MCAM) 2024

Majlis Perasmian Penutup MCAM telah berlangsung di Kota Samarahan, Sarawak pada 25 Februari 2024 dan dirasmikan oleh TKPK (KP), mewakili KPK. Pelancaran projek rintis *Mobile Mouth Screening Everywhere* (MeMoSA) yang merupakan satu aplikasi telefon pintar untuk saringan kanser mulut turut diadakan. Projek rintis aplikasi ini sedang dijalankan di Sarawak oleh *Cancer Research Malaysia* (CRMY). Selain itu, majlis tersebut turut melibatkan pameran daripada pelbagai agensi luar dan saringan kesihatan pergigian yang dikendalikan oleh Bahagian Kesihatan Pergigian Sarawak.



Imej 7.22 Bulan Kesedaran Kanser Mulut (MCAM) Tahun 2024

TRAINING OF TRAINERS (ToT) UNTUK GARIS PANDUAN AMALAN KLINIKAL (CPG)

Cawangan Teknologi Kesihatan Pergigian telah melaksanakan ToT pertama pada tahun 2024 untuk dua (2) CPG, iaitu *Management of Anterior Crossbite in Mixed Dentition* (Edisi Ketiga) dan *Management of Hypodontia* (Edisi Kedua). ToT ini yang diadakan pada 28 Februari 2024 dan 2 April 2024 di IPKKM telah melibatkan pakar dari semua negeri. Peserta telah mengikuti ceramah, perbincangan kes dan bengkel yang menumpukan kepada kemas kini, diagnostik, perancangan rawatan dan pengurusan pesakit.



Imej 7.23 Training of Trainers (ToT) untuk CPG

MAJLIS PELANCARAN GARIS PANDUAN AMALAN KLINIKAL (CPG)

CPG untuk *Management of Anterior Crossbite in Mixed Dentition* (Edisi Ketiga) dan *Management of Hypodontia* (Edisi Kedua) telah dilancarkan pada 22 Oktober 2024 di Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian yang mewakili TKPK (KP). Garis panduan ini yang dibangunkan berasaskan bukti saintifik telah menunjukkan komitmen KKM untuk menyediakan rawatan berkualiti tinggi, meningkatkan keberkesanan rawatan pesakit, menyeragamkan amalan pergigian dan menangani kes yang kompleks dengan lebih berkesan.



Imej 7.24 Majlis Pelancaran CPG

BAB

8

FARMASI


PENDAHULUAN

Program Perkhidmatan Farmasi adalah program di bawah KKM yang bertanggungjawab untuk memastikan orang awam mendapat keluaran farmaseutikal yang berkualiti, selamat dan berkesan, melindungi kepentingan mereka melalui penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan, serta memastikan ubat-ubatan digunakan oleh penyedia perkhidmatan kesihatan dan juga pesakit secara wajar. Program ini terdiri daripada lima (5) bahagian di bawah pimpinan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi). Bahagian-bahagian tersebut adalah:

- i. Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi
- ii. Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
- iii. Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
- iv. Bahagian Regulatori Farmasi Negara
- v. Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia

AHLI FARMASI BERDAFTAR DI MALAYSIA

Jumlah keseluruhan ahli farmasi berdaftar yang memperbaharui sijil tahunan bagi tahun 2024 adalah sebanyak 21,796 orang mengikut sektor amalan seperti yang berikut:




Rajah 8.1 Ahli Farmasi Berdaftar Mengikut Sektor Amalan Tahun 2024

PEROLEHAN DAN PERBELANJAAN UBAT-UBATAN

Nilai perolehan ubat-ubatan di semua hospital, institusi dan klinik kesihatan KKM pada tahun 2024 adalah sebanyak RM3,455.41 juta. Nilai perbelanjaan ini 4.44% lebih tinggi berbanding dengan nilai perbelanjaan pada tahun 2023. Ubat-ubatan *Approved Products Purchase List* (APPL) yang diperoleh melalui syarikat konsesi adalah sebanyak RM1,330.25 juta (38.50%), kontrak KKM sebanyak RM1,275.09 juta (36.90%) serta pembelian terus dan sebut harga sebanyak RM850.06 juta (24.60%).

PENDISPENSAN UBAT DI HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN


Bagi tahun 2024, jumlah preskripsi pesakit dalam yang diterima di hospital ialah sebanyak 14.80 juta. Jumlah preskripsi pesakit luar yang diterima di fasiliti kesihatan KKM ialah sebanyak 61.6 juta.



Rajah 8.2 Preskripsi Pesakit Dalam yang Diterima Tahun 2020-2024

Pihak farmasi telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (VAS) bagi menambah baik pengurusan pembekalan ubat susulan kepada pesakit di fasiliti kesihatan KKM sejak dari tahun 2003. Pelbagai VAS ditawarkan iaitu Ubat Melalui Pos (UMP), Farmasi Pandu Lalu, Lokar Ubat dan Pembekalan Ubat Susulan Melalui Pihak Ketiga (UM3). Pada tahun 2024, 19.10% preskripsi susulan telah didispens kepada pesakit melalui VAS.

Bermula tahun 2020, aplikasi MyUBAT telah dibangunkan bagi memudahkan pesakit untuk melanggan VAS. Di samping itu, aplikasi ini turut memudahkan staf farmasi menguruskan proses pendaftaran dan penyediaan ubat-ubatan susulan dengan lebih sistematik.



Rajah 8.3 Preskripsi Susulan yang Didispens melalui VAS Tahun 2020-2024

STATUS PUSAT LATIHAN DAN PRECEPTOR


Program latihan sangkutan jangka pendek untuk pegawai farmasi diwujudkan bagi memastikan pegawai farmasi dapat memberikan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal yang berkualiti dan menepati standard yang telah ditetapkan oleh Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi.

Sehingga Disember 2024, terdapat 60 fasiliti yang aktif dengan pertambahan sembilan (9) pusat latihan baharu pada tahun 2024 (49 hospital atau institusi dan sebelas (11) klinik kesihatan), melibatkan 199 pusat latihan dan sebanyak 247 preceptor. Pertambahan sembilan (9) pusat latihan ini, adalah melibatkan bidang pengkhususan seperti Farmasi Kecemasan, *Antimicrobial Stewardship*, Farmasi Wad, Farmasi Diabetes, Farmasi Nefrologi, Nutrisi Parenteral, Farmasi Onkologi dan Farmakokinetik Klinikal.

PENYENARAIAN ATAU PINDAAN KEPADA FORMULARI UBAT KKM (FUKKM)

FUKKM merupakan senarai ubat-ubatan yang telah diluluskan untuk digunakan di semua fasiliti KKM dan berfungsi sebagai panduan kepada anggota kesihatan KKM dalam menentukan ubat-ubatan yang diperlukan untuk rawatan pesakit. Permohonan penyenaraian atau pindaan kepada FUKKM dibentangkan dalam Mesyuarat Panel FUKKM yang bersidang sebanyak tiga (3) kali setahun. Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi bertanggungjawab untuk memproses dan menilai permohonan penyenaraian atau pindaan terhadap FUKKM.

Terdapat sebanyak 1,650 persediaan yang merangkumi 864 entiti kimia telah disenaraikan dalam FUKKM sehingga Disember 2024.




Rajah 8.4 Ubat-ubatan yang Tersenarai dalam FUKKM Tahun 2020-2024

UBAT KELULUSAN KHAS (UKK)

Kelulusan khas diperlukan untuk memperoleh dan menggunakan ubat berdaftar (bagi ubat atau indikasi yang tidak tersenarai dalam FUKKM) serta ubat yang tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) di fasiliti kesihatan KKM. Permohonan UKK ini dipertimbangkan sebagai pilihan rawatan alternatif dengan mengutamakan penggunaan ubat-ubatan berdaftar yang tersenarai dalam FUKKM.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 11,479 permohonan UKK telah diterima bagi kegunaan di fasiliti KKM (termasuk ubat APPL dan kontrak KKM), di mana 10,370 (90.34%) permohonan telah diluluskan. Anggaran kos yang terlibat untuk kelulusan ini adalah sebanyak RM241.18 juta. Selain itu, Cawangan Pengurusan Formulari turut memproses permohonan UKK daripada fasiliti kesihatan bukan KKM, termasuk fasiliti kesihatan di bawah KPT, Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF), Institut Jantung Negara (IJN) dan institusi kesihatan swasta. Sebanyak 5,553 permohonan telah diterima daripada fasiliti bukan KKM, dengan 4,823 (86.85%) permohonan diluluskan. Anggaran kos kelulusan bagi permohonan ini adalah sebanyak RM269.34 juta.



Rajah 8.5 Kelulusan UKK Tahun 2020-2024

CADANGAN PELAKSANAAN INISIATIF PEMAPARAN HARGA UBAT DI KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA DAN FARMASI KOMUNITI DI BAWAH AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011 [AKTA 723]

Mekanisme Ketelusan Harga Ubat (MKHU) telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara yang dipengerusi oleh Perdana Menteri pada 3 Oktober 2023. Susulan itu, Perdana Menteri telah mengumumkan komitmen kerajaan untuk memastikan penjualan ubat lebih telus melalui mekanisme paparan harga dengan objektif untuk membolehkan rakyat mengetahui harga yang perlu dibayar, membuat perbandingan harga dan pilihan terbaik dalam

mendapatkan ubat-ubatan pada harga munasabah dan mampu milik. Justeru itu, KKM giat menjalankan sesi libat urus dan konsultasi awam secara berterusan bagi memberikan penerangan dan mendapatkan maklum balas pihak berkepentingan terhadap inisiatif Pemaparan Harga Ubat di Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta dan Farmasi Komuniti.

SESI KONSULTASI AWAM

Konsultasi awam telah diadakan pada 15 Julai 2024 sehingga 20 Ogos 2024 melalui platform *Unified Public Consultation (UPC)* untuk mendapatkan maklum balas soal selidik yang lebih meluas. Soal selidik ini merangkumi soalan mengenai persetujuan pelaksanaan inisiatif pemaparan harga ubat, jangkaan impak pelaksanaan dan anggaran kos implementasi pemaparan harga ubat untuk pemegang taruh. UPC ini telah mencapai jumlah 6,999 views dan sebanyak 459 responden telah memberikan maklum balas. Secara keseluruhan, sebanyak 350 (76.25%) responden bersetuju dengan cadangan Inisiatif Pemaparan Harga Ubat ini dan majoriti yang bersetuju terdiri daripada pengguna/orang awam dan agensi awam.



Imej 8.1 Sesi Konsultasi Awam

SESI LIBAT URUS DENGAN PEMEGANG TARUH

Beberapa sesi libat urus telah diadakan sejak 2023 dan terkini adalah pada 13 Ogos 2024 di Auditorium JAKIM, Putrajaya melibatkan pelbagai pemegang taruh seperti pengguna atau pesakit, penyedia insurans, industri farmaseutikal, farmasi komuniti, penyedia perkhidmatan bagi klinik perubatan swasta, klinik pergigian swasta, hospital swasta dan lain-lain. Sesi ini dihadiri oleh 472 peserta secara fizikal dan dalam talian. Berdasarkan maklum balas yang diterima, 67 (63.81%) daripada 105 peserta bersetuju dengan pelaksanaan Inisiatif Pemaparan Harga Ubat ini.



Imej 8.2 Sesi Libat Urus dengan Pemegang Taruh

INISIATIF PELUPUSAN UBAT-UBATAN DALAM SIMPANAN PESAKIT DEMI KELESTARIAN ALAM SEKITAR (MyMediSAFE)

Program Perkhidmatan Farmasi telah memperkenalkan MyMediSAFE iaitu satu inisiatif untuk mendidik masyarakat tentang pelupusan ubat-ubatan yang tidak digunakan secara betul dan selamat. Tujuan pelaksanaan MyMediSAFE adalah untuk mencegah risiko kesihatan yang berpunca daripada sisa farmaseutikal kepada manusia, mengelakkan isu kerintangan antimikrob dan seterusnya memastikan kelestarian alam sekitar. MyMediSAFE telah dilancarkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan pada 25 September 2024 di Putrajaya.

MyMediSAFE merupakan sinergi awam swasta melibatkan pelbagai organisasi. Sehingga Disember 2024, MyMediSAFE telah disertai oleh 33 rakan strategik yang merangkumi persatuan berkaitan bidang farmaseutikal, hospital swasta, farmasi komuniti, hospital universiti, syarikat farmaseutikal, syarikat penyedia perkhidmatan pelupusan ubat serta syarikat berkaitan pengiklanan kesihatan.

Sehingga Disember 2024 juga, sebanyak 854 pusat pengumpulan ubat-ubatan yang terdiri daripada 149 hospital KKM dan 705 fasiliti bukan KKM telah dikenal pasti di seluruh negara. Lokasi pusat pengumpulan ubat-ubatan boleh disemak melalui laman web <https://www.mymedisafe.org.my/>.



Imej 8.3 Majlis Pelancaran MyMediSAFE

KEMPEN TOLAK UBAT TIDAK SAH (TOBaTS)

Kewujudan ubat tidak berdaftar, palsu, mahupun *substandard* dalam pasaran merupakan ancaman terhadap kesihatan awam secara global. Pada 2017, WHO menganggarkan bahawa satu daripada sepuluh ubat di negara berpendapatan rendah dan sederhana adalah palsu atau *substandard*. Masalah ini boleh menyebabkan risiko kesihatan yang serius seperti kegagalan rawatan dan kesan advers yang berbahaya, sehingga boleh mengakibatkan kematian. KKM telah mengambil pelbagai langkah secara proaktif dan reaktif untuk menangani masalah ini dan meningkatkan kesedaran awam.

Kempen TOBaTS telah dilancarkan secara rasmi oleh Menteri Kesihatan pada 20 November 2024. Objektif utama kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran awam khususnya pengguna dan pemegang taruh tentang bahaya dan risiko penggunaan ubat tidak sah, pengiklanan ubatan tanpa kelulusan KKM serta memastikan pengguna mendapatkan bekalan ubat mereka daripada sumber yang sah sahaja.

Ubat tidak sah yang dimaksudkan dalam kempen ini meliputi lima (5) kategori utama kesalahan yang sering dikesan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi iaitu:

- i. Ubat tidak berdaftar dengan KKM
- ii. Ubat tiruan atau *counterfeit*
- iii. Ubat yang dicampur dengan bahan atau racun terlarang
- iv. Ubat yang diperoleh daripada sumber tidak sah
- v. Ubat yang diimport tanpa kelulusan KKM

Seiring dengan kempen ini, sejumlah 1,819 aktiviti kesedaran telah dijalankan sepanjang tahun 2024 oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi di seluruh negara. Aktiviti ini meliputi libat urus, ceramah, pameran dan dialog bersama pemegang taruh, temu bual di stesen radio dan televisyen serta hebahan di medium digital melibatkan portal rasmi Program Perkhidmatan Farmasi di <https://pharmacy.moh.gov.my/tobats> dan platform media sosial rasmi seperti Facebook, Instagram dan TikTok (@sdbb_official) selaras dengan trend dan perkembangan semasa.



Imej 8.4 Pelancaran Rasmi Kempen TOBaTS



Imej 8.5 Aktiviti Kempen TOBaTS

PENGHARGAAN DARIPADA ORGANISASI REACT

React merupakan sebuah organisasi global yang tidak berasaskan keuntungan dengan lebih 30 tahun pengalaman dalam memerangi barangan palsu dan keahlian sebanyak 350 perniagaan dalam pelbagai industri. Organisasi ini mempunyai dua (2) fungsi utama iaitu:

- Memberi sokongan kepada ahli dalam strategi anti-pemalsuan dengan menyediakan perkhidmatan penguatkuasaan kastam dalam talian dan pasaran dengan yuran bukan komersial
- Memberi sokongan terhadap aktiviti untuk melindungi semua pemegang hak, pengguna dan kerajaan daripada kesan negatif perdagangan barangan tiruan

Setiap tahun, React akan mengadakan Latihan Serantau dan Bengkel Pengenalan Produk kepada agensi penguatkuasaan dan ahli. Bahagian Penguatkuasaan Farmasi telah dijemput sebagai ahli panel perbincangan bagi sesi latihan ini sejak 2022.

Pada tahun ini, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi telah diberi penghargaan oleh React dalam sesi Latihan Serantau dan Bengkel Pengenalan Produk yang diadakan di Luang Prabang, Laos. Penghargaan ini diberikan kerana usaha bahagian ini dalam memerangi produk farmaseutikal haram. Ini termasuk usaha menjalankan siasatan dan aktiviti penguatkuasaan, menangani produk farmaseutikal kaunterfit dalam talian melalui sekatan akses, pemantauan platform e-dagang, menangani pemasangan produk farmaseutikal tersebut serta menjalankan program kesedaran.



Imej 8.6 Penghargaan kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi oleh Organisasi React di Laos

PERSIDANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN FARMASI KEBANGSAAN KE-12

Persidangan Penyelidikan dan Pembangunan Farmasi Kebangsaan Ke-12 telah berlangsung dengan jayanya pada 19-21 Ogos 2024 dengan tema *Unity for Medicine Security: Collaborative Solutions for a Safer Future*. Acara yang berprestij ini telah menghimpunkan lebih 400 peserta, yang terdiri daripada pegawai farmasi, wakil industri farmaseutikal, ahli akademik serta penyelidik dalam bidang farmasi.

Majlis perasmian persidangan ini telah disempurnakan oleh Menteri Kesihatan. Ucaptama telah disampaikan oleh TKSU (K) yang bertajuk *Prescription For Progress: Charting The Path Forward For Medicine Security In Malaysia*. Persidangan ini terdiri daripada beberapa forum dan simposium yang membincangkan isu semasa berkenaan keterjaminan ubat-ubatan. Persidangan ini turut menjemput penceramah daripada negara ASEAN untuk berkongsi pengalaman, pandangan serta pencapaian negara masing-masing. Selain daripada itu, sebanyak 73 kajian telah dibentangkan secara lisan manakala 58 lagi dipersembahkan dalam bentuk poster. Semua abstrak tersebut telah diterbitkan dalam *Pharmacy Research Reports Volume 7, Supplement Issue, August 2024*.



Imej 8.7 Persidangan Penyelidikan dan Pembangunan Farmasi Kebangsaan Ke-12

PENGANJURAN 27TH PIC/S EXPERT CIRCLE MEETING ON HUMAN BLOOD, TISSUES, CELLS AND ADVANCED THERAPY MEDICINAL PRODUCTS (ATMPs)

27th PIC/S Expert Circle Meeting on Human Blood, Tissues, Cells and Advanced Therapy Medicinal Products (ATMPs) telah diadakan pada 20-22 Ogos 2024 di Kuala Lumpur. Acara penting ini menghimpunkan pihak berkuasa regulatori dan pemeriksa Amalan Perkilangan Baik dari pelbagai negara ahli *Pharmaceutical Inspection Co-operation Scheme* (PIC/S) untuk membincangkan isu semasa serta berkongsi pengalaman berkaitan pemeriksaan dan pengawalseliaan komponen darah, tisu, sel dan ATMP. Mesyuarat itu bertujuan untuk meningkatkan kolaborasi di kalangan pihak berkuasa yang mengambil bahagian dan meningkatkan konsistensi pemeriksaan merentasi bidang kuasa yang berbeza.

Topik utama yang dibincangkan termasuk perkembangan terkini garis panduan untuk institusi darah dan tapak pembuatan ATMP. Mesyuarat ini juga memudahkan perkongsian pengetahuan mengenai pendekatan moden terhadap pemeriksaan, agar sejajar dengan kemajuan teknologi perubatan.



Imej 8.8 *The 27th PIC/S Expert Circle Meeting on Human Blood, Tissues, Cells and ATMPs*

MAJLIS MENANDATANGANI SEMULA MOU ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN THE HEALTH SCIENCES AUTHORITY (HSA) OF SINGAPORE BAGI KERJASAMA DALAM BIDANG REGULATORI FARMASEUTIKAL

Majlis Menandatangani Semula MoU antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh KKM dan *The Health Sciences Authority (HSA) of Singapore* bagi kerjasama dalam bidang regulatori farmaseutikal telah berlangsung pada 6 Mei 2024 di HSA, Singapura.

MoU yang ditandatangani buat pertama kalinya pada 28 Mac 2012 telah berkuatkuasa selama lima (5) tahun dan secara automatik dilanjutkan kepada lima (5) tahun lagi sebelum tamat secara rasminya pada 28 Mac 2022. Pemeteraian semula memorandum ini dapat memudahkan proses pertukaran maklumat regulatori farmaseutikal antara agensi bagi memperkasakan Amalan Regulatori Baik dan seterusnya meningkatkan kecekapan kedua-dua agensi. Antara bidang kerjasama yang telah dikenalpasti dan akan diteruskan adalah kawalan regulatori produk farmaseutikal (termasuk isu pendaftaran, pasca pendaftaran dan penguatkuasaan) serta aktiviti kajian klinikal.



Imej 8.9 *Majlis Menandatangani MoU antara KKM dan HSA*

SAMBUTAN HARI FARMASI SEDUNIA 2024

Sambutan Hari Farmasi Sedunia 2024 peringkat kebangsaan telah diadakan pada 25 September 2024 di Putrajaya dan dilancarkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan.

Sambutan tahun ini yang bertemakan *Pharmacists: Meeting Global Health Needs* telah dihadiri wakil dari KKM, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), industri dan persatuan farmaseutikal, farmasi komuniti, hospital swasta, ahli akademik serta pemegang taruh. Tujuan sambutan adalah bagi meningkatkan kesedaran awam tentang profesion ahli farmasi serta mengiktiraf kepentingan bidang farmasi dalam perkhidmatan kesihatan.

Selari dengan tema sambutan, Timbalan Menteri Kesihatan turut melancarkan inisiatif MyMediSAFE bagi membantu pesakit menguruskan ubat-ubatan dengan selamat dan bertanggungjawab. Pameran Kenali Ubat Anda, TOBaTS dan MyMediSAFE telah diadakan pada hari sambutan tersebut untuk meningkatkan kesedaran berkaitan inisiatif KKM dalam pengurusan ubat-ubatan.



Imej 8.10 Sambutan Hari Farmasi Sedunia 2024 Peringkat Kebangsaan

HALA TUJU

Program Perkhidmatan Farmasi menghargai dan menjunjung komitmen sebesar untuk menyediakan perkhidmatan farmasi terunggul kepada rakyat. Program ini bergerak seiring dengan hala tuju kementerian dan negara ke arah meningkatkan taraf kesihatan dan tahap kesedaran terhadap kesihatan. Program ini juga sentiasa bersedia bagi mengukuhkan usaha untuk bekerjasama dengan pelbagai agensi dalam sektor kesihatan dalam memastikan kemampuan penjagaan kesihatan.

BAB

9

**KESELAMATAN
DAN KUALITI
MAKANAN**

PENGENALAN

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) merupakan peneraju kawalan keselamatan dan kualiti makanan negara yang bertanggungjawab ke atas sepanjang rantai bekalan makanan. PKKM bertanggungjawab melindungi rakyat terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyimpanan, penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan makanan serta memudahkan perdagangan makanan. Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya merupakan tulang belakang bagi Program Keselamatan Makanan. Program ini diketuai oleh TKPK (K&KM) yang terdiri daripada:

- i. Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Standard Codex
- ii. Bahagian Pematuhan dan Pembangunan Industri
- iii. Pusat Keselamatan Makanan Negara
- iv. Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia

Aktiviti utama PKKM antaranya adalah pemantauan dan penguatkuasaan ke atas makanan import, domestik dan premis makanan, kawalan makanan eksport, *pre-market approval*, pensijilan keselamatan makanan, pencegahan keracunan makanan, penilaian risiko dan surveilan makanan, pembangunan peraturan dan standard, perkhidmatan makmal, khidmat nasihat pelabelan dan sistem jaminan keselamatan makanan.

MESYUARAT CODEX COMMITTEE ON FATS AND OILS (CCFO) KE-28

Mesyuarat telah berlangsung pada 19-23 Februari 2024 dengan meluluskan semua agenda yang melibatkan lima (5) cadangan standard baharu iaitu minyak avokado, minyak biji camellia, minyak sacha inchi, minyak kacang soya tinggi asid oleik dan minyak ikan calanus. Mesyuarat juga telah memuktamadkan standard minyak zaitun dan minyak pomace zaitun. Kejayaan CCFO28 diperkukuhkan dengan enam (6) standard dan dua (2) inisiatif baharu yang dicadangkan oleh CCFO telah dipersetujui semasa Sesi *Codex Alimentarius Commission* Ke-47 (CAC47), termasuk inisiatif bagi menangani isu asid lemak trans industri dan minyak separa terhidrogen. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 112 delegasi dari 36 negara dan 11 organisasi antarabangsa.



Imej 9.1 Mesyuarat CCFO Ke-28

SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA 2024

Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia merupakan sambutan yang diadakan pada 7 Jun setiap tahun. Pada tahun 2024, sambutan ini telah dirasmikan melalui video ucapan oleh Menteri Kesihatan dengan tema *Food Safety: Prepare For the Unexpected*.



Imej 9.2 Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2024

APRON WALK SEMPENA SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2024

Apron Walk sempena sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2024 telah diadakan pada 19 Julai 2024. Majlis Pelancaran *Apron Walk* telah dirasmikan oleh KPK di Anjung Floria, Putrajaya dan merupakan salah satu aktiviti dalam menyokong pelaksanaan ANMS yang disertai lebih 2,000 peserta.



Imej 9.3 *Apron Walk* 2024

PROGRAM PREMIS BERSIH, BEBAS ASAP (BeBAs) 2024

BeBAs merupakan kerjasama antara pengusaha premis makan dengan agensi kerajaan, agensi swasta, rakan sukarelawan, badan profesional dan NGO yang menitikberatkan konsep pemerkasaan masyarakat dalam memastikan peraturan berkaitan kebersihan dan larangan merokok di premis makanan sentiasa dipatuhi. BeBAs telah diadakan di sepuluh (10) negeri melibatkan lokaliti antaranya Jalan Alor, Kuala Lumpur, Port Dickson, Kuala Perlis, Pulau Perhentian, Pasar Siti Khadijah, Benteng, Kuantan dan Padang Kota, Pulau Pinang. Aktiviti BeBAs merangkumi sesi dialog bersama pemegang taruh dan sesi *walkabout* di sekitar premis makanan kawasan yang terpilih dengan penyampaian plat pengiktirafan Bersih dan Selamat (BeSS) serta tanda larangan merokok kepada premis makanan di kawasan yang berkenaan.



Imej 9.4 BeBAs 2024

MESYUARAT MAJLIS KESELAMATAN MAKANAN DAN PEMAKANAN KEBANGSAAN (MKMPK) KE-17

MKMPK adalah badan penasihat utama negara dalam menangani semua perkara berkaitan keselamatan makanan dan pemakanan. Majlis ini dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan dan melibatkan ahli dari pelbagai kementerian, agensi, persatuan industri makanan, persatuan pengguna, badan professional dan akademik. MKMPK sentiasa bekerjasama rapat dengan pelbagai pemegang taruh dalam negara bagi memastikan rakyat menerima makanan yang selamat, sihat dan berkhasiat. Mesyuarat MKMPK Ke-17 telah diadakan pada 2 Ogos 2024.



Imej 9.5 Mesyuarat MKMPK Ke-17

PERSIDANGAN KESELAMATAN MAKANAN KEBANGSAAN

Bertemakan *Food Safety is Everyone's Business*, persidangan ini dianjurkan oleh *International Food Safety Training Centre* (IFSTC) dengan kerjasama Persatuan Keselamatan Makanan Malaysia (MAFSA) sebagai satu platform perkongsian ilmu berkaitan amalan keselamatan makanan terbaik melalui perkongsian pelaksanaan dasar, perbincangan berinformasi tinggi, penyelesaian inovatif dan kerjasama berimpak tinggi oleh pembentang tempatan dan antarabangsa. Persidangan ini diadakan pada 14-15 Oktober 2024 dan dilancarkan oleh Menteri Kesihatan.



Imej 9.6 Persidangan Keselamatan Makanan Kebangsaan 2024

Bersempena persidangan ini, Pertandingan Anugerah Medan Selera Bersih dan Selamat Peringkat Kebangsaan 2023/2024 turut diadakan bagi Kategori Medan Selera di bawah pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan dan kawasan rehat dan rawat (R&R) dan pemenangnya adalah seperti berikut:

Kategori Medan Selera di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Kerajaan

- i. Johan: Medan Selera Murni, Kampus Kesihatan, USM, Kubang Kerian Kota Bharu, Kelantan
- ii. Naib Johan: Medan Selera Melaka@Aymo, Kolej Profesional MARA Ayer Molek, Melaka
- iii. Tempat Ketiga: Medan Selera Café, Kampus Bukit Besi, Terengganu

Kategori Medan Selera di R&R

- i. Johan: Medan Selera R&R Machap (Arah Utara) Kluang, Johor
- ii. Naib Johan: Medan Selera R&R Paka (Arah Utara) Terengganu
- iii. Tempat Ketiga: Medan Selera R&R Ayer Keroh (Arah Selatan) Melaka



Imej 9.7 Anugerah Medan Selera Bersih dan Selamat Peringkat Kebangsaan 2023/2024

MESYUARAT KLUSTER KESELAMATAN MAKANAN DAN PEMAKANAN

Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan yang diterajui oleh KKM dan diselaraskan oleh Sekretariat MKMPK merupakan salah satu daripada lima kluster yang dibentuk dalam mendukung pelaksanaan dasar keterjaminan makanan di negara ini yang diselaraskan oleh KPKM. Sebanyak dua (2) Kertas Pertimbangan dan empat (4) Kertas Makluman dibentangkan semasa Mesyuarat pada 22 Mac 2024 yang dipengerusikan oleh TKSU (P) dan seterusnya dua (2) kertas diluluskan untuk diangkat kepada Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keterjaminan Makanan Negara.



Imej 9.8 Mesyuarat Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan

PEMBANGUNAN INDEKS KESELAMATAN MAKANAN DI MALAYSIA

Pembangunan indeks keselamatan makanan kebangsaan merupakan usaha untuk mengukur dan memantau keselamatan makanan secara kuantitatif sepanjang rantai bekalan makanan, serta untuk mengenal pasti komponen dan kawalan keselamatan makanan secara menyeluruh bagi tujuan penambahbaikan berterusan. Pada tahun 2024, sebanyak sepuluh (10) sesi libat urus telah diadakan antara PKKM, IPTK dan pemegang taruh untuk membentuk instrumen indeks yang holistik bagi landskap keselamatan makanan di negara ini.



Imej 9.9 Mesyuarat Pembentangan Kerangka Pembangunan Indeks Tahun 2024

PENGIKTIRAFAN BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN (BKKM) TERBAIK PERINGKAT NEGERI


Pengiktirafan BKKM Terbaik telah diperkenalkan mulai tahun 2020 bagi mengiktiraf kecemerlangan di peringkat JKN daripada segi pencapaian aktiviti melalui penilaian pelaksanaan pelan tindakan, KPI, piagam pelanggan, penyertaan inovasi dan pengurusan kewangan pada tahun sebelumnya. Pengiktirafan BKKM Terbaik Tahun 2023 telah diberikan kepada JKN Pulau Pinang diikuti dengan JKN Kelantan di tempat kedua dan JKN Perak dan JKN Pahang di tempat ketiga.



Imej 9.10 Pengiktirafan BKKM Terbaik Tahun 2023

PERKHIDMATAN ANALISIS MAKANAN

Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan memberi perkhidmatan analisis makanan dan menerima sampel daripada JKN, PKD and Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) untuk aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan. Pada tahun 2024, sebanyak 26,257 sampel makanan telah dianalisis. Sebanyak 26,187 (99.73%) mencapai *Laboratory Turnaround Time* (LTAT) yang ditetapkan.



Rajah 9.1 Jumlah Sampel Makanan Dianalisis dan Pencapaian LTAT Tahun 2024

SURVELAN KESELAMATAN MAKANAN

Pada tahun 2024, aktiviti surveilan dan kajian keselamatan makanan telah dilaksanakan seperti berikut:

1. Survelan Terancang

- i. Pemantauan jumlah flatoksin dalam buah-buahan kering di pasaran tempatan.
- ii. Pemantauan cemaran logam berat (plumbum dan kadmium) dalam sayur-sayuran terpilih di pasaran tempatan.
- iii. Pemantauan cemaran logam berat (plumbum dan kadmium) dalam kekacang di pasaran tempatan.
- iv. Pemantauan ketulenan madu lebah di pasaran tempatan.
- v. Pemantauan pencemaran PAH (*benzo (a) pyrene*) dalam lemak sapu dan marjerin di pasaran tempatan.

2. Survelan Aktif

- i. Pemantauan mesin jual air (MJA) yang berlesen bagi tujuan pengesahan tahap kepatuhan terhadap Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- ii. Pemantauan migrasi bahan kimia daripada bahan pembungkusan makanan jenis polipropilena (PP).

3. Survelan *Antimicrobial Resistance* (AMR)

Pemantauan tahap pencemaran salmonella dan e.coli serta AMR di dalam komoditi makanan terpilih di pasaran:

- i. daging
- ii. ikan
- iii. buah-buahan
- iv. sayur-sayuran

4. Kajian Keselamatan Makanan

- i. Kajian mikrobiologi dan logam berat untuk minuman air bertapis yang dijual dari rumah/premis persendirian.
- ii. Tahap migrasi formaldehid dalam *melamine ware* yang di jual di pasaran.
- iii. Status tahap ethoxyquin dalam udang ternak (*farmed shrimp*) di pasaran negeri Pulau Pinang.
- iv. Pemantauan status mikrobiologi dalam makanan sedia dimakan yang viral di Melaka.
- v. Pewarna yang tidak dibenarkan (Rhodamine B) di dalam produk gelembung buaya di negeri Kelantan.
- vi. Status mikrobiologi dalam udang dan sotong celup tepung.
- vii. Kandungan pestisid dalam sayur-sayuran dijual di Kundasang.

PENILAIAN PENDEDAHAN

Sebanyak enam (6) penilaian pendedahan terhadap bahaya makanan telah dijalankan, iaitu kolistin dalam makanan, plumbum dalam rempah, plumbum dan kadmium dalam susu formula bayi, garam dan beras putih, plumbum dalam bijirin sarapan, pestisid dalam buah-buahan dan sayur-sayuran serta okratoksin A dalam makanan. Dapatan daripada penilaian pendedahan ini digunakan sebagai bukti saintifik dalam penetapan standard makanan dan langkah pencegahan bagi memastikan tindakan yang diambil berkesan dalam melindungi kesihatan awam serta memudahkan perdagangan makanan di negara ini.


INTERNATIONAL FOOD SAFETY TRAINING CENTRE (IFSTC) MALAYSIA

IFSTC Malaysia berperanan menganjurkan latihan kepakaran kepada pihak pemegang taruh yang terdiri antaranya industri makanan, pengamal undang-undang, pensyarah dan pelajar universiti, penguatkuasa, pegawai daripada agensi kerajaan dan individu atau ahli persatuan yang berminat untuk mendalami pengetahuan mengenai bidang keselamatan dan kualiti makanan. Sejak 2016-2024, sebanyak 108 latihan telah dianjurkan dan disertai oleh 3,760 peserta termasuk peserta dari negara ASEAN.

KAWALAN DAN PEMATUHAN DOMESTIK

PENDAFTARAN PREMIS MAKANAN


Semua premis makanan wajib berdaftar dengan KKM seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009. Pada tahun 2024, sebanyak 30,005 premis makanan baharu telah didaftarkan iaitu 1,817 kilang makanan (kategori P1), 1,879 perkhidmatan katering makanan (kategori P2), 26,037 premis kedai makan (kategori P3), 272 kenderaan yang menjual makanan (kategori P4).



Rajah 9.2 Premis Berdaftar Tahun 2024

PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN


Pemeriksaan premis makanan adalah untuk memastikan kebersihan premis mematuhi keperluan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Pada tahun 2024, sebanyak 94,117 premis makanan telah diperiksa dengan 88,821 (94%) premis adalah bersih dengan markah penilaian melebihi 75% dan 1,950 (2.07%) premis makanan yang tidak mencapai tahap kebersihan yang ditetapkan telah diarahkan tutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983.



Rajah 9.3 Pemeriksaan dan Penutupan Premis Makanan Tahun 2020-2024

PENSAMPELAN MAKANAN

Pensampelan makanan berdasarkan penilaian risiko dijalankan bagi memastikan makanan yang disediakan atau dijual di pasaran Malaysia mematuhi keperluan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Pada tahun 2024, sebanyak 32,431 sampel makanan telah dianalisis dan didapati 1,679 sampel (5.18%) melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Dari tahun 2020-2024, terdapat trend peningkatan bagi sampel melanggar.



Rajah 9.4 Bilangan Sampel Diambil dan Peratus Sampel Melanggar Tahun 2020-2024

OPERASI KESELAMATAN MAKANAN

Pada tahun 2024, PKKM telah menyelaras operasi keselamatan makanan di peringkat kebangsaan sebagai langkah proaktif bagi menangani isu keselamatan makanan iaitu Operasi Tahun Baru Cina, Operasi Ramadan dan Operasi Premis Bersih.

Jadual 9.1 Operasi Keselamatan Makanan Tahun 2024



Operasi Tahun Baru Cina



Operasi Ramadan




Operasi Premis Bersih

Bil. Premis diperiksa	779	Bil. Premis diperiksa	55,363	Bil. Premis diperiksa	12,854
Jumlah Produk Makanan Dirampas	26,478	Jumlah Produk Makanan Dirampas	2,387	Bil. Premis Makanan Ditutup	487 (3.79%)
Nilai Kompaun Notis 32B	RM99,816.22	Nilai Barangan Disita/Rampas	RM294,071.27	Bil. Notis 32B	7,532 (58.60%)

FOOD ALERT DAN FOOD RECALL


Pada tahun 2024, sebanyak 145 notifikasi *Food Alert* telah direkodkan dan 41 arahan menarik balik produk dari pasaran (*Food Recall*) telah dikeluarkan.




Rajah 9.5 Food Alert dan Notice of Recall Tahun 2020-2024

PEMERIKSAAN PENGENDALI MAKANAN

Semua pengendali makanan adalah diwajibkan untuk menghadiri Latihan Pengendali Makanan (LPM) di Sekolah Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh KKM dan wajib mendapatkan vaksinasi anti-tifoid.




Rajah 9.6 Status Vaksinasi Anti-Tifoid Pengendali Makanan Tahun 2024



Rajah 9.7 Status Latihan Pengendali Makanan Tahun 2024

PENGUATKUASAAN AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

Juruanalisis makanan diwajibkan berdaftar di bawah Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan mempunyai APC yang sah bagi menjalankan analisis makanan di Malaysia. Sejak tahun 2024, jumlah keseluruhan juruanalisis makanan berdaftar adalah sebanyak 1,732 dari pelbagai sektor. Pada tahun 2024, aktiviti penguatkuasaan Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan Peraturan Juruanalisis Makanan 2013 telah dijalankan dengan melaksanakan pemeriksaan ke atas 175 makmal dan 482 juruanalisis makanan dengan satu (1) kes dikesan dengan kesalahan juruanalisis makanan tidak berdaftar.



Rajah 9.8 Pendaftaran Juruanalisis Makanan Mengikut Sektor

KAWALAN MAKANAN IMPORT


Aktiviti kawalan makanan import dilaksanakan melalui 70 PMA di seluruh Malaysia. Sejumlah 373,383 konsainan makanan diimport ke Malaysia pada tahun 2024 berbanding dengan 367,094 konsainan makanan pada tahun 2023. Pada 2024, 375,383 (100%) konsainan dokumen telah diperiksa dan 4,642 (1.24%) konsainan telah diambil sampel berdasarkan penilaian risiko untuk dianalisis mengikut pelbagai jenis parameter. Terdapat enam (6) tahap pemeriksaan bagi kawalan makanan import seperti dalam **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2 Pemeriksaan Konsainan, Pensampelan dan Kepatuhan Sampel Tahun 2023-2024

Tahun	Konsainan diimport	Konsainan diperiksa	Peratus konsainan diperiksa	Bilangan Pensampelan	Perlanggaran sampel	Peratus kepatuhan sampel
2023	367,094	366,195	98.70%	4,019	92	98.30%
2024	375,383	375,383	100.00%	4,624	113	97.60%

KAWALAN MAKANAN EKSPORT


Program pemantauan eksport merupakan kawalan rasmi yang dibangunkan secara spesifik mengikut komoditi dan keperluan negara pengimport. PKKM juga telah menyenaraikan fasiliti makanan eksport yang diluluskan oleh negara pengimport.



Rajah 9.9 Fasiliti Makanan Eksport yang Disenaraikan bawah KKM sehingga Tahun 2024

PENGELUARAN SIJIL EKSPORT

Pengeluaran sijil eksport oleh PKKM diberikan kepada pengeksport berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh negara pengimport. Jumlah keseluruhan pengeluaran sijil eksport pada tahun 2024 ialah 68,999.



Rajah 9.10 Pengeluaran Sijil Eksport Tahun 2024


PEMBANGUNAN INDUSTRI

PELESENAN

Pengeluaran lesen bagi empat (4) kategori pelesenan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 iaitu pelesenan mesin jual air, pelesenan ais, pelesenan minuman air berbungkus dan pelesenan air mineral. Pada tahun 2024, jumlah lesen yang dikeluarkan adalah sebanyak 3,807 lesen mesin jual air, 235 lesen ais, 101 lesen air mineral semula jadi dan 237 lesen air minuman berbungkus.


PENSIJILAN PROGRAM JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN

Pelaksanaan pensijilan program jaminan keselamatan makanan dilaksanakan bagi membantu industri makanan dalam mematuhi keperluan Akta Makanan 1983 dan peraturan di bawahnya melalui pensijilan seperti *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP), *Good Manufacturing Practice* (GMP) dan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI). **Rajah 9.11** menunjukkan trend dan pencapaian untuk pensijilan sistem keselamatan makanan dari tahun 2016-2024.



Rajah 9.11 Pemegang Sijil HACCP, GMP dan MeSTI dari Tahun 2016-2024

Selain itu, terdapat juga pelbagai pensijilan lain yang telah diperkenalkan di bawah KKM. Sehingga tahun 2024, jumlah bagi pensijilan, pengiktirafan dan penyenaraian lain-lain berkaitan keselamatan makanan adalah seperti berikut:



Rajah 9.12 Pensijilan, Pengiktirafan, Pendaftaran dan Penyenaraian berkaitan Keselamatan Makanan

PENCEGAHAN KERACUNAN MAKANAN

Sebagai langkah pencegahan kejadian keracunan makanan, PKKM secara berterusan memantau latihan pengendali makanan yang diberikan melalui Sekolah Latihan Pengendali Makanan dan Tenaga Pengajar yang diiktiraf oleh KKM. Kerjasama dengan pelbagai agensi diadakan bagi membendung kejadian keracunan makanan antaranya Program Keselamatan Makanan (ProKEM) bersama KPM dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) seperti di **Rajah 9.13** dan **Imej 9.11**.



Rajah 9.13 Program Latihan Pengendali Makanan Tahun 2024



Pemantauan Bersepadu Amalan ProKEM PKKM bersama KPM Kohort 3 2024



Mesyuarat Teknikal Aktiviti Pencegahan Keracunan Makanan Bersama Pegawai JKN



Mesyuarat Libat Urus Pencegahan Keracunan Makanan di Kantin dan Dapur Asrama Sekolah Bersama KPM



Mesyuarat Penambahbaikan Prosedur Keracunan Makanan di MRSM dan Kolej Mara bersama MARA dan BKP

Imej 9.11 Aktiviti Pencegahan Keracunan Makanan Tahun 2024

PUSAT KESELAMATAN MAKANAN NEGARA (NCFS)

NCFS adalah cabang saintifik di bawah PKKM yang berfungsi menyediakan data saintifik khususnya bagi memastikan keselamatan makanan adalah terjamin di sepanjang rantai makanan di samping memperkasakan tindakan kawalan terhadap produk makanan yang berisiko. Projek pembinaan NCFS bermula pada April 2018 dan satu majlis penyerahan Sijil Perakuan Serahan Kerja Siap Bangunan NCFS oleh JKR Selangor kepada KKM telah diadakan pada 19 Disember 2024.



Imej 9.12 Majlis Penyerahan Sijil Perakuan Serahan Kerja Siap Bangunan NCFS

HALA TUJU

PKKM akan sentiasa komited untuk memperkukuhkan kawalan keselamatan dan kualiti makanan di seluruh rantai bekalan makanan melalui akauntabiliti dengan pemegang taruh untuk memastikan rakyat mendapat makanan yang selamat dan berkualiti.

BAB
10 | **PEMBANGUNAN**


BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bahagian Pembangunan bertanggungjawab untuk menguruskan aktiviti berkaitan dengan pengurusan, perancangan, pelaksanaan, pengawalan, pemantauan dan penilaian program serta projek pembangunan fasiliti kesihatan KKM yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia. Bahagian Pembangunan berperanan menggalas tanggungjawab bagi memenuhi tiga (3) objektif teras iaitu:

- i. Merancang dan menyelaraskan strategi pelaksanaan pembangunan fasiliti kesihatan.
- ii. Mengawal selia, memantau dan menilai *outcome* serta impak kemudahan kesihatan dengan cekap dan berkesan ke arah mencapai matlamat dan wawasan pembangunan negara.
- iii. Mengurus pelaksanaan projek-projek pembangunan, kewangan, tanah, sumber manusia dan maklumat fasiliti pembangunan kesihatan mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan.

PERMOHONAN PROJEK

Bahagian Pembangunan berperanan dalam menguruskan permohonan projek pembangunan KKM di bawah *Rolling Plan* Rancangan Malaysia. Permohonan projek berkenaan adalah seperti dalam **Rajah 10.1**.



Rajah 10.1 Proses Permohonan Projek di bawah *Rolling Plan*


PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2024

Dalam *Rolling Plan 4* Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP4 RMK12) tahun 2024, peruntukan pembangunan KKM telah diluluskan sebanyak RM6.067 bilion untuk melaksanakan 566 projek pembangunan yang melibatkan 384 projek baharu dan 182 projek sambungan. Pencapaian prestasi perbelanjaan projek pembangunan sehingga 31 Disember 2024 ialah RM5.796 bilion iaitu 95.53% daripada peruntukan tahun semasa.

PEMANTAUAN PROJEK PEMBANGUNAN

Bahagian Pembangunan berperanan untuk menyelaras pelaksanaan Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) di peringkat KKM.

Mesyuarat MTPK diadakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2024 dan dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan. Mesyuarat MTPK berfungsi untuk memastikan semua keputusan Majlis Tindakan Pembangunan Negara (MTPN) dan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negara (JTPN) dilaksanakan sepenuhnya di peringkat kementerian. Mesyuarat JTPK yang dipengerusikan oleh KSU bertujuan menangani isu atau masalah dasar serta strategi pelaksanaan projek telah diadakan sebanyak 12 kali pada tahun 2024. Mesyuarat MTPK dan JTPK yang telah diadakan pada tahun 2024 seperti dalam **Rajah 10.2**.



Rajah 10.2 Mesyuarat MTPK dan JTPK Tahun 2024

PENYERAHAN PROJEK SIAP FASILITI KESIHATAN

Penyerahan projek siap fasiliti kesihatan dilaksanakan melalui pemeriksaan bersama dengan pihak *end user*, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak kontraktor yang terlibat. Projek akan diserahkan kepada pihak *end user* iaitu JKN atau Institut Kesihatan setelah bangunan atau fasiliti kesihatan yang siap dibina dan proses berkaitan selesai. Pada tahun 2024, sebanyak 20 projek telah diserahkan kepada *end user* seperti dalam **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1 Penyerahan Projek Siap Fasiliti Kesihatan Tahun 2024

Projek	Tarikh Serah
Hospital	
Kerja-Kerja Menaiktaraf dan Penggantian Sistem Lif di Hospital Melaka, Melaka	22 Januari
Naik Taraf Bangunan Hemodialisis Hospital Raub, Pahang	19 Januari
Naik Taraf Ruang Sedia Ada kepada Farmasi Steril (Bilik Bersih), Hospital Labuan, WP Labuan	22 Januari
Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Baling, Kedah	10 Mei
Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Miri, Sarawak	1 Julai
Naiktaraf Hospital Tawau, Sabah	21 Ogos
Pembinaan Hospital Dungun, Terengganu	24 Ogos
Naik Taraf Hospital Kajang, Selangor	4 Oktober
Pembinaan Dewan Bedah dan CSSD Baru Hospital Banting, Selangor	5 Oktober
Pembinaan Hospital Bachok, Kelantan	11 Oktober
Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Seri Manjung, Perak	21 November
Pembinaan Hospital Seri Iskandar, Perak	21 November
Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian dan Kuarters	
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Air Putih, Barat Daya, Pulau Pinang	5 Januari
Pembinaan Klinik Pergigian Tanjung Karang, Selangor	24 Februari
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Kepala Batas, Pulau Pinang	10 Mei
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 7) dengan Kuarters Paya Datu, Kuala Terengganu, Terengganu (Gantian)	24 Ogos
Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Kampung Raja, Besut, Terengganu	24 Ogos
Pembinaan Baharu Klinik Kesihatan (Jenis 4) dengan Kuarters Rompin, Jempol, Negeri Sembilan	9 Oktober
Pembinaan <i>National Centre For Food Safety</i> (NCFS) di Sepang, Selangor	19 Disember
Kuarters Hospital Pulau Pinang, Pulau Pinang	20 Disember



Imej 10.1 Majlis Penyerahan Projek Tahun 2024

PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN TANAH

Bahagian Pembangunan bertanggungjawab untuk mentadbir pengurusan dan perolehan tanah dan bangunan mengikut Kanun Tanah Negara 1965, Akta Pengambilan Tanah 1960 dan Pekeliling Perbendaharaan berkaitan untuk pembangunan fasiliti kesihatan. Proses pengambilan tanah di seluruh negara bagi tujuan pembangunan fasiliti kesihatan KKM adalah melalui kelulusan Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah (JKPPT) yang dipengerusikan oleh KSU. Sejumlah 31 kertas permohonan untuk perolehan tanah telah dikemukakan oleh pelbagai agensi di bawah KKM dan dibentangkan dalam mesyuarat JKPPT. **Jadual 10.2** menunjukkan senarai mesyuarat JKPPT yang diadakan pada tahun 2024.

Jadual 10.2 Mesyuarat JKPPT Tahun 2024

Mesyuarat	Tarikh	Jumlah Kertas
Bil. 1/2024	3 Mei 2024	15
Bil. 2/2024	23 Disember 2024	16

PENGURUSAN TEKNIKAL DAN PEROLEHAN

Pengurusan teknikal dan perolehan melibatkan permohonan kenaikan kos projek pembangunan di bawah KKM yang tidak melebihi kos yang diluluskan oleh Kementerian Ekonomi (KE), menyelaraskan dan melaksanakan penilaian *Value At Entry Level* (VAE) terhadap projek fizikal baharu bagi permohonan projek RP, mengesahkan lukisan pelan bangunan dan dokumen berkaitan selaku wakil pemilik fasiliti KKM bagi tujuan permohonan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta mengemaskini status skor *Industrialised Building System* (IBS).

PEMBANGUNAN LATIHAN BAGI MENINGKATKAN KOMPETENSI PEGAWAI

Bahagian Pembangunan turut merangka, merancang dan melaksanakan Pelan Operasi Latihan bagi meningkatkan kompetensi pegawai dalam mengurus dan melaksanakan tugas terutamanya dalam pengurusan projek serta mengemas kini maklumat dalam Sistem Pemantauan MyProjek. Berikut merupakan aktiviti latihan pembangunan yang telah diadakan atau dihadiri sepanjang tahun 2024 seperti dalam **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3 Aktiviti Latihan Pembangunan Kompetensi Tahun 2024

Aktiviti	Tarikh
Bengkel <i>Transfer of Knowledge</i> Sistem MyProjek: Modul Pemantauan Tahun 2024	17-18 Januari
Bengkel Pemantauan Pelaksanaan Projek Pembangunan RP4 RMK12 Tahun 2024 KKM	13 Julai
Bengkel Pengurusan Peruntukan Pembangunan KKM oleh Bahagian Pembangunan Tahun 2024	6-8 Ogos
Bengkel Hands-On Pengemaskinian Maklumat Sistem MyProjek: Modul Pemantauan Tahun 2024 KKM	15 Oktober
Bengkel Kajian Penilaian <i>Outcome</i> KKM	18-20 November
Bengkel Penyelarasan Pengurusan Kewangan dan Pemurnian Senarai Semak Bayaran Bahagian Pembangunan KKM	21-23 November
Bengkel Penyediaan Projek Pembangunan RMK13	27 November



Imej 10.2 Bengkel Kajian Penilaian *Outcome* KKM Tahun 2024



ANUGERAH DAN PENCAPAIAN TAHUN 2024

KKM menerusi Projek Blok Tambahan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan telah dianugerahkan tempat ke-3 Anugerah Prestasi Pembangunan Terbaik Peruntukan di atas RM1 Bilion di Majlis Anugerah Pembangunan Negara (APN) Tahun 2024. Anugerah ini mengiktiraf kecemerlangan kementerian dalam memastikan program dan projek pembangunan dilaksanakan mengikut perancangan berdasarkan kepada peruntukan asal yang diluluskan.



Imej 10.3 Majlis Anugerah Pembangunan Negara Tahun 2024

BAB
11 | **AUDIT DALAM**

CAWANGAN AUDIT DALAM (CAD)

CAD telah ditubuhkan pada tahun 1980 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979. Peranan dan tanggungjawab CAD telah dimantapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 (Pindaan 2024) iaitu Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. CAD yang diketuai oleh Ketua Audit Dalam telah diberi kuasa untuk menjalankan pengauditan secara bebas, adil dan saksama serta bertanggungjawab terus kepada KSU.


AKTIVITI

Selaras dengan PS 3.1 serta standard pengauditan iaitu *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI) dan *The Chartered Institute of Internal Auditors*, CAD telah melaksanakan lima (5) program pengauditan sepanjang tahun 2024 iaitu:

- i. Pengauditan Kewangan
- ii. Pengauditan Prestasi
- iii. Verifikasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti (Perakaunan Akruan)
- iv. Penilaian Risiko Pengurusan Kewangan
- v. Penyataan Kawalan Dalaman bagi Item dalam Penyata Kewangan

PENGAUDITAN KEWANGAN

Pengauditan Kewangan meliputi pelbagai bentuk yang merangkumi pengauditan terhadap kawalan dalaman, pematuhan terhadap peraturan kewangan atau perundangan termasuk rekod kewangan serta sistem kewangan yang diwujudkan di Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pada tahun 2024, CAD telah melaksanakan empat (4) jenis aktiviti di bawah Pengauditan Kewangan merangkumi Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pematuhan, Arahan Pembayaran dan Pemeriksaan Mengejut.



Rajah 11.1 Pengauditan Kewangan Tahun 2024

PENGAUDITAN PRESTASI

CAD telah menjalankan pengauditan prestasi untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Pengukuran input, output dan keberhasilan akan diteliti bagi menentukan pengurusan dan pencapaian program atau aktiviti tersebut. Pada tahun 2024, sebanyak 12 pengauditan prestasi telah dilaksanakan melibatkan pengurusan perolehan, pengurusan program atau aktiviti dan projek ICT seperti dalam **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1 Senarai Topik Pengauditan Prestasi

Topik
Projek Sakit dan Kerja Awalan di Hospital Papar dan Hospital Beaufort, Sabah
Aktiviti Penyediaan Perkhidmatan dan Rawatan di Hospital dan Pejabat Kesihatan Daerah
Aktiviti Penguatkuasaan Farmasi di Pintu Masuk Sempadan Darat Malaysia
Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji dan Mentauliah Guna Perkakasan dan Perisian ICT Secara Sewa Milik di KKM bagi Zon Sabah, WP Labuan dan Sarawak
Perolehan Perkhidmatan Pembersihan, Penyenggaraan, Landskap dan <i>Pest Control</i> di IPKKM
Kebolehgunaan Peralatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital
Perolehan Penyenggaraan Bangunan, Kenderaan dan Peralatan di ILKKM
Pembangunan dan Perkhidmatan Sokongan Operasi & Penyelenggaraan (O&M) Terhadap Sistem Pengurusan Pesakit hospital di Negeri Sembilan
Pengurusan Pelupusan Aset di KKM
Perolehan Peralatan Dewan Bedah di Hospital KKM
Perolehan dan Pengurusan Pakaian Seragam KKM
Penyelenggaraan Sistem <i>Malaysian Health Data Warehouse</i> (MyHDW)

VERIFIKASI DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI (PERAKAUNAN AKRUAN)

Sebagaimana yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akruan, CAD perlu melaksanakan pengesahan terhadap baki awal aset dan liabiliti bagi penyata kewangan kementerian yang meliputi item-item dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pada tahun 2024, CAD telah melaksanakan dua (2) aktiviti verifikasi baki aset dan liabiliti terhadap item-item penyata kewangan sejajar dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan. Verifikasi Audit yang dilaksanakan melibatkan pengesahan data baki awal Aset Tak Alih (Tanah dan Bangunan), Aset Alih, Akaun Belum Bayar Bangunan dan Hartanah Pelaburan bagi tempoh migrasi data Fasa 1 dan Fasa 2 tahun 2024.

Jadual 11.2 Verifikasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti Tahun 2024

Item	Fasa 1 (RM)	Fasa 2 (RM)
Aset Tak Alih (Tanah)	4,996,837,803.00	2,047,471,395.00
Aset Tak Alih (Bangunan)	379,850,654.77	2,447,077,023.66
Aset Alih	95,840,398.07	37,877,371.20
Akaun Belum Bayar Bangunan	181,186,720.01	5,896,678.24
Hartanah Pelaburan	1,861,000.00	39,925,700.00

PENILAIAN RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENYATAAN KAWALAN DALAMAN BAGI ITEM DALAM PENYATA KEWANGAN

CAD bertanggungjawab memberi jaminan dan khidmat perundingan kepada organisasi seperti yang telah digariskan dalam PS 3.1. CAD perlu melaksanakan penilaian risiko pengurusan kewangan yang melibatkan empat (4) elemen utama iaitu Kawalan Kutipan Hasil, Pengurusan Aset, Pengurusan Perbelanjaan dan Pengurusan Perolehan.

Pada tahun 2024, CAD telah melaksanakan dua (2) pengauditan penilaian risiko iaitu Pengurusan Proses Hapus Kira Tunggakan Bil Rawatan Hospital di empat (4) PTJ dan Pengurusan Geran Skim Perubatan MADANI oleh Protecthealth Corporation Sdn. Bhd.

CAD telah mengeluarkan Penyataan Kawalan Dalamannya berdasarkan pengauditan penilaian risiko untuk menilai dan memberi pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman sedia ada.

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

Hasil pengauditan dan penemuan yang dibangkitkan dalam laporan audit telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 (Pindaan 2024). Sesi pembentangan tersebut menghasilkan dua (2) tindakan iaitu tindakan penambahbaikan terhadap proses dan prosedur bagi memperkukuh kawalan dalaman dan tindakan punitif oleh Unit Integriti bagi kes-kes tertentu. Mesyuarat ini juga menyusuli isu-isu dalam Laporan Ketua Audit Negara dan diadakan secara sukuan sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun.

HALA TUJU

Peranan dan fungsi audit dalaman yang dijalankan oleh CAD dapat dicapai dengan sokongan daripada pelbagai peringkat Pengurusan di KKM dan PTJ. Segala usaha yang diambil oleh warga KKM untuk menangani kelemahan dan menambah baik proses dan prosedur serta memantapkan tadbir urus telah membantu KKM memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada orang awam.

BAB
12 | **KOMUNIKASI**
KORPORAT

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

UKK ditubuhkan untuk meningkatkan imej Kementerian, mempromosi dasar serta program Kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur dan berkesan. Di samping itu, UKK bertindak sebagai barisan hadapan dalam menguruskan perkhidmatan pelanggan dan aduan awam Kementerian. UKK telah melaksanakan promosi bagi semua program rasmi KKM sepanjang tahun 2024.

PERASMIAN KOMPLEKS WANITA, KANAK-KANAK DAN KARDIOLOGI HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak berkenan merasmikan Kompleks Wanita, Kanak-Kanak dan Kardiologi (KWKK) Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) pada 6 Februari 2024 yang lalu. KWKK HRPB yang merangkumi kawasan seluas 14,671 meter persegi, telah mula beroperasi sejak Disember 2019. Kompleks setinggi 10 tingkat ini mempunyai 404 katil serta 304 lot parkir yang disediakan untuk kakitangan dan pelawat. Selain itu, kompleks ini menawarkan tiga (3) perkhidmatan utama iaitu Kardiologi, Pediatrik dan Obstetrik & Ginekologi (O&G).



Imej 12.1 Majlis Perasmian KWKK HRPB

PROGRAM WALKABOUT PREMIS BERSIH, BEBAS ASAP (BeBAs) DAN WAR ON SUGAR

Program *Walkabout* BeBAs dan *War On Sugar* menitikberatkan konsep pemerksaan masyarakat dan kerjasama antara pengusaha premis makanan dengan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam memastikan peraturan kebersihan makanan dan larangan merokok di premis makanan sentiasa dipatuhi. Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri Kesihatan telah menghadiri kesemua program *walkabout* yang diadakan. Bagi tahun 2024, sebanyak sepuluh (10) lokasi telah dilawati dan diberi pengiktirafan.



Imej 12.2 Program *Walkabout* BeBAs dan *War On Sugar*

PROGRAM MADANI AFIAT

Program MADANI Afiat adalah inisiatif yang melibatkan aktiviti turun padang bagi berinteraksi dengan masyarakat awam. Program ini bertujuan untuk memperkukuh penyebaran maklumat mengenai langkah pencegahan dan memaklumkan masyarakat tentang program kesihatan serta inisiatif komuniti yang dijalankan oleh KKM, khususnya kepada kumpulan sasar. Program ini telah dilaksanakan di empat (4) buah negeri iaitu Sabah, Negeri Sembilan, Pahang dan Sarawak. Antara aktiviti utama MADANI Afiat melibatkan aktiviti *Touch Point* berupa lawatan rumah ke rumah untuk aktiviti saringan kesihatan di samping penglibatan pihak pengurusan tertinggi KKM, pemimpin masyarakat serta pasukan perubatan mendekati dan menyantuni rakyat secara lebih dekat.



Imej 12.3 Program MADANI Afiat

PROGRAM KESEJAHTERAAN KESIHATAN BERSAMA DENGAN AHLI PARLIMEN

Parlimen telah melaksanakan Program Kesejahteraan Kesihatan bersama dengan Ahli Parlimen untuk mempromosi gaya hidup sihat dalam kalangan wakil rakyat Malaysia. Program tersebut adalah untuk mempromosi Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) termasuk *Wellness on Wheel* (WoW), inisiatif *War On Sugar* dan *1,000 Days of Life* yang dilaksana oleh KKM. Ini merupakan kali pertama badan legislatif bekerjasama dengan badan eksekutif untuk menganjurkan satu kempen penting bagi memastikan kesejahteraan kesihatan Ahli Parlimen.



Imej 12.4 Program Kesejahteraan Kesihatan bersama dengan Ahli Parlimen

MALAYSIA INTERNATIONAL HEALTHCARE (MIH) MEGATRENDS 2024

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan menyempurnakan perasmian MIH *Megatrends* 2024 yang berlangsung di Kuala Lumpur. KKM dengan kerjasama KPJ Healthcare Berhad telah menganjurkan MIH *Megatrends* 2024 sebagai acara utama yang bertujuan untuk memperkukuh imej Malaysia dalam industri kesihatan. Acara ini melibatkan penyedia perkhidmatan kesihatan awam dan swasta dan pengeluar produk farmaseutikal.



Imej 12.5 MIH *Megatrends* 2024

JUMLAH PENGIKUT DI MEDIA SOSIAL RASMI KKM



Rajah 12.1 Jumlah Pengikut di Media Rasmi KKM

Jadual 12.1 Post-Engagement Tertinggi Tahun 2024

Kandungan	Capaian
Kenyataan Rasmi	
Kenyataan Media KKM Situasi Terkini Mpox di Malaysia	972,530
Kenyataan Media KKM Larangan Jualan Produk Makanan yang Dikesan Mengandungi Racun Berjadual dan Memaparkan Maklumat Palsu pada Label	470,284
Kenyataan Media KKM Situasi Semasa COVID-19 di Malaysia Minggu Epidemiologi 20/52	351,230
Infografik	
Katakan Tidak kepada Minuman Manis	953,589
Khasiat Ikan Siakap	482,034
Air Kelapa	437,894

UKK juga bertanggungjawab menguruskan segala hal ehwal korporat kementerian iaitu menyelaraskan penerbitan buku kementerian, penerbitan luar serta penerbitan e-Buletin KKM. UKK juga menyediakan khidmat konsultansi perhubungan awam, membuat hebahan *postmaster* KKM, menyediakan teks ucapan pengurusan tertinggi dalam setiap program, menyelaraskan kajian kepuasan pelanggan, penyediaan input KKM serta hebahan bagi program seperti Hari Bertemu Pelanggan, Program Bulan Kemerdekaan, Program MADANI Rakyat dan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

Sebanyak sepuluh (10) keluaran e-Buletin Sihat MADANI 2024 yang diterbitkan oleh UKK yang bertujuan merekod aktiviti pengurusan tertinggi KKM sepanjang tahun 2024.

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN 2024

Kajian kepuasan pelanggan di IPKKM Tahun 2024 bermula dari bulan Julai 2024 hingga November 2024. UKK bertanggungjawab menyelaraskan, melaksanakan dan menganalisis kajian kepuasan pelanggan ini berdasarkan kepada kamus KPI Tier 3 (Pengurusan) untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Pada tahun 2024, kajian ini telah disertai oleh 848 orang responden yang terdiri daripada 70.4% penyertaan responden perempuan dan 29.6% responden lelaki. Secara keseluruhannya, 95.3% berpuas hati terhadap perkhidmatan disediakan di IPKKM melebihi sasaran 85%.

HARI BERTEMU PELANGGAN

KKM telah mengadakan program Hari Bertemu Pelanggan yang bertujuan untuk meningkatkan keterlibatan masyarakat dengan perkhidmatan kesihatan pada 3 Oktober 2024. Program ini memberi peluang kepada orang ramai untuk berinteraksi secara langsung dengan pegawai KKM serta menyuarakan pendapat dan maklum balas mereka mengenai perkhidmatan yang disediakan.



Imej 12.6 Hari Bertemu Pelanggan 2024

SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA 2024

Bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke-67 dan Hari Malaysia Tahun 2024, KKM melalui UKK telah menganjurkan aktiviti Pertandingan Video TikTok Jiwa Merdeka bertemakan *Gaya Hidup Sihat dan Merdeka*.

Video TikTok *Jiwa Merdeka* ini merupakan satu pertandingan video kreatif yang melibatkan penyertaan daripada warga kerja KKM seluruh Malaysia. Sebanyak sepuluh (10) video terbaik telah dipilih bagi pengundian pengguna TikTok dan pemenang telah ditentukan berdasarkan jumlah *like*, *comment* dan *share* yang terbanyak.



Imej 12.7 Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2024

PENGURUSAN RESPONS AWAM

UKK turut bertanggungjawab menyelaras aduan yang diterima melalui pelbagai platform. Sepanjang tahun 2024, KKM telah menerima 42,435 maklum balas awam yang didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) mengikut kategori.

Jadual 12.2 Jumlah Penerimaan Maklum Balas Awam Tahun 2024

Jenis Maklum Balas	Kategori	Terima	Jumlah
Aduan	Biasa	12,955	14,702
	Kompleks	1,747	
Bukan Aduan	Penghargaan	17,906	27,733
	Pelaporan	6,272	
	Pertanyaan	2,002	
	Permohonan	801	
	Cadangan	752	
Jumlah			42,435

BAB
13

**DASAR DAN
HUBUNGAN
ANTARABANGSA**

BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA (BDHA)

BDHA terdiri daripada tiga (3) cawangan iaitu Cawangan Dasar dan Perancangan Strategik, Cawangan Kabinet dan Keurusetiaan serta Cawangan Antarabangsa. Bahagian ini bertanggungjawab mengurus hal-hal berikut:

- Pengubalan dan pelaksanaan dasar kesihatan awam semasa.
- Sebagai *focal point* dalam hubungan antarabangsa dan pembangunan industri kesihatan.
- Penyelarasan isu-isu perdagangan antarabangsa.
- Memastikan kepentingan berkaitan kesihatan Malaysia disuarakan dan dilindungi secara diplomasi melalui mekanisme instrumen undang-undang antarabangsa.
- Penyelarasan Kertas Jemaah Menteri yang berkaitan KKM.
- Penyelarasan Soalan Parlimen dan urusan berkaitan Parlimen.
- Sekretariat Mesyuarat Peringkat Tertinggi KKM, termasuk Mesyuarat Pasca Kabinet KKM.

HAL EHWAL KABINET

BDHA telah menyelaras sejumlah 74 Kertas Jemaah Menteri untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Bahagian ini juga telah menyelaras dan mengemukakan input bagi 94 ulasan untuk Memorandum daripada kementerian lain serta 54 maklum balas minit Mesyuarat Jemaah Menteri.

UNIT PARLIMEN

KKM telah menerima sebanyak 637 Soalan atau isu Parlimen daripada Dewan Negara dan Dewan Rakyat sepanjang tahun 2024 seperti dalam **Rajah 13.1**.



Rajah 13.1 Rekod Urusan Parlimen KKM Tahun 2024

Nota:

Dewan Rakyat (DR), Dewan Negara (DN), Ministerial Question Time (MQT)

MESYUARAT PERINGKAT TERTINGGI KKM

Mesyuarat Pasca Kabinet dan Mesyuarat Pengurusan KKM merupakan antara mesyuarat peringkat tertinggi yang diuruskan oleh BDHA.



Rajah 13.2 Mesyuarat Peringkat Tertinggi KKM Tahun 2024

BENGKEL PENGUKUHAN KEMAHIRAN PENULISAN DAN PENYEDIAAN JAWAPAN PARLIMEN TAHUN 2024

Bengkel Pengukuhan Kemahiran Penulisan dan Penyediaan Jawapan Parlimen Tahun 2024 telah diadakan pada 19-21 Februari 2024 bertempat di Selangor bagi membolehkan Pegawai Penyelaras dan Penyedia Jawapan Parlimen KKM memahami ekspektasi Menteri Kesihatan. Selain itu, bengkel ini diadakan bagi meningkatkan kemahiran pegawai melalui latihan yang berterusan.



Imej 13.1 Bengkel Pengukuhan Kemahiran Penulisan dan Penyediaan Jawapan Parlimen Tahun 2024

BENGKEL SEMAKAN PERUNDANGAN KKM

Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2021, Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) telah diperkenalkan untuk melaksanakan Amalan Baik Peraturan (GRP) dalam kalangan kementerian dan agensi kerajaan, khususnya kepada pembangunan dan pelaksanaan peraturan baharu. Dua (2) bengkel telah diadakan iaitu Bengkel Reformasi Kerenah Birokrasi pada 24-25 Julai 2024 di Bandar Baru Bangi, Selangor dan Bengkel Persediaan Rang Undang-Undang pada 2-4 September 2024 di Seremban, Negeri Sembilan.



Imej 13.2 Bengkel Semakan Perundangan KKM Tahun 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN BERSAMA PEMBANGUNAN KESIHATAN (JTBPK) SABAH DAN SARAWAK

Mesyuarat Penyelarasan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) Mengenai Isu Pembangunan Pendidikan & Kesihatan Sabah dan Sarawak telah dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 28 Ogos 2024. Mesyuarat telah memutuskan supaya libat urus di antara KKM dengan Sabah dan Sarawak diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. Susulan itu, Mesyuarat JTBPK Sarawak Bil. 1/2024 telah diadakan pada 12 Januari 2024 di Kuching, Sarawak dan Mesyuarat JTBPK Sarawak Bil. 2/2024 diadakan pada 9 September 2024 di WP Putrajaya. Mesyuarat JTBPK Sabah Bil.1/2024 pula diadakan pada 12 Oktober 2024 di Kota Kinabalu, Sabah.



Imej 13.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Kesihatan Sabah dan Sarawak

MALAYSIA INTERNATIONAL HEALTHCARE (MIH) MEGATRENDS 2024

KKM dengan kerjasama KPJ Healthcare Berhad telah menganjurkan MIH *Megatrends* 2024, yang berlangsung dari 25-27 Oktober 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dengan tema *Healthcare: The Next Frontier*. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan menyempurnakan perasmian persidangan ini.

MIH *Megatrends* 2024 menampilkan penceramah terkemuka dari dalam dan luar negara, seperti Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood dari Universiti Sunway Malaysia, Professor Farah Magrabi dari Universiti Macquarie, Australia, Dr. Luqman Lawal dari Mayo Clinic, Amerika Syarikat dan

Dr. Mohd Lutfi Fadil Lokman, Medical Data Scientist dari Amerika Syarikat. Persidangan ini membincangkan topik penting seperti teknologi, ekuiti, kemampunan, *value-based care* dan *precision medicine*. Acara ini telah berjaya menghimpunkan peserta daripada pelbagai latar belakang seperti profesional kesihatan, pembuat dasar, pemimpin industri, ahli akademik dan orang awam.

Selain itu, persidangan ini turut menyajikan pelbagai aktiviti menarik, termasuklah pameran produk dan perkhidmatan kesihatan dan diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti saringan kesihatan, perkhidmatan urutan tradisional, akupunktur dan program derma darah.



Imej 13.4 MIH Megatrends 2024

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PERSATUAN DAN ORGANISASI BERKAITAN INDUSTRI KESIHATAN

Sepanjang tahun 2024, KKM telah menerima kunjungan hormat daripada pelbagai persatuan dan organisasi. Antaranya adalah:

- i. Perjumpaan dengan US-ASEAN *Business Council* pada 15 Ogos 2024.
- ii. Kunjungan hormat daripada *British Malaysia Chamber of Commerce* pada 25 November 2024.
- iii. Kunjungan hormat daripada EU-ASEAN *Business Council* pada 25 November 2024.

Sesi ini membincangkan tentang pelaburan dalam bidang kesihatan, kerjasama antara KKM dengan sektor swasta serta pelbagai isu seperti pembiayaan kesihatan, Kertas Putih Kesihatan, pengurusan penyakit tidak berjangkit (NCD) dan inisiatif digitalisasi.



Imej 13.5 Kunjungan Hormat *British Malaysia Chamber of Commerce* dan EU-ASEAN *Business Council* Tahun 2024

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

KKM mempunyai hubungan kerjasama dua hala strategik yang baik dengan pelbagai negara melalui MoU pada tahun 2024 seperti yang berikut:


- i. MoU di antara Kerajaan Malaysia dan Pihak Berkuasa Sains Kesihatan Singapura bagi Kerjasama dalam Bidang Hal Ehwal Pengawalseliaan Farmaseutikal pada 6 Mei 2024.
- ii. MoU di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik India bagi Kerjasama dalam Bidang Sistem Perubatan Tradisional pada 20 Ogos 2024.

LAWATAN KERJA RASMI

BDHA telah menyelaras lawatan kerja rasmi delegasi kenamaan luar negara ke KKM serta lawatan delegasi KKM ke luar negara yang diketuai oleh Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri Kesihatan. Berikut adalah senarai lawatan kerja rasmi yang telah diadakan pada 2024:

Jadual 13.1 Lawatan Kerja Rasmi Tahun 2024

Lawatan Delegasi Luar Negara ke KKM	
Lawatan Kerja WHO <i>Regional Director for the Western Pacific</i> , Dr. Saia Ma'u Piukala	9-11 Jun 2024
Lawatan Delegasi KKM ke Luar Negara	
Lawatan Kerja Timbalan Menteri Kesihatan ke Melbourne dan Canberra, Australia	13-18 Mei 2024
Lawatan Kerja Menteri Kesihatan ke Geneva, Switzerland bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan Komanwel Ke-36 (CHMM36)	24-25 Mei 2024
Lawatan Kerja Menteri Kesihatan ke Geneva, Switzerland bagi menghadiri Perhimpunan Kesihatan Sedunia Ke-77 (WHA77)	27 Mei - 1 Jun 2024
Lawatan Kerja Menteri Kesihatan ke Vientiane, Lao PDR bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Ke-16	5-9 Ogos 2024
Lawatan Kerja Menteri Kesihatan ke Kongres Kanser Sedunia (WCC), <i>National Health Service United Kingdom</i> dan Program <i>Intellectual Discourse with Academicians Anjuran Oxford Centre for Islamic Studies</i>	15-21 September 2024
Lawatan Kerja Menteri Kesihatan ke Manila, Filipina bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Rantau Pasifik Barat WHO Ke-75	21-25 Oktober 2024



Imej 13.6 Lawatan Kerja Rasmi Tahun 2024

KUNJUNGAN HORMAT

BDHA juga bertanggungjawab menyelaras kunjungan hormat daripada pelbagai delegasi luar negara kepada Menteri Kesihatan, Timbalan Menteri Kesihatan dan pengurusan tertinggi KKM. Kunjungan hormat yang telah dilaksanakan sepanjang 2024 seperti yang berikut:

Jadual 13.2 Kunjungan Hormat Tahun 2024

Kunjungan Hormat kepada Menteri Kesihatan	
Kunjungan Hormat Dato' Indera Hermono, Duta Besar Republik Indonesia	23 Januari 2024
Kunjungan Hormat Dr. Rabindra Abeyasinghe, wakil WHO bagi Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura	8 Februari 2024
Kunjungan Hormat Takahashi Katsuhiko, Duta Besar Jepun	22 Februari 2024
Kunjungan Hormat Ailsa Terry, Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom	26 Februari 2024
Kunjungan Hormat Ary Quintella, Duta Besar Brazil ke Malaysia	6 Mac 2024
Kunjungan Hormat Orla Tunney, Duta Besar Ireland	15 Mac 2024
Kunjungan Hormat Abdelhafid Bounour, Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Algeria	18 Mac 2024
Kunjungan Hormat Delegasi <i>the Southeast Asia Tobacco Control Alliance</i> (SEATCA)	18 Mac 2024
Kunjungan Hormat Emir Salim Yüksel, Duta Besar Republik Turkiye	25 Mac 2024
Kunjungan Hormat Puan DY Suharya, <i>Regional Director Asia Pacific, Alzheimer's Disease International</i>	25 Mac 2024
Kunjungan Hormat Vanu Gopala Menon, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura	4 April 2024
Kunjungan Hormat Hassan Abdelsalam Omer, Duta Besar Sudan ke Malaysia	16 Mei 2024
Kunjungan Hormat Dr. Mubarak Saeed Al Dhaheri, Duta Besar Emiriah Arab Bersatu (UAE) ke Malaysia	23 Mei 2024
Kunjungan Hormat Delegasi <i>African Union Development Agency</i> (AUDA-NEPAD)	4 Jun 2024
Kunjungan Hormat Tuan Robert Gass, Wakil <i>United Nations Children's Fund</i> (UNICEF)	6 Jun 2024
Kunjungan Hormat Dr. Saia Ma'u Piukala, WHO <i>Regional Director for The Western Pacific</i>	10 Jun 2024
Kunjungan Hormat Valiollah Mohammadi Nasrabadi, Duta Besar Republik Islam Iran ke Malaysia	5 Ogos 2024
Kunjungan Hormat Peter Van Acker, Duta Besar Belgium	13 Ogos 2024
Kunjungan Hormat Edgard D. Kagan, Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia	22 Ogos 2024
Kunjungan Hormat Florentino Batista Gonzalez, Duta Besar Republik Cuba ke Malaysia	27 Ogos 2024
Kunjungan Hormat Salah Mohammed Al-Sorour, Duta Besar Qatar ke Malaysia	10 September 2024
Kunjungan Hormat Walid Abu Ali, Duta Besar Palestin ke Malaysia	9 Oktober 2024
Kunjungan Hormat Tuan Christopher Lockyear, Setiausaha Agung <i>Médecins Sans Frontières</i> (MSF)	1 November 2024
Kunjungan Hormat Dr. Elia A.A. dos Reis Amaral, Menteri Kesihatan Republik Demokratik Timor-Leste	2 Disember 2024

Kunjungan Hormat Dr. Julitta Onabanjo, UNFPA <i>Country Representative for Malaysia and Country Director for Thailand</i>	3 Disember 2024
Kunjungan Hormat Dr. Waleed Khalifa AlManea, Duta Besar Bahrain ke Malaysia	9 Disember 2024
Kunjungan Hormat kepada Timbalan Menteri Kesihatan	
Kunjungan Hormat Ambassador Aftab Ahmad Khokher, <i>Assistant Secretary-General for Science and Technology of Organisation of Islamic Cooperation (OIC)</i>	28 November 2024
Kunjungan Hormat kepada Pengurusan Tertinggi	
Kunjungan Hormat Dr. Joachim Bergström, Duta Besar Sweden ke atas Ketua Pengarah Kesihatan	6 Mei 2024
Kunjungan Hormat Tuan Faisal Gilani, Pengarah GAVI ke atas Ketua Pengarah Kesihatan	26 Julai 2024
Kunjungan Hormat Delegasi <i>Medecins Sans Frontieres (MSF)</i> ke atas Ketua Pengarah Kesihatan	10 Oktober 2024
Kunjungan Hormat Dr. Rabindra Abeyasinghe, Wakil WHO bagi Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura ke atas Ketua Setiausaha KKM	9 Disember 2024



Imej 13.7 Kunjungan Hormat KKM Tahun 2024

BAB
14 | **PENASIHAT**
UNDANG-UNDANG

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG (PUU)

Sebagai wakil Jabatan Peguam Negara (AGC) di KKM, Pejabat PUU komited dalam melaksanakan tugas untuk memberikan nasihat perundangan secara lisan atau bertulis, menyemak dan menggubal draf undang-undang, menyemak dan meluluskan dokumen perundangan seperti perjanjian, memorandum persefahaman (MoU), instrumen perundangan domestik dan antarabangsa serta mewakili KKM berhubung tindakan sivil.

PENCAPAIAN

Secara amnya, jumlah dan skop kerja yang dikendalikan oleh Pejabat PUU adalah tertakluk pada permohonan yang dikemukakan oleh KKM. Bagi tahun 2024, Pejabat PUU telah menyemak sebanyak 3,919 perjanjian dan instrumen perundangan (seperti MoU dalam dan luar negara serta perjanjian perolehan), menyediakan 1,432 nasihat perundangan bertulis dan menghadiri sebanyak 934 mesyuarat. Berhubung semakan dan penggubalan undang-undang, sebanyak 94 undang-undang (termasuk perundangan utama dan subsidiari) telah disemak dan diluluskan oleh AGC. Selain itu, Pejabat PUU juga telah memfailkan sebanyak 55 kes tuntutan sivil di mahkamah dan membantu AGC menguruskan 63 kes tuntutan sivil terhadap KKM. Sepanjang tahun 2024, jumlah wang yang berjaya dikutip melalui tuntutan sivil adalah berjumlah RM1,416,404.21 dan menguruskan dokumentasi bagi 85 kes kemalangan jalan raya untuk tindakan lanjut AGC.

BENGKEL PENYEMAKAN DAN PENYELESAIAN KONTRAK KERAJAAN YANG TERTUNGGAK BAGI TAHUN 2023-2024

Bengkel ini telah diadakan pada 11-12 Ogos 2024 di Shah Alam dan telah dihadiri oleh 13 pegawai serta 9 staf. Pembentangan berkenaan tunggakan kontrak telah dibuat oleh Unit Kontrak dan pegawai telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut jenis kontrak yang perlu disemak dan diluluskan.



Imej 14.1 Mesyuarat Pengurusan Pejabat PUU Tahun 2024

BENGKEL KAJIAN SEMULA PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) DAN SASARAN KERJA UTAMA (SKU) PEJABAT PUU KKM KALI KE-2 TAHUN 2024

Bengkel ini telah diadakan pada 26-28 September 2024 di Pulau Pinang dan dihadiri oleh sebelas (11) pegawai dan 12 staf. Objektif bengkel ini untuk membincangkan petunjuk KPI dan penetapan SKU bagi tahun 2024. Beberapa taklimat telah disampaikan seperti *Pengenalan kepada Teknik dan Tips Penyemakan Kontrak Kerajaan*, *Pengenalan kepada KPI dan SKU*, *Pengenalan kepada Kemahiran Penggubalan Undang-Undang* dan bengkel mengenal pasti permasalahan dan penetapan semula sasaran dalam mencapai KPI dan SKU.



Imej 14.2 Bengkel Kajian Semula KPI dan SKU Kali Ke-2 Tahun 2024

RANG UNDANG-UNDANG PERUBATAN (PINDAAN) 2024

Pada 29 Julai 2024, Rang Undang-Undang Perubatan (Pindaan) 2024 (RUU Perubatan) ini telah diluluskan oleh Dewan Negara. RUU Perubatan ini bertujuan untuk menyelesaikan isu pendaftaran pakar perubatan yang mendapatkan kelayakan kepakaran perubatan melalui *parallel pathway* dan memperkemas proses pengiktirafan serta pendaftaran sebagai pakar perubatan. Selain itu, RUU Perubatan ini membolehkan laluan latihan kepakaran Sarjana Perubatan dan *parallel pathway* dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dari aspek perundangan. Pegawai perubatan layak didaftarkan sebagai pakar perubatan dalam *National Specialist Register of Malaysia* (NSR) di bawah Majlis Perubatan Malaysia (MPM) setelah melengkapkan program penyelarasan pendaftaran pakar.



Imej 14.3 Rang Undang-Undang Perubatan (Pindaan) 2024

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (PINDAAN) 2024

Pada 2 Disember 2024, Rang Undang-Undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2024 (RUU Pindaan) telah diluluskan di Dewan Negara. RUU Pindaan ini bertindak sebagai langkah proaktif oleh Kerajaan untuk melindungi negara daripada ancaman penyakit berjangkit. Di samping itu, RUU Pindaan ini juga berfungsi bagi memastikan kesiapsiagaan yang berterusan oleh Kerajaan, serta penguatkuasaan bagi melindungi kesihatan dan keselamatan negara.



Imej 14.4 Rang Undang-Undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2024

BAB
15 | INTEGRITI

UNIT INTEGRITI

Unit Integriti ditubuhkan pada 10 Februari 2014 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Ceraian SP.1.2.1 Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam. Penubuhan unit ini adalah untuk mengintegrasikan semua pengurusan yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus supaya inisiatif penginstitutionan integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku serta tindakan punitif dapat dilaksanakan secara lebih berfokus, terancang, efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum. Secara umumnya, terdapat enam (6) seksyen di bawah unit ini, iaitu Seksyen Tadbir Urus, Seksyen Pengukuhan Integriti, Seksyen Pengesanan & Pengesanan, Seksyen Pengurusan Aduan, Seksyen Pematuhan dan Seksyen Tatatertib.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

KKM buat julung kalinya menyertai dan berjaya meraih Anugerah Emas dalam Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023 yang dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM). Anugerah Emas ini telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dan diterima oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) dalam majlis yang telah diadakan pada 29 Februari 2024.

AIGA merupakan satu anugerah untuk memberi pengiktirafan kepada sektor awam dan swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti, tadbir urus serta inisiatif pengurusan anti rasuah dalam organisasi. Sebanyak 154 organisasi telah menyertai anugerah ini yang terdiri daripada 95 agensi awam dan 59 agensi swasta. Daripada jumlah ini, 46 organisasi telah menerima Anugerah Emas, 33 Anugerah Perak dan 48 Anugerah Gangsa.



Imej 15.1 Anugerah Emas AIGA Tahun 2023

KKM telah mengadakan seminar integriti pada 14 November 2024 dengan tema *Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi* yang telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan sebagai salah satu usaha untuk memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah warga KKM melalui sistem penyampaian perkhidmatan dan tatakelola terbaik.

Antara pengisian program adalah *Bicara Eksekutif KKM dari Kaca Mata Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)* dan sesi perkongsian *Guarantee Money: Pengkisahan dari Tirai Besi* oleh bekas pesalah rasuah. Kemuncak acara bagi program tersebut adalah sesi lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang diketuai oleh Ketua Setiausaha bersama dengan Pengurusan Tertinggi KKM, JKN dan Pengarah Hospital KKM seluruh Malaysia disaksikan oleh Menteri Kesihatan dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM bagi memperlihatkan keterbukaan dan sifat kebertanggungjawaban Pengurusan Tertinggi KKM dalam menangani isu berkaitan rasuah.



Imej 15.2 Seminar Integriti KKM Tahun 2024

Bagi mempromosi dan membudayakan integriti dalam kalangan anggota KKM, Unit Integriti turut menghebahkan mesej integriti kepada semua melalui 12 siri poster mesej integriti dan video pendek. Di samping itu, unit ini juga turut menganjurkan tiga (3) siri Program *Bicara Integriti* seperti yang berikut:

- i. *Bicara Integriti Siri 1/2024: Terganggu, Diganggu & Mengganggu* oleh Peguam bela, Nor Zabetha Muhamad Nor
- ii. *Bicara Integriti Siri 2/2024: Hijrah; Berubah atau Rebah?* oleh Da'i Izzhar
- iii. *Bicara Integriti Siri 3/2024: #JanganKenaScam* oleh Duta Anti-scam Rahmat Fitri Abdullah



Imej 15.3 Program Bicara Integriti Tahun 2024

Sepanjang tahun 2024, Unit Integriti telah menerima sebanyak 425 aduan melibatkan beberapa kategori iaitu 12 aduan jenayah, 191 aduan salah laku dan 222 aduan pelanggaran etika. Selain itu, sebanyak 352 laporan salah laku telah diterima daripada fasiliti KKM di mana sebanyak 169 kes telah diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) KKM, 32 kes dikemukakan ke Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan (No.1) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), 24 kes dikemukakan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dan selebihnya masih dalam tindakan pihak urus setia.

Sebanyak 12 siri naziran pengurusan tatatertib telah dilaksanakan di fasiliti KKM yang mempunyai Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No. 2) bertujuan untuk menambah baik penemuan naziran yang telah dikenal pasti dan menjadi satu platform kepada pihak jabatan untuk mendapatkan khidmat nasihat secara langsung. Unit Integriti sering menerima jemputan untuk memberikan khidmat nasihat dan berkongsi pengalaman dalam aspek pengurusan tatatertib, aduan, siasatan, hadiah dan lain-lain isu berkaitan integriti daripada pelbagai jabatan, institusi, bahagian di IPKKM dan juga kesatuan profesion.

Di samping itu, unit ini juga telah menganjurkan latihan dan bengkel seperti Bengkel *Human Resource Champion* (Tatatertib), Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah dan Kursus Pemantapan Integriti dan Tatakelola. Latihan dan bengkel ini disertai oleh anggota KKM daripada pelbagai skim perkhidmatan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai pengurusan integriti, tadbir urus dan antirasuah.

Unit Integriti telah melaksanakan pemantauan perisytiharan harta sebagai salah satu KPI HRMIS 2024 yang melibatkan semua pegawai lantikan tetap KKM. Sehingga penghujung tahun 2024, KKM telah berjaya mencapai 100% perisytiharan harta. Daripada aspek pematuhan, Unit Integriti telah menjalankan sepuluh (10) semakan merangkumi skop pekerjaan luar, pengurusan hadiah dan pengurusan kehadiran melibatkan empat (4) semakan di IPKKM, empat (4) semakan di Sabah, satu (1) semakan di Selangor dan satu (1) semakan di Perak. Hasil semakan, unit ini telah mengenal pasti sebanyak 23 tadbir urus baik yang diamalkan dan 30 syor penambahbaikan.

Selaras dengan arahan KPPA pada 18 April 2024 berhubung Peningkatan Penyampaian Kualiti Perkhidmatan yang Berintegriti, Unit Integriti telah menyelaraskan penyediaan laporan pemeriksaan mengejut oleh ketua jabatan di KKM bagi tujuan pelaporan kepada JPA. Secara keseluruhannya, semua jabatan/agensi/bahagian di bawah KKM telah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menjalankan pemeriksaan untuk memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan sentiasa terpelihara sebagaimana saranan KPPA.

BAB
16 | **PIHAK BERKUASA
PERANTI PERUBATAN
(MDA)**

PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)

MDA merupakan badan berkanun persekutuan di bawah KKM yang memainkan peranan dalam memastikan peranti perubatan yang dipasarkan di Malaysia adalah selamat dan berkesan. MDA juga mencegah kemasukan peranti perubatan yang tidak memenuhi standard melalui penguatkuasaan Akta Peranti Perubatan 2012 [Akta 737] dan peraturan-peraturan di bawahnya.

PENDAFTARAN PERANTI PERUBATAN

Jadual 16.1 menunjukkan bilangan permohonan pendaftaran peranti perubatan yang diterima secara keseluruhan berjumlah 15,110 permohonan. Daripada jumlah tersebut 7,763 permohonan baru, 2,003 permohonan semula dan 5,344 permohonan notifikasi perubahan. Manakala, jumlah permohonan yang diluluskan adalah 17,111.

Jadual 16.1 Permohonan Pendaftaran Peranti Perubatan yang Diterima dan Diluluskan Tahun 2024

Bulan	Permohonan Diterima			Permohonan Diluluskan		
	Pendaftaran Baharu	Pendaftaran Semula	Notifikasi Perubahan	Pendaftaran Baharu	Pendaftaran Semula	Notifikasi Perubahan
Januari	683	250	364	902	302	477
Februari	729	217	362	850	345	278
Mac	679	203	525	892	260	371
April	676	157	342	679	190	532
Mei	687	187	467	679	206	555
Jun	642	145	404	485	162	413
Julai	712	201	553	638	143	380
Ogos	438	105	301	1,000	303	829
September	653	113	474	684	153	516
Oktober	656	154	568	657	165	573
November	609	149	454	672	122	521
Disember	599	122	530	567	153	457
Jumlah	7,763	2,003	5,344	8,705	2,504	5,902
Jumlah Keseluruhan	15,110			17,111		

PELESENAN ESTABLISMEN


Sepanjang tahun 2024, MDA telah menerima sebanyak 2,980 permohonan pelesenan establismen bagi pelbagai aktiviti. Kelulusan permohonan yang telah dikeluarkan adalah sebanyak 3,428. Permohonan berkaitan aktiviti pelesenan yang diterima adalah seperti **Jadual 16.2**.

Jadual 16.2 Permohonan Berkaitan Aktiviti Pelesenan Diterima Tahun 2024


Jenis Permohonan	Permohonan Diterima	Permohonan Diluluskan
Permohonan Lesen Baharu	1,086	1,156
Permohonan Pembaharuan Lesen	1,076	1,171
Permohonan Pindaan Major	293	348
Permohonan Pindaan Minor	191	228
Pertukaran Hak Milik	288	451
Permohonan Penyerahan Semula Lesen	18	27
Permohonan Penarikan Balik Lesen	28	47
Jumlah	2,980	3,428

PENGUATKUASAAN

Susulan siasatan aduan yang telah diselesaikan serta disokong dengan bukti kukuh, tindakan penguatkuasaan termasuk penggantungan dan pembatalan lesen telah diambil. Pada tahun 2024, sebanyak sepuluh (10) notis gantung lesen dan lima (5) notis batal lesen telah dikeluarkan oleh MDA. Manakala, bagi pelanggaran yang serius, sebanyak tujuh (7) operasi serbuan telah dilakukan dan sebanyak 14 notis tunjuk sebab juga telah dikeluarkan dalam tahun 2024 ke atas individu dan syarikat yang terbabit.

**Rajah 16.1 Aktiviti Penguatkuasaan Tahun 2024**

MDA juga berjaya mendaftarkan lima (5) kertas siasatan (IP) di mahkamah pada tahun 2024. Tiga (3) IP masih dalam proses pendakwaan manakala dua (2) IP telah selesai pendakwaan dengan jumlah denda yang telah dikenakan adalah sebanyak RM220,000 seperti dalam **Rajah 16.2** di bawah:



Rajah 16.2 Status Siasatan dan Pendakwaan di Mahkamah Tahun 2024

Nota:

**Tempoh bilangan IP yang belum selesai adalah dari 2021-2024*

PAMERAN PERANTI PERUBATAN DAN HEBAHAN MEDIA


Penganjuran pameran merupakan inisiatif strategik untuk memperkukuhkan pemahaman, kolaborasi dan penyelarasan antara MDA dan pelbagai pemegang taruh dalam industri. Manakala hebahan media menjadi medium utama MDA dalam menyampaikan maklumat berkenaan aktiviti MDA kepada orang awam.

Pameran peranti perubatan menampilkan sesi taklimat teknikal, perbincangan panel dan demonstrasi produk. Sebanyak 15 pameran peranti perubatan telah berjaya dilaksanakan dengan 12,853 pelawat seperti di bawah:

- i. *Medical Device Exhibition* di Kementerian Pendidikan (KPM), Putrajaya
- ii. Pameran Peranti Perubatan di Kementerian Dalam Negeri (KDN), Putrajaya
- iii. *Future Healthcare Asia 2024* di Hotel Royal Signature, Kuala Lumpur
- iv. *SEA Healthcare & Pharma Show 2024* di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)
- v. *Occupational Safety & Health Week 2024* di JOM Foodcourt, Bukit Jalil
- vi. *Medical Device Awareness Programme* di Aman Central Mall, Alor Setar
- vii. *Physical Rehabilitation Conference 2024* di Institut Sukan Negara (ISN)
- viii. *Medical Device Awareness* di Star Mega Mall, Sibul

- ix. *Medical Device Exhibition and Conference (IMDEC 2024)* di KLCC
- x. 2 Tahun MADANI di KLCC
- xi. *Selangor Life Science Convention (SLC)* di KLCC
- xii. Hari Bertemu Pelanggan di KKM, Putrajaya
- xiii. Kesedaran Peranti Perubatan di Malaysia Tourism Centre (MaTiC), Kuala Lumpur
- xiv. Kesedaran Peranti Perubatan di UTC Tawau, Sabah
- xv. ISPE Annual Conference & Exhibition 2024, Kuala Lumpur

Sepanjang tahun 2024, MDA telah berjaya mendapatkan sebanyak 48 liputan media bagi aktiviti-aktiviti MDA merangkumi sesi wawancara, program kesedaran awam, aktiviti serbuan dan lain-lain. Taburan liputan media mengikut platform adalah seperti dalam **Rajah 16.3**.



Rajah 16.3 Hebahan Media Tahun 2024

HALA TUJU

Sebagai badan regulatori peranti perubatan, MDA akan bekerjasama rapat dengan pemain industri untuk memahami keperluan mereka dan memberikan panduan bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian antarabangsa. MDA akan terus menyokong industri peranti perubatan melalui proses pendaftaran dan pensijilan yang pantas, cekap dan bersepadu selaras dengan perkembangan industri semasa termasuk teknologi Kecerdasan Buatan (AI). Bagi mencapai matlamat ini, MDA akan memperkukuh keupayaan melalui latihan secara berkala kepada staf, menaik taraf infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), serta menambah baik saluran perkhidmatan pelanggan. Selain itu, MDA akan menjalinkan kerjasama strategik dengan badan kawal selia antarabangsa seperti WHO dan *ASEAN Medical Device Committee* bagi menepati piawaian global, seterusnya memudahkan akses industri peranti perubatan Malaysia ke pasaran antarabangsa serta menyumbang kepada penyelarasan kawal selia serantau dan mempercepat akses kepada peranti perubatan penting di seluruh dunia.

BAB
17


**MAJLIS
PELANCONGAN
KESIHATAN MALAYSIA
(MHTC)**

MAJLIS PELANCONGAN KESIHATAN MALAYSIA (MHTC)

Sepanjang tahun 2024, industri pelancongan kesihatan Malaysia telah mencatatkan pencapaian yang cemerlang hasil kerjasama erat antara KKM, kementerian berkaitan dan pelbagai agensi sokongan. Sebagai peneraju utama, MHTC telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik untuk menarik pelancong kesihatan dari seluruh dunia agar memilih Malaysia sebagai destinasi unggul bagi mendapatkan rawatan perubatan berkualiti tinggi.

Antara inisiatif strategik yang telah dilaksanakan termasuklah penganjuran mesyuarat kerajaan dengan kerajaan (G2G), aktiviti perniagaan kepada pengguna (B2C), pemeteraian MoU bersama rakan strategik antarabangsa dan lawatan suai kenal media (FAM). Inisiatif ini bertujuan memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam industri pelancongan kesihatan. Penyertaan aktif daripada hospital ahli MHTC turut menjadi pemangkin kejayaan inisiatif ini, selaras dengan aspirasi industri untuk memajukan sektor pelancongan kesihatan negara.

Keseluruhan usaha ini menghasilkan lonjakan ketara dalam jumlah pelancong kesihatan yang datang ke Malaysia sepanjang tahun. Pada tahun 2024, Malaysia menerima lebih daripada 1.60 juta pelancong kesihatan, yang mendapatkan pelbagai jenis rawatan. Rawatan ini merangkumi pemeriksaan kesihatan umum, prosedur perubatan pencegahan, rawatan kuratif dan kompleks. Kemasukan pelancong kesihatan ini telah menyumbang pendapatan sebanyak RM2.70 bilion kepada sektor kesihatan negara untuk tahun 2024.



Rajah 17.1 Pendapatan Industri Pelancongan Kesihatan 2024

Nota:

**Pencapaian 2024 terkini adalah berdasarkan pengumpulan data pada 22 April 2025.*

KE ARAH MEMARTABATKAN MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI UTAMA PELANCONGAN PERUBATAN

MHTC telah menggariskan visi 2024 untuk memartabatkan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan perubatan. Visi strategik ini memberi fokus terhadap empat (4) bidang utama iaitu penjagaan kesihatan, perkhidmatan klinikal, pelancongan dan pengalaman pesakit bagi memastikan perjalanan perubatan antarabangsa yang lancar dan holistik. Dengan memperkukuh dan menyelaraskan elemen ini, MHTC bekerjasama erat dengan sektor awam dan swasta untuk meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan di Malaysia serta mengintegrasikannya dengan daya tarikan pelancongan bertaraf dunia dan *personalised patient experiences*.

Strategi adalah berdasarkan lima (5) naratif yang mencerminkan keunggulan jenama penjagaan kesihatan Malaysia iaitu doktor, hospital, infrastruktur, hasil perubatan dan hospitaliti Malaysia. Naratif ini menyerlahkan keunggulan Malaysia dalam menyediakan kepakaran perubatan bertaraf dunia, kemudahan kesihatan yang canggih dan hasil rawatan yang terbukti berkualiti. Ini diperkukuhkan lagi dengan layanan mesra dan keramahan rakyat Malaysia yang menjadi faktor membezakan pengalaman rawatan di negara ini.

KEDUDUKAN PASARAN

Dalam aspek kedudukan pasaran, aktiviti yang dilaksanakan bertumpu kepada meletakkan MHTC dalam pasaran yang telah dikenal pasti. Aktiviti tersebut termasuk:

- Menjalankan enam (6) *Malaysia Healthcare Expo (MHX)* di lima (5) bandar di sekitar Indonesia (Jakarta, Surabaya, Bandung, Pekanbaru dan Palembang) dan disertai oleh 50 hospital dan badan pelancongan negeri dan acara itu mendapat lebih 7,000 prospek.
- Menjalinkan kerjasama bersama PT Bank Muamalat Indonesia dan eSIM JavaMifi untuk memperkukuhkan kedudukan pasaran di Indonesia.
- Menembusi pasaran baharu melalui lawatan kerja diplomasi kesihatan dua hala ke Oman dan Kuwait dengan tumpuan kepada pelancongan kesihatan melalui G2G termasuk lawatan di luar negara dan simposium perubatan.



Imej 17.1 Aktiviti Kedudukan Pasaran Tahun 2024

KESEDARAN JENAMA

Pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan oleh MHTC dengan matlamat untuk mempromosikan jenama penjagaan kesihatan Malaysia serta meningkatkan tahap kesedaran global. Aktiviti yang dijalankan seperti:

- Meneruskan kempen *Experience Malaysia Healthcare* melalui 14 video yang bertujuan memberikan gambaran yang mendalam dan menginspirasi mengenai pelbagai kisah berimpak dalam ekosistem pelancongan kesihatan Malaysia.
- Menghasilkan lebih daripada 237 kandungan yang memperoleh lebih daripada 240,000 jangkauan.
- Menerima lebih daripada 18,000 jumlah carian jenama melalui berita dalam talian dan media sosial.
- Menampilkan fungsi dan prestasi industri melalui dua (2) TV program iaitu RTM ASEAN dan AWANI *Spotlight*.
- Menerima lebih daripada lima (5) liputan berita khusus MHTC di pelbagai negara seperti Indonesia dan Oman.



Imej 17.2 Aktiviti Kesedaran Jenama Tahun 2024

EKOSISTEM AKTIF

Bagi memastikan ekosistem yang mantap dan dinamik, MHTC telah menjalankan beberapa aktiviti dengan pelbagai pihak berkepentingan dan rakan kongsi:

- Menjalinkan kerjasama dengan *Express Rail Link* (ERL) untuk memperkenalkan pakej eksklusif bagi pelancong kesihatan yang menawarkan kemudahan perjalanan yang lebih mudah dan cepat.
- Mengumumkan empat (4) finalis program *Flagship Medical Tourism Hospital*.
- Menganjurkan 13 lawatan ke hospital di empat (4) negara sebagai penanda aras hospital.
- Meluluskan lebih daripada 400 permohonan eVISA untuk keseluruhan tahun 2024.
- Meluluskan penyertaan lima (5) keahlian baru *Ordinary Members* menjadikan jumlah keseluruhan keahlian hospital yang tersenarai kepada 78 hospital.
- Menganjurkan aktiviti penyerapan budaya *Jiwa Merdeka* secara julung kali yang bertempat di Prince Court Medical Centre.



Imej 17.3 Aktiviti Ekosistem Aktif Tahun 2024

AKTIVITI PEMASARAN

MHTC menganjurkan pelbagai inisiatif yang proaktif dengan menyasarkan pasaran antarabangsa termasuk Bangladesh, China, Kemboja, Indonesia dan Timur Tengah. Usaha ini dilaksanakan dengan perancangan yang teliti dan strategi yang disesuaikan bagi memperkukuh penjagaan kesihatan Malaysia di peringkat global. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai sistem penjagaan kesihatan Malaysia serta memperluaskan pengaruhnya dalam landskap penjagaan kesihatan dunia sebagai destinasi utama pelancongan kesihatan.


HALA TUJU

Tahun 2024 telah menjadi tempoh penting dalam meletakkan asas strategik bagi peralihan ke Tahun Pelancongan Perubatan Malaysia 2026 (MyMT2026). Fasa ini memerlukan perancangan yang menyeluruh, penilaian pasaran yang mendalam serta penyelarasan dalaman yang kukuh bagi memanfaatkan peluang dan menangani cabaran. MHTC kekal teguh dalam komitmennya untuk memperkukuh kedudukan pasaran, meningkatkan penglibatan pesakit dan memacu pertumbuhan yang mampan. Menerusi visi yang padu, inisiatif yang inovatif serta jalinan kerjasama strategik, MHTC berada dalam posisi yang kukuh untuk merealisasikan aspirasi jangka panjang dan menetapkan penanda aras bagi kemajuan transformatif pada masa akan datang.

BAB
18 | PROTECTHEALTH

PENGENALAN

ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (ProtectHealth) adalah sebuah syarikat milikan penuh ProtectHealth Malaysia (PHM) di bawah KKM yang berperanan untuk menyelaras, mentadbir dan mengurus inisiatif berkaitan dengan pembiayaan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Pada tahun 2024, ProtectHealth beroperasi berdasarkan tema *learn, build and growth* bagi menunjukkan komitmen untuk melaksanakan mandat yang telah diberikan oleh Jemaah Menteri.




Rajah 18.1 Tema Operasi ProtectHealth 2024

SKIM PEDULI KESIHATAN UNTUK KUMPULAN B40 (PEKA B40)


ProtectHealth telah melaksanakan skim PeKa B40 bermula dari 15 April 2019. Ini adalah selaras dengan objektif mengukuhkan hubungan perkongsian awam-swasta. Inisiatif PeKa B40 adalah bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah dengan memberi tumpuan kepada penyakit tidak berjangkit (NCD).

Sehingga 31 Disember 2024, ProtectHealth telah berkerjasama dengan 4,893 fasiliti kesihatan seperti data berikut:



Rajah 18.2 Info Ringkas Skim PeKa B40

Secara keseluruhannya, saringan kesihatan melalui Skim PeKa B40 telah berjaya menyaring 1,500,949 penerima manfaat dan 335,232 saringan telah direkodkan pada tahun 2024 bagi penerima manfaat yang berumur 40 tahun ke atas dalam kalangan golongan B40.



Rajah 18.3 Penerima Manfaat Skim PeKa B40 Tahun 2024

Beberapa strategi telah menyumbang kepada kejayaan peningkatan saringan kesihatan termasuklah sesi libat urus yang berterusan dengan GP, program jangkau luar, kolaborasi strategik bersama organisasi serta promosi di media sosial.



Imej 18.1 Program Jangkau Luar Skim PeKa B40 Tahun 2024

SKIM PERUBATAN MADANI (SPM)

Ditubuhkan sebagai projek rintis bermula pada 15 Jun 2023, SPM bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di hospital, terutamanya di zon hijau Jabatan Kecemasan hospital KKM. Bagi memaksimumkan objektif skim ini, SPM telah melalui empat (4) fasa perubahan seperti berikut:



Rajah 18.4 Fasa Perubahan SPM

Pelarasan SPM bukan bertujuan untuk mengehendkan akses pesakit kepada rawatan perubatan, tetapi untuk memastikan penggunaan sumber yang lebih berkesan, sekali gus meningkatkan keberkesanan dan kemampunan skim. Pesakit yang mengalami sakit ringan di luar daerah pelarasan masih boleh mendapatkan rawatan di KK dan zon hijau hospital yang terdekat di mana masa menunggu pesakit tidak kritikal.

PROGRAM PENYUMBERLUARAN PERKHIDMATAN HOSPITAL (HSOP)

HSOP merupakan inisiatif KKM untuk meningkatkan kebolehcapaian dan kualiti penjagaan kesihatan. Bermula dari 18 Julai 2024, HSOP telah menyumber luar pesakit hospital KKM kepada fasiliti kesihatan swasta melalui empat (4) servis utama iaitu radiologi, kardiologi, nefrologi dan pembedahan kardiotoraksik.

Program ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kesesakan pesakit, mengurangkan masa menunggu, meningkatkan kualiti perkhidmatan serta mengukuhkan kerjasama awam-swasta dalam sistem penjagaan kesihatan negara.


Dengan kerjasama oleh Bahagian Perkembangan Perubatan, ProtectHealth berperanan sebagai pembeli strategik bagi HSOP dengan menguruskan keperluan perkhidmatan, penetapan harga, pembayaran dan audit kualiti.

ProtectHealth telah menjemput penyedia penjagaan kesihatan swasta untuk mengemukakan cadangan *Request for Proposal* (RFP) sebagai sebahagian daripada proses pemilihan. Daripada 210 cadangan RFP yang diterima, 106 telah dipilih berdasarkan pematuhan kepada standard yang ditetapkan serta persetujuan terhadap terma dan syarat KKM.



Imej 18.2 Sesi Taklimat RFP HSOP


Melalui HSOP, lebih 35,000 slot perkhidmatan telah diperuntukkan melalui 52 hospital KKM yang terlibat dengan program penyumberluaran. Sebanyak 24,124 perkhidmatan yang dirujuk telah berjaya diselesaikan dan menyumbang kepada objektif program untuk mengurangkan masa menunggu.



Rajah 18.5 Penyedia Perkhidmatan HSOP dan Kes Rujukan Berdasarkan Perkhidmatan

HOSPITAL SERVICES OUTSOURCING SYSTEM (HSOS)

HSOP telah berjaya dilaksanakan dalam memacu transformasi digital melalui HSOS. Sistem ini membantu meningkatkan pengurusan program, mengurus perjalanan pesakit serta meningkatkan pemantauan dan penilaian yang terdiri daripada empat (4) modul utama seperti berikut:



Rajah 18.6 Empat (4) Modul Utama HSOS

Bagi memastikan data semasa HSOP sentiasa terkini, Bahagian Teknologi Digital ProtectHealth telah membangunkan HSOP *dashboard*. Inisiatif ini direka untuk menyokong aspirasi pendigitalan kerajaan dan usaha KKM untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan, mempertingkatkan pengalaman pengguna serta menggalakkan ketelusan maklumat kepada orang awam.

VALUE-BASED HEALTHCARE (VBHC) DAN BUNDLED PAYMENT

ProtectHealth telah menggunakan pakai kaedah pembayaran VBHC sebagai prinsip operasi bagi memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan terbaik dapat disediakan kepada pesakit sambil mengoptimumkan kos, sekali gus membawa kepada tahap kesihatan yang lebih baik untuk rakyat Malaysia.

Bagi menyokong usaha ini, ProtectHealth telah memperkenalkan kaedah pembayaran baharu bagi perkhidmatan tertentu iaitu *bundled payments* di bawah HSOP. Kaedah pembayaran ini merupakan pendekatan terbaharu di Malaysia yang menentukan kadar tetap mengikut perkhidmatan. Ini adalah untuk menggalakkan hospital memberi tumpuan kepada penjagaan kesihatan terbaik dengan cara yang paling cekap serta mengelakkan prosedur yang tidak penting yang sering dilihat dalam sistem pembayaran sedia ada.

HEALTH INFORMATION EXCHANGE (HIE)

ProtectHealth telah membangunkan platform HIE bagi membolehkan individu mengakses maklumat kesihatan dengan mudah daripada pelbagai program ProtectHealth seperti PeKa B40, SPM, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan HSOP.

Individu boleh menyemak keputusan saringan kesihatan, rekod vaksinasi COVID-19 serta maklumat lawatan penjagaan primer dalam satu akses. Selain rekod individu, HIE juga berfungsi sebagai pusat pangkalan data penting bagi ProtectHealth untuk menyatukan data program. Pendekatan bersepadu ini membolehkan perkongsian data dengan platform lain seperti MySejahtera.

ADVOKASI KESIHATAN

Bahagian Advokasi Kesihatan bertanggungjawab membangunkan dan menyebarkan bahan kesedaran kesihatan mengenai kepentingan saringan kesihatan, pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD) dan promosi gaya hidup sihat selaras dengan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS).

HEALTHYME TALK

HealthyMe Talk diadakan di ProtectHealth dan disiarkan secara langsung melalui platform Facebook dan TikTok setiap Khamis. Lebih 50 sesi telah diadakan sepanjang tahun 2024, merangkumi topik seperti risiko dan pencegahan NCD yang menampilkan penceramah daripada ProtectHealth serta jemputan luar. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kesihatan, mendorong perubahan tingkah laku yang positif dalam kalangan komuniti melalui perbincangan interaktif serta promosi literasi kesihatan.



Imej 18.3 Sesi *HealthyMe Talk* bersama dengan Anggota ProtectHealth

JOM JALAN

Jom Jalan adalah aktiviti menggalakkan berjalan kaki sebagai cara untuk mencegah NCD dan menggalakkan penglibatan dalam kalangan anggota ProtectHealth serta masyarakat setempat. Aktiviti ini diadakan pada setiap Jumaat pada jam 5.00 petang di Cyberjaya.

Sepanjang tahun 2024, lebih daripada 50 sesi Jom Jalan telah diadakan dengan melibatkan 500 peserta daripada ProtectHealth dan juga komuniti. Program ini berjaya mempromosikan aktiviti fizikal sebagai rutin penting daripada gaya hidup sihat dan menyediakan peluang untuk interaksi sosial serta sokongan rakan sebaya.



Imej 18.4 Jom Jalan Aktiviti di Sekitar Perdana Lake Cyberjaya

AKTIVITI ADVOKASI KOMUNITI

Inisiatif advokasi ini menggalakkan penjagaan kesihatan proaktif melalui saringan berkala, pengesanan awal dan perubahan gaya hidup sihat. Menerusi kaunter saringan kesihatan dan penglibatan komuniti di pelbagai lokasi, ProtectHealth telah melibatkan lebih daripada 800 individu dalam 40 acara yang diadakan. Inisiatif ini bertujuan untuk mempromosikan pencegahan penjagaan kesihatan serta bekerjasama dengan penyedia penjagaan kesihatan tempatan bagi memperluas akses maklumat kesihatan dan kepentingan saringan kesihatan.

KAMPUNG ANGKAT MADANI

Kampung Harmoni dan Kampung Bukit Badong di Kuala Selangor telah dipilih sebagai kawasan tumpuan intervensi kesihatan di bawah inisiatif KKM yang menyasarkan NCD di kawasan kampung. Program ini berjaya melibatkan lebih daripada 2,000 ahli komuniti, sekali gus menggalakkan penglibatan yang lebih aktif dalam aktiviti kesihatan.



Imej 18.5 Aktiviti Kampung Angkat MADANI

HALA TUJU

ProtectHealth komited untuk menggerakkan visi KKM ke arah transformasi sistem penjagaan kesihatan, dengan memberi tumpuan kepada menangani cabaran semasa serta memastikan kelestarian jangka panjang. Prinsip perkembangan dan kemampanan menjadi teras kepada pembangunan berterusan ProtectHealth.

BAB
19

**MAJLIS
PERUBATAN
MALAYSIA
(MPM)**

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM)

MPM merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan pada 1 Julai 2017 setelah pindaan dibuat ke atas Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*] yang diwartakan pada tahun 2012 bertujuan untuk mengawal selia amalan perubatan di Malaysia. MPM bertanggungjawab untuk mendaftar pengamal perubatan seperti dalam Akta 50 bagi memastikan standard etika perubatan, pendidikan dan amalan yang tertinggi demi kepentingan pesakit, orang awam dan profesion melalui pentadbiran yang adil dan berkesan. Fungsi MPM di bawah peruntukan Seksyen 4, Akta 50 ialah mendaftar pengamal perubatan dan mengawal selia amalan perubatan. Objektif MPM ialah memastikan penguatkuasaan Akta Perubatan 1971 dan Peraturan-Peraturan Perubatan 2017 dipatuhi, serta menjamin penjagaan kesihatan yang selamat dan berkualiti kepada negara melalui pendaftaran pengamal perubatan dan pengawalseliaan tatakelakuan serta etika Pengamal Perubatan Berdaftar.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN

Pengamal perubatan mestilah berdaftar dengan MPM untuk mengamal perubatan secara sah di Malaysia. MPM akan memastikan pengamal perubatan berdaftar mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kecekapan untuk memberikan rawatan yang selamat dan berkesan kepada orang awam.

1. Pendaftaran Sementara (seksyen 12 dan 13) membenarkan pengamal berkecualan yang baharu dalam bidang perubatan untuk menjalani latihan siswazah di bawah seliaan.
2. Pendaftaran Penuh (seksyen 14) membenarkan pengamal perubatan untuk mengamal tanpa seliaan. Berikut merupakan peruntukan akta berkaitan pendaftaran penuh:
 - i. Seksyen 14(1) merupakan pendaftaran penuh yang diberikan kepada pengamal perubatan yang telah:
 - (a) Berdaftar sementara di bawah seksyen 12.
 - (b) Mengemukakan suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 13(2).
 - (c) Membuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa pegawai layak dan mempunyai akhlak yang baik.
 - ii. Seksyen 14(2A) merupakan pendaftaran penuh tertakluk kepada sekatan dan syarat yang ditentukan oleh MPM bagi pengamal berikut:
 - (a) Berhasrat untuk mengajar, melakukan penyelidikan atau mengikuti kursus lepasan ijazah dalam bidang kepakaran di bawah apa-apa program latihan yang diiktiraf di mana-mana institusi latihan yang diiktiraf.
 - (b) Memiliki kemahiran perubatan atau pembedahan yang difikirkan oleh Majlis sebagai bertaraf antarabangsa atau mempunyai nilai khusus kepada negara.
 - (c) Memiliki kelulusan yang pada pendapat Majlis adalah mencukupi, selagi dia terus melibatkan dirinya secara khusus dalam pengajaran, penyelidikan atau pengajian lepasan ijazah, mengikut mana-mana yang berkenaan.
 - iii. Seksyen 14(3) merupakan pendaftaran penuh tertakluk kepada sekatan dan syarat yang dibenarkan untuk mengamal mengikut tempat amalan, skop amalan dan tempoh masa yang ditentukan oleh Menteri Kesihatan, setelah berunding dengan Majlis.

3. Pendaftaran Pakar (seksyen 14A, 14B, 14C) menetapkan seseorang pengamal perubatan perlu berdaftar di bawah seksyen ini bagi menjalankan amalan sebagai seorang pakar dalam bidang kepakaran itu.
4. Perakuan Amalan Sementara (TPC) (seksyen 16) dikeluarkan bagi membolehkan pendaftaran kepada pengamal perubatan yang telah berdaftar di luar Malaysia yang ingin mengamal perubatan di Malaysia yang kebiasaannya bertujuan untuk mengajar, menjalankan penyelidikan, menjalani latihan sangkutan klinikal dan latihan *fellowship* untuk tempoh kurang dari satu (1) tahun. TPC tidak boleh digunakan bagi tujuan pekerjaan.
5. *Certificate of Good Standing* (COGS) bertujuan untuk mengesahkan status kelakuan baik Pengamal Perubatan Berdaftar di MPM bagi kegunaan di luar negara.
6. Perakuan Amalan Tahunan (APC) [seksyen 20(1)] hendaklah diperoleh oleh semua Pengamal Perubatan Berdaftar Penuh untuk mengamal sebagai seorang pengamal perubatan secara sah di Malaysia.


Jadual 19.1 Permohonan Pendaftaran yang Diluluskan oleh MPM Tahun 2024

Permohonan	Jumlah
Pendaftaran Sementara (seksyen 12 dan 13)	3,142
Pendaftaran Penuh Tanpa Syarat [seksyen 14(1)]	3,290
Pendaftaran Penuh Bersyarat [seksyen 14(2A)]	172
Pendaftaran Penuh Bersyarat [seksyen 14(3)]	67
Pendaftaran Pakar (seksyen 14C)	1,506
Perakuan Amalan Sementara [seksyen 16(1)]	197
<i>Certificate of Good Standing</i>	1,324
Perakuan Amalan Tahunan [seksyen 20(1)]	74,333

Jumlah TPC yang diluluskan mengikut negara seperti dalam **Rajah 19.1** dan jumlah permohonan APC mengikut negeri bagi tahun 2024 seperti dalam **Rajah 19.2**.



Rajah 19.1 Permohonan TPC yang Diluluskan mengikut Negara Tahun 2024



Rajah 19.2 Permohonan APC mengikut Negeri Tahun 2024

PENDIDIKAN PERUBATAN DAN PENGIKTIRAFAN

MPM juga berfungsi mengiktiraf dan mengakreditasi kelayakan perubatan berdasarkan syor Jawatankuasa Teknikal Bersama yang ditubuhkan di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679] bagi tujuan pendaftaran.

Medical Education Committee (MEC) juga telah ditubuhkan bagi tujuan mewujudkan standard pendidikan dan mengiktiraf kelayakan perubatan. Terdapat satu (1) piawai dan 15 *Specialty Specific Requirement* (SSR) yang telah diluluskan oleh MPM dan sepanjang tahun 2024, lawatan akreditasi telah diadakan mengikut program. Senarai piawaian dan kelayakan SSR, bersama dengan jumlah keseluruhan lawatan akreditasi seperti dalam **Rajah 19.3**.



Rajah 19.3 Aktiviti Pendidikan Perubatan dan Pengiktirafan Tahun 2024

Sebanyak 53 panel penilai telah dilantik dan terlibat dengan lawatan akreditasi tersebut. Oleh itu, sebanyak 33 kelayakan telah dikemaskini dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971 dan lapan (8) kelayakan bagi program keparakan telah mendapat akreditasi penuh dan diiktiraf oleh MPM.

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN (ADUAN)

MPM bertanggungjawab menerima aduan dan informasi terhadap Pengamal Perubatan Berdaftar berkaitan pelanggaran kod etika kedokteran atau salah laku pengamal di bawah Akta Perubatan 1971 dan Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) serta bertanggungjawab mengendalikan kes pendengaran yang melibatkan proses pendakwaan dan pembelaan berpanduan Perintah Tetap bagi Pelaksanaan Siasatan oleh MPM.

MPM juga bertanggungjawab dalam menghasilkan garis panduan dan memastikan semua garis panduan MPM dikemas kini secara berkala agar kekal relevan untuk dipatuhi oleh Pengamal Perubatan Berdaftar khususnya dan masyarakat umumnya. Antara garis panduan utama adalah *Code of Professional Conduct* dan *Good Medical Practice*.

Bengkel Panel Tatatertib 2024 anjuran MPM telah diadakan bagi tujuan memberikan penerangan kepada ahli panel tatatertib mengenai proses dan prosedur sebutan kes serta membincangkan isu dan pengalaman yang diperoleh sepanjang pengendalian sesi pendengaran disiplin oleh panel tersebut seperti dalam **Imej 19.1**.



Imej 19.1 Bengkel Panel Tatatertib Tahun 2024

MPM telah menganjurkan bengkel setiap tiga (3) bulan kepada Penasihat Undang-Undang yang dilantik mengenai Akta, Perintah Tetap dan Garis Panduan sebagai usaha memperkuat proses prosiding kes dan memastikan kualiti perkhidmatan dengan pengetahuan terkini. Statistik aduan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan (JPP) terhadap Pengamal Perubatan Berdaftar bagi tahun 2024 seperti dalam **Jadual 19.2**.

Jadual 19.2 Statistik Aduan di Bawah Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) Tahun 2024

Akta	JPP 1	JPP 2	JPP 3	JPP 4	JPP 5	Jumlah
Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)	21	21	19	20	22	103

Nota:

Tiada aduan diterima di bawah Akta Perubatan 1971.

LAPORAN KEWANGAN

Laporan kewangan MPM telah disediakan bagi tahun berakhir 2024 seperti berikut:



Rajah 19.4 Laporan Kewangan MPM Tahun 2024

Nota:

YA - Tahun Taksiran

HALA TUJU

MPM telah menyusun semula strategi utamanya untuk meningkatkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Jawatankuasa Audit MPM (JAMPM) akan menyelia kedua-dua laporan audit dalaman dan luaran, manakala tadbir urus SPK dalam MPM akan diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MPM.

Selaras dengan Piawaian Malaysia ISO 9001:2015, MPM telah memperkenalkan Projek Dokumentasi yang dikategorikan secara dalaman dan luaran. Dokumentasi dalaman MPM ialah SOP dan e-Dokumen yang digunakan oleh kakitangan termasuk tugas pentadbiran, aktiviti operasi dan tugas kesetiausahaan untuk menjalankan fungsi MPM. Dokumentasi luaran MPM ialah dokumen yang dikeluarkan oleh jawatankuasa atau sekretariat MPM untuk digunakan oleh pihak pemegang taruh seperti Pengamal Perubatan Berdaftar, institusi dan lain-lain.

Inisiatif ini bertujuan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan berkualiti tinggi kepada semua Pengamal Perubatan Berdaftar di Malaysia serta melindungi pesakit.

BAB
20 | **CLINICAL
RESEARCH
MALAYSIA
(CRM)**

CLINICAL RESEARCH MALAYSIA (CRM)


CRM adalah Organisasi Pengurusan Penyelidikan Dipercayai Global yang ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2012. Organisasi ini mengutarakan prinsip Kemanusiaan, Kestabilan dan Kemampunan dalam mengutamakan penyelesaian kajian klinikal global dan membolehkan ekosistem penyelidikan klinikal berkembang maju di negara ini. CRM pada asasnya bertujuan untuk memupuk penyelidikan klinikal yang menangani keperluan pesakit yang belum dapat dipenuhi oleh ubat-ubatan sedia ada, dan memajukan natijah kesihatan di Malaysia.

CRM memastikan kajian klinikal tajaan dijalankan dengan kepantasan, keandalan dan mutu (*Speed, Reliability and Quality*) dengan mengutamakan kecemerlangan operasi, serta kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam menyediakan perkhidmatan sokongan penyelidikan klinikal yang menyeluruh. Seluruh CRM berfungsi berlandaskan nilai teras dan kod tatalaku yang berpanduan perakuan seperti ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) dan peraturan kawal selia antarabangsa. Kekuatan CRM berdiri sepenuhnya dengan junjungan warganya yang berkongsi visi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab penyelidikan klinikal pilihan di rantau Asia.

PENCAPAIAN

Sebanyak 2-3% penyelidikan global ditaja dijalankan setiap tahun di Asia Tenggara, dengan Malaysia menerajui rantau ini pada 2024 dari segi bilangan penyelidikan klinikal baharu yang ditaja oleh industri. Menurut laporan IQVIA, *Rethinking Clinical Trial Country Prioritization*, Malaysia kini berada di kedudukan antara 30 negara teratas di dunia untuk kesediaan kajian klinikal, mencerminkan keupayaannya yang kukuh dalam memudahkan penyelidikan yang cekap.

Pada tahun 2024, 267 kajian yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan dan Etika Perubatan (MREC) di bawah KKM serta Lembaga Penilaian Institusi/Jawatankuasa Etika Bebas (IRB/IEC) telah melebihi sasaran jangkaan. Kebanyakan daripada penyelidikan ini dijalankan di fasiliti KKM, termasuk hospital awam dan klinik kesihatan, merujuk kepada **Rajah 20.1**.



Rajah 20.1 Penyelidikan Ditaja Tahun 2019-2024

CRM secara konsisten telah mencapai KPI yang disasarkan dengan peratusan lebih seperti dalam **Jadual 20.1**. Pendapatan berjumlah RM342,152,938 juta itu diperoleh daripada Perjanjian Kajian Klinikal (CTA) yang dimeterai pada 2024.

Jadual 20.1 Pencapaian KPI CRM Tahun 2024


KPI	Sasaran	Pencapaian	Perbezaan Kadar (%)
Penyelidikan Ditaja (SR)	265 Penyelidikan Baharu	267 Penyelidikan Baharu	+0.75
SR di Fasiliti KKM	171 Penyelidikan Baharu	191 Penyelidikan Baharu	+11.7
Pendapatan CRM	RM26,900,000	RM29,892,301	+11.11
Perbelanjaan CRM	RM25,300,00	RM25,045,794	-1.01
PNK (nilai CTA)	RM260,000,000	RM342,152,938	+31.6

Perjanjian ini telah menyumbang kepada jumlah Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM1.505 bilion bagi industri penyelidikan klinikal Malaysia sejak 2012. Selain itu, pekerja mahir dalam penyelidikan klinikal di negara ini terus berkembang, dengan beberapa syarikat biofarmaseutikal global terkemuka memperluaskan peranan serta kehadiran penyelidikan klinikal mereka di Malaysia dalam **Rajah 20.2**.




Rajah 20.2 Kad Skor Penyelidikan Klinikal Tahun 2020-2024

CRM juga berperanan sebagai *Site Management Organisation* (SMO) untuk penyelidikan ditaja yang dijalankan di fasiliti KKM, terutamanya melalui perkhidmatan *Study Coordinators*. Seperti dalam **Rajah 20.3**, bilangan *Study Coordinators* (SC) CRM terus meningkat setiap tahun bagi menyokong keperluan SR yang meningkat. Pada tahun 2024, CRM merekodkan lebih daripada 200 SC di seluruh negara, mencatatkan peningkatan sebanyak 8.1% berbanding 2023. Peranan utama SC adalah untuk membantu penyelidik dalam pelbagai aktiviti kajian, dengan salah satu tanggungjawab utama mereka adalah memudahkan usaha merekrut pesakit dalam penyelidikan klinikal. Pertumbuhan ini mencerminkan komitmen berterusan CRM dalam mengukuhkan kapasiti penyelidikan serta menyokong kejayaan kajian klinikal di Malaysia.



Rajah 20.3 Bilangan SC CRM Tahun 2019-2024

CRM komited untuk menarik lebih banyak penyelidikan ditaja ke Malaysia dengan penglibatan berterusan bersama pihak berkepentingan industri, termasuk syarikat *Contract Research Organisation* (CRO) serta syarikat farmaseutikal, bioteknologi dan peranti perubatan. Ini adalah bagi mengembangkan pengaruh negara dalam penyelidikan klinikal global seperti dalam **Rajah 20.4**. Selain daripada itu, platform media sosial CRM memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran, dengan lebih 102 juta *visits* dan *impressions* yang dicatatkan pada 2024. Ia menunjukkan peningkatan yang ketara daripada tahun sebelumnya.



Rajah 20.4 Bilangan Penaja dan CRO Tahun 2019-2024

KETERLIHATAN GLOBAL

Di samping itu, CRM juga telah menjalankan beberapa perbincangan dengan pihak pengurusan tertinggi daripada beberapa syarikat biofarmaseutikal terkemuka global semasa mesyuarat antarabangsa, yang telah membawa kepada perkembangan ketara dalam penyelidikan klinikal di Malaysia, terutamanya dalam kajian fasa awal.

Jadual 20.2 Penglibatan Global Tahun 2024

Pembentangan Peringkat Antarabangsa	
DIA China di Suzhou, China	17-19 Mei 2024
2024 Drug Information Association (DIA) Singapore Annual Meeting	16-17 Julai 2024
Singapore Clinical Research Institute (SCRI) Clinical Trials Symposium 2024	30-31 Julai 2024
The Regional Asian Clinical Trial Association (REACTA) Forum 2024 di Taipei Medical University Xinyi Campus, Taiwan	2-3 Ogos 2024
BIOWEEK China 2024 di Shanghai, China	4-10 Ogos 2024
INA-CRC Webinar	25 September 2024
ICN Annual General Meeting di Universiti Kyoto, Jepun	30-31 Oktober 2024
ARO Alliance for Southeast & East Asia (ARISE) Annual Meeting di Hospital Fakulti Perubatan Siriraj di Bangkok, Thailand	21-22 November 2024
Memorandum Persefahaman (MoU) Tahun 2024	
CRM dan Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA)	4 Januari 2024
CRM dan the Chinese University of Hong Kong (CUHK)	22 April 2024
CRM dan Novo Nordisk	8 Mei 2024
CRM, CADENCE dan Singapore Clinical Research Institute (SCRI)	30 Julai 2024
CRM dan ICON Clinical Research Limited	9 Oktober 2024
CRM dan BeiGene Malaysia Sdn. Bhd.	12 Disember 2024

PROJEK REALISASI FASA 1 (P1RP) 2.0

Pada tahun 2024, CRM meneruskan komitmennya untuk memajukan keupayaan penyelidikan fasa awal Malaysia. Dua (2) SC telah menjalani *attachment* selama tiga (3) bulan di Hospital Universiti Nasional (NUH) di Singapura, serta empat (4) lagi menjalani *observership* selama seminggu di National Taiwan University Hospital (NTUH), Taipei, bertujuan untuk meningkatkan kepakaran dalam menyelaras dan mengurus kajian Fasa 1. Selain itu, dua (2) pegawai Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah berjaya menamatkan Sarjana dalam Farmakologi Klinikal di King's College London dengan cemerlang, di bawah tajaan CRM.

Bagi memperkukuh lagi keupayaan penyelidikan fasa awal di Malaysia, CRM menjemput pakar dari *Princess Margaret Cancer Centre* untuk mengadakan bengkel bersama SC CRM. Bengkel ini menekankan amalan terbaik dalam pengurusan kajian Fasa 1, termasuk perancangan proaktif dan komunikasi yang berkesan dalam pasukan kajian. Melalui kajian kes dan perbincangan berkumpulan, peserta memperoleh pandangan berharga bagi meningkatkan pengurusan penyelidikan klinikal fasa awal.

Malaysia turut mencapai pencapaian penting dengan kelulusan lima (5) kajian baharu *First-in-Human* (FIH) pada 2024, jumlah tertinggi dalam setahun yang pernah direkodkan.

AKTIVITI CRM

CRM berjaya menganjurkan persidangan tahunannya yang ketiga, CRM Trial Connect 2024, dengan kerjasama *European Organization for Research & Treatment of Cancer* (EORTC) dan *National Cancer Centre Japan* (NCC). Persidangan ini mengetengahkan pencapaian Malaysia dalam penyelidikan klinikal yang ditaja dan memupuk kerjasama global dengan penglibatan 1,000 peserta dari lebih 140 organisasi dalam komuniti penyelidikan klinikal. Dua (2) bengkel turut dianjurkan sebelum hari persidangan, iaitu bengkel *Biostatistics in Oncology Research* dan *CTIL/CTX Good Submission Practice* dengan kerjasama pihak EORTC, NCC dan NPRA.



Imej 20.1 Persidangan CRM Trial Connect 2024

Pada Mac 2024, CRM telah menubuhkan *Centre of Excellence* (CoE) dengan program perdananya khusus bagi golongan siswazah yang ingin menerokai dalam bidang penyelidikan klinikal Malaysia. Program ini menawarkan latihan khusus dan peluang pertumbuhan serta membantu peserta membina kepakaran yang diperlukan untuk bidang tersebut. Pada tahun pertamanya, 30 peserta telah menamatkan program latihan ini merentasi 3 penggal pengambilan.

CRM juga menjalankan latihan khusus dan bengkel, seperti dalam **Jadual 20.3**, bagi meningkatkan kualiti penyelidikan klinikal di kalangan pasukan penyelidik dan industri. Inisiatif ini telah memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan penyampaian penyelidikan klinikal serta mengukuhkan komitmen CRM terhadap kecemerlangan penyelidikan klinikal.

Jadual 20.3 Program CRM Tahun 2024

Latihan/Aktiviti	Kekerapan
I AM AWARE Roadshows	7
Nurturing New Talents in Sponsored Research	5
Bengkel Patient Recruitment and Retention	4
Bengkel Good Clinical Practice Refresher	3
Latihan Study Coordinators semasa persidangan CRM Trial Connect	3
Bengkel Regulatory Inspection	2
Bengkel Protocol Compliance	2
Bengkel NPRA Good Submission Practice	2
Bengkel MREC Good Submission Practice	1
Biostatistics in Oncology Research	1

HALA TUJU

Berpandukan nilai Kemamusiaan, Kestabilan dan Kemampanan, CRM kekal selaras dengan Visi 2033 agar Malaysia menjadi hab terpilih di rantau Asia untuk penyelidikan klinikal. Berdasarkan prinsip-prinsip ini, CRM berhasrat untuk memupuk bakat, menggalakkan kolaborasi yang memberi impak, dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang.



Rajah 20.5 CRM KPI 2023-2033

BAB
21

**PUSAT
KECEMERLANGAN
KESIHATAN MENTAL
KEBANGSAAN
(NCEMH)**

PUSAT KECEMERLANGAN KESIHATAN MENTAL KEBANGSAAN (NCEMH)

Penubuhan NCEMH di bawah Program Kesihatan Awam merupakan usaha KKM ke arah pengukuhan perancangan dan pelaksanaan Program Kesihatan Mental Kebangsaan secara menyeluruh dan komprehensif. NCEMH telah mula beroperasi pada 21 Oktober 2022 dan berfungsi sebagai platform koordinasi bagi program kesihatan mental merangkumi aktiviti promosi, pencegahan, intervensi, latihan, surveilan dan penyelidikan kesihatan mental yang meliputi sektor awam, swasta dan NGO.

HARI KESIHATAN MENTAL SEDUNIA KEBANGSAAN TAHUN 2024

Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia Kebangsaan yang bertemakan *Utamakan Kesihatan Mental di Tempat Kerja* telah diadakan pada 10 Oktober 2024 di IPKKM. Acara tahunan ini disempurnakan oleh Menteri Kesihatan dan dihadiri oleh pengurusan tertinggi KKM, wakil WHO dan UNICEF, kementerian, agensi dan NGO. Tiga (3) output inisiatif kesihatan mental telah dilancarkan seperti yang berikut:

- i. Nota Poket Kesihatan Mental di Tempat Kerja
- ii. Modul Helping *Adolescent Thrive* (HAT): Komik Mei dan Rakan-Rakan
- iii. Modul Latihan Advokasi dan Kesedaran Kesihatan Mental kepada Ketua Komuniti (K-MindSet)



Imej 21.1 Hari Kesihatan Mental Sedunia Kebangsaan Tahun 2024

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PROMOSI KESIHATAN MENTAL (MPPKM)

Mesyuarat MPPKM Bil. 1/2024 dan Bil. 2/2024 yang dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan telah diadakan pada 23 Mei 2024 dan 11 November 2024 di IPKKM. Mesyuarat dihadiri oleh pengurusan tertinggi KKM, wakil kementerian, agensi, NGO dan aktivis yang bergiat aktif dalam program promosi dan advokasi kesihatan mental. Perkara yang dibincangkan termasuk mengenai hala tuju program, status pelaksanaan program dan isu berkaitan kesihatan mental. Hasil perbincangan membantu KKM membangunkan polisi bagi mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan mental kepada masyarakat umum.



Imej 21.2 Mesyuarat MPPKM Tahun 2024

JELAJAH MINDA SIHAT

Jelajah Minda Sihat merupakan antara aktiviti utama dalam Kempen Promosi Kesihatan Mental Milik Semua, Hentikan Stigma yang diadakan sebanyak lima (5) siri. Jelajah Minda Sihat Siri 1 telah diadakan pada 29 November 2024 di Cyberjaya dan dihadiri oleh sebanyak 2,074 pelawat dan sepuluh (10) pempamer. Empat (4) siri jelajah lagi akan diadakan di WP Kuala Lumpur, Kedah, Melaka dan Pahang pada tahun 2025.

PROGRAM *MALAYSIAN SUICIDE AWARENESS VOICE OF HOPE* (MySAVE)

MySAVE yang dilancarkan pada 31 Julai 2023 bertujuan untuk mengukuhkan pelaksanaan aktiviti pencegahan tingkah laku bunuh diri di peringkat kebangsaan. Aktiviti di bawah program ini pada tahun 2024 adalah:

PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM *NATIONAL SUICIDE AND FATAL INJURY REGISTRY MALAYSIA* (NSFIRM)

Pembangunan Sistem NSFIRM merupakan usaha KKM bagi pemantapan surveilan kematian akibat bunuh diri dan kecederaan fatal. Data yang tepat dan berkualiti seterusnya boleh digunakan dalam pembangunan polisi pencegahan tingkah laku bunuh diri dan kecederaan fatal. Tempoh projek adalah 30 bulan bermula pada 4 Januari 2024 dan dijangka tamat pada 3 Julai 2026. Pembangunan sistem ini melibatkan pelbagai pihak termasuk *Subject Matter Expert* (SME) KKM yang terdiri daripada pakar perubatan forensik dan pakar psikiatrik.

TAKLIMAT PELAPORAN MEDIA SELAMAT DAN BERTANGGUNGJAWAB BERKAITAN TINGKAH LAKU BUNUH DIRI

Taklimat ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Pegawai Perhubungan Awam (PRO) kementerian dan agensi dalam perkhidmatan awam dan pengamal media mengenai pelaporan berkaitan tingkah laku bunuh diri yang selamat dan bertanggungjawab. Taklimat tersebut dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan pada 15 Ogos 2024.



Imej 21.3 Taklimat Pelaporan Media Selamat dan Bertanggungjawab Berkaitan Tingkah Laku Bunuh Diri

KURSUS KEMAHIRAN NEGOSIASI KRISIS TINGKAH LAKU BUNUH DIRI BAGI PEGAWAI INTERVENSI KRISIS

Kursus ini telah diadakan pada 28-30 Oktober 2024 bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman berkaitan pencegahan tingkah laku bunuh diri serta meningkatkan kemahiran runding cara kepada *first-line responders* dalam pengendalian kes tingkah laku bunuh diri. Sebanyak 80 peserta telah hadir terdiri daripada wakil KKM dan agensi luar seperti PDRM, APM, JKM dan Maritim. Kursus ini telah dikendalikan oleh tiga (3) tenaga pengajar yang merupakan pakar runding cara berpengalaman dari Hong Kong, Switzerland dan Scotland.

INISIATIF PEMERKASAAN KESIHATAN MENTAL DI TEMPAT KERJA

PEMBANGUNAN MODUL *OCCUPATIONAL PSYCHOLOGICAL FIRST AID* (OPFA)

Modul OPFA telah dibangunkan melalui kolaborasi dengan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan kerjasama dengan *National Institute for Occupational Safety and Health* (NIOSH). Modul ini diguna pakai bagi melatih sebanyak 10,000 pekerja daripada pelbagai sektor dan industri pada tahun 2024. Objektif latihan adalah untuk memberi kesedaran dan kemahiran asas kepada majikan dan pekerja dalam mengurus tekanan di tempat kerja serta pendedahan bagi mendapatkan intervensi dan rawatan sekiranya diperlukan. Nota Poket Kesihatan Mental di Tempat Kerja yang mengandungi maklumat psiko pendidikan penjagaan kesihatan mental turut dibangunkan sebagai panduan ringkas dalam menangani tekanan di tempat kerja.


PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN BULI DI TEMPAT KERJA BAGI ANGGOTA KKM

Mesyuarat pembangunan garis panduan ini telah diadakan pada 21-23 Oktober 2024 di Port Dickson dan dihadiri oleh *Technical Working Group* (TWG) terdiri daripada wakil Bahagian Perkembangan Perubatan, Program Kesihatan Pergigian, Program Perkhidmatan Farmasi, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Bahagian Kejururawatan, pakar psikiatrik, pakar perubatan kesihatan awam dan Unit Integriti.

PERKHIDMATAN KESIHATAN MENTAL BAGI PENINGKATAN AKSES PERKHIDMATAN YANG KOMPREHENSIF DAN BERKUALITI

TALIAN HEAL 15555

HEAL adalah singkatan kepada *Help with Empathy and Love* dan Talian HEAL 15555 merupakan talian bantuan krisis kesihatan mental yang mula beroperasi pada 21 Oktober 2022 dan dikendalikan oleh Pegawai Psikologi (Kaunseling) KKM. Jumlah kumulatif 76,571 panggilan telah direkodkan sehingga 31 Disember 2024. 64% daripada pemanggil telah menerima bantuan sokongan dan emosi manakala 36% telah diberikan intervensi khusus termasuk sebanyak 367 kes tingkah laku bunuh diri dengan 140 kes cubaan bunuh diri yang berjaya diselamatkan dan dirujuk ke hospital melalui pengaktifan MERS 999 serta kerjasama PDRM dan jabatan kecemasan. Trend bilangan panggilan mengikut bulan menunjukkan peningkatan seperti dalam **Rajah 21.1**.



Rajah 21.1 Bilangan Panggilan Talian HEAL 15555 mengikut Bulan

PERKHIDMATAN SARINGAN KESIHATAN MENTAL DI KLINIK KESIHATAN MENERUSI MODUL MYMINDA DALAM APLIKASI MYSEJAHTERA

Pelaksanaan modul MyMinda di dalam aplikasi MySejahtera merupakan kolaborasi NCEMH dengan Bahagian Kesihatan Digital (BKD). Perkhidmatan ini dilancarkan pada 22 Oktober 2023 melibatkan fasiliti kesihatan primer di seluruh negara. Sebanyak 142,923 individu telah membuat saringan melalui MyMinda pada 2024. Usaha mempromosi MyMinda akan dilaksanakan pada 2025 bagi meningkatkan bilangan individu menjalankan saringan dan mendapat maklumat kesihatan mental melalui MyMinda. Bagi tujuan tersebut, sasaran saringan pada 2025 ditetapkan mengikut populasi setiap negeri.

PERKHIDMATAN KESIHATAN MENTAL DAN SOKONGAN PSIKOSOSIAL (MHPSS)

Sekurang-kurangnya satu pasukan MHPSS disediakan di setiap daerah yang berperanan memberikan perkhidmatan saringan, *psychological first aid* (PFA), psiko pendidikan, psikososial dan kaunseling kepada individu yang memerlukan termasuk petugas barisan hadapan semasa krisis dan bencana. Aktiviti MHPSS bagi tahun 2024 seperti dalam **Jadual 21.1**.

Jadual 21.1 Laporan Intervensi Psikososial oleh Pasukan MHPSS mengikut Jenis Bencana Tahun 2024

Jenis Bencana	Bilangan Lokasi Dilawati	Bilangan Petugas MHPSS						Bilangan Individu / Kumpulan yang Menerima Intervensi				Aktiviti MHPSS		
		Pakar Psikiat	Pakar Perubatan Keluarga	Pegawai Perubatan	Pegawai Psikologi	Paramedik	Lain-lain	Orang Awam	Petugas KKM	Petugas Agensi Lain	Sesi Berkumpul	Relaksasi	Ekspresi Seni	Psiko Pendidikan
Banjir	760	8	10	548	249	1,003	635	25,335	406	537	1,006	7,388	4,577	14,401
Tanah Runtuh	1	0	0	1	1	3	0	23	0	0	3	0	0	23
Kebakaran	3	1	0	2	8	4	2	99	1	0	3	95	9	98
Jumlah	764	9	10	551	258	1,010	637	25,457	407	537	1,012	7,483	4,586	14,522

PROGRAM KOMUNITI MINDA SEJAHTERA (K-MindSet)

Program K-MindSet bertujuan memperkasakan penjagaan kesihatan mental dalam kalangan komuniti setempat melalui konsep *task shifting* melibatkan ketua komuniti, pemimpin agama serta individu berpengaruh dan dekat dengan masyarakat. Melaka telah dipilih sebagai projek rintis bagi pelaksanaan program K-MindSet di mana sebanyak 161 ketua komuniti dari tiga (3) Dewan Undangan Negeri (DUN) telah dilatih. Aktiviti utama program K-MindSet bagi tahun 2024 seperti yang berikut:

- Pembangunan Modul Latihan Advokasi Kesedaran dan Kesihatan Mental kepada Ketua Komuniti.
- Kursus *Training of Trainers* (ToT) Advokasi dan Kesedaran Kesihatan Mental kepada Ketua Komuniti yang diadakan pada 7-9 Mei 2024.

KOLABORASI ANTARA AGENSI TAHUN 2024

NCEMH telah berkolaborasi dengan agensi lain seperti yang berikut:

- i. Adaptasi *Modul Helping Adolescent Thrive* (HAT): Komik Mei dan Rakan-Rakan secara kerjasama dengan UNICEF dan WHO. Modul ini digunakan untuk melatih bakal guru dan pelatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh negara.
- ii. Pembangunan Modul Kesihatan Mental dari prespektif dakwah secara kolaborasi dengan Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM).

KAJIAN PENYELIDIKAN BERKAITAN KESIHATAN MENTAL

Penyelidikan berkaitan kesihatan mental merupakan usaha kolaboratif NCEMH dengan penglibatan NIH. Menerusi kerjasama ini, sebanyak 17 kajian telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2021–2023 dan lapan (8) kertas penyelidikan telah diluluskan untuk pelaksanaan pada tahun 2024 seperti **Jadual 21.2**.

Jadual 21.2 Senarai Kertas Penyelidikan Kesihatan Mental 2024

Tajuk Penyelidikan	Penyelidik
<i>Prevalence of self-harm, its associated risk factors and profiles among young patients referred to psychiatry from emergency department of state hospitals in Peninsular Malaysia</i>	Institut Kesihatan Negara (NIH)
<i>The effect of psychoeducational intervention (PEI) in reducing pain, depression, anxiety, and improving quality of life among patients with endometriosis</i>	NIH
<i>Gut microbiome profiles among major depressive disorders (MDD) patients in selected hospital in Klang Valley, Malaysia</i>	NIH
<i>Prevalence of depression among antenatal and postnatal women in Klang Valley Malaysia</i>	NIH
Keberkesanan mesej promosi minda sihat untuk pembudayaan hidup sihat - adaptasi teori nudge dalam behaviour insight (2023-2024) sub-kajian: penilaian kempen 'hentikan stigma terhadap kesihatan mental'	Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK)
<i>Excessive screentime and effect towards mental health among adolescent - nationwide (quantitative)</i>	IPTK
<i>Help-seeking behaviour on mental health among adolescent (IPTK mencadangkan kajian ini disatukan dengan kajian excessive screentime and effect towards mental health among adolescent - nationwide (quantitative)</i>	IPTK
<i>Effects of naltrexone treatment across varied patterns of drug dependence in Malaysia</i>	NIH



GLOSARI

GLOSARI

ABMS	Sistem Pengurusan Anti-Rasuah	ATISA	<i>ASEAN Trade in Services Agreement</i>
ACM	<i>Advanced Clinic Management</i>	ATMPs	<i>Advanced Therapy Medicinal Products</i>
ADSSR	Keselamatan dan Kebergantungan Kendiri Ubat-ubatan ASEAN	ATT	<i>Anti Tetanus Toxoid</i>
AED	<i>Automated External Defibrillator</i>	AUDA- NEPAD	African Union Development Agency
AEMAS	<i>ASEAN Energy Management Scheme</i>	B2C	Perniagaan kepada Pengguna
AFAS	<i>ASEAN Framework Agreement on Services</i>	BA	Bahagian Akaun
AGC	Jabatan Peguam Negara	BAKAS	Program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling
AHC	Kluster Kesihatan ASEAN	BAP	Bahagian Amalan Perubatan
AHMM	Mesyuarat Menteri Kesihatan ASEAN	BBM	Beban Berganda Malpemakanan
AI	Kecerdasan Buatan	BDHA	Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
AIGA	Anugerah Integriti	BeBAs	Premis Bersih, Bebas Asap
AIIA	<i>All India Institute of Ayurveda</i>	BEMS	Perkhidmatan Pengurusan Kejuruteraan Biomedikal
AIRC	Pusat Penyelidikan Alergi & Imunologi	BER	<i>Beyond Economic Repair</i>
AJCCD	<i>ASEAN Joint Coordinating Committee on Dental Practitioners</i>	BeSS	Premis Bersih dan Selamat
AJCCM	<i>ASEAN Joint Coordinating Committee on Medical Practitioners</i>	BFHI	<i>Baby Friendly Hospital Initiative</i>
AJCCN	<i>ASEAN Joint Coordinating Committee on Nursing</i>	BKD	Bahagian Kesihatan Digital
AMM	<i>Academy of Medicine Malaysia</i>	BKj	Bahagian Kejururawatan
AMR	<i>Antimicrobial Resistance</i>	BKKM	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
AMS	<i>Antimicrobial Stewardship</i>	BKP	Bahagian Kawalan Penyakit
ANMS	Agenda Nasional Malaysia Sihat	BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
APC	Perakuan Amalan Tahunan	BKRP	Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
APC	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	BLESS	<i>Business Licensing Electronic Support System</i>
APEL (C)	<i>Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award</i>	BLS	<i>Basic Life Support</i>
APEQ	Aplikasi Pemantauan EQA	BMSS	Bulan Malaysia Sihat Sejahtera
APN	Anugerah Pembangunan Negara	BOR	Kadar Penggunaan Katil
APPL	<i>Approved Products Purchase List</i>	BPE	<i>Benign Prostatic Enlargement</i>
AR	<i>Action Research</i>	BPK	Bahagian Pembangunan Kompetensi
ARISE	<i>ARO Alliance for Southeast & East Asia</i>	BPK	Bahagian Pendidikan Kesihatan
ARV	<i>Antiretroviral</i>	BPKA	Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
ASD	<i>Autism Spectrum Disorder</i>	BPKj	Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>	BPKK	Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
ASEAN EOC Network	<i>Association of Southeast Asian Nations Emergency Operations Centre Network</i>	BPL	Bahagian Pengurusan Latihan
ASO	<i>Audit Surveilans Optik</i>	BPM	Bahagian Pengurusan Maklumat
ASPERA	Aspirasi Pemakanan Rakyat	BPP	Bahagian Perkembangan Perubatan
ATAB	Aset Tak Alih Bangunan	BPPs	Bahagian Perolehan & Penswastaan
ATAT	Aset Tak Alih Tanah	BPR	<i>Business Process Reengineering</i>

BPTK	Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari	CKPP	Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
BSKB	Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu	CLS	Perkhidmatan Pembersihan
BSM	Bahagian Sumber Manusia	CME	<i>Continuing Medical Education</i>
BTM	Mesyuarat Teknikal Dua Hala	CNE	<i>Continuous Nursing Education</i>
BTP	<i>Biomedical Technical Personnel</i>	CoE	<i>Centre of Excellence</i>
C&P	<i>Credentialing and Privileging</i>	COED	Pusat Pembangunan Strategik Kecemerlangan Organisasi Kesihatan
CAB	<i>Cognitive Affective & Behaviour</i>	COGS	<i>Certificate of Good Standing</i>
CAC47	<i>Codex Alimentarius Commission Ke-47</i>	COMBI	Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku
CACMS	<i>Chinese Academy of Chinese Medical Sciences</i>	COPPA	<i>Code of Practice for Programme Accreditation</i>
CAD	Cawangan Audit Dalam	CPC	<i>Certified Professional Coach</i>
CaRC	Pusat Penyelidikan Kanser	CPD	<i>Continuing Professional Development</i>
CBBP	Cuti Belajar Bergaji Penuh	CPE	<i>Continuing Professional Education</i>
CBC	<i>Coloured Brain Communication</i>	CPG	<i>Clinical Practice Guidelines</i>
CBCT	<i>Cone Beam Computed Tomography</i>	CPP	Cawangan Perundangan Perubatan
CBE	Pemeriksaan Klinikal Payudara	CPPP	Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan
CBRNe	Kejadian Kimia, Biologi, Radiologi, Nuklear dan Bahan Letupan	CPPPP	Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan
CCFO	<i>Codex Committee on Fats and Oils</i>	CPRC	<i>Crisis Preparedness and Response Centre</i>
CCG	<i>Country-Core Group</i>	CRC	Pusat Penyelidikan Klinikal
CCGD	Pusat Pembangunan Tadbir Urus Klinikal	CRM	<i>Clinical Research Malaysia</i>
CCMS	<i>Cloud-based Clinic Management System</i>	CRO	<i>Contract Research Organisation</i>
CCRN	Pusat Koordinasi Rangkaian Penyelidikan Klinikal	CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
CCS	<i>Country Cooperation Strategy</i>	CSSU	Unit Bekalan Bahan Steril
CCTV	Sistem Kamera Litar Tertutup	CTA	Perjanjian Kajian Klinikal
CDC	<i>Centers for Disease Control and Prevention</i>	CUHK	<i>Chinese University of Hong Kong</i>
CDR	Kadar Kematian Kasar	DAP&E	<i>Diploma in Applied Parasitology and Entomology</i>
CenSSIS	<i>Central Sterile Supply Services Information System</i>	DDMS	<i>Digital Document Management System</i>
CFR	Kadar Kes Kematian	DHSP	<i>Differentiated HIV Services for Key Populations</i>
CHeER	Pusat Penyelidikan Ekonomi Kesihatan	DIA	<i>Drug Information Association</i>
CHER	Pusat Penyelidikan Ekuiti Kesihatan	DIS	<i>Dental Information System</i>
CHMM36	Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan Komanwel Ke-36	DLKK	Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan
CHOR	Pusat Penyelidikan Hasil Kesihatan	DM	Diabetes Mellitus
CHPR	Pusat Penyelidikan Polisi Kesihatan	DMM	<i>Diploma in Medical Microbiology</i>
CHQR	Pusat Penyelidikan Kualiti Kesihatan	DNDi	<i>Drugs for Neglected Diseases Initiative</i>
CHSR	Pusat Penyelidikan Perkhidmatan Kesihatan	DOSH	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
CI	<i>Clinical Instructor</i>	DPA	Daftar Premis Aset
CKAPS	Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta	DR	Dewan Rakyat
		DRL	<i>Diagnostic Reference Levels</i>

DT	Diphtheria dan Tetanus	FTX	Field Training Exercise
DTS	Depoh Tahanan Sementara	FUKKM	Formulari Ubat KKM
DUN	Dewan Undangan Negeri	FWBD	Penyakit Bawaan Makanan dan Air
e-LATS	Sistem Rekod Latihan Hospital Selayang	FWMES	Perkhidmatan Pengawasan dan Penyeliaan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing
EH	Extended Hour	G2D	Kecacatan Gred 2
EHRA	Environmental Health Risk Assessment	G2G	Kerajaan dengan Kerajaan
EHRC	Pusat Penyelidikan Kesihatan Alam Sekitar	GAC	Global Affairs Canada
EHRI	Environmental Health Risk Inventory	GATS	Global Adult Tobacco Survey
EI	Penyiasatan Entomologi	GDM	Gestational Diabetes Mellitus
EIA	Environmental Impact Assessment	GeCares	Penjagaan Bersepadu untuk Warga Emas
EKSA	Ekosistem Kondusif Sektor Awam	GIS	Geographic Information Systems
EM HIS	Enterprise Management	GLAAS	The UN-WATER Global Analysis and Assessment of Sanitation and Drinking-Water
EMGS	Energy Management Gold Standard	GMEC	Jawatankuasa Governans Pemantauan & Penilaian
EMR	Rekod Perubatan Elektronik	GMP	Good Manufacturing Practice
EMTCT	Elimination of Mother-to-Child Transmission	GP	Klinik Perubatan Swasta
eNCDC	Sistem Elektronik Pusat Kawalan Penyakit Negara	GRP	Amalan Baik Peraturan
EnPHC	Enhanced Primary Healthcare	GSCF	Global Self-Care Federation
EORTC	European Organization for Research & Treatment of Cancer	H.E.A.R.T.	Healthcare Equity for Affordable and Rapid Treatment
eP	ePerolehan	H.E.A.R.T.S.	House Officer Encouragement and Reassurance Through Sharing & Support
ePlacement	Sistem Pemilihan Penempatan Pegawai Perubatan Pergigian dan Farmasi	HA	Health Accounts
EPO	Erythropoietin	HACCP	Hazard Analysis Critical Control Point
EQA	Program Jaminan Kualiti Luaran	HAT	Helping Adolescent Thrive
ERL	Express Rail Link	HCD	Permintaan Jagaan Kesihatan
ESG	Environmental, Social and Governance	HCL	Healthier Choice Logo
ESP	Electronic Service Provider	HEAL	Healthcare Excellence and Leadership Programme
eTAMS	Sistem Kehadiran Berkomputer	HIE	Health Information Exchange
EVALI	E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury	HIE-VC	Health Information Exchange - Virtual Clinic
EX COMSEC	Latih Amal Keselamatan Menyeluruh	HIS	Sistem Maklumat Hospital
FAO	Food and Agriculture Organisation	HLP	Hadiah Latihan Persekutuan
FDI	International Dental Federation	HMI	Hospital Mesra Ibadah
FEMS	Perkhidmatan Pengurusan Kejuruteraan Fasiliti	HMRC	Pusat Penyelidikan Perubatan Herba
FGD	Focus Group Discussion	HPT	Hypertension
FIH	First-in-Human	HPV	Human Papillomavirus
FMR	Kumuran Mulut Berfluorida	HRH	Human Resource for Health
FMS	Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti	HRM	Human Resource Module
FOMEMA	Perkhidmatan Penyeliaan dan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing	HRMIS	Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia
FrIS	Sistem Maklumat Forensik		

HRPB	Hospital Raja Permaisuri Bainun	INTOSAI	<i>The International Organisation of Supreme Audit Institutions</i>
HSA	<i>Health Sciences Authority</i>	INTRACOM	<i>International Conference on Traditional and Complementary Medicine</i>
HSIS	Hospital Sultan Idris Shah	IP	Kertas Siasatan
HSOP	Program Penyumberluaran Perkhidmatan Hospital	IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
HSOS	<i>Hospital Services Outsourcing System</i>	IPKKM	Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia
HTA	Penilaian Teknologi Kesihatan	IPT	Institut Pengajian Tinggi
HWMS	Perkhidmatan Pengurusan Sisa Kesihatan	IPTK	Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan
IADR	<i>International Association for Dental Research</i>	IPTS	Universiti Swasta
IAEA	Agensi Tenaga Atom Antarabangsa	IR	<i>Implementation Science and Research</i>
IBR	Ikrar Bebas Rasuah	IRB	Lembaga Penilaian Institusi
IBS	<i>Industrialised Building System</i>	ISMS	Standard Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat
ICD	<i>WHO International Classification of Diseases</i>	ISN	Institut Sukan Negara
ICR	Institut Penyelidikan Klinikal	ISR	<i>Industry-Sponsored Research</i>
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	IT	Teknologi Maklumat
IDFR	Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri	ITMCTR	<i>International Traditional Medicine Clinical Trial Registry</i>
IDRC	Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit	JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
IFitEr	<i>I Fit Eat Right</i>	JAMPM	Jawatankuasa Audit MPM
IFSTC	<i>International Food Safety Training Centre</i>	JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
iGFMAS	<i>Government Financial Management Accounting System</i>	JAS	Jabatan Alam Sekitar
iGG	IKON GIGI	JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
IHM	Institut Pengurusan Kesihatan	JDN	Jabatan Digital Negara
IHR	Peraturan Kesihatan Antarabangsa	JDPKK	Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan
IHR-PVS	<i>International Health Regulation - Performances of Veterinary Services</i>	JEE	Penilaian Luar Bersama
IHSR	Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan	JKAM	Jawatankuasa Analisis Makanan
IIM	Institut Integriti Malaysia	JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
IIR	<i>Investigator-Initiated Research</i>	JKMMBBM	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah BBM
IJN	Institut Jantung Negara	JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
IKH	Inventori Kesejahteraan Holistik	JKPAK	Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan
IKN	Institut Kanser Negara	JKPPT	Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah
IKU	Institut Kesihatan Umum	JKR	Jabatan Kerja Raya
ILD	Institut Kepimpinan dan Pembangunan	JKWPKL&P	Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
ILKKM	Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia	JLN	<i>Joint Learning Network</i>
IMDEC	<i>Medical Device Exhibition and Conference</i>	JM	Jururawat Masyarakat
IMR	Kadar Kematian Bayi	JMP	<i>Joint Monitoring Programme for Water Supply Sanitation and Hygiene</i>
IMR	Institut Penyelidikan Perubatan		
INB	<i>Intergovernmental Negotiating Body</i>		
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara		

JMSNC	<i>Joint Malaysia-Singapore Nursing Conference</i>	KPS	Kadar Pusingan Stok
JoHM	<i>Journal of Health Management</i>	KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam	KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia
JPICT	Jawatankuasa Pemandu ICT	KSMM	Kerangka Strategik Malaysia MADANI
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan	KSU	Ketua Setiausaha
JPM	Jabatan Perdana Menteri	KUA	<i>Know Your Medicines Programme</i>
JPP	Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan	KWAP	Kumpulan Wang Persaraan
JPP-NIH	Jawatankuasa Penilaian Penyelidikan Institut Kesihatan Negara	KWKK	Kompleks Wanita Kanak-Kanak dan Kardiologi
JPV	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	LAJPPI	Lajnah Pengawalseliaan Pengubatan Islam
JTB	Jawatankuasa Teknikal Bersama	LBM	Lembaga Bidan Malaysia
JTBPK	Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Kesihatan	LCOE	<i>Lean Center of Excellence</i>
JTMP	Juruteknologi Makmal Perubatan	LCP	<i>Letter of Credentialing and Privileging</i>
JTPK	Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian	LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan
JTWA	Jururawat Terlatih Warganegara Asing	LF	Filariasis Limfatik
KBS	Kementerian Belia dan Sukan Malaysia	LINAC	<i>Linear Accelerator</i>
KD	Klinik Desa	LJM	Lembaga Jururawat Malaysia
KDN	Kementerian Dalam Negeri Malaysia	LJPM	Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar	LLS	Perkhidmatan Linen dan Dobi
KE	Kementerian Ekonomi Malaysia	LNPT	Laporan Penilaian Prestasi Tahunan
KESUMA	Kementerian Sumber Manusia Malaysia	LPKKM	Lembaga Perolehan Kementerian Kesihatan Malaysia
KIK	Kumpulan Inovasi dan Kreatif	LPM	Latihan Pengendali Makanan
KJH	Karnival Jom Heboh TV3	LTAT	<i>Laboratory Turnaround Time</i>
KK	Klinik Kesihatan	MA63	Perjanjian Malaysia 1963
KKIA	Klinik Kesihatan Ibu dan Anak	MACA	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia	MADPHS	Persatuan Pakar Kesihatan Awam Pergigian Malaysia
KKom	Klinik Komuniti	MAFSA	Persatuan Keselamatan Makanan Malaysia
KKP	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	MaHTAS	Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan
KKV1	Hospital Kluster Lembah Klang Satu	MARA	Majlis Amanah Rakyat
KLCC	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur	MaTiC	<i>Malaysia Tourism Centre</i>
KMAM	Program Kawalan Mutu Air Minum	MBS	<i>Melbourne Business School</i>
KOL	Key Opinion Leader	MCAM	Bulan Kesedaran Kanser Mulut
KPI	Petunjuk Prestasi Utama	MCO	Organisasi Jagaan Yang Diurus
KPJKS	Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta	MCP	<i>Program Micro-credential</i>
KPK	Ketua Pengarah Kesihatan	MDA	Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia	MDA SCATE	<i>Malaysian Dental Association Scientific Convention and Trade Exhibition</i>
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia	MDC	Majlis Pergigian Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia		
KPPA	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam		

MDCT	<i>Multidetector Computed Tomography</i>	MoU	Memorandum Persefahaman
MDD	<i>Major Depressive Disorders</i>	MPG	Perbadanan Produktiviti Malaysia
MDS	Minimum Data Set	MPIS	<i>Medical Programme Information System</i>
MEC	<i>Medical Education Committee</i>	MPKBM	Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia
MEET	<i>Medical Equipment Enhancement Tenure</i>	MPM	Majlis Perubatan Malaysia
MeMoSA	<i>Mobile Mouth Screening Everywhere</i>	MPPKM	Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental
MENTARI	Pusat Kesihatan Mental Masyarakat	MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MeRITS	<i>Medical Register Information and Technical System</i>	MQT	<i>Ministerial Question Time</i>
MGVI	Institut Genom dan Vaksin Malaysia	MRA	<i>Mutual Recognition Arrangement</i>
MHFL	Senarai Induk Fasiliti Kesihatan Malaysia	MREC	Jawatankuasa Penyelidikan dan Etika Perubatan
MHLS	Tinjauan Literasi Kesihatan Malaysia	MRI	<i>Magnetic Resonance Imaging</i>
MHPS	<i>Malaysian Healthcare Practitioners' System</i>	MSF	<i>Médecins Sans Frontières</i>
MHPSS	<i>Mental Health and Psychosocial Support</i>	MSOHD	<i>Malaysian Society of Occupational Health Doctors</i>
MHTC	Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia	MSU	<i>Management Science University</i>
MHX	<i>Malaysia Healthcare Expo</i>	MTL	Monsun Timur Laut
MIH	<i>Malaysia International Healthcare</i>	MTO	Penghantaran Barangan Import
MINDEF	Kementerian Pertahanan Malaysia	MTPK	Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian
MIROS	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia	MTPN	Majlis Tindakan Pembangunan Negara
MITI	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia	MyACPP	<i>Malaysia Advanced Clinical Pharmacy Programme</i>
MJA	Mesin Jual Air	MyHDW	<i>Malaysian Health Data Warehouse</i>
MKA	Makmal Kesihatan Awam	MyMediSAFE	Inisiatif Pelupusan Ubat-ubatan dalam Simpanan Pesakit Demi Kelestarian Alam Sekitar
MKAK	Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan	MyNAPHS	Pelan Tindakan Sekuriti Kesihatan Kebangsaan
MKHU	Mekanisme Ketelusan Harga Ubat	MyPRICISE	<i>Malaysian Prioritisation of Vaccine Selection</i>
MKKM	Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan	MyPsyd	Profiling Digital Kesihatan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Awam
MKMPK	Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan	MySAVE	<i>Malaysian Suicide Awareness Voice of Hope</i>
MMPA	Malaysia Madani Perkhidmatan Awam	MySED	<i>Malaysia Strategy for Emerging Diseases and Public Health Emergencies</i>
MMR	Nisbah Kematian Ibu Bersalin	NACBE	<i>National Advisory Council for Biomedical Engineering</i>
MNHA	Malaysia National Health Accounts	NAHRIM	Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia
MoA	Memorandum Persetujuan	NATCM	<i>National Administration of Traditional Chinese Medicine</i>
MOC	Majlis Optik Malaysia	NCC	<i>National Credentialing Committee</i>
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia	NCC	<i>National Cancer Centre Japan</i>
MOH-AMM	Kementerian Kesihatan - Akademi Perubatan Malaysia		
MOHEC	Konvensyen Kejuruteraan Kementerian Kesihatan Malaysia		
MONASH	Universiti MONASH Malaysia		
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia		

NCCFN	<i>National Coordinating Committee on Food and Nutrition</i>	NPGRP	Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan
NCD	Penyakit Tidak Berjangkit	NPQH	Dasar Kualiti Penjagaan Kesihatan Kebangsaan
NCEMH	Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan	NPRA	Agensi Regulatori Farmaseutikal Kebangsaan
NCFS	Pusat Keselamatan Makanan Negara	NRES	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Malaysia
NCORT	<i>National Committee on Resuscitation Training</i>	NSFIRM	<i>National Suicide and Fatal Injury Registry Malaysia</i>
NCS	<i>National Circumcision Symposium</i>	NSP	Pelan Strategik Kebangsaan
NCSM	Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia	NSP-NCD	<i>National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases</i>
NEHAP	<i>National Environmental Health Action Plan</i>	NSR	<i>National Specialist Register of Malaysia</i>
NEOCX	<i>National Emergency Operation Centre Simulation Exercise</i>	NTUH	<i>National Taiwan University Hospital</i>
NERCIM	<i>Network of Ethics Committees in Malaysia</i>	NUH	Hospital Universiti Nasional
NFP	<i>National Focal Point</i>	NVI	Tanpa Intervensi Veterinar
NGO	Badan Bukan Kerajaan	O&G	Obstetrik & Ginekologi
NHA	<i>National Health Accounts</i>	O&M	Operasi dan Penyelenggaraan
NHDS	<i>National Health Demand & Supply Survey</i>	OAHS	Tinjauan Kesihatan Orang Asli
NHF	<i>National Health Financing</i>	OASS	Agenda Orang Asli Sihat Sejahtera
NHMS	Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi	ODHA	Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS
NHSA	<i>National Healthcare Security Administration</i>	ODL	<i>Open and Distance Learning</i>
NHSI	Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan	OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
NIA	<i>National Indicator Approach</i>	OGA	Ops Gempur Aedes
NIES	Institut Kajian Alam Sekitar Negara	OHD	Doktor Kesihatan Pekerjaan
NIH	Institut Kesihatan Negara	OHS	<i>Online Health Services</i>
NIOSH	<i>National Institute for Occupational Safety and Health</i>	OIC	<i>Organisation of Islamic Cooperation</i>
NIP	Program Imunisasi Kebangsaan	OJS	<i>Open Journal System</i>
NIP	Panel Maklumat Pemakanan	OKU	Orang Kurang Upaya
NLSP	Pelan Strategik Makmal Kebangsaan	OMFS	Bedah Mulut dan Maksilofasial
NMCRC	Pusat Penyelidikan Pemakanan Metabolisme & Kardiovaskular	OOP	Perbelanjaan Wang Saku untuk Kesihatan
NMR	Kadar Kematian Neonatal	OPFA	<i>Occupational Psychological First Aid</i>
NNA	<i>National Nursing Audit</i>	OPG	Orthopantomogram
NNIA	<i>National Nursing Indicator Approach</i>	OPMDs	<i>Oral Potentially Malignant Disorders</i>
NOHRI	<i>National Oral Health Research Initiative</i>	OSA	<i>Obstructive Sleep Apnea</i>
NOHSP	Pelan Strategik Kesihatan Pergigian Kebangsaan	P1RP	Projek Realisasi Fasa 1
NORNA	<i>National Operating Room Nursing Audit</i>	PACS	<i>Picture Archiving and Communication System</i>
NPANM	Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia	PACU	Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi
		PAOM	Pertubuhan Akademi Optometri Malaysia
		PBKD	Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
		PBOA	Pasukan Bergerak Orang Asli

PBSM	Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia	PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan	PKP	Program Kesihatan Pergigian
PBTT	Pihak Berkuasa Tatatertib	PKPA	Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam
PD	<i>Protocol Deviation</i>	PMA	Pintu Masuk Antarabangsa
PDK	Pegawai Diberi Kuasa	PMR	Program MADANI Rakyat
PDK	Pemulihan dalam Komuniti	PNK	Pendapatan Negara Kasar
PDN	Pusat Darah Negara	PoC	<i>Proof of Concept</i>
PDPK	Perancangan Dasar dan Pelan Kesihatan	POE	Penilaian Kepenggunaan Ruang
PDRM	Polis Diraja Malaysia	PP	Polipropilena
PDU	Pasukan Doktor Udara	PPD	Perkhidmatan Perawatan Domisiliari
PEFLK	Program Eliminasi Filariasis Limfatik Kebangsaan	PPH	Postpartum Haemorrhage
PEI	<i>Psychoeducational Intervention</i>	PPKHT	Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau
PEKA	Perlindungan Kesihatan Alam Sekitar	PPKIK	Pusat Penyelidikan Komunikasi dan Informatik Kesihatan
PeKa B40	Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40	PPKK	Panel Penasihat Klinik Kesihatan
PFA	<i>Psychological First Aid</i>	PPP	Penolong Pegawai Perubatan
PFI	Inisiatif Pembiayaan Swasta	PPP	Kerjasama Awam Swasta
PFK	Perancangan Fasiliti Kesihatan	PPPB	Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar
PG Dental	Program Pascasiswazah Pergigian	PPS	Pegawai Perubatan Siswazah
PGA	Pasukan Gerakan Am	PPS	Penolong Pegawai Sains
PhAMA	<i>Pharmaceutical Association of Malaysia</i>	PPS-HPU	Pusat Perubatan Swasta di bawah Hospital Pengajar Universiti
PHC	<i>Primary Healthcare</i>	PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
PHCorp	ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.	PPTPA	Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam
PHEOC	Pusat Operasi Kecemasan Kesihatan Awam	PPUM	Pusat Perubatan Universiti Malaya
PHM	ProtectHealth Malaysia	PPW	Program Penempatan Wajib
PHSSM	Penyediaan Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat	PQA	<i>Professional Qualifying Assessment</i>
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru	PQE	<i>Professional Qualifying Examination</i>
PIC/S	<i>Pharmaceutical Inspection Co-operation Scheme</i>	PrEP	<i>Pre-Exposure Prophylaxis</i>
PICC	Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya	PRiSMA	<i>Pharmacist Registration Management System</i>
PICK	Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan	PRO	Pegawai Perhubungan Awam
PIK	Pusat Informatik Kesihatan	ProKEM	Program Keselamatan Makanan
PJH	Pusat Jagaan Harian	PROSIS	Program Siswa Sihat
PKB	Profesion Kesihatan Bersekutu	PSH	Perkhidmatan Sokongan Hospital
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah	PSK	Perkhidmatan Sokongan Klinik
PKK	Penyata Kewangan Kementerian	PSS	Putrajaya Sihat Sejahtera
PKKM	Program Keselamatan dan Kualiti Makanan	PT&K	Perubatan Tradisional dan Komplementari
PKMR	Perkhidmatan Kesihatan Mesra Remaja	PTC	Perubatan Tradisional Cina
		PTI	Perubatan Tradisional India
		PTJ	Pusat Tanggungjawab

PTPKWE	Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas	SIGMA	Unit Tadbir Urus dan Pengurusan Strategik
PUU	Pejabat Penasihat Undang-Undang	SIP	Sektor Inspektorat & Perundangan
QA	<i>Quality Assurance</i>	SIS	Survelan Kecederaan Disebabkan Tusukan Alatan Tajam
QAP	<i>Quality Assurance Programme</i>	SISPAA	Sistem Pengurusan Aduan Awam
R&D	Penyelidikan dan Pembangunan	SJAM	St. John Ambulans Malaysia
R&R	Rehat dan Rawat	SKPPI	Sektor Kesihatan Persekitaran dan Perubahan Iklim
RAT	<i>Rapid Assessment Team</i>	SKU	Sasaran Kerja Utama
RBAR	Rumah Bebas Asap Rokok	SLC	<i>Selangor Life Science Convention</i>
REACTA	<i>Regional Asian Clinical Trial Association</i>	SME	<i>Subject Matter Expert</i>
RegLab	<i>OHS Regulatory Lab</i>	SMO	<i>Site Management Organisation</i>
RFP	<i>Request for Proposal</i>	SMRP	Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan
RIA	<i>Regulatory Impact Analysis</i>	SOP	Prosedur Operasi Standard
RIS	<i>Regulatory Impact Statement</i>	SP	Program Lestari
RIS@KKM	<i>Radiology Information System</i>	SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
RMK12	Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025	SPFP	Sistem Pengurusan Fail Peribadi
RMK13	Rancangan Malaysia Ketiga Belas 2026-2030	SPIKPA	Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing
RNKL	Rakan Nasihat Komuniti Lapangan	SPK	Sistem Pengurusan Kualiti
RP3	<i>Rolling Plan 3</i>	SPM	Skim Perubatan Madani
RP4	<i>Rolling Plan 4</i>	SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
RPHL	<i>Regional Public Health Laboratory</i>	SR	Penyelidikan Ditaja
RRT	<i>Rapid Response Team</i>	SRC	Pusat Sumber Khas
SAE	<i>Serious Adverse Events</i>	SRH	Kesihatan Seksual dan Reproduksi
SBDR	Sektor Biostatistik dan Repositori Data	SSE	Sepanggar Simulation Exercise
SC	<i>Study Coordinators</i>	SSM	Sistem Saraan Malaysia
SCRI	<i>Singapore Clinical Research Institute</i>	SSMP	Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan
SDC	Pusat Diagnostik Khas	SSPA	Sistem Saraan Perkhidmatan Awam
SDGs	<i>Sustainable Development Goals</i>	SSR	<i>Specialty Specific Requirement</i>
SDH	Elemen Penentu Sosial Kesihatan	SWCorp	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
SEAMEO	<i>Southeast Asia Ministers of Education Organisation</i>	T&C	<i>Testing And Commissioning</i>
SEATCA	<i>Southeast Asia Tobacco Control Alliance</i>	T2DM	Diabetes Mellitus Jenis 2
SEHAP	<i>State Environmental Health Action Plan</i>	TAC	<i>Technical Advisory Committee</i>
SEP	Sektor Entomologi dan Pest	TAMO	Pertubuhan Penolong Pegawai Perubatan Terengganu
SEPP	Sektor Etika dan Pengawasan Penyelidikan	TB	Tuberculosis
SHHARP	<i>Self Harm Hospital Acquired Reporting Project</i>	TBP	Tabung Bantuan Perubatan

Tdap	Tetanus-Difteria-Pertussis	UKK	Ubat Kelulusan Khas
TDP	Program Pembangunan Bakat	UKK	Unit Komunikasi Korporat
TEH	Jumlah Perbelanjaan Kesihatan Negara	UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
TGP	<i>Talent Grooming Programme</i>	UKU	Unit Kualiti Udara
THSTI	<i>Translational Health Science and Technology Institute</i>	UM3	Pembekalan Ubat Susulan Melalui Pihak Ketiga
TKPK (K&KM)	Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)	UMP	Ubat Melalui Pos
TKPK (KA)	Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)	UNEP	<i>United Nations Environment Programme</i>
TKPK (KP)	Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)	UNICEF	<i>United Nations Children's Fund</i>
TKPK (P)	Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)	UPA	Unit Pencemaran Air
TKPK (P&ST)	Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)	UPC	<i>Unified Public Consultation</i>
TKSU (K)	Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)	USABC	<i>US-Asean Business Council</i>
TKSU (P)	Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)	UTAR	Universiti Tunku Abdul Rahman
TOBaTS	Tolak Ubat Tidak Sah	VAE	<i>Value at Entry</i>
TOR	Terma Rujukan	VAS	Perkhidmatan Nilai Tambah
ToT	<i>Training of Trainers</i>	VBHC	<i>Value-Based Healthcare</i>
TPC	Perakuan Amalan Sementara	VI	Intervensi Veterinar
TPC-OHCIS	<i>Teleprimary Care-Oral Health Clinical Information System</i>	VLDS	<i>Virtual Library Services</i>
TPT	Rawatan Pencegahan Tuberkulosis	VMS	Sistem Pengurusan Pelawat
TSA	<i>Technical Specification Adhere</i>	WAAW	<i>World Antimicrobial Resistance Awareness Week</i>
TTT	<i>Train the Trainer</i>	WASH	<i>Water, Sanitation and Hygiene</i>
TWG	<i>Technical Working Group</i>	WCC	Kongres Kanser Sedunia
U5MR	Kadar Kematian Bawah 5 Tahun	WH	<i>Wellness Hub</i>
UA	Universiti Awam	WHA	Perhimpunan Kesihatan Sedunia
UAE	Emiriah Arab Bersatu	WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
UFMG	Universidade Federal De Minas Gerais	WHO-WPRO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia - Pejabat Rantau Asia Pasifik Barat
UHC	Liputan Kesihatan Sejagat	WOAH	<i>World Organisation for Animal Health</i>
UiTM	Universiti Teknologi MARA	WoPAD	<i>World Physical Activity Day</i>
UKI	Unit Kolaborasi dan Inovasi	WoW	<i>Wellness on Wheels</i>
		WP	Wilayah Persekutuan
		YA	Tahun Taksiran
		YADIM	Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia

JAWATANKUASA EDITORIAL

KETUA PENYUNTING

Dr. Noriza binti Abdullah
Dr. Mohd Hafiz bin Ab Gani
Dr. Ahmad Aqram bin Rusli

PENYUNTING

Dr. Nur Mastura binti Aliyasaa'
Cik Nor Syafika Ilyanie binti Zakaria

PENYUNTING DALAMAN

Dr. Shahidah Adilah binti Shith
Dr. Mohamad Fadli bin Kharie
En. Zuraidy bin Zainal Abidin
Dr. Zulhairi bin Mohamad
Dr. Ismat binti Mohd. Sulaiman
Dr. Fatin Amirah binti Zainutdin
Pn. Sabariah binti Salim
Cik Syahron Helmy binti Abdullah Halim
Dr. Hammad Fahli bin Sidek
Dr. Ahmad Soufi bin Ahmad Fuad
Pn. Maizatil Elina binti Abdul Hamid
Dr. Mohammad Naufal bin Nordin
Dr. Erwyn Ooi Chin Wei
Pn. Suzani binti Mohd Bungsu
Pn. Nurulhuda binti Ramlan
Ts. Dr. Mimi Nurakmal binti Mustapa
En. Adlin Maryadi bin Ab Hadi
En. Azman bin Ahmad
Pn. Rosmiyawati binti Anwar
Pn. Haina@Norwizana binti Isa
Pn. Siew Kean
Pn. Salina binti Shafii
Pn. Siti Aminah binti Mohamad Salleh

PENYUNTING LUARAN

Dr. Wan Ahmad Syazani bin Mohamed
Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)
En. Affandi bin Omar
Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)
Dr. Ahmad Ibrahim bin Mohd Azaman
Pejabat Transformasi Kesihatan (HTO)
En. Firdaus bin Mohd Idris
Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Blok E1, E3, E6, E7 & E10, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tel.: 03-80008000 | www.moh.gov.my

